

**PRINSIP ETIKA KERJA ISLAM MENURUT AL-QURAN DAN
AL-SUNNAH: SATU PENILAIAN TERHADAP KARYA PENULIS
ETIKA KERJA ISLAM DI MALAYSIA**

MOHAMAD KHADAFI HJ ROFIE

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2015**

Kebenaran Penggunaan Tesis

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi keperluan Ijazah tinggi daripada Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti Utara Malaysia membenarkan tesis ini dibaca. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk menyalin tesis ini dalam apa jua bentuk, sama ada secara keseluruhannya atau bahagian-bahagian tertentu untuk tujuan ilmiah diberikan oleh mana-mana penyelia saya atau Dekan Penyelidikan dan Inovasi. Adalah difahami bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau penggunaan tesis ini atau mana-mana bahagiannya untuk tujuan mendapatkan keuntungan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Adalah difahami juga bahawa pengiktirafan hendaklah diberikan kepada asalnya dan Universiti Utara Malaysia di atas penggunaan bahagian-bahagian daripada tesis ini tidak boleh diterbitkan, disimpan dalam cara boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara baik dengan elektronik, mekanik, pengambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa izin terlebih dahulu daripada:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Art and Sciences
UUM College of Art and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman

Abstrak

Islam telah menggariskan prinsip etika kerja yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Namun begitu, terdapat permasalahan dalam kalangan penulis etika kerja Islam di Malaysia daripada segi prinsip serta bilangan prinsip dan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah berkaitan dengan etika kerja Islam. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti prinsip etika kerja Islam dalam karya etika kerja Islam di Malaysia melalui tiga objektif iaitu mengenal pasti prinsip-prinsip etika kerja dalam al-Quran dan al-Sunnah, menganalisis prinsip-prinsip etika kerja Islam dan dalil yang digunakan oleh penulis karya etika kerja Islam dan merumuskan keselarasan antara prinsip etika kerja Islam yang digunakan oleh penulis etika kerja Islam di Malaysia dengan etika kerja Islam yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kaedah yang digunakan adalah analisis kandungan. Data yang dikumpul dianalisis dengan analisis tema. Hasil kajian mendapati terdapat lapan (8) prinsip etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah iaitu *Taqwa*, *Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Ma'ruf* dan *Itqan*. Terdapat 35 prinsip etika kerja Islam beserta dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah dalam karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Hasil kajian juga mendapati etika kerja Islam yang dinyatakan oleh para penulis di Malaysia selaras dengan prinsip daripada al-Quran dan al-Sunnah. Hasil kajian ini menyumbang kepada kajian-kajian lepas berkaitan etika kerja menurut al-Quran dan al-Sunnah. Berdasarkan hasil kajian, cadangan menjadikan etika kerja Islam sebagai suatu yang penting dalam pembangunan kerjaya masyarakat Islam dikemukakan.

Kata kunci: Etika kerja Islam, Al-Quran, Al-Sunnah.

Abstract

Islam has laid down the principles of work ethics based on the al-Quran and al-Sunnah. However, there are concerns among the Islamic work ethic writers in Malaysia in terms of principles and number of principles and arguments in al-Quran and al-Sunnah Islam related to work ethics. Therefore, this study was undertaken to examine the principles of Islamic work ethics in the Islamic literatures in Malaysia through three objectives, namely to identify the Islamic work ethics principles in al-Quran and al-Sunnah, analyse the principles of Islamic work ethics and arguments used by scholars of the literatures and also summarize the harmonization of the principles of Islamic work ethics used by the scholars in the Islamic work ethics in Malaysia with the Islamic work ethics found in the al-Quran and al-Sunnah. The method used is content analysis. Data were analyzed using thematic analysis. The study found that there are eight (8) principles of work ethics in Islam according to the al-Quran and al-Sunnah, which is *Taqwa, 'Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Ihsan, Masuliyah, Ma'ruf and Itqan*. There are 35 principles of Islamic work ethics along with the arguments from al-Quran and al-Sunnah from the Islamic work ethic scholars in Malaysia. The study also found that the Islamic work ethics expressed by the scholars are in accordance with the principles of the al-Quran and al-Sunnah. The results of this study contribute to previous studies related to work ethics according to al-Quran and al-Sunnah. Based on the findings, recommendation for making Islamic work ethics as an important element of in the Islamic community career development is proposed.

Keywords: Islamic work ethics, Al-Quran, Al-Sunnah

Penghargaan

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya serta berkat usaha, kesabaran dan keredhaan yang diberikanNya tesis ini dapat disempurnakan jua dalam tempoh masa yang ditetapkan sebagai memenuhi syarat pengijazahan program (Pengajian Islam). Penghargaan yang tidak terkira saya ucapkan kepada dua penyelia saya iaitu Professor Madya Dr. Shukri Ahmad dan Professor Dr Abdullah Abd Ghani kerana telah memberikan tunjuk ajar yang tidak ternilai dan tidak jemu-jemu melayan saya dalam menyiapkan tesis kedoktoran ini. Begitu juga dengan dua penilai tesis ini iaitu Professor Dr Muhammad Syukri Salleh dan Professor Madya Dr Syed Dawilah El-Idrus yang memberikan penilaian dan penambahbaikan bagi menyempurnakan tesis ini.

Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada para sahabat yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung sewaktu menjalankan kajian ini, Dr Zainal b. Mat Zan, Dr Akram dato Dahalan, Norazaliza Ghazali, PM Dr Rohani Abd Ghani, Dr Solahuddin Abd Hamid dan rakan-rakan Pusat Pengajian Umum kerana sudi meluangkan masa, memberi pendapat dan tunjuk ajar bagi membantu untuk memantapkan tesis kedoktoran ini. Setinggi tinggi penghargaan juga diucapkan kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Utara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah kerana menyediakan kemudahan dan bantuan untuk rujukan pengkaji begitu juga dengan sahabat-sahabat kakitangan di UUM umumnya.

Tidak pernah dilupakan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua arwah ibu dan bapa saya iaitu Haji Rofie bin Haji Bakar serta Hajah Robiyah bt Haji Syafie dan juga bapa mertua saya Wan Mustafa Wan Abdul Ibrahim (anakanda sentiasa mendoakan agar Allah sentiasa merahmati roh kedua-dua ibu dan ayah serta mertua di alam barzakh) yang tercinta yang telah mengasuh, membesarkan, mendidik dan sentiasa mendoakan kejayaan anakanda sehingga ke hari ini. Juga kepada ibu mertua saya hajah Aishah bt Baharom yang juga sentiasa doakan saya. Jutaan terima kasih dan sayang kepada isteri tercinta Ustazah Wan Shahriyah binti Haji Wan Mustafa yang banyak membantu, memahami, bersabar dan memberi galakan untuk menyiapkan tesis ini. Begitu juga kepada anak-anak ku tercinta Khatrun Nada, Khalida Shahira, Muhammad Khalis dan Khalilah Aufa yang menjadi penguat semangat dikala kepenatan dan penghibur dikala kesunyian. Ucapan terima kasih juga kepada adik beradik dan sanak saudara saya yang sentiasa memberi dorongan dan menyokong saya dalam menyiapkan tesis kedoktoran ini. Semoga hasil daripada kajian ini akan dapat memanfaatkan kita dalam usaha untuk meneroka bidang pengajian Islam.

Sekian, terima kasih.

Isi Kandungan

Kebenaran Penggunaan Tesis.....	i
Abstrak.....	ii
Abstract.....	Error! Bookmark not defined.
Penghargaan.....	iv
Isi Kandungan.....	v
Senarai Jadual.....	xi
Senarai Rajah.....	xii
Singkatan Perkataan.....	xiv
Jadual Transliterasi.....	xv
BAB SATU: PENGENALAN.....	1
1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Pemasalahan Kajian.....	4
1.2 Persoalan Kajian.....	11
1.3 Objektif Kajian.....	12
1.4 Skop dan Batasan Kajian.....	12
1.5 Kepentingan Kajian.....	15
1.6 Metodologi Kajian.....	18
1.6.1 Rekabentuk Kajian.....	20
1.6.1.1 Proses Penyelidikan.....	22
1.6.2 Kaedah Pengumpulan Data.....	23
1.6.2.1 Kajian Dokumen.....	25
1.6.3 Kaedah Analisis data.....	27
1.7 Ulasan Karya.....	28
1.7.1 Penulisan dan Kajian Etika Kerja Konvensional di Barat.....	29
1.7.2 Penulisan dan Kajian Etika Kerja Konvensional di Malaysia.....	32
1.7.3 Penulisan dan Kajian Mengenai Etika Kerja Islam.....	33
1.7.3.1 Penulisan dan Kajian Teoritikal Mengenai Etika Kerja Islam.....	34

1.7.3.2 Kajian Empirikal Mengenai Etika Kerja Islam	36
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	41
1.8.1 Komitmen.....	46
1.8.2 Kepuasan Kerja.....	47
1.8.3 Ganjaran.....	51
1.9 Definisi Operasional.....	56
1.9.1 Etika.....	56
1.9.2 Kerja.....	59
1.9.3 Etika Kerja.....	62
1.9.4 Etika Kerja Islam.....	65
1.9.5 Al-Quran.....	66
1.9.6 Al-Sunnah.....	68
1.9.7 Karya.....	69
1.10 Kesimpulan.....	70
BAB DUA: ETIKA KERJA MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH	71
2.0 Pendahuluan	71
2.1 Konsep Kerja Dalam Islam	71
2.1.1 Kerja dan Usaha.....	75
2.1.2 Kerja Para nabi, Sahabat dan Tabi'in.....	77
2.1.3 Kerja dan Aspek Kejiwaan.....	80
2.1.4 Kerja dan Nilai-Nilai Murni.....	81
2.1.5 Kerja dan Etika.....	82
2.2 Konsep Etika Kerja Dalam Islam.....	84
2.3 Etika Kerja Dalam al-Quran dan al-Sunnah.....	86
2.3.1 <i>'Amal Saleh</i>	82
2.3.2 <i>al-Birr</i>	105

2.3.3 <i>Taqwa</i>	117
2.3.4 <i>al-Qist</i>	142
2.3.5 <i>Ma' ruf</i>	151
2.3.6 <i>Ihsan</i>	160
2.3.7 <i>Masuliyah</i>	171
2.3.8 <i>Itqan</i>	181
2.4 Kesimpulan	188

**BAB TIGA: ETIKA KERJA ISLAM DALAM KARYA PENULIS ETIKA
KERJA ISLAM DI MALAYSIA 189**

3.0 Pengenalan	189
3.1 Latar Belakang Penerapan Etika Kerja Islam di Malaysia	189
3.2 Prinsip Etika Kerja Islam dalam Karya Penulis di Malaysia.....	192
3.2.1 Prinsip Etika Kerja Islam dan Bilangan Pengarang.....	193
3.2.2 Dimensi Prinsip-Prinsip Etika Kerja Islam.....	199
3.2.2.1 Niat Ibadat Kepada Allah.....	200
3.2.2.2 Kebaikan.....	203
3.2.2.3 Bertanggungjawab dan Amanah.....	206
3.2.2.4 Ikhlas.....	211
3.2.2.5 Tekun.....	215
3.2.2.6 Berdisiplin.....	219
3.2.2.7 Keadilan.....	221
3.2.2.8 Bersyukur.....	224
3.2.2.9 Merancang Kerja.....	227
3.2.2.10 Menghargai Masa.....	229
3.2.2.11 Ihsan.....	232
3.2.2.12 Kompetitif.....	236
3.2.2.13 Bermusyawarah.....	238

3.2.2.14 Kerjasama.....	241
3.2.2.15 Seimbang.....	243
3.2.2.16 Berilmu.....	245
3.2.2.17 Bersih.....	247
3.2.2.18 Cepak.....	249
3.2.2.19 Tawakal.....	251
3.2.2.20 Takwa.....	253
3.2.2.21 Inovasi.....	256
3.2.2.22 Muhasabah.....	257
3.2.2.23 Taat Setia.....	259
3.2.2.24 Kebenaran.....	260
3.2.2.25 Kesabaran.....	262
3.2.2.26 Menepati Janji.....	264
3.2.2.27 Tidak Terlalu Cinta Dunia.....	266
3.2.2.28 Dermawan.....	268
3.2.2.29 Rendah Diri.....	269
3.2.2.30 Bertolak Ansur.....	271
3.2.2.31 Pembahagian Tugas Berdasarkan Kepakaran.....	272
3.2.2.32 Mempermudahkan Urusan.....	275
3.2.2.33 Kemuliaan Budi.....	276
3.2.2.34 Berjimat Cermat.....	278
3.2.2.35 Soleh.....	280
3.3 Kekekapan Prinsip dan Dalil Etika Kerja Islam dalam Karya.....	281
3.4 Pendalilan Etika Kerja Bersandarkan al-Quran dan al-Sunnah.....	284
3.5 Kesimpulan.....	287

BAB EMPAT: ANALISIS HASIL KAJIAN	289
4.0 Pengenalan	289
4.1 Prinsip Etika Kerja Menurut al-Quran dan al-Sunnah.....	289
4.1.1 Aspek Ganjaran.....	292
4.1.2 Aspek Komitmen.....	293
4.1.3 Aspek Kepuasan Kerja.....	294
4.1.4 Nilai Intrinsik.....	297
4.1.5 Nilai Ekstrinsik.....	298
4.1.6 Matlamat Etika Kerja Islam.....	299
4.2 Analisis Prinsip-Prinsip Etika Kerja Islam dalam Karya Penulis di Malaysia.....	301
4.2.1 Persamaan dan Perbezaan Pada Prinsip Etika Kerja Islam.....	302
a. Persamaan	302
b. Perbezaan	303
i. Tajuk	303
ii. Prinsip Umum dan Prinsip Khusus	304
iii. Sumber Dalil	305
4.2.2 Prinsip Yang Dominan Dalam Karya.....	307
i. Tekun	307
ii. Tanggungjawab dan Amanah	309
iii. Keadilan	311
iv. Ikhlas	313
v. Kerjasama	314
4.2.2.1 Prinsip Dominan Serta Hubungan Dengan Aspek Intrinsik dan Ekstrinsik	317
4.2.3 Aspek Pendalilan Prinsip Etika Kerja.....	319
i. Prinsip Dominan Berdasar Dalil.....	320
ii. Prinsip Yang Tiada Mempunyai Dalil.....	326
4.3 Keselarasan Prinsip-Prinsip Etika Kerja Islam	328

4.3.1 <i>Taqwa</i>	330
4.3.2 <i>Ihsan</i>	333
4.3.3 <i>Amal Saleh</i>	335
4.3.4 <i>Al-Birr</i>	337
4.3.5 <i>Al-Qist</i>	340
4.3.6 <i>Ma' ruf</i>	343
4.3.7 <i>Masuliyah</i>	345
4.3.8 <i>Itqan</i>	348
4.4 Kesimpulan	352
BAB LIMA: PERBINCANGAN DAN PENUTUP	354
5.0 Pendahuluan	354
5.1 Rumusan	354
5.2 Implikasi Kajian	360
5.2.1 Implikasi Pengurusan	360
5.2.2 Implikasi Akademik	361
i. Pembinaan Prinsip Etika Kerja Menurut al-Quran dan al-Sunnah	361
ii. Pengujian Prinsip dan Dalil Etika Kerja Islam	361
iii. Melebarkan Kajian	362
5.2 Cadangan Kajian Lanjutan	362
5.3 Kesimpulan	364
BIBLIOGRAFI	367

Senarai Jadual

Jadual 1.1. Karya-karya Pengarang di Malaysia.....	13
Jadual 2.1. Taburan Jumlah Bilangan Ayat dan Surah Menyebut <i>'Amal Saleh</i>	90
Jadual 2.2. Hubungan <i>'Amal Saleh</i> Dengan Nilai lain.....	103
Jadual 2.3. Taburan Jumlah Bilangan Ayat dan Surah Menyebut <i>al-Birr</i>	106
Jadual 2.4: Hubungan <i>al-Birr</i> Dengan Nilai Lain.....	117
Jadual 2.5: Taburan Jumlah Bilangan Ayat dan Surah Menyebut <i>Taqwa</i>	118
Jadual 2.6: Hubungan <i>Taqwa</i> Dengan Nilai Lain	141
Jadual 2.7: Taburan Jumlah Bilangan Ayat dan Surah Menyebut <i>al-Qist</i>	142
Jadual 2.8: Hubungan <i>al-Qist</i> Dengan Nilai Lain.....	150
Jadual 2.9: Taburan Jumlah Bilangan Ayat dan Surah Menyebut <i>Ma'aruf</i>	151
Jadual 2.10: Hubungan <i>Ma'aruf</i> Dengan Nilai Lain.....	158
Jadual 2.11: Taburan Jumlah Bilangan Ayat dan Surah Menyebut <i>Ihsan</i>	160
Jadual 2.12: Hubungan <i>Ihsan</i> Dengan Nilai Lain	170
Jadual 2.13: Taburan Jumlah Bilangan Ayat dan Surah Menyebut <i>Masuliyah</i>	172
Jadual 2.14: Hubungan <i>Masuliyah</i> Dengan Nilai Lain	180
Jadual 2.15: Taburan Jumlah Bilangan Ayat dan Surah Menyebut <i>Itqan</i>	182
Jadual 2.16: Hubungan <i>Itqan</i> Dengan Nilai Lain.....	187
Jadual 3.1: Etika Kerja Islam dan Penulis Karya.....	194

Senarai Rajah

Rajah 1.2. Kerangka Proses Penyelidikan.....	23
Rajah 1.3. Kerangka Konsep Kajian.....	42
Rajah 1.4. Hubungan Etika Kerja Islam Dengan Komitmen, Kepuasan Kerja Dan Ganjaran.....	45
Rajah 3.1. Niat Beribadat Kepada Allah.....	200
Rajah 3.2. Kebaikan.....	203
Rajah 3.3. Bertanggungjawab dan Amanah.....	206
Rajah 3.4. Ikhlas.....	211
Rajah 3.5. Tekun.....	215
Rajah 3.6. Berdisiplin	219
Rajah 3.7. Keadilan	221
Rajah 3.8. Bersyukur	224
Rajah 3.9. Merancang Kerja	227
Rajah 3.10. Menghargai Masa	229
Rajah 3.11. Ihsan	232
Rajah 3.12. Kompetitif	236
Rajah 3.13. Bermusyawarah	238
Rajah 3.14. Bekerjasama	241
Rajah 3.15. Seimbang	243
Rajah 3.16. Berilmu.....	245
Rajah 3.17. Bersih.....	247
Rajah 3.18. Cepak.....	249
Rajah 3.19. Tawakkal	251
Rajah 3.20. Takwa	253
Rajah 3.21. Inovasi	256
Rajah 3.22. Muhasabah	257

Rajah 3.23. Taat Setia	259
Rajah 3.24. Kebenaran.....	260
Rajah 3.25. Kesabaran	262
Rajah 3.26. Menepati Janji.....	264
Rajah 3.27. Tidak terlalu Cinta Dunia.....	266
Rajah 3.28. Dermawan.....	268
Rajah 3.29. Rendah Diri.....	269
Rajah 3.30. Bertolak Ansur.....	271
Rajah 3.31. Pembahagian Tugas Berdasar Kepakaran.....	272
Rajah 3.32. Mempermudah Urusan.....	275
Rajah 3.33. Kemuliaan Budi.....	276
Rajah 3.34. Berjimat Cermat.....	278
Rajah 3.35. Soleh.....	280
Rajah 3.36. Jumlah Keckerapan Etika Kerja Islam Dalam Karya.....	283
Rajah 4.1. Hubungan antara Aspek Komitmen, Ganjaran dan Kepuasan Kerja Dari Sudut etika Kerja Islam.....	297
Rajah 4.2. Matlamat, Nilai Intrinsik dan Nilai Ekstrinsik dalam Etika Kerja Islam	300
Rajah 4.3. Pencapaian Keseluruhan Prinsip-Prinsip Etika Kerja Islam.....	301
Rajah 4.4. Keselarasan prnsip Etika Kerja Islam.....	352

Singkatan Perkataan

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
BHEI	Bahagian Hal Ehwal Islam
DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka
Dlm	Dalam
EKI	Etika Kerja Islam
HR	Hadith Riwayat
IKIM	Institut Kemajuan Islam Malaysia
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KL	Kuala Lumpur
PNMB	Percetakan Nasional Malaysia Berhad
r.a	Radiallahu anhu
SWT	Subhanahu wa Taala
SAW	Sallallahu alaihi wasallam
Terj.	Terjemahan
YADIM	Yayasan Dakwah Islam Malaysia

Jadual Transliterasi

Huruf Arab Transliterasi	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh
ء	,	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	tsawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadis
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhab
ر	r	رحمن	rahman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sy	شمس	syams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	domir
ط	t	طاهر	tohir
ظ	z	ظهر	zohor
ع	c	عبد	'abd
غ	gh	غيب	ghaib
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka's

ل	l	لبن	laban
م	m	مزمارة	mizmar
ن	n	نوم	nawm
و	w	وصل	wasal
هـ	h	هبطة	habata
ي	y	يسار	yasar

Vocal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh</u>
<u>Transliterasi</u>			
اَ	a	فعل	Fa'ala
اِ	i	حَسِبَ	hasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

Vocal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh</u>
<u>Transliterasi</u>			
اَ , اِ	a	كاتب , قضى	katib
ي	i	كريم	karim
و	u	حروف	huruf

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh</u>
<u>Transliterasi</u>			
اَوْ	aw	قول	qawl
اَيَّ	Ay	سيف	sayf
اِيَّ	iyy/i	رجعي	raj' iyy/raj' i
او	uww/u	عدو	'aduww/'adu

Pengecualian

1. Huruf ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada ‘a’ bukan kepada ‘a. contohnya : أكبر, transliterasinya : *akbar* bukan ‘*akbar*’.
2. Huruf Arab ة (ta’ al-Marbutoh) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’. contohnya : وزارة التعليم; transliterasi : *wizarat al-ta’lim*. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta’ marbutoh ditransliterasikan kepada ‘h’.

Contoh

Transliterasi

- | | |
|---|---|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. المكتبة الأهلية 2. قلعة 3. دار وهبية | <p>al-Maktabah al-Ahliyyah
Qal’ah
Dar Wahbiyyah</p> |
|---|---|

(**Sumber: Buku Panduan Penulisan Tesis Desertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.)

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Para sejarawan menyatakan bahawa perbincangan tentang nilai dan etika bermula daripada Plato¹ yang menyifatkan kebaikan merupakan satu nilai atau idea mutlak. Oleh itu, Plato telah meletakkan nilai lebih tinggi kedudukannya berbanding benda (Bayyumi, 1978). Namun begitu, kenyataan ini mula berubah pada zaman pertengahan iaitu zaman keagungan Islam di mana ahli-ahli pemikirnya bersifat lebih pragmatik dalam menentukan ukuran baik dan bahagia kepada seseorang berdasarkan hidup di dunia dan akhirat (Mohd Nasir Omar, 1996).

Mereka berusaha membentuk satu hierarki nilai mengikut garis panduan agama iaitu nilai yang berdasar kepada wahyu dan memandang nilai sebagai sesuatu yang semestinya diamalkan oleh manusia dan nilai itu adalah dasar dan paksi kepada semua bidang sama ada ekonomi, etika, undang-undang, agama, pendidikan, sains dan epistemologi. Mereka percaya bahawa nilai yang disandarkan kepada agama patut mencakupi semua aktiviti manusia (Bayyumi, 1978).

Etika dan nilai memainkan peranan yang cukup penting khususnya dalam organisasi. Melalui etika, terkandung dalamnya nilai, prinsip dan tatacara kelakuan yang difikirkan baik dan betul dari segi sosial, keagamaan mahupun sivil (*Collins Dictionary of the English Language*, 1989).

¹ Plato dilahirkan pada tahun 428 sebelum masehi di Athens, Greece. Beliau mati pada tahun 348 sebelum masehi. Plato merupakan seorang ahli falsafah yang terkenal. Beliau merupakan murid kepada Socrates dan guru kepada Aristotel.

Etika memainkan peranan yang penting dalam organisasi. Ia menjadi panduan tingkah laku warga kerja dan menjadi elemen perubahan sikap dan tingkah laku warga organisasi ke arah yang lebih baik (Mohd Affandi, 1986). Pekerja yang berdisiplin tinggi akan memastikan setiap kerja dilaksanakan dengan baik meskipun tiada pengawasan terhadapnya.

Kerja boleh ditafsirkan sebagai suatu usaha atau aktiviti yang dilakukan oleh seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan barangan atau boleh berbentuk nilai perkhidmatan (Kamaruddin, 1997). Apabila kerja dikaitkan dengan etika, lahirlah konsep etika kerja yang memberikan pelbagai penafsiran serta definisi para sarjana mengenainya, seperti yang disebutkan oleh Parnes (1976) yang mendefinisikan etika kerja sebagai berikut:

“Beliefs about the moral superiority of hard work over leisure or idleness, craft pride over carelessness, sacrifice over profligacy, earned over unearned income and positive over negatives towards work”.

(Parnes 1976: 102)

Etika kerja bukan sekadar suatu penglibatan diri untuk bekerja kuat melebihi daripada menyediakan keperluan hidup, malah ia juga adalah sejumlah nilai untuk menonjolkan kerja sebagai suatu tugas suci (Yamamoto, 1990). Oleh kerana kerja ialah amalan mulia, secara tidak langsung etika kerja berkait rapat dengan ajaran agama kerana agama membicarakan hal-hal yang mulia (Wan Izuddin, 1987).

Semua agama sama ada mendasari kepada pemikiran ideologi manusia seperti Buddha dan Hindu atau agama-agama langit seperti Islam dan Kristian turut menyentuh tentang etika kerja. Islam agama yang berdasarkan wahyu sudah semestinya memuatkan sepenuhnya ajaran pemikiran etika kerja. Ini bersesuaian

dengan ajaran Islam bahawa bekerja kuat dapat memandu seseorang pekerja ke arah kebenaran ketika mereka bekerja (Shukri & Razali, 2001).

Oleh itu, penelitian tentang etika kerja Islam adalah sangat penting bagi membentuk pekerja cemerlang dan memenuhi tuntutan yang telah ditentukan oleh Islam. Konsep kerja sebagai ibadah merupakan satu proses pembentukan jiwa pekerja cemerlang (Ab. Aziz Yusof, 2010). Setiap kerja yang dilakukan dalam kehidupan dunia yang mematuhi piawaian syarak dikira sebagai ibadah. Pembentukan etika kerja yang dibawa oleh Islam adalah bersifat menyeluruh untuk kehidupan dunia dan berhubung dengan kehidupan akhirat (Abdul Malek, 1995).

Justeru, kajian ini dijalankan untuk memberikan satu landasan dan pegangan terhadap etika kerja Islam yang bersandarkan kepada asas sumber Islam yang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah sebagai pemangkin dan panduan kepada pekerja dan organisasi Islam dalam pelaksanaan kerja mereka. Kajian ini juga akan menyelaraskan prinsip yang dinyatakan oleh para penulis karya etika kerja Islam di Malaysia dengan prinsip etika kerja yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Penelitian dan analisis yang dilakukan terhadap etika kerja Islam dalam al-Quran dan al-Sunnah diyakini dapat menemui prinsip-prinsip nilai etika kerja yang terbaik dalam usaha mewujudkan masyarakat yang terbina melalui panduan al-Quran dan al-Sunnah. Sementara itu, bagi penilaian terhadap karya-karya penulis etika kerja Islam di Malaysia pula diyakini akan memperolehi keselarasan dan keselarian antara prinsip-prinsip yang dinyatakan oleh para penulis karya etika kerja Islam dengan panduan etika kerja yang dinyatakan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

1.1 Permasalahan Kajian

Kemunculan era globalisasi dalam dunia hari ini telah mewujudkan persaingan ekonomi yang sangat sengit di dalam pelbagai sektor pekerjaan. Keadaan ini membuatkan sesebuah organisasi itu memerlukan pekerja yang benar-benar cemerlang dalam memenuhi visi dan misi organisasi (Syarifah Hayaati, 2003). Dalam usaha mengenalpasti golongan pekerja yang iltizam, semua organisasi pekerjaan telah menetapkan bentuk etika kerja masing-masing. Ianya menjadi satu panduan untuk melahirkan para pekerja yang tekun demi membangunkan organisasi masing-masing.

Menurut Nik Mustafa (1995), penghayatan sepenuhnya para pekerja terhadap etika kerja akan dapat melahirkan pekerja yang berdisiplin tinggi. Pekerja yang memberikan komitmen yang tinggi akan mengurangkan permasalahan perilaku seperti ponteng kerja, niat berhenti, mengabaikan tugas dan tidak menjalankan kerja dengan baik. Oleh itu, konsep etika kerja yang dipegang oleh seseorang individu akan dapat membantu pihak pengurusan dalam aspek komitmen dan kesetiaan pada organisasi.

Etika kerja diyakini mampu memberikan maklum balas yang positif tentang sikap seseorang pekerja dalam pelbagai bidang tugas. Hal ini termasuk keinginan seseorang pekerja kepada sesuatu aktiviti dan penglibatan, sikap terhadap ganjaran material atau non material dan keinginan untuk meningkatkan kerjaya diri (Cherrington, 1980).

Terdapat juga penulisan mengenai etika kerja yang berkaitan dengan agama dan budaya. Penulisan mengenai etika kerja berdasarkan agama adalah seperti Max Weber (1958) yang menulis *The Protestant Work Ethic* (PWE). Max Weber telah merumuskan bahawa terdapat hubungan di antara Etika Kerja Protestan dengan perkembangan fahaman kapitalis dalam masyarakat Barat. Teori Weber cuba mengaitkan kejayaan sesuatu perniagaan dengan kepercayaan agama Kristian. Kepercayaan *Protestan-Calvinistic* merupakan pencetus kemunculan faham kapitalis. Weber turut mengemukakan andaian bahawa kejayaan dalam kerja dan kewangan bukan sekadar bersifat kejayaan peribadi bahkan juga kejayaan agama (Kidron, 1978).

Teori Weber ini kemudiannya dikembangkan pula oleh McClelland (1961) yang menumpukan aspek psikologi kerja. McClelland ialah tokoh yang menawarkan penjelasan sosio-psikologikal mengenai hubungan di antara konsep aliran Protestan dan kapitalisma. Beliau kemudian berusaha menggolongkan konsep Etika Kerja Protestan (PWE) dengan konsep dan teori pencapaian kehendak (*the need for achievement*) yang beliau teliti sebagai asas kepada dimensi personaliti (Furnham, 1990). Hasilnya, berlakulah perkembangan terhadap etika kerja yang dijanakan oleh pengkaji-pengkaji Barat melalui konsep Etika Kerja Protestan (PWE). Namun begitu, perbincangan etika kerja yang diterajui Barat masih tetap menonjolkan aspek fizikal dan material berbanding spiritual². Hal ini menjadi penyebab kelemahan pendekatan etika kerja Barat dalam sesebuah organisasi.

² Kepincangan yang wujud pada pendekatan barat iaitu ketiadaan matlamat yang lebih tinggi daripada matlamat kepuasan akal dan jasad, terlalu menekankan faktor kebendaan, terlalu menekan falsafah dan kekuatan akal dan ilmu logik, kurang memberi ruang bagi manusia mengenali, menginsafi dan menghayati fitrah kejadian keinsanannya, tidak merujuk Tuhan Maha Pencipta di dalam pengurusan manusia dan organisasi dan kurang berupaya meletakkan landasan kepada pencapaian matlamat dan arah kehidupan yang lebih abadi (Osman Ayub 1990: 12).

Masyarakat Barat mula menyedari peranan etika kerja Timur setelah berlakunya kepincangan terhadap matlamat etika kerja yang dipolopori oleh mereka yang hanya menekankan kebendaan semata-mata. Mereka turut mempersoalkan andaian-andaian asas struktur etika kerja Barat yang selama ini jarang dipersoalkan. Mereka menganggap bahawa etika kerja Barat adalah satu-satunya etika unggul yang menjadi amalan pengurusan di dunia sama ada di Timur atau di Barat (Osman Ayub, 1990). Walau bagaimanapun, berdasarkan pengalaman-pengalaman praktik daripada negara-negara Timur seperti Jepun dan Korea, akhirnya pakar-pakar dan ahli pengurusan Barat terpaksa mengakui kemampuan etika kerja dari Timur ini. Perkembangan ini telah mempengaruhi pengkaji-pengkaji Timur untuk menulis mengenai kejayaan ekonomi mereka berlandaskan falsafah agama dan budaya masing-masing (Shukri Ahmad & Razali, 2001).

Terdapat banyak kajian dan penulisan yang dilakukan mengenai Etika Kerja dan hubungannya dengan falsafah agama dan budaya. Umpamanya, Max Weber (1958), Isutzu (1966), Bayummi (1978), Safranski (1986), Tung Rosalie (1990), Redding (1990) dan Shichihei (1990). Kajian dan penulisan yang banyak ini dapat dirumuskan bahawa etika kerja yang didasari oleh falsafah agama diyakini mampu memberikan maklum balas tentang sikap seseorang pekerja itu dalam pelbagai bidang tugas, termasuk keinginan seseorang kepada sesuatu aktiviti dan penglibatan serta keinginan untuk meningkatkan kerjaya diri.

Meskipun falsafah agama dan budaya Timur mampu membentuk amalan etika kerja, namun terdapat perbezaan pada prinsip-prinsip moral yang dibawa oleh setiap

budaya dan etika kerja Timur ini (Syed Othman al-Habsyi, 1989). Para pengkaji yang menulis tentang etika kerja bersifat agama ini telah menjelaskan prinsip-prinsip moral masing-masing. Perbezaan-perbezaan pada prinsip moral ini berlaku antaranya disebabkan oleh pembawakan fahaman kepercayaan atau budaya sepertimana analogi yang diketengahkan oleh Abd Aziz Mohamed (1988) yang menyebut bahawa:

“Perbezaan prinsip-prinsip moral ini boleh dijelaskan melalui analogi enam orang buta yang ingin mengenal bentuk gajah, setiap dari orang buta itu memberi jawapan yang berbeza kerana mereka tidak dapat melihat gambaran yang sebenarnya. Seperti juga semua masyarakat yang tidak mempunyai sistem moral berlandaskan pada al-Quran dan Hadith, mereka tidak dapat menggambarkan realiti dengan sebenarnya kerana daya fikiran manusia terhad kepada persepsi mereka terhadap realiti” (hlm. 4).

Kajian mengenai hubungan antara etika kerja dengan falsafah agama juga telah dilakukan oleh para pengkaji Muslim. Sejak itu, muncul para sarjana Islam yang mengkaji dan menulis tentang etika kerja menurut perspektif Islam berdasarkan keadaan semasa. Umpamanya, Ali (1987) menjalankan kajian berkaitan dengan skala pengukuran terhadap etika kerja Islam dalam kalangan pekerja. Begitu juga Abbas J. Ali (2008) yang menulis kajian berkaitan etika kerja Islam dan hubungan dengan budaya kerja dalam kalangan pekerja. Sayyed Hussein Nasr (1989) telah menulis artikel berkaitan etika kerja Islam hubungan antara pendekatan tradisional dan kemodenan masyarakat.

Penetapan etika kerja yang diketengahkan oleh mereka adalah bersumberkan kepada dua sumber tradisinya iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Menurut Sayyid Hussein (1989), konsep etika kerja yang diketengahkan oleh para sarjana Islam ini telah

menjadi satu kaedah baharu yang digunakan oleh para pekerja Muslim di samping menjadi alternatif kepada bukan Islam.

Kajian dan penulisan daripada sarjana Islam berkaitan dengan etika kerja Islam juga telah berkembang di Malaysia. Seiring dengan perkembangan sistem pengurusan hari ini, para pengkaji, pemikir dan penulis di Malaysia ini telah cuba menyetengahkan prinsip serta nilai etika kerja berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, lahirlah pelbagai prinsip dan nilai yang dicadangkan oleh mereka. Namun begitu, terdapat perbezaan prinsip etika kerja yang diketengahkan oleh para penulis ini umpamanya Zainal bin Yang (2003) menyatakan bahawa terdapat 17 prinsip etika kerja Islam sementara itu Mohd Nor hj Nawawi (1991) menyatakan terdapat 5 prinsip etika kerja Islam.

Selain itu, terdapat juga organisasi Islam yang menyenaraikan nilai etika kerja masing-masing secara berbeza-beza umpamanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Lembaga Tabung Haji Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti Negeri Perak, Jabatan Mufti Negeri Melaka dan Pusat Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Nor Azzah Kamri, 2007).

Kewujudan perbezaan dalam kalangan cendekiawan ini bukan sahaja pada prinsip etika kerja malah berbeza beberapa aspek seperti sumber atau dalil yang diketengahkan⁴. Terdapat persamaan dari segi prinsip etika kerja Islam tetapi berbeza

⁴ Terdapat para penulis etika kerja Islam di Malaysia yang membawa prinsip yang berlainan contohnya Zainal Yang menyatakan prinsip etika kerja Islam ada 17 prinsip dan setiap prinsip yang di bawa tidak dinyatakan dalil. Sementara itu Nik Mustafa pula menyatakan prinsip etika kerja Islam ada 3 tanpa dinyatakan dalil pada tiap-tiap prinsip tersebut.

dari sumber dalil atau persamaan pada sumber dalil tetapi berbeza dari aspek prinsip. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa dalil yang diketengahkan itu hanya sekadar memperkukuhkan prinsip yang diambil dari etika kerja Barat dan bukan sumber yang berasaskan prinsip-prinsip etika kerja Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini bertepatan dengan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001) mengenai pemikiran Barat:

“Kebudayaan Barat itu berteraskan dasar falsafah dan bukan agama kerana inilah tiada terdapat dalam jiwa pengalaman mereka itu beragama sesuatu ketetapan ‘keyakinan’. Mereka hanya menegaskan dasar ‘teori’ iaitu ilmu pengetahuan atau hasil akal-nazari yang berlandaskan dugaan dan sangkaan-sangkaan dan penerokaan akal jasmani yang ‘mungkin’ benar atau tidak benar. Maka dari dasar itu ilmu yang demikian dan sikap hidup yang menjadi akibatnya tiadalah akan dapat membawa kepada keyakinan” (hlm. 19).

Dalam hal ini, Al-Qardhawi (1987), juga berpandangan yang sama. Menurutnya, ilmuan Islam terkadang sangat mudah menerima teori-teori Barat dalam mengembang bidang Islam sama ada ekonomi, politik, sosial dan teori-teori ilmu yang tidak bertaraf *‘ilm yaqin* (hlm. 16).

Untuk menerima idea-idea positif dari Barat adalah baik kerana Islam ialah agama yang bersifat fleksibel, apatah lagi dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan kehidupan harian. Namun, untuk menerima idea-idea Barat ini, ia perlu dibuktikan kesahihannya secara ilmiah menurut ketetapan Islam. Teori-teori dari Barat lazimnya terhasil dari kajian ilmiah yang menggunakan metod empirikal yang bersandarkan kepada pancaindera manusia semata-mata (Ismail Ibrahim, 1993). Tentulah kebenaran yang terhasil daripada pencaindera tidak boleh diyakini sepenuhnya kerana ia banyak melakukan kesalahan dan penipuan, sepertimana yang diakui oleh ramai pengkaji (al-Ghazali, 1987).

Selain itu, masalah perbezaan pendekatan dalam memahami etika dan kelemahan penulisan serta penyelidikan yang berteraskan Islam ternyata masih wujud dalam kalangan cendekiawan Islam. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2001), cendekiawan Islam yang bersifat *encyclopeadic* masih kurang. Oleh kerana kurangnya jumlah cendekiawan sebegini, ilmu yang berteraskan kepada Islam telah melalui proses pembentukan secara tempelan. Dalam kata lain, pelaksanaan pengurusan berteraskan Islam sering hanya dipenuhi oleh dalil al-Quran dan al-Sunnah sahaja, tetapi kerangka dan falsafahnya masih berdasarkan kepada falsafah pengurusan yang lahir dari Barat.

Antara perbezaan etika kerja Islam dalam kalangan pengkaji di Malaysia adalah mengenai prinsip dan juga jumlah bilangan prinsip. Persoalannya ialah kenapa boleh terjadinya sedemikian? Apakah prinsip-prinsip etika kerja Islam yang diketengahkan oleh para pengkaji itu diolah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah atau diadaptasi daripada prinsip-prinsip etika kerja Barat semata-mata? Mohd Nasir Omar (1986) menjelaskan bahawa tidak kurang juga para ilmuan Islam dan cendekiawan Islam kini yang mempelajari falsafah dan warisan Islam melalui sumber-sumber barat dan orientalis dengan tendensi kerationalan yang bersifat relatif. Tetapi mereka beranggapan ia sebagai suatu yang benar dan mutlak.

Oleh yang demikian, penyelidikan dan penulisan berkaitan etika kerja bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah merupakan satu keperluan yang penting dalam kehidupan umat Islam. Kajian komprehensif perlu dilakukan untuk mengkaji prinsip-prinsip etika kerja yang dikupas secara jelas berdasarkan penelitian daripada al-Quran dan al-Sunnah (Sayyed Hussein Nasr, 1989). Selain itu, penjelasan dan perbahasan

tentang data atau sumber harus diteliti daripada sumber yang sahih dan mutawatir⁵ agar dapat dirujuk oleh umat Islam. Data yang dilebelkan sebagai data yang mutawatir seharusnya dijadikan premis bagi sesuatu penghujahan. Data tersebut dianggap sebagai berautoriti (Mohd Fauzi, 2002). Ini bermakna data yang boleh diyakini kesahihannya hanyalah data yang bersumberkan wahyu dan yang diiktiraf oleh akal manusia yang waras iaitu yang berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Oleh itu, pengkajian yang jelas berkaitan etika kerja daripada al-Quran dan al-Sunnah perlu dilaksanakan. Setiap perkara yang dihubungkan dengan kehidupan manusia itu pastinya telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan al-Sunnah (Sayyed Hussein Nasr, 1989).

1.2 Persoalan Kajian

1. Apakah prinsip-prinsip etika kerja dalam al-Quran dan al-Sunnah?
2. Bagaimanakah prinsip-prinsip etika kerja Islam dan dalil yang dipakai oleh penulis-penulis etika kerja Islam di Malaysia?
3. Sejauhmanakah keselarasan antara prinsip etika kerja Islam yang dipakai oleh penulis-penulis etika kerja Islam di Malaysia dengan etika kerja Islam dalam al-Quran dan al-Sunnah?

⁵ Sumber mutawatir adalah sumber yang kukuh dan dipercayai serta jauh daripada kepalsuan dan pembohongan. Sumber ini diriwayatkan melalui sejumlah manusia yang ramai dan tidak diterima akal bahawa kesemua mereka berpakat untuk melakukan penipuan dan pembohongan (Budah @ Uдах Mohsin, 1995).

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini berlandaskan tiga objektif berikut:

1. Mengenalpasti prinsip-prinsip etika kerja dalam al-Quran dan al-Sunnah.
2. Menganalisis prinsip-prinsip etika kerja Islam dan dalil yang dipakai oleh penulis-penulis etika kerja Islam di Malaysia.
3. Merumuskan keselarasan antara prinsip etika kerja Islam yang dipakai oleh penulis-penulis etika kerja Islam di Malaysia dengan etika kerja Islam dalam al-Quran dan al-Sunnah.

1.4 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada kajian mengenai prinsip etika kerja yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, kajian ini juga menumpukan kepada prinsip etika kerja Islam berasaskan karya-karya penulis etika kerja Islam di Malaysia.

Batasan bagi kajian ini pula memberi penilitian terhadap karya-karya yang diterbitkan antara tahun 1987 hingga 2012 . Karya-karya tersebut ditulis bersesuaian dengan dasar penerapan etika kerja Islam yang diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad pada tahun 1987 (INTAN, 1991). Karya-karya yang dipilih ini mestilah ditulis oleh penulis di Malaysia, berbangsa Melayu dan beragama Islam. Bagi ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah, penumpuan dan batasannya hanya pada ayat-ayat yang mempunyai hubungan dengan etika kerja.

Kajian akan memberikan penekanan kepada tiga jenis sumber bahan iaitu buku, jurnal dan prosiding kertas kerja yang diterbitkan sahaja. Buku, jurnal dan prosiding

kertas kerja pilihan ini dipilih hanya yang menyatakan prinsip-prinsip etika kerja Islam. Artikel-artikel yang ditulis dalam laman sesawang tidak akan dimasukkan sebagai data penulisan karya dalam kajian ini. Karya-karya tersebut ialah seperti yang disediakan di dalam jadual 1.1 seperti berikut:

Jadual 1.1

Karya-Karya Penulis di Malaysia

BUKU
Bahagian Hal Ehwal Islam. (1987). <i>Etika kerja Islam</i> . Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
Osman Ayub. (1990). <i>Etika kerja dan professional Islam</i> . Kuala Lumpur: SABHA-FAMDEV.
Abd Rahim Ahmad & Shahrul Bariah Md. Zain. (1990). <i>Pengurusan suatu sudut pandangan</i> . Kuala Lumpur: Nurin Publication.
Abdul Aziz Mohamed. (1991). Etika kerja. Dlm. Sheikh Ghazali Abod & Zambry Abdul Kadir, <i>Pengurusan perniagaan Islam</i> . Shah Alam: Hizbi.
Yusof Ismail. (1991). <i>Mengurus secara Islam: Model dan prinsip-prinsip pengurusan Islam bagi individu dan organisasi</i> . Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
Aidit Haji Ghazali. (1993). Pengurusan berteraskan Islam. Dlm. Nik Mustapha Nik Hassan & Siti Fatimah Abd. Rahman, <i>Budaya kerja dan pembangunan masyarakat satu kefahaman</i> . Kuala Lumpur: IKIM.
Ismail Ibrahim. (1994). Nilai pekerjaan dalam Islam. Dlm. Shafie Mohd Salleh & Mohd Affandi Hassan. <i>Kecemerlangan pentadbiran, dasar dan amalan dalam Islam</i> . Kuala Lumpur: INTAN.
Mustafa Hj Daud. (1994b). <i>Pekerjaan dan pengurusan menurut Islam</i> . Kuala Lumpur: Utusan Pablication & Distributors.
Citra Karya. (1994). <i>Falsafah, nilai dan etika dalam perkhidmatan awam Malaysia</i> . Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Syed Othman al-Habsyi. (1994). Islam sebagai perangsang terhadap prestasi kerja. Dlm. Ismail Ibrahim & Mohd Sahri Abd Rahman (Eds.), <i>Ilmu dan kecemerlangan dari perspektif Islam</i> . Kuala Lumpur: Institut Kemajuan Islam Malaysia.
Lokman Ab. Rahman. (1997). <i>Pengurusan Islam: Etika, komunikasi, dan motivasi</i> .

Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Mustaffa Omar. (1998). *Pengurusan menurut Islam konsep dan tuntutan*. Johor: Jabatan Agama Islam Johor.

Aminuddin Ruskam. (1999). Etika pengurusan dalam sistem muamalat Islam: Harapan dan cabaran. Dlm. Abd Jalil Borhan, *Sains muamalah Islam di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Shukri Ahmad & Razali Md. Zin (2001). *Adab dan etika kerja dalam organisasi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia,

Barjoyai Bardai. (2002). *Prinsip dan kaedah pengurusan Islami: Lakaran suatu disiplin ilmu. Buku Wacana Pengurusan Islami: Siri 1*. Kuala Lumpur: YPEIM.

Nik Mustapha Nik Hassan. (2002). Semangat Islam dalam penyusunan ekonomi bernegara. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Wan Roslili Abd Majid, *Kriteria negara berteraskan prinsip Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Abdullah Mohamad Zain. (2004). Falsafah dan etika pengurusan Islam. Dlm. Ali Yakub Matadong, Mohamaed Asin Dollah, Muhammad Yusuf Khalid & Sapora Sirpon, *Asas kecemerlangan ummah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Mazilan Musa. (2007). Peranan dan keperluan etika dan tadbir urus baik dalam pembangunan. Dlm. Muhammad Hisham Mohamad, *Pembangunan dari prespektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Abd. Aziz Yusof & Ahmad Bashir Aziz. (2008). *Pengurusan perniagaan Islam, konsep isu dan perlaksanaan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Kamal Hassan. (2008). *Keutuhan budaya dan moral. Siri penerbitan pendekatan Islam Hadhari*. JAKIM. Jabatan Perdana Menteri.

Mohd Janib Johari (2011). *Pembentukan etika kerja Islam dalam organisasi*. Kuala Lumpur: DBP.

JURNAL

Mohd Nor Hj Nawawi. (1991). Islam, disiplin dan etos kerja. *Jurnal Islamika IV*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.

Razali Mat Zin. (1998-1999). Ke arah pembinaan etika kerja yang unggul. Dlm. *Jurnal Produktiviti*, No. 4.

Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. (2002, Okt). Bimbingan kerjaya menurut perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. hal 63-70.

Zainal Yang. (2003, Jan). Nilai, etika dan budaya kerja dalam pentadbiran sektor

awam di Malaysia dari perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan Awam*, Jilid 2, Bil 1. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Syarifah Hayaati Syed Ismail. (2003, Jun). Budaya dan etika kerja tempatan: Pengaruhnya terhadap pembaharuan hukum. *Jurnal IKIM*. Vol 11.

Nor ‘Azzah Kamri. (2008). Kefahaman dan sambutan terhadap kod etika Islam pengalaman Tabung Haji. *Syariah Journal*. 16(1). Hlm 145-182.

Wan Norhashimah Wan Husin. (2012). Etika kerja dari perspektif Islam di Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, Vol 29(1), 51-56. Euro Journals Publishing

PROSIDING KERTAS KERJA

Muhammad Uthman el-Muhammady. (1994, 21-23 Ogos). *Etika pengurusan dalam Islam*. Prosiding Seminar Pengurusan Abad 21 Peringkat Kebangsaan. Universiti Utara Malaysia dan Bahagian Hal Ehwal Islam JPM.

Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid. (2005, 22-23 Feb). *Etika kerja menurut sunah Rasulullah SAW*. Prosiding Kertas Kerja di Bengkel Islam Hadhari-Etika Kerja: Menuju Ke Arah Keimanan Dan Ketaqwaan Pada Ilahi. Kuala Lumpur.

1.5 Kepentingan Kajian

Kebanyakan masyarakat Islam terlibat dengan pekerjaan dan semestinya ia memerlukan kepada pengawalan terhadap kerja dan tugas yang dilaksanakan. Ini sejajar dengan sistem yang telah diketengahkan oleh Islam yang menginginkan umatnya bekerja dengan baik kerana kerja merupakan satu ibadah. Justeru, etika kerja Islam merupakan satu langkah pengawalan terhadap para pekerja Muslim.

Terdapat beberapa penulisan yang berkaitan dengan akhlak yang ditulis oleh ulama Islam silam seperti al-Ghazali (M.1111), Ibn Miskawaih (M. 1032), Raghīb al-Isfahani (M. 1108) dan lain-lain. Namun penulisan-penulisan tersebut lebih bersifat

akhlak umum dan tidak tersusun mengikut pengkhususan seperti etika kerja atau etika pengurusan dan sebagainya.

Dunia Islam dan umat Islam sememangnya telah mempunyai identitinya sendiri yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dalam segenap bidang termasuklah etika kerja (Aidit Ghazali, 1993). Umat Islam tidak seharusnya berpegang kepada prinsip-prinsip dan kod-kod yang telah dikemukakan oleh barat sebagai panduan yang terbaik dan lengkap selamanya kerana model dan budaya yang diterapkan oleh Barat ini tidak selamanya bersesuaian dengan budaya kehidupan umat Islam. Sayyed Hossein Nasr (1989) menyatakan, bahawa etika kerja Islam (EKI) amat wajar sekali diberikan tumpuan dalam penyelidikan kerana ia merupakan suatu idea yang patut direalisasikan oleh setiap Muslim. Namun, untuk mencapai maksud ini, tradisi etika kerja Islam perlu dikaji secara lebih teliti dan terperinci melalui panduan al-Quran dan al-Sunnah.

Ahmad (1976) pula menyatakan, etika kerja Islam bukan berfungsi untuk menimbulkan sikap penafian individu pekerja terhadap hidup, malah sebaliknya ia memenuhi kehendak hidup dan menggerakkan aktiviti kerja dalam peringkat yang paling tinggi. Walau bagaimanapun, tidak banyak kajian dilakukan secara mendalam terhadap etika kerja Islam dan kesannya terhadap hasil kerja.

Rentetan daripada itu, kajian ini akan menyingkap semula prinsip-prinsip yang terdapat dalam sumber utama Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah yang sentiasa relevan sebagai panduan umat Islam sepanjang zaman. Kajian juga akan cuba

menunjuk dan membuktikan bahawa al-Quran dan al-Sunnah ialah nadi dalam semua aspek kehidupan umat Islam.

Berasaskan kepada perbincangan yang dikemukakan, kepentingan penyelidikan ini adalah seperti berikut;

- i. Hasil daripada itu, ia akan dapat memberikan satu sumbangan ke arah menambahkan pengetahuan masyarakat Islam terhadap kesempurnaan al-Quran dan al-Sunnah khususnya dalam bidang etika kerja dan memperbaiki salah faham mereka.
- ii. Menambah dan memperbanyakkan bahan bacaan khususnya berkaitan dengan etika kerja Islam dengan lebih tersusun dan sistematik berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Melalui kepelbagaian pandangan dan perbincangan yang dikemukakan, ia akan menjadi landasan kepada penerokaan dan penyelidikan etika kerja Islam dan seterusnya menghasilkan penambahbaikan kajian etika kerja Islam.
- iii. Kajian ini juga diharap dapat memberikan kekuatan dan kesepaduan kepada golongan sarjana pemikir Islam bagi meninjau bidang etika kerja Islam dengan lebih mendalam dan luas serta meletakkan etika kerja Islam menjangkau etika kerja konvensional lain seperti yang telah berlaku dalam lipatan sejarah.
- iv. Kajian ini juga akan dapat memberikan satu keselarasan terhadap prinsip-prinsip etika kerja Islam melalui sumber al-Quran dan al-Sunnah serta menjadi sumber rujukan dan garis panduan kepada pemikiran pengurusan Islam dan menjadi landasan terhadap etika kerja yang disarankan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

1.6 Metodologi Kajian

Secara umumnya metodologi kajian ialah landasan yang membawa kepada penemuan sesuatu hakikat ilmiah melalui beberapa kaedah dan proses tertentu sehingga mencapai objektif yang dikehendaki dalam kajian tersebut (Abdul Rahman Badāwi, 1963). Selain itu, metodologi juga ialah jalan yang bermula dengan andaian terhadap masalah tertentu dan berakhir dengan penyelesaian terhadap masalah tersebut dengan menggunakan beberapa peringkat kajian. Metodologi juga digunakan untuk menghimpunkan dalil dan bukti ilmiah tentang sesuatu perkara untuk dijadikan asas terhadap tindakan yang akan diambil dan panduan untuk memahami sesuatu realiti (Hamdi Abu Futuh 'Utaifah, 2002).

Bagi kajian ini metodologi berteraskan Islam telah digunapakai. Metodologi berteraskan Islam ialah satu cara atau kaedah untuk mengkaji sesuatu permasalahan bagi mengetahui sebab-sebabnya. Seterusnya dilakukan penganalisaan dengan bersandarkan kepada pemikiran Islam bagi mendapatkan hasil atau natijah yang dapat memberikan faedah dan kesejahteraan bagi manusia serta mendapat keredhaan Allah (al-Dughaymi, 1997).

Penentuan terhadap metodologi kajian sangat berkait rapat dengan objektif kajian. Setiap objektif mempunyai metodologi yang tersendiri untuk memastikan ia dapat dicapai dengan sempurna (Muhammad Rawas Qal'aji, 1999). Secara umumnya, objektif ialah penumpuan kepada sesuatu kajian dengan memberikan sumbangan baharu dan penting untuk pengetahuan manusia melalui topik kajian yang dipilih berasaskan kepentingannya menurut pandangan pengkaji (Zafar al-Islam Khan, 1996).

Selain itu, tujuan penyelidikan juga adalah untuk meneliti secara terperinci sesuatu permasalahan daripada segenap sudut bagi mencari jalan penyelesaian terbaik dan berkesan untuk kesejahteraan hidup manusia secara umum (Tsurya 'Abdul Fatah Maljas, 1989). Justeru, bagi menghasilkan dapatan yang sahih dan tepat, maka para ahli ilmu Islam tidak boleh mengabaikan aspek metodologi dalam kajian yang mereka jalankan (al-Dughaymi, 1997).

Setiap pengkaji Muslim yang berkeyakinan penuh bahawa Islam ialah satu cara hidup, hendaklah meletakkan matlamat kepada objektif kajian terutama kajian masalah sosial untuk membawa manusia kepada sistem Islam yang holistik sebagai jalan penyelesaian terbaik bagi semua masalah yang ada dengan pendekatan yang sesuai dengan keadaan semasa (Muhammad Muqim, 1999).

Bagi kajian yang berkaitan dan berhubung dengan Islam, hendaklah menggunakan metodologi yang berteraskan Islam dari aspek teori, konsep, falsafah dan aplikasinya (Buraey, 1992). Para pengkaji mesti melalui tiga proses pendekatan yang penting iaitu mengenal pasti asas-asas Islam dalam topik yang dikaji, meneliti permasalahan semasa yang dikaji melalui pandangan Islam dan menggunakan asas-asas Islam sebagai pendekatan untuk menyelesaikan masalah yang dikaji. Kesemua asas-asas Islam ini hendaklah bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah (Abdul Haque Ansari, 1999).

Antara keistimewaan metodologi berteraskan Islam ialah mencantumkan aspek jasmani dan fizikal dengan aspek spiritual dan rohani dalam mencari jalan penyelesaiannya terhadap sesuatu masalah. Sementara metodologi yang tidak

berteraskan Islam hanya menfokuskan kepada aspek fizikal dan jasmani semata-mata dalam mencari penyelesaian terhadap sesuatu permasalahan kajian (Muhammad Rawas, 1999). Metodologi berteraskan Islam juga tidak hanya membataskan faktor fizikal sahaja sebagai pendorong atau penghalang daripada melakukan sesuatu perlakuan. Malah faktor ketuhanan, keimanan kepada perkara ghaib dan alam akhirat serta perutusan risalah rasul juga diambil kira (Mohammad Nejatullah Siddiqi, 1999).

Metodologi berteraskan Islam mampu memberikan kekuatan yang tersendiri terhadap kajian yang dilakukan. Antara masalah yang sering dikaji adalah yang berkaitan dengan umat Islam masa kini dan bukannya rekaan atau andaian semata-mata. Jalan penyelesaian yang digunakan adalah bertunjangkan asas-asas syariat Islam yang berupaya menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh manusia sepanjang zaman. Ia menggunakan pendekatan integrasi antara fizikal dan rohani (Abudin Nata, 2013). Hasil kajian yang diperolehi boleh digunakan oleh umat Islam merawat masalah yang hadapi untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Namun, yang terpenting adalah bertujuan mengabdikan diri kepada Allah.

1.6.1 Rekabentuk Kajian

Kajian etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah ialah satu kajian kualitatif menggunakan kaedah kajian dokumen berbentuk kajian perpustakaan. Kajian ini dilakukan bagi mendapatkan sumber-sumber ilmu mengenai etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah dan penelitian terhadap etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia. Kaedah penerokaan dan penganalisaan ilmu dipilih berasaskan kepada (i) sumber teras Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah serta kitab-

kitab tafsir dan al-Sunnah yang muktabar dan terkenal; (ii) sorotan karya (*literature review*) terhadap kitab-kitab teras klasik yang merupakan penghuraian dan penafsiran oleh tokoh-tokoh pemikiran Islam seperti al-Ghazali, al-Mawardi, Ibn Khaldun dan sebagainya; (iii) sorotan karya terhadap beberapa tokoh pemikir pengurusan moden terpilih sama ada Islam atau konvensional dalam bentuk buku, jurnal, kertas kerja dan sebagainya.

Dengan ini, ia akan dapat mengukuhkan dan mengimbangi perbincangan dan analisa terhadap etika kerja Islam sebagaimana yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Pengkaji juga akan meneliti teks-teks dan dokumen-dokumen berbentuk buku, jurnal, dan kertas kerja karya penulis di Malaysia bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah. Kajian perpustakaan ini akan meliputi penjelasan berkaitan etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah, dengan mencakupi perkara-perkara penting yang berkait dengan masalah dan objektif kajian. Selain itu, aspek-aspek etika kerja Islam dan dalil dari al-Quran dan al-Sunnah juga akan diteliti. Semua teks dan dokumen yang berkaitan ini diperolehi daripada perpustakaan-perpustakaan universiti dan sumber-sumber lain yang berkaitan.


Kajian perpustakaan yang dijalankan adalah berlandaskan kepada sumber ilmu Islam yang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Dengan berlandaskan kepada dua sumber utama ilmu dalam Islam ini, diharapkan dapatan yang diperolehi adalah menepati roh syariat Islam yang sebenar dan jauh daripada penyimpangan. Dengan bersandarkan kepada sumber-sumber ilmu tersebut, kajian akan jauh daripada hanya menggunakan dalil '*aqli* semata-mata tanpa berpandukan kepada dalil-dalil *naqli* yang

bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Kesahihan fakta dan penjelasan yang diambil secara tepat daripada sumber al-Quran dan al-Sunnah memang tidak dapat dipertikaikan lagi.

1.6.1.1 Proses Penyelidikan

Beberapa proses utama perlu dilaksanakan dalam kajian ini yang bermula daripada penentuan topik dan skop kajian sehinggalah perbincangan dapatan kajian dan kesimpulan. Ia meliputi aspek-aspek kajian awal di perpustakaan, mengenalpasti persoalan kajian, mengenalpasti masalah, penentuan objektif kajian, membentuk kerangka konsep kajian, analisis dokumen kajian dan perbincangan hasil kajian.

Pada bahagian ini, ia merangkumi dua perkara iaitu yang pertama, menerangkan metodologi kajian berteraskan Islam. Kedua, menyatakan kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, untuk mencapai maksud ini tiga elemen berikut akan dibincangkan. Pertama, etika kerja dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kedua, prinsip etika kerja Islam dan dalil yang digunakan dalam karya penulis di Malaysia. Ketiga, merumuskan keselarasan prinsip etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah dengan etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia. Proses kajian ini boleh dilihat melalui kerangka proses penyelidikan dalam rajah 1.2 di bawah.



Rajah 1.2. Kerangka Proses Penyelidikan

Sumber: Ubahsuai daripada Muhammad Subhan (2010).

1.6.2 Kaedah Pengumpulan Data

Melalui kajian ini, al-Quran dan al-Sunnah menjadi sumber data yang utama (data primer). Kaedah yang digunakan untuk kajian sumber al-Quran dan al-Sunnah ini menggunakan kaedah tematik (*maudhu'iy*) iaitu dengan meneliti pada perkataan dan makna yang berhubung dengan etika kerja. Penelitian terhadap kedua-dua sumber ini dapat menjamin ketepatan hasil penemuan kajian, khususnya berhubung etika kerja Islam. Dalil-dalil *naqli* daripada al-Quran dan al-Sunnah dijadikan asas kepada dalil-dalil *aqli* yang diperolehi daripada sumber-sumber bahan yang terpilih. Rujukan

kepada data utama ini akan menyumbang pencapaian objektif pertama dan ketiga iaitu prinsip-prinsip etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah dan keselarasan antara etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia.

Selain itu, kaedah pengumpulan data dalam kajian ini juga bergantung kepada data sekunder mengenai etika kerja Islam iaitu bahan-bahan di perpustakaan Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Utara Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Kolej Universiti INSANIAH, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Di perpustakaan-perpustakaan tersebut, bahan-bahan yang berkaitan topik kajian dikumpulkan.

Bahan yang dikumpulkan ini terbahagi kepada dua ketegori iaitu ketegori bahan yang diterbitkan dan bahan yang tidak diterbitkan. Bahan yang diterbitkan ialah kitab-kitab ulama silam, buku-buku kontemporari, artikel-artikel dalam buku dan artikel dalam jurnal terbitan institut pengajian tinggi dan lain-lain agensi seperti Institut Tadbiran Awam Negara, Institut Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan kemajuan Islam Malaysia dan Yayasan dakwah Islam Malaysia. Sementara itu, bahan-bahan yang tidak diterbitkan pula ialah kertas kerja seminar, bengkel, laporan penyelidikan, tesis, disertasi serta artikel dalam internet.

Penelitian dan rujukan terhadap bahan-bahan daripada dua ketegori ini menyumbang pencapaian objektif kedua dan ketiga iaitu etika kerja Islam dan dalil-dalil dalam karya penulis etika kerja Islam di Malaysia dan keselarasan antara etika kerja Islam

menurut al-Quran dan al-Sunnah dengan etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia.

1.6.2.1 Kajian Dokumen (*Review of Document*)

Kajian dokumen adalah satu teknik sehalu bagi mendapatkan data. Ia boleh dijalankan tanpa mengubah susunan dokumen yang hendak dikaji. Melalui pendekatan kajian dokumen, pengkaji boleh memilih dan menyalin data yang diperlukan dan menyusunnya mengikut tahap kepentingannya bagi tujuan analisis (Catherine Marshall & Gretchen B. Rossman, 1984).

Dokumen yang hendak dikaji hendaklah dokumen yang boleh menghasilkan data yang menepati objektif kajian. Penyelidik perlu mengkategorikan dokumen-dokumen yang telah dikumpul kepada data utama dan data pelengkap (Koentjaraningrat, 1986).

Maklumat mengenai data utama yang hendak diperolehi melalui kajian dokumen ialah etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah dan penilaian di dalam karya penulis di Malaysia. Bagi mendapatkan maklumat berkenaan etika kerja menerusi al-Quran dan al-Sunnah, dokumen-dokumen yang akan dianalisa ialah dokumen yang berkaitan dengan al-Quran, kitab-kitab tafsir, kitab-kitab al-Sunnah yang muktabar dan karya-karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Dokumen kajian terhadap karya penulis di Malaysia adalah berbentuk buku, jurnal dan prosiding kertas kerja yang berkaitan dengan penulisan etika kerja Islam.

Terdapat banyak karya-karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Namun, untuk penelitian terhadap prinsip-prinsip dalam karya penulis etika kerja Islam di Malaysia ini hanya sebanyak tiga puluh (30) buah karya untuk diteliti bagi kajian ini. Pemilihan kepada karya-karya ini berasaskan kepada kaedah pencarian hingga menemui titik tepu. Karya-karya ini diteliti dan hasil pengumpulan data yang diperolehi menunjukkan bahawa bilangan karya-karya ini sudah mencukupi untuk pelaksanaan kajian ini kerana prinsip-prinsip yang disebut pada karya-karya lain sama dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam karya yang terpilih. Jumlah ini memadai sepertimana yang dinyatakan oleh Rosceo (1975) dalam Sekaran (2000), bahawa memadai bagi kebanyakan jenis kajian sains sosial menggunakan 30 hingga 500 unit sampel. Sementara itu, Mohd. Majid Konting (1990) juga telah menyatakan bahawa penentuan sampel untuk penjelasan kepada saiz populasi kurang penting dan yang pentingnya ialah jumlah sampel yang dapat mewakili populasi. Beliau juga telah mencadangkan para pengkaji menggunakan sampel melebihi 30 unit.

Sementara itu, justifikasi pemilihan tiga puluh (30) buah karya ini sebagai mewakili sebilangan besar karya etika kerja Islam oleh penulis di Malaysia ialah berpandukan kepada karya-karya ini adalah bahan bercetak yang telah diterbitkan dan ditulis oleh penulis di Malaysia tentang etika kerja Islam. Karya-karya ini juga sebagai bahan bacaan pengajian dan panduan seluruh masyarakat di Malaysia yang ingin mendalami tentang etika kerja Islam di Malaysia. Karya-karya ini juga menyatakan nilai-nilai etika kerja Islam. Nilai-nilai yang dikeluarkan oleh para penulis di Malaysia dalam karya ini disertakan bersama dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas kepada pembentukan etika kerja Islam. Pemilihan karya juga berpandu kepada penulis-penulis karya etika kerja Islam yang berkeelayakan daripada

kalangan pengurusan, profesional dan ahli akademik. Oleh itu, perlu dilakukan pemilihan kepada karya-karya tersebut agar lebih tertumpu kepada topik kajian.

1.6.3 Kaedah Analisis Data

Data yang digunakan dalam kajian ini ialah data kualitatif yang dihasilkan menggunakan dua pendekatan iaitu analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis perbandingan (*comparison analysis*). Kaedah analisis kandungan sesuai untuk digunakan dalam kajian ini bagi tujuan analisis. Menurut Babbie, analisa kandungan dapat dilakukan ke atas kandungan teks atau rekod sejarah dalam membuat kajian atau perbandingan. Selain itu, kaedah analisis perbandingan pula ialah membuat perbandingan sama ada antara dua fakta atau lebih bagi melihat persamaan, perbezaan, kelebihan atau kekurangan salah satu daripada fakta tersebut (Atan Long, 1980).

Kaedah analisis perbandingan juga digunakan bagi mengukur keselarian prinsip etika kerja Islam dan dalil yang dinyatakan oleh para penulis di Malaysia dari sudut persamaan dan perbezaan prinsip dan dalil. Data-data yang telah dikumpulkan akan dikategorikan kepada dua kategori. Pertama, data yang berkaitan dengan keseluruhan etika kerja Islam di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kedua, data-data tentang prinsip etika kerja Islam dan dalil menurut karya penulis di Malaysia di samping persamaan, perbezaan prinsip serta dalil dalam kalangan penulis di Malaysia.

Data pertama yang berkaitan dengan keseluruhan etika kerja dalam al-Quran dan al-Sunnah akan digunakan bagi menjawab objektif yang pertama. Data kategori kedua iaitu prinsip-prinsip etika kerja Islam dan dalil-dalil di dalam karya penulis di

Malaysia akan digunakan bagi menjawab objektif yang kedua. Manakala bagi menjawab objektif ketiga, gabungan kesemua data akan dianalisis dan dibandingkan dengan kajian perpustakaan mengenai etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah dan etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia. Melalui kaedah ini diharapkan persoalan dan objektif kajian bagi tesis ini akan dapat dihasilkan dengan teratur dan sistematik.

Selain itu, dalam kajian analisis kandungan ini digunakan kaedah kualitatif (Nvivo versi 8) untuk menganalisis data. Perisian Nvivo versi 8 (*Free nodes, tree nodes, case node*) telah digunakan untuk menunjukkan model kajian yang akan memberikan perincian dengan lebih lanjut pada sub dan tema kajian. Sementara itu, kaedah analisis kandungan digunakan untuk memperincikan kajian melalui analisis hasil dapatan. Hasil dapatan ini berupa jumlah dan kekerapan item prinsip etika yang dinyatakan oleh penulis dalam karya mereka. Kaedah ini perlu untuk menghuraikan segala data yang diperolehi. Melalui jumlah tersebut dapat juga dilakukan perbandingan antara karya-karya tersebut dalam membuat penentuan terhadap etika kerja Islam. Sepertimana yang dicadangkan oleh Catherine & Gretchen (1984), kategori-kategori penting dalam kajian kualitatif perlu dibentuk terlebih dahulu. Seterusnya kategori-kategori tertentu tersebut perlu diperhalusi hingga dapat menggambarkan senario sebenar yang berlaku di dalam karya-karya yang dikaji.

1.7 Ulasan Karya

Ulasan karya ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu etika kerja konvensional dan etika kerja Islam. Etika kerja konvensional dibahagikan juga kepada dua bahagian iaitu penulisan dan kajian etika kerja konvensional barat dan

kajian etika kerja konvensional di Malaysia. Sementara itu, penulisan etika kerja Islam dibahagikan kepada dua iaitu penulisan dan kajian teoritikal etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah dan kajian etika kerja Islam dalam bentuk emparikal.

1.7.1 Penulisan dan Kajian Etika Kerja Konvensional di Barat

Kajian para pengkaji barat yang menyentuh tentang nilai etika kerja ini kebanyakannya memberi penumpuan kepada Etika Kerja Protestan atau *Protestant Work Ethic* (PWE). Umpamanya, Weber (1958) menulis hubungan antara PWE dengan kemunculan faham Kapitalis dalam masyarakat Barat. Teori yang dikemukakan oleh Weber (1958) ini menghubungkan kejayaan sesuatu perniagaan dengan kepercayaan agama. Beliau menjelaskan bahawa kepercayaan *Protestant-Calvinistic* merupakan daya tolak terhadap kemunculan faham kapitalis dan mengemukakan andaian bahawa kerja dan kejayaan kewangan bukan sekadar boleh mencapai kejayaan peribadi bahkan juga kejayaan agama (Kidron, 1978).

Teori Weber (1958) ini kemudiannya dikembangkan pula ke dalam aspek psikologi kerja oleh McClelland (1961), iaitu tokoh yang menawarkan penjelasan sosio-psikologikal mengenai hubungan di antara konsep aliran Protestantisme dan kapitalisme. Beliau kemudian berusaha menggolongkan konsep Etika Kerja Protestan (PWE) dengan konsep dan teori pencapaian kehendak (*the need for achievement*) yang beliau teliti sebagai asas kepada dimensi personaliti (Furnham 1990).

Terdapat banyak kajian dan penulisan para sarjana yang dilakukan berkaitan dengan etika kerja. Antara kajian-kajian tersebut ada yang berhubung dengan komitmen kerja dan kepuasan kerja sama ada bersifat individu maupun organisasi. Kajian-kajian ini telah mendapat banyak perhatian dan ulasan daripada pelbagai pihak terutama para pengkaji Barat seperti Putti et al. (1989); Oliver (1990); Aldag dan Brief (1975); Blood (1969); Kidron (1978); Abboushi (1990); Furnham dan Rajamanickam (1992); Jones (1997); Yavas et al. (1990); Beutell dan Brenner (1986) dan Wayne, (1989) yang kesemuanya menjalankan penulisan dan pengkajian mengenai etika kerja.

Melalui kajian-kajian ini, dapat dirumuskan bahawa etika kerja diyakini mampu memberikan maklum balas positif tentang sikap seseorang pekerja dalam pelbagai bidang tugas meliputi keinginan pekerja kepada sesuatu aktiviti dan penglibatan, sikap terhadap ganjaran, berupa kewangan dan yang bukan bersifat kewangan serta keinginan untuk meningkatkan kerjaya diri (Cherrington, 1980). Malah dikatakan bahawa etika kerja dapat membantu meningkatkan kedudukan ekonomi seseorang pekerja (Congleton, 1991) dan juga menyebabkan para pekerja bertugas secara tekun dalam kerja masing-masing (Randall & Cote, 1991; Fodor, 1990).

Selain itu, terdapat kajian tentang penggunaan prinsip etika kerja dan kesannya terhadap pekerja serta organisasi. Umpamanya, Singapakdi et al. (1990) telah menjalankan penelitian dan mengenal pasti pekerja yang beretika dan kurang beretika dalam organisasi. Hasil kajian menunjukkan wujud perbandingan yang ketara antara pekerja yang menjaga kepentingan etika kerja dengan pekerja yang tidak terdedah dengan etika kerja. Pekerja yang mengambil berat dengan kod etika

kerja organisasi lebih beretika berbanding dengan pekerja yang tidak terdedah dengan etika kerja.

Seterusnya, Maccoby (1996) juga telah menjalankan kajian berkaitan penggunaan kod etika dalam organisasi. Hasil kajiannya menunjukkan penggunaan kod etika kerja dalam organisasi dapat mengurangkan kadar aduan oleh para pekerja terhadap kelakuan tidak bermoral dan beretika dalam kalangan pekerja. Selain itu, Valentine (2002) telah menyatakan dalam hasil kajian yang dilakukannya bahawa penggunaan kod etika kerja telah memberikan peningkatan tahap kepercayaan dalam kalangan para pekerja terhadap tanggungjawab sosial dan etika pekerja. Begitu juga dengan kajian Mumtaj Hassan (1995) yang melakukan kajian terhadap kepuasan pengguna terhadap penggunaan kod etika kerja organisasi di institusi perbankan. Kajian mendapati bahawa penggunaan kod etika kerja dalam organisasi telah memberikan peningkatan terhadap kepuasan pelanggan.

Selain itu, pengkaji Barat juga turut melakukan kajian dan penelitian terhadap prinsip moral yang dihubungkan dengan etika kerja dalam organisasi menurut pandangan Barat yang cenderung kepada PWE. Umpamanya Murphy et.all (1992) telah memperkenalkan lima prinsip nilai utama dalam etika kerja iaitu kepercayaan, keadilan, integriti, hormat dan persefahaman. Manakala, Shetty (2004) pula membawa enam prinsip nilai utama etika kerja dalam penulisannya iaitu kepercayaan, keadilan, tanggungjawab, kerakyatan, prihatin dan hormat. Kesemua prinsip nilai utama ini perlu dijadikan asas untuk menghasilkan keseragaman dan penyatuan terhadap kod etika kerja barat. Setelah diamati, mendapati kajian yang telah dilakukan oleh sarjana Barat berkaitan etika kerja yang juga mempunyai

hubungan dengan kepercayaan agama yang menjadi nilai utama dalam pembentukan etika kerja mereka.

1.7.2 Penulisan dan Kajian Etika Kerja Konvensional di Malaysia

Pengkajian berhubung etika kerja ini tidak hanya dilakukan di Barat sahaja malah juga di Malaysia. Kajian-kajian yang berhubung dengan etika kerja yang dijalankan di Malaysia kebanyakannya memberi tumpuan kepada pelaksanaan dan pengamalan etika kerja organisasi di sektor pekerjaan awam tertentu. Umpamanya, kajian oleh Mohd Sanusi Hamdan (2003) yang menjalankan kajian pengamalan etika kerja dalam kalangan kakitangan Pusat Serenti. Hasil kajian menunjukkan peningkatan etika dan moral pekerja dengan tugas yang dilaksanakan. Sementara, Shukri Yaacob (2002) menjalankan kajian etika kerja terhadap pekerja di Jabatan Polis dari sudut pelaksanaan kerja mereka. Hasil mendapati disiplin dan pelaksanaan kerja semakin meningkat.

Selain itu, Ali Hasan (2002) telah menjalankan kajian berkaitan pengurusan etika kerja di Jabatan Imigresen, Mohd Hatta Salim (2001) di Kementerian Belia dan Sukan menilai dari sudut pengamalan dikalangan pekerja, Hanifah Ahmad (1999) menjalani kajian di Universiti Teknologi Malaysia Skudai berkaitan pengamalan etika kerja kakitangan. Sementara itu, Zaidie Chee Din (1998) telah membuat kajian pengamalan dan pelaksanaan etika kerja di sektor awam negeri. Mahmood Nazar Mohamed et al. (1997) juga melaksanakan kajian untuk mengukur tahap pengamalan etika kerja dalam kalangan kakitangan sektor awan.

Kajian etika kerja dalam sektor pekerjaan swasta juga turut dilaksanakan oleh pengkaji di Malaysia. Antaranya ialah Ab. Rahim Ab. Hamid (2002) yang mengkaji budaya etika kerja organisasi dalam sektor korporat, Abdullah Haji Abdul Ghani (1999 & 2000) mengkaji tentang pengukuran pengaruh tingkah laku etika ketua terhadap tingkah laku para pekerja di sektor kewangan. Sementara Abd. Razak Taha (1998) mengkaji amalan etika kerja dan pengaruhnya terhadap para pekerja dalam industri pembuatan. Seterusnya Guat Ean Ong (1998) yang mengkaji etika kerja dalam kalangan peguam di Malaysia, Siti Aisyah Yahya (2000) mengkaji etika kerja terhadap para pekerja dalam bidang kerja sosial di Malaysia.

Selain itu, terdapat juga kajian-kajian yang dijalankan dengan memberikan tumpuan untuk mengenal pasti dan melihat pengaruh jantina ke atas perlakuan tidak beretika dalam amalan kerja dilakukan oleh Geetchanli Ramasamy (2003). Terdapat juga kajian terhadap bangsa dan etnik seperti kajian Md. Zabid Abdul Rashid (2003) yang membuat kajian mengenai faktor-faktor yang membawa kepada perbezaan nilai kerja antara kaum dan bangsa di Malaysia. Seterusnya, kajian daripada Nik Abdul Rashid Ismail (1977), iaitu mengenal pasti perbezaan sistem nilai kerja rakyat Malaysia dan amalan etika pengurus dalam kalangan bangsa Melayu, Cina dan India.

1.7.3 Penulisan dan Kajian Mengenai Etika Kerja Islam

Kajian mengenai etika kerja Islam secara jelasnya dibahagikan kepada dua bentuk kajian iaitu kajian teoritikal dan kajian empirikal.

1.7.3.1 Penulisan dan Kajian Teoritikal Mengenai Etika Kerja Menurut al-Quran dan al-Sunnah

Bagi kajian etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah, kajian-kajian berbentuk teoritikal lebih memfokuskan penelitian tentang etika kerja Islam seperti prinsip, nilai, ciri-ciri dan sebagainya sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat penumpuan khusus dan umum dalam kajian teoritikal mengenai etika kerja Islam. Penumpuan khusus kajian etika kerja umpamanya kajian yang menjurus kepada bidang perniagaan, seperti kajian Mushtaq Ahmad (1983), yang meneliti pandangan al-Quran tentang konsep etika perniagaan, konsep dan etika mengumpulkan harta kekayaan serta prinsip-prinsip asas konsep perniagaan yang dibenarkan oleh Islam.

Sementara itu, Mahmud Muhammad Babilily (1990), pula telah melakukan penelitian melalui sumber al-Sunnah terhadap etika kerja perniaga Islam. Selain itu, Nik Roskiman Abdul Samad (2003), telah mengenal pasti lapan prinsip nilai terhadap kualiti etika kerja yang perlu dimiliki oleh para pengurus dan pentadbir Muslim iaitu bertanggungjawab, adil, baik, jujur, taat, cekap, sederhana dan berbuat kebajikan.

Selain itu, terdapat juga kajian terhadap etika melalui pemikiran tokoh-tokoh sarjana Islam. Umpamanya, Kajian Ketokohan Ibn Miskawyah (M. tahun 1032) melalui pemikiran etika yang telah mendapat pengiktirafan para sarjana Timur dan Barat sebagai satu pembentukan falsafah etika yang kukuh dalam bidang etika oleh Mohd Nasir Omar (2003). Begitu juga Suwito (2004), yang mengkaji falsafah etika Ibn Miskawyah yang menggandingkan perletakan syariat serta falsafah.

Selain itu pemikiran al-Ghazali juga turut dikaji. M.‘Umaruddin dan Nik Roskiman Abdul Samad (2003) telah membincangkan tentang pemikiran etika al-Ghazali (M. tahun 1111). Al-Ghazali memberikan penekanan terhadap jiwa manusia sebagai komponen terpenting bagi pembentukan etika dan akhlak manusia. Jiwa merupakan tunjang serta komponen asas dan perlu dididik dengan sempurna supaya dapat memberikan perubahan pada diri dan etika serta akhlak manusia agar tidak terpesong daripada landasannya. Menurut al-Ghazali lagi, pendidikan yang sempurna kepada jiwa mestilah berlandaskan falsafah tauhid bagi melahirkan muslim yang beretika.

Begitu juga, Raghīb Isfahani turut ditonjolkan sebagai seorang tokoh pemikir dan ahli falsafah moral Islam. Amril M. (2002) telah melakukan satu kajian terhadap pemikiran etika Raghīb al-Isfahani (M. tahun 1108) dan mendapati Raghīb al-Isfahani yang telah menggabungkan unsur falsafah, syariat dan juga kesufian dalam penulisannya. Percambahan pemikiran etika oleh Raghīb Isfahani ini telah melahirkan dan memperkembangkan ilmu Islam dalam bidang akhlak atau etika Islam dan telah menjadi panduan ummah sejagat.

Pengkajian tentang etika kerja Islam tidak hanya tertumpu pada konsep dan pemikiran tokoh sahaja ia juga menfokuskan pada peranan dan kepentingan etika kerja Islam. Umpamanya, kajian yang dilakukan oleh Ahmad Bashir @ Zolmat Aziz (2005) telah mendapati bahawa etika Islam telah memainkan peranan yang penting terhadap pembentukan budaya pengurusan menyeluruh menurut perspektif Islam. Begitu juga dengan kajian Nor ‘Azzah Kamri (2002) yang mendapati bahawa etika Islam memainkan peranan sebagai satu alternatif dalam membentuk penghidupan

manusia yang terbaik dari sudut penghidupan individu, kekeluargaan dan masyarakat.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Shukri Ahmad (1993) pula adalah kajian perbandingan etika kerja daripada perspektif agama dan budaya seperti etika kerja Kristian (Protestant), etika kerja Confucius, etika kerja Korea (Buddha) dan etika kerja Jepun (Shintoisme). Perbandingan antara etika ini dilakukan dari segi falsafah, sumber, nilai-nilai utama dan sebagainya. Begitu juga dengan Wan Sabri Wan Husin (2001), yang juga telah melakukan kajian perbandingan antara etika kerja Islam dan etika kerja barat dari sudut falsafah, prinsip, nilai dan matlamat. Hasil kajian mendapati bahawa kebaikan dan kesempurnaan pada etika kerja Islam lebih terserlah berbanding etika kerja konvensional sama ada dari sudut falsafah, nilai, prinsip dan matlamatnya.

Selain daripada kajian berbentuk khusus, terdapat juga kajian etika kerja yang bersifat umum yang menumpu kepada prinsip, nilai atau ciri-ciri. Umpamanya kajian untuk mengenalpasti prinsip-prinsip akhlak umum yang terdapat di dalam al-Quran yang menjadi asas kepada pembentukan peribadi seorang muslim yang telah dijalankan oleh Muhammad ‘Abdullah Darraz (1982).

1.7.3.2 Kajian Empirikal Mengenai Etika Kerja Islam

Kajian empirikal terhadap etika kerja Islam telah dijalankan oleh ramai para pengkaji tertumpu pada organisasi dan institusi tempat kerja sama ada sektor awam atau swasta. Di negara luar, umpamanya kajian Abbas Ali (2001) yang berjaya menghasilkan satu model skala etika kerja Islam. Kajian ini telah dilakukan ke atas

150 orang penuntut berbangsa Arab di Amerika Syarikat. Hasil kajian telah melahirkan satu model yang boleh digunapakai untuk mengukur tahap pengamalan para pekerja melalui etika kerja Islam yang boleh dipercayai dan diyakini kesahihannya.

Seterusnya Darwish A. Yousef (2000; 2001) telah menjalankan kajian berhubung amalan etika kerja Islam di beberapa syarikat terpilih di Emiriah Arab Bersatu (UAE). Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti etika kerja Islam merupakan fungsi penting dan mempunyai hubungannya dengan jangkauan kawalan, kesamaran peranan, komitmen terhadap organisasi dan kepuasan kerja. Hasil kajian mendapati bahawa etika kerja Islam dapat mempengaruhi kepuasan kerja dan komitmen pekerja terhadap organisasi, serta mempunyai hubungan rapat dengan jangkauan kawalan dan kesamaran peranan pekerja.

Sementara itu, kajian empirikal terhadap etika kerja Islam di Malaysia memperlihatkan pelbagai institusi di dalam negara telah dipilih sebagai lokasi untuk kajian etika kerja Islam. Umpamanya, Normala Ibrahim (2001) menjalankan kajian pengamalan budaya kerja Islam di sekolah-sekolah menengah terpilih di Kuala Langat Selangor. Hasil kajian pengamalan budaya kerja Islam di sekolah-sekolah menengah terpilih di Kuala Langat, Selangor menunjukkan secara keseluruhannya pengamalan budaya kerja Islam berada di tahap sederhana di mana min adalah sebanyak 3.01.

Shukri Ahmad (1993) pula mengukur komitmen para kakitangan Pusat Islam Universiti Utara Malaysia dalam menghayati etika kerja Islam yang telah digubal

oleh pihak kerajaan. Kajian mendapati bahawa penghayatan etika kerja Islam berada di tahap yang tinggi di mana min adalah sebanyak 4.35.

Selain itu, Maznah Ali (1991) menjalankan kajian tentang aplikasi penggubalan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dan implikasinya dalam kerjaya di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara nilai-nilai Islam dengan kerjaya di INTAN di mana nilai korelasi menunjukkan $r= .505$, $p> .01$.

Sementara itu, Mohd Asri Abdullah (1998) telah menjalankan kajian di Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) terhadap usaha-usaha penerapan etika kerja Islam dan penghayatan kakitangan dalam usaha untuk mencapai visi Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam. Hasilnya didapati terdapat hubungan yang signifikan antara etika kerja Islam di mana nilai korelasi menunjukkan $r=.405$, $p> .01$ dan penghayatan kakitangan MPKB terhadap usaha untuk mencapai visi Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam berada di tahap yang tinggi di mana hasil analisis min menunjukkan sebanyak 4.56. Sementara, Mohd Nazim Latif (2007), mengkaji keberkesanan penerapan nilai dan etika kerja Islam dalam pentadbiran awam di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Hasil dapatan menunjukkan tahap keberkesanan nilai dan etika kerja Islam dalam kalangan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia adalah tinggi di mana min menunjukkan sebanyak 4.43. Ini menunjukkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah melaksanakan etika kerja Islam dalam organisasi mereka dengan baik.

Terdapat juga kajian etika kerja Islam terhadap usahawan. Umpamanya, kajian yang dilakukan oleh Wan Sabri Wan Hussin (2001) terhadap usahawan terpilih di sekitar Lembah Kelang. Hasil kajian menunjukkan penghayatan dalam kalangan usahawan tersebut terhadap nilai dan etika kerja Islam adalah sangat rendah di mana hasil analisis min menunjukkan sebanyak 1.98 dan tidak menepati jangkaan ketika aktiviti perniagaan mahupun aktiviti kehidupan harian.

Sementara itu, terdapat perbezaan pada hasil kajian yang dilakukan oleh Nor Asmah Haji Othman *et al* (2005) yang telah menjalankan kajian terhadap usahawan muslim di Rantau Panjang, Kelantan. Hasil kajian telah mendapati bahawa penghayatan terhadap nilai dan etika kerja Islam adalah sangat tinggi (min = 3.95) dalam aktiviti perniagaan dan aktiviti kehidupan harian mereka.

Kajian-kajian yang telah dijalankan di atas secara keseluruhannya menunjukkan etika kerja Islam sememangnya telah dilaksanakan dalam institusi-institusi dan organisasi di Malaysia dan negara luar. Namun, pelaksanaan etika kerja Islam ini hanya ditahap memuaskan, tidak bersifat menyeluruh dan masih wujud kelemahan yang perlu diperbaiki, terutama pada kaedah pelaksanaannya. Etika kerja Islam memberikan penekanan kepada beberapa aspek antaranya azam dan niat berbanding hasil kerja. Nabi Muhammad bersabda yang bermaksud:

Setiap perbuatan itu berdasarkan niatnya.

(HR Bukhari, *bab niat*: no 1)

Etika kerja Islam juga memberikan penekanan terhadap tanggungjawab, keadilan dan sifat murah hati di tempat kerja dan menekankan penglibatan diri dalam penghidupan dengan masyarakat dan ia merupakan tanggungjawab agama.

Hasil penelitian terhadap ulasan karya ini mendapati dua perkara yang perlu diberi penekanan iaitu pertama, kajian berkaitan prinsip etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah perlu dijalankan kerana kajian bersifat ilmiah berteraskan al-Quran dan al-Sunnah masih kurang. Walaupun terdapat juga penulisan yang berkaitan dengan etika kerja Islam ini umpamanya penulisan buku yang dikarang oleh Sayyed Hussain Nasr (1989) bertajuk Tradisi Kerja Islam, Shukri Ahmad (1993) bertajuk *Islamic Work Etchic*, Khayyat (1994) Etika Kerja dalam Islam dan sebagainya namun penulisan dan kajian-kajian lepas mengenai etika kerja Islam memperlihatkan pelbagai pendekatan. Kebanyakan kajian yang dijalankan lebih kepada peranan etika pada organisasi, hubungan etika dan komitmen kerja. Walaupun terdapat kajian-kajian yang menjurus kepada etika kerja Islam, namun nilai etika yang dibincangkan masih dipengaruhi kerangka pemikiran barat.

Keduanya, kajian di Malaysia masih kurang khususnya mengenai karya penulis-penulis yang membincangkan prinsip-prinsip etika kerja Islam. Kebanyakan kajian yang dinyatakan adalah kajian dan penulisan-penulisan tokoh ulama Islam yang menjurus kepada pembinaan akhlak yang bersifat umum umpamanya Jaafar Salleh (1998) Etika dan Agenda Seorang Islam, Ismail Ibrahim (1993) Budaya kerja, Danial (2005) Tip-Tip Cemerlang dalam al-Quran dan sebagainya. Namun masih terdapat kekurangan terhadap konsep nilai etika kerja Islam yang jelas dan bersifat menyeluruh menekankan bentuk pekerjaan duniawi yang dititip daripada al-Quran dan al-Sunnah serta disahkan oleh tokoh-tokoh sarjana muslim pada masa kini.


Oleh yang demikian, kajian mengenai etika kerja bersumber al-Quran dan al-Sunnah perlu dilaksanakan. Ini kerana al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber asas yang

mesti dipraktikkan oleh umat Islam. Umat Islam sudah mempunyai sumber yang terbaik dan harus menggunakannya, kerangka dan acuannya telah disediakan, cuma perlu digarapkan kaedah pelaksanaannya semula oleh umat Islam bersesuaian dengan kehidupan semasa.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini melibatkan etika kerja Islam yang di bahagikan kepada dua bahagian iaitu kajian tentang prinsip etika kerja Islam dalam al-Quran dan al-Sunnah dan kajian terhadap etika kerja Islam dalam karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Pada bahagian pertama, prinsip-prinsip dalam al-Quran dan al-Sunnah akan dihubungkan dengan tiga aspek utama yang berkait dengan etika kerja iaitu komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Ini bertujuan untuk menentukan bahawa prinsip-prinsip yang disebut di dalam al-Quran dan al-Sunnah itu berkait rapat dengan elemen-elemen etika kerja.

Sementara itu, bagi nilai etika kerja yang dinyatakan oleh para penulis karya etika kerja Islam, kajian akan dilakukan berdasarkan prinsip dan dalil serta prinsip dan dalil yang dominan. Ini bertujuan untuk memastikan persamaan dan perbezaan antara para penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Seterusnya prinsip etika kerja daripada al-Quran dan al-Sunnah dan prinsip daripada karya penulis ini akan di rumuskan dari sudut keseragamannya untuk memperoleh satu prinsip etika kerja Islam yang berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Di bawah ini akan dinyatakan Rajah 1.3 untuk kerangka konsep kajian seperti berikut:



Rajah 1.3. Kerangka Kajian

Etika kerja Islam merupakan satu orientasi untuk memajukan sesuatu pekerjaan berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah (Ahmad, 1976). Etika kerja Islam juga turut mempengaruhi nilai kerja seseorang dan keperluan untuk meningkatkan keseimbangan antara individu dan sosial.

Perbincangan tentang etika kerja Islam membawa kepada wujudnya konsep pengolahan yang khusus. Ia membawa satu kerangka bagaimana seharusnya etika kerja menurut al-Quran dan al-Sunnah dinilai dan dikaji secara mendalam oleh pengkaji. Penilaian dan pengkajian ini akan melahirkan prinsip-prinsip etika kerja Islam yang lebih kukuh.

Melalui perbahasan tentang etika kerja Islam, Sayyid Hussein Nasr (1989) telah menjelaskan bahawa etika kerja Islam itu mesti dibina melalui al-Quran dan al-Sunnah. Kerana di dalam al-Quran dan al-Sunnah terdapat pelbagai prinsip asas dalam kehidupan. Prinsip-prinsip di dalam al-Quran dan al-Sunnah ini ada yang dinyatakan secara jelas dan ada juga yang perlu kepada pentafsiran. Antara langkah untuk mewujudkan etika kerja Islam yang sempurna dan sistematik ialah prinsip-prinsip etika kerja perlu berdalilkan kepada sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah.


Ali, A (2001) etika kerja Islam terdiri daripada beberapa prinsip utama seperti keadilan, ketekunan, tanggungjawab dan kerjasama. Prinsip-prinsip asas ini berhubung rapat dengan aspek komitmen, ganjaran dan kepuasan kerja. Aspek-aspek ini akan melahirkan kecemerlangan kerja seperti yang disarankan dalam Islam.

Menurut Abd. Rauf (1984), pembentukan etika kerja dalam Islam adalah untuk melahirkan pekerja yang dapat memenuhi permintaan yang terdapat dalam masyarakat dari sudut pekerjaan dan produktiviti. Produktiviti kerja yang baik memerlukan kepada pekerja yang cemerlang. Kecemerlangan pekerja akan wujud terdiri daripada unsur nilai dalaman dan luaran diri pekerja itu sendiri. Justeru, etika kerja Islam terbentuk daripada dua nilai iaitu nilai intrinsik dan ekstrinsik.

Kajian ini juga akan membincangkan etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah yang mempunyai hubungan rapat dengan aspek komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Konsep komitmen, kepuasan dan ganjaran telah dinyatakan dengan meluasnya dalam al-Quran. Al-Quran banyak memuji orang yang melakukan pekerjaan dan berusaha mencari nafkah dengan bersungguh-sungguh. Setiap manusia telah dijanjikan ganjaran yang baik terhadap kerja yang telah dilaksanakan dengan sempurna dan menjadikannya sebagai satu kepuasan dalam hidup mereka walaupun mereka terpaksa berpenat lelah (Abeng, 1997). Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan satu bentuk etika kerja Islam yang lahir dari al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama umat Islam.

Pengkaji barat telah banyak melakukan kajian yang menumpukan kepada etika kerja. Kebanyakan perbincangan kajian mereka terhadap etika kerja akan berkait dengan tiga perkara iaitu komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Menurut para pengkaji barat, terdapat hubungan yang signifikan antara etika kerja dengan komitmen kerja, kepuasan kerja dan ganjaran kerja (Blood, 1969; Aldag & Brief, 1975; Putti 1989; Oliver, 1990; Jones, 1997).

Menurut Abbas Ali (2008), pengkajian emperikal menunjukkan bahawa etika kerja Islam mempunyai hubungan dengan tiga perkara iaitu aspek komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Yuosef (2000) pula menjelaskan terdapat hubungan positif di antara etika kerja Islam dengan komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Abdul Rauf (1984), berpandangan bahawa konsep etika kerja Islam yang terdapat di dalam al-Quran dan sunah Nabi Muhammad SAW adalah bersifat intrinsik (dalaman) dan ekstrinsik (luaran). Keduanya, mendorong manusia supaya bekerja secara bersungguh-sungguh dengan semangat (motivasi) dan mendapat ganjaran bersifat dunia akhirat. Di bawah ini ditunjukkan Rajah 1.4 hubungan etika kerja Islam yang terdiri daripada aspek intrinsik dan ekstrinsik dengan komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran.



Rajah 1.4. Hubungan Etika Kerja Islam dengan Komitmen, Kepuasan Kerja dan Ganjaran.
(Sumber: Ubahsuai daripada Abbas Ali, 2008).

1.8.1 Komitmen (Tanggungjawab)

Komitmen yang dimaksudkan ialah kebertanggungjawaban individu kepada pekerjaannya atau organisasinya yang menunjukkan sikap seseorang berasaskan nilai-nilai yang dimiliki dan diwujudkan melalui perilaku pada organisasi (Abd. Aziz Yusof, 2008). Penilaian terhadap komitmen tersebut akan diperlihatkan oleh seseorang melalui keterlibatannya dalam pekerjaan atau organisasi. Keyakinan atau kepercayaan terhadap tujuan dan nilai kerja serta organisasinya lebih tinggi. Ia mampu dan berupaya untuk membantu usaha dan tugas dalam organisasi bagi mencapai tujuan dan juga akan mempertahankan dirinya untuk menjadi salah seorang daripada pekerja dalam organisasi tersebut secara tetap (Kamal Hassan, 1992).

Para pekerja Muslim bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas yang cemerlang dengan menggunakan berbagai-bagai angkuabah pengurusan dan program bagi meningkatkan mutu kerja (al-Qardhawi, 1995). Para pekerja Muslim juga perlu mengetahui bahawa cita-cita merealisasi negara dan masyarakat Islam yang sejahtera merupakan suatu kewajipan dalam agama. Komitmen kepada agama Islam atau kerana Allah tidak boleh disia-siakan dengan komitmen lain yang jauh lebih rendah statusnya (Ahmad Ibrahim, 1991). Islam bukan agama yang memisahkan dirinya daripada realiti sosial, politik, ekonomi dan lain-lain. Sebaliknya Islam ialah agama yang praktikal dan mempunyai keprihatinan yang menyeluruh (Nor Azzah, 2002). Usaha merealisasikan cita-cita ini adalah kewajipan setiap umat Islam dan menjadi suatu jihad dan amalan soleh.

Selain itu, komitmen juga merupakan satu kesepakatan atau muafakat yang tinggi dan berkesan dalam kumpulan untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan (Siti Nor Akhidah, 2006). Penekanan terhadap perkara ini akan meningkatkan semangat kerjasama dan persefahaman. Kerjasama boleh diwujudkan dalam berbagai tahap dan proses pekerjaan. Suasana kerjasama yang erat boleh diwujudkan bagi memperolehi idea-idea baharu dan memberikan cadangan yang bijak, memudahkan pekerjaan yang sukar, menyelesaikan masalah yang rumit, memajukan diri dan rakan, memajukan organisasi, menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat dan negara (Md Zhahir, 2000).

Sementara itu, kerja secara berpasukan juga merupakan satu proses kerjasama dalam bentuk pelaksanaan kerja dan boleh menghasilkan berbagai-bagai kejutan. Segala faktor-faktor yang terkandung dalam pekerjaan akan menjadi lebih efektif dan seterusnya akan meningkatkan kualiti kerja boleh ditingkatkan serta mengelakkan pembaziran.

1.8.2 Kepuasan Kerja (Bersungguh dan Bersemangat)

Ramai para sarjana telah mendefinisikan tentang kepuasan kerja umpamanya, Vroom (1964) menyatakan bahawa kepuasan kerja ialah satu perkiraan dan jangkaan seseorang itu terhadap tindakan yang dilakukan sama ada mencapai hasil yang diinginkan atau sebaliknya. Smith et al. (1969), pula mendefinisikan kepuasan kerja adalah merupakan satu sentimen perasaan atau tindak balas afektif terhadap situasi dalam organisasi. Sementara, Locke (1984) dan Mitchell (2004) mendefinisikan kepuasan kerja merupakan suatu suasana emosi yang mendatangkan keseronokan bagi seseorang pekerja terhadap kerja yang dilakukannya.

Morgan (1993) pula menyatakan bahawa kepuasan kerja ialah satu jaringan dan hubungan antara perasaan kepercayaan dan kecenderungan kelakuan dan sikap individu terhadap sesuatu pekerjaan. Littunen (2000) pula mengungkapkan bahawa kepuasan kerja ialah satu emosi positif yang membawa ketenangan, ia wujud hasil daripada pengalaman dan penilaian terhadap sesuatu tugas yang dilakukan. Secara umumnya, kepuasan kerja adalah merujuk kepada suatu perasaan yang mendatangkan kegembiraan, keseronokan dan memberikan kebahagiaan terhadap seseorang pekerja dengan pekerjaannya (Locke, 1984; Mitchell, 2004; Laming, 2004). Selain itu, kepuasan kerja akan tercapai apabila tahap persekitaran kerja memenuhi keperluannya dan individu pekerja berpuas hati dengan kerja yang dilaksanakannya (Dawis & Lofquist, 1984).

Kepuasan kerja merupakan suatu yang relatif. Namun, terdapat suatu piawai yang dijadikan pengukur kualiti kecemerlangan tugas atau khidmat. Ia dinilai dengan kepuasan majikan, kepuasan pelanggan dan rakan sekerja (Lewis, 1983). Perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan juga melibatkan hubungan dengan kecemerlangan kerja (Syarifah Hayaati, 2010).

Perkhidmatan secara ringkas mencakupi servis yang pantas dan cekap, maklumat yang tepat dan padat, interaksi yang mudah, layanan yang mesra, suasana yang bersih dan indah serta menyegarkan. Sementara perkhidmatan barangan pula, ia melibatkan produk yang berkualiti iaitu yang boleh dianggap baik dari sudut kebolehpercayaan, bentuk, mematuhi spesifikasi, tahan, cantik, mempunyai khidmat susulan yang mudah, reputasi dan sebagainya (Faisal Othman, 1994). Selain itu,

kepuasan kerja amat berkait rapat dengan sikap seseorang mengenai kerjanya.

Menurut Lynn kepuasan kerja itu ialah:

The appraisal of one's job as attaining or allowing the attainment of one's important job values, providing these value are congruent with or help fulfill one's basic needs (McGregor, 2000: 16).

Pekerjaan seseorang itu akan dinilai melalui pencapaian kerja yang dilakukan. Justeru, penyediaan nilai-nilai pekerjaan yang sesuai terhadap pekerja itu penting agar dapat meningkatkan pencapaiannya. Menurut Hassan (2007), kepuasan kerja dapat mempengaruhi perilaku pekerja seperti komitmen, peningkatan kerja, kehadiran dan pengunduran diri.

Oleh itu, Islam menekankan bahawa kepuasan kerja itu tidak hanya tertumpu pada sudut dunia semata-mata tetapi ia juga menumpukan aspek akhirat (Labib al-Said, 1985). Islam menetapkan kerja sebagai ibadah di samping ibadah khusus yang lain seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji. Pahala akan turut diberikan sekiranya ia sering dilakukan dengan amanah, ikhlas, cekap, tekun (Bukhari, 1996) bersungguh-sungguh, ihsan, bersabar (al-Nawawi, 1981) dan diniatkan ibadah kerana Allah Talla (Abdul Aziz, 1991). Keadaan ini akan dapat dicapai sekiranya umat Islam tidak terus bekerja hingga luput waktu sembahyang (Surah al-Jum'ah, 62: 11).

Islam juga menekankan *istiqamah* dalam kerja iaitu bekerja secara berterusan tanpa mengenal penat dan lelah serta putus asa (Surah al-Ahqaf, 46: 13), serta mempunyai semangat saling membantu dalam kerja dan mempunyai pemikiran bersepadu melalui pendekatan musyawarah bagi mendapatkan keputusan dan tindakan yang terbaik (Surah al-Syura, 42: 38). Seterusnya, berusaha bersungguh-sungguh dan bertawakal pada *qada* dan *qadar* Allah SWT. Penetapan yang telah dibuat oleh

Islam iaitu segala perbuatan yang baik ialah amal soleh (Surah al-Nahl, 16: 97) dan pastinya diberikan pahala di akhirat kelak. Segala perlakuan amal soleh akan memberikan sumbangan kepada masyarakat demi menjaga kemakmuran sejagat (Surah al-Syura, 42: 42).

Bagi melahirkan matlamat kepuasan kerja untuk dunia dan akhirat seperti yang dikehendaki oleh Islam, pekerjaan yang dilakukan itu juga mesti halal di sisi perundangan Islam (al-Bukhari, 1996) umpamanya keusahawanan, penternakan, pertanian dan perniagaan kerana dengan rezeki yang halal seseorang muslim akan memperoleh pahala dan keampunan (Surah al-Tin, 95: 6) dan diberikan balasan kehidupan di syurga (Surah al-Baqarah, 2: 25) kerana telah mendapat kerahmatan serta keredaan Allah Taala. Pencarian dan perolehan rezeki yang halal ialah satu kefardhuan dalam Islam kerana dengan rezeki tersebut seseorang Muslim dapat menjaga maruah dan kehormatannya seperti menghindarkan dirinya daripada meminta sedekah dan terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah dan mungkar seperti merompak, mencuri, mengambil sesuatu dengan zalim dan sebagainya (Muhammad Abu Zahrah, 1987).

Apabila faktor-faktor di atas dipenuhi, ia akan memberikan kepuasan pada diri seorang pekerja muslim yang bertaqwa kerana dapat membuktikan bahawa beliau mampu untuk menjalankan kerja dengan sebaiknya bagi memenuhi keperluan diri dan keluarga dari sudut perbelanjaan hidup tanpa bergantung pada orang lain (Hasanah & Noor Shakirah, 2006). Sementara itu, kepuasan juga wujud apabila segala pekerjaan untuk mencari rezeki ini adalah menurut landasan yang diluluskan oleh syarak (Abi Daud, t.th). Kepuasan juga wujud disebabkan majikan memberi

penghargaan dan pujian terhadap kerja yang dilakukan serta sokongan moral melalui pemberian gaji dan imbuhan yang setimpal dengan tugas yang diberikan dan tidak melengahkan pembayaran gaji (Hakim Mohamad Said, 1989).

Ketetapan piawaian kepuasan kerja dalam Islam bukan hanya terbatas pada aspek material atau lahiriah semata-mata seperti harta benda dunia dan pangkat tetapi ia juga bergantung pada sesuatu yang bersifat kejiwaan seperti iman dan amal soleh yang dilakukan oleh manusia (Ahmad, 2002). Hassan al-Banna (2002), menyatakan kepuasan kerja dalam Islam itu ialah kepuasan yang timbul dan dapat dirasakan oleh seorang petugas Muslim ketika dia mengharapkan anugerah pahala dari Allah SWT atau mendapat reda Allah SWT. Sepertimana yang telah dirakamkan oleh Allah melalui firman-Nya yang bermaksud:

Tidakkah kamu perhatikan sesungguhnya Allah telah menundukkan untuk kepentinganmu apa yang dilangit dan apa yang di bumi dan menyempurnakan untukmu nikmatNya lahir dan batin.

(Surah Luqman, 31: 20)

Oleh itu, kepuasan kerja dalam Islam menekankan kepada kesepaduan dan keseimbangan antara kepuasan rohani dan jasmani. Seorang pekerja Muslim yang berpuas hati dengan kerjanya telah memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat melalui amalan yang dilakukan sewaktu di dunia dan telah dikurniakan hasil seperti mana yang dianjurkan oleh Islam sebagai *al-falah* (Surah al-Baqarah, 2: 201).

1.8.3 Ganjaran

Terdapat dua bentuk kategori ganjaran iaitu dalaman (intrinsik) dan luaran (ekstrinsik) (Azman Omar, 1997). Bentuk ganjaran dalaman ialah ganjaran yang tiada dalam sistem atau skim ganjaran secara langsung seperti tugas, tanggungjawab,

pangkat, pengiktirafan, penghargaan dan pencapaian. Ia merupakan satu perolehan secara tidak langsung melalui pelaksanaan dan tindakan dalam situasi yang terdapat dalam organisasi. Sementara itu, ganjaran luaran pula seperti gaji, elaun, bonus, komisyen, suasana kerja, polisi syarikat, bantuan teknikal, penyeliaan dan keselamatan pekerja (Vroom, 1995). Justeru, ganjaran yang dapat difahami secara umumnya adalah faedah-faedah dalaman dan luaran yang diperolehi oleh individu pekerja terhasil daripada pekerjaan mereka (Shaffer, 1994) dan juga setiap pembayaran serta imbuhan yang diterima oleh individu terhadap perkhidmatan mereka (Shailer, 1994).

Dalam Islam, pembentukan ganjaran lebih bersifat syumul dan sempurna iaitu menjurus kepada ganjaran di dunia dan akhirat. Ganjaran yang dikehendaki oleh Islam adalah bersifat seimbang dan penuh keserasian serta harmoni tanpa meninggalkan salah satu daripada keduanya (al-Qardhawi, 2000). Manusia tidak seharusnya membiarkan apa yang wujud daripada nikmat dan ganjaran dunia hanya untuk mengejar ganjaran akhirat dan begitu juga sebaliknya (Ibn Hajar, 1989). Allah SWT berfirman:

Wahai Tuhan kami, berilah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari api neraka.

(Surah al-Baqarah, 2: 201)

Sesungguhnya orang yang berbahagia adalah orang yang berjaya mendapat ganjaran dalam kehidupan dunia dan akhirat. Ganjaran dunia adalah ganjaran yang berbentuk nikmat seperti rezeki, pakaian, tempat tinggal, kenderaan, kesihatan dan sebagainya (al-Zuhaily, 1991). Dalam Islam, pekerjaan merupakan satu amalan penghidupan di dunia yang berhubung dengan penghidupan akhirat (al-Nasai, 1930; Abi Daud, t.t).

Sesuatu pekerjaan itu mampu memberikan ganjaran dunia dengan penghasilan kerja yang dilakukan seperti gaji, bonus, jawatan, pangkat dan sebagainya. Namun, pada masa yang sama juga boleh menghasilkan ganjaran akhirat seperti ganjaran pahala yang terhasil daripada pekerjaan tersebut yang dilakukan dengan tanggungjawab serta niat ikhlas kerana Allah (Azman Omar, 2001).

Ganjaran yang meliputi dunia dan akhirat ini memberikan kekuatan dan kesungguhan semangat untuk bekerja dengan baik dalam kalangan umat Islam (al-Qardhawi, 2000). Ganjaran juga merupakan satu proses motivasi yang memberi semangat, arah dan kegigihan kepada pekerja. Setiap pekerja yang terangsang dengan motivasi ganjaran ini adalah pekerja yang bertenaga dan akan bertahan lama (Oran, 2009).

Motivasi terbit daripada bahasa latin "*movere*" yang bererti "*to move*". Beberapa maksud motivasi dapat diungkapkan iaitu satu proses yang menaikkan, memandu, mengarah dan mempertahankan pelaksanaan manusia untuk mencapai kehendak dan tujuan. Motivasi juga bermaksud satu dorongan terhadap seseorang untuk melaksanakan sesuatu perkara (Petri, 1991). Beck (1990), pula memberikan maksud motivasi iaitu suatu gambaran terhadap variasi tingkah laku manusia yang berbagai-bagai. Manakala Luthans (2002) menyatakan motivasi merupakan satu proses yang bermula dengan kekurangan psikologi dan fisiologi, atau keperluan untuk mengerakkan dorongan atau gelagat yang menghala ke arah satu matlamat.

Menurut pandangan Islam, kelakuan dan tabiat manusia ditentukan oleh sikap akhlak mereka (Surah al-Ra'd, 13: 13). Motivasi ialah suatu rangsangan dalaman, merangkumi rohani dan jasmani. Ia mampu membangunkan dan menggerakkan tingkah laku (Ahmad Izzat, t.th). Menurut Syeikh Badawi (2000), motivasi ialah rangsangan dalaman manusia bagi menyempurnakan rasa takut, lapar, dahaga dan letih. Menurut Muhammad Mahmud (1993), dalam motivasi terkandung beberapa elemen seperti tujuan, pendorong, penggalak serta keperluan.

Perbincangan di atas menjelaskan motivasi berperanan penting membentuk tingkah laku manusia. Oleh itu, tingkah laku manusia itu perlu dikawal dan dibimbing dengan syariat Islam bagi meningkatkan kualiti hidup dan kemajuan mereka (al-Tariri, t.th). Justeru, motivasi perlu dikawal, dibimbing dan dipandu serta disusun seperti yang disarankan oleh Islam.

Cetusan motivasi pekerja Islam untuk bekerja dengan cemerlang berpandukan kepada dua sumber iaitu pertamanya, memenuhi keinginan diri, meningkatkan taraf kehidupan dan perkhidmatan kepada masyarakat. Keduanya, menjalankan amanah Allah dan berusaha untuk mendapatkan ganjaran dan kurniaan daripada Allah SWT (Hassan Lenggulung, 1998). Justeru, Islam telah menyediakan acuan motivasi mengikut piawaian yang ditetapkan agar menjadi dorongan dan galakan kepada para pekerja sama ada dari sudut kerohanian atau jasmani yang boleh memberikan peningkatan daya pemikiran, sikap serta tingkahlaku untuk berjaya dalam pekerjaan yang diceburi.

Ganjaran yang menjadi dorongan motivasi dalam Islam adalah berasaskan kepada ibadah secara khusus atau umum. Ganjaran baik dan buruk tidak terbatas di dunia sahaja malah berterusan sehingga penghidupan akhirat (Baharuddin, 2004). Tujuan motivasi ini supaya para pekerja meningkatkan mutu profesionalisme mereka dari semasa ke semasa dengan mengikuti berbagai bentuk kursus dalam perkhidmatan dan sebagainya.

Melalui cara ini mutu perkhidmatan, kemanusiaan dan kemahiran mereka akan meningkat dan lebih mantap (Johari, 1992). Pengukuhan motivasi serta perkhidmatan yang berdidikasi merupakan satu agenda yang sering dibincangkan dan dilaksanakan dalam setiap peringkat organisasi. Bagi pekerja Islam pelaksanaan pekerjaan kerana dorongan faktor akidah, idealisme perjuangan demi mendapat keredhaan Allah mesti menjadi amalan dan budaya kerja dari masa ke semasa.

Justeru, ganjaran dalam Islam merupakan satu motivasi yang berbentuk luaran dan dalaman yang membentuk individu. Ganjaran dalaman adalah seperti keinginan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT, penghargaan, kepuasan, kenikmatan dan sebagainya. Ganjaran luaran pula seperti gaji, hadiah, bonus, pangkat dan sebagainya. Oleh itu, manusia perlu mendorong diri mereka agar mendapat kesejahteraan dalam kehidupan mereka selaras dengan kehendak syarak serta kesejahteraan masyarakat.

1.9 Definisi Operasional

Definisi konsep adalah merujuk kepada definisi yang akan diterokai dalam kajian ini. Terdapat istilah penting yang akan digunakan secara konsisten dalam kajian ini iaitu etika kerja Islam, al-Quran dan al-Sunnah, karya serta penulis. Berikut adalah huraian definisi tajuk bagi terminologi tersebut.

1.9.1 Etika

Etika dikenali sebagai prinsip moral, akhlak, tingkah laku, sikap yang menjadi tabiat seseorang individu atau sesuatu kumpulan. Ia tidak boleh dicapai oleh seseorang itu tanpa menjalin perhubungan sosial dengan ahli masyarakat. Etika berasal daripada perkataan “*ethics*” yang diambil daripada bahasa latin ‘*ethos*’ yang bermaksud adat atau kelaziman.

Menurut Kamus Dewan (1995) etika ialah satu sistem dasar akhlak, adat atau tingkah laku atau kesusilaan. Merujuk pada Kamus Inggeris–Melayu Dewan (1991) etika atau “*ethic*” ditafsirkan dalam tiga tafsiran, pertama, “*system of moral principles or values*”, kedua, “*science that deals with morals*” dan ketiga “*moral rules or principles of behavior*”. Menurut Kamus Oxford (1994) etika membawa maksud prinsip moral atau set prinsip moral yang mempengaruhi kelakuan. Melalui pendefinisian ini menjelaskan bahawa etika adalah bersangkutan dengan falsafah tingkah laku, falsafah moral dan prinsip-prinsip nilai moral yang mendorong tindakan seseorang pekerja terhadap pekerjaannya.

French dan Granrose (1995) menyatakan etika merupakan, “*A set of normative guidelines directed towards resolving conflicts of interest, so as to enhance societal*

well-being”. Sesuatu yang penting dalam pembentukan etika yang baik bagi setiap individu itu ialah tingkah laku individu tersebut dan seseorang itu memerlukan panduan dan peraturan yang berkaitan dengan tingkah laku bagi mengawal dirinya dalam setiap tindakan yang dilakukannya. Bayles (1981: 41) pula menyatakan etika sebagai:

a systematical attempt, through the use of reason, to make sense of our individual and social moral experience in such a way as to determined the rules that ought to governed human conduct and the values worth pursuing in life.

Etika juga merupakan falsafah tentang tingkah laku manusia yang dilihat dari aspek lahiriah dan batiniah (Miskawayh, 2003). Etika dapat menjelaskan sesuatu perbuatan itu betul atau salah. Begitu juga terhadap perbuatan yang sejenis denganya sama ada betul atau salah. Ia dapat memberikan garis panduan antara baik dan buruk tentang perbuatan seseorang. Ia juga dapat menyediakan piawaian dan garis panduan yang boleh digunakan untuk pertimbangan moral (Mohd Nasir, 1986).

Pencorakan sesuatu etika mesti mengambil kira norma masyarakat dan nilai individu itu sendiri. Keperluan seseorang kepada etika didorong oleh nilai yang datang lebih awal yang berkeyakinan tentang betapa pentingnya batasan penentuan antara baik dan buruk (Abu Urwah, 1989). Pembangunan etika yang selari dengan kebudayaan masyarakat setempat dapat memudahkan urusan pelaksanaannya secara lebih berkesan. Dengan itu, suatu corak dan garis panduan untuk manusia mengetahui bagaimana mereka perlu berkelakuan dan berinteraksi sesama mereka dapat ditentukan dan diterima pakai oleh ahli masyarakat (Muhammad Nejatullah, 1988).

Wujud juga pandangan bahawa etika adalah peraturan atau undang-undang, suatu peraturan dalam kepercayaan agama, kata hati individu, adat kebiasaan yang diterima umum, amalan yang bertepatan dengan kepentingan diri ataupun teori falsafah tentang kerasionalan sesuatu tingkahlaku moral (Shukri & Razali, 2001). Secara jelasnya para sarjana telah mengakui bahawa etika adalah suatu teori umum, set nilai, pengukuran moral, peraturan dan prinsip berhubung kelakuan individu dalam sesuatu kelompok sosial yang membolehkan mereka menentukan sesuatu perkara yang dipercayai oleh masyarakat mereka itu sesuatu yang benar dan boleh dipegang ataupun patut ditolak sebagai salah, tidak baik dan tidak betul (Abbas J. Ali, 2005).

Dalam Islam, akhlak merupakan istilah yang paling tepat untuk menggantikan istilah etika. Ini kerana, terkandung padanya nilai-nilai Islam yang amat sesuai untuk diadaptasi ke dalam etika pengurusan dan diaplikasikan dalam organisasi (Hasanah & Noor Shakirah, 2006). Dari segi bahasa, akhlak merujuk kepada budi pekerti, sifat, kelakuan, perangai, watak dan tabiat manusia. Dari segi istilah pula, akhlak merujuk kepada sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang, di mana perbuatan akan lahir daripadanya dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu (al-Ghazali, 1990; Miskawayh, 1961). Rasulullah s.a.w telah diutuskan untuk memberi kesempurnaan dan panduan pada pembentukan akhlak manusia seperti mana sabdanya:

“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak”

(HR Ahmad, musnad Abi Hurairah: no 9187)

Falsafah tauhid yang menunjangi konsep akhlak memberi ukuran universal berhubung sistem nilai yang harus diikuti oleh umat manusia dalam hubungan mereka dengan Allah (*habl min Allah*), hubungan sesama manusia (*habl min an-nas*) dan juga hubungan dengan alam sekeliling (Ismail Faruqi, 1998). Berdasarkan ketiga-tiga hubungan ini, nilai-nilai ketuhanan dan kemanusiaan yang bersifat intrinsik (dalaman) mahupun ekstrinsik (luaran) seperti beriman, taqwa, ihsan, berilmu, adil dan amanah yang terkandung dalam akhlak Islam akan mendasari sesuatu etika bagi menjalani kehidupan seharian dengan lebih bermakna.

Berdasarkan definisi di atas kajian ini menggunakan istilah etika yang membawa maksud tentang garis panduan antara baik dan buruk tingkah laku manusia dilihat daripada aspek lahiriah dan batiniyah dalam menentukan sesuatu perbuatan itu sama ada betul atau salah.

1.9.2 Kerja

Menurut bahasa, pentakrifan kerja merujuk kepada suatu usaha secara berterusan untuk mendapatkan dan memperolehi sesuatu seperti rezeki, nafkah, pendapatan dan sebagainya (Kamus Dewan, 2000). Selain itu, kerja juga ditafsirkan sebarang aktiviti fizikal atau mental yang diarahkan terhadap penghasilan dan pengeluaran atau mencapai sesuatu tujuan yang diketahui (Ahmad Ismail, t.t.). Ada juga yang menyatakan bahawa kerja itu sebagai suatu tugas, perniagaan, profesion, atau apa sahaja yang berkaitan dengan kehidupan (Osman Ayob, 1990).

Selain itu, kerja juga dimaksudkan sebagai suatu perkara atau aktiviti yang dilakukan oleh seseorang, terutama melibatkan pemilikan, usaha atau tugas (Ahmad Zuhdi,

1991). Kerja juga ditakrifkan sebagai sejumlah aktiviti yang diminta untuk dilakukan atau diperlukan (Ahmad Muhammad, 2009). Dalam bahasa Arab, kerja disebut sebagai “*al-amal*” atau “*al-Kasb*”. *al-Kasb* bermaksud mencari rezeki yang pada asalnya bermaksud menghimpun (al-Fahd, 1983). Perkataan asal “*kasaba*” ialah “*kasaba, wa iktasaba, tasarrafa wa ijtahada*”. *Kasaba* ialah memperoleh. Manakala *iktasaba* bermaksud mengurus dan bersungguh-sungguh (Ibn Manzur, 1990). Allah SWT juga telah menjelaskan dalam al-Quran bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, belanjakan dari segala kebaikan hasil dari usaha kamu.

(Surah al-Baqarah, 2: 267)

Selain itu “*al-amal*” juga sangat berkait rapat dengan iman. Menurut Muhamad Naim Yassin (1991) Iman adalah suatu ikatan kepercayaan kepada Allah yang utuh di dalam hati yang menjadikan pemiliknya melaksanakan apa jua yang dipercayainya. Melalui intipati iman ini akan melahirkan individu muslim yang bekerja dengan lebih kuat dan bersungguh-sungguh kerana kerja merupakan suatu yang mulia dalam Islam. Kekuatan amalan dan kerja akan lebih kukuh kerana iman akan memandu amalan manusia tersebut. Seperti mana Firman Allah SWT:

Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik, dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memeberikan pahala yang lebih daripada apa yang mereka telah kerjakan

(Surah al-Nahl, 16: 97)

Kerja juga merupakan suatu perkara yang penting dalam kehidupan setiap individu berdasarkan beberapa sebab. Pertama, ia merupakan satu konsep tukar menukar atau timbal balas yang melibatkan golongan pekerja dengan yang berkenaan. Setiap pekerja akan menerima bentuk ganjaran hasil pertukaran perkhidmatan yang

diberikan. Ganjaran yang diperolehi mungkin dari aspek luaran seperti wang ringgit atau mungkin bersifat dalaman seperti kepuasan diri yang terhasil daripada perkhidmatan yang dilakukan (Steers & Porter, 1991).

Para pekerja mempunyai tanggapan tersendiri bagi setiap kerja yang dijalankan sama ada berkaitan jenis kerja atau jumlah ganjaran yang akan diperolehi berdasarkan perkhidmatan yang dilakukan. Tahap tanggapan terhadap ganjaran, jenis kerja dan sebagainya yang dipunyai oleh seseorang pekerja terhadap tugas yang dijalankan akan menjadi ukuran penting terhadap sikap pekerja itu sama ada akan meneruskan kerja atau sebaliknya (Cherrington, 1980).

Kedua, kerja umumnya mengambil peranan beberapa fungsi sosial. Sesuatu organisasi kerja akan menyediakan pelbagai kaedah untuk melahirkan dan membangunkan semangat berkawan dalam organisasi kerja. Hasilnya terdapat ramai pekerja yang menghabiskan banyak masa berhubungan dengan rakan sekerja berbanding hubungan mereka dengan keluarga masing-masing (Steers & Porter, 1991).

Ketiga, kerja juga menunjukkan lambang kedudukan, status dan pangkat seseorang di dalam masyarakat sepenuhnya. Umpamanya, seorang pekerja mahir dan berkelulusan tinggi akan dianggap mempunyai kedudukan sosial yang tinggi berbanding buruh. Manakala seorang presiden bank umumnya berada pada status sosial yang lebih tinggi berbanding tukang (Steers & Porter, 1991).

Status dan jenis kerja akan menghubungkan mereka dengan dunia luar dari alam kerjaya mereka. Dalam kata lain, presiden bank memiliki kedudukan status lebih

tinggi dalam komuniti masyarakat disebabkan kedudukannya di dalam organisasi (David, G., 2004).

Keempat, kerja juga menjadi sumber dorongan dan pembentukan identiti diri, harga diri, dan pencapaian diri (Steers & Porter, 1991). Kerja boleh menghasilkan perasaan cukup dengan memberikan seorang pekerja itu perasaan matlamat melalui penjelasan tentang kedudukannya dalam masyarakat. Sebaliknya kerja boleh menjadi penyebab kepada kekecewaan dan kebosanan. Ianya bergantung kepada karakter individu, jenis atau bentuk kerja yang dilakukan individu tersebut (Cherrington, 1980).

1.9.3 Etika Kerja

Etika kerja merupakan suatu set nilai yang berdasarkan kepada kerja kuat, rajin dan tekun (Isutzu, 1966). Selain itu, ia juga melibatkan kepercayaan terhadap fungsi akhlak dalam membentuk kerja serta keupayaan akhlak dalam mengembangkan karakter para pekerja. Sesuatu etika kerja itu mungkin melibatkan kebolehpercayaan, mempunyai inisiatif atau mengekalkan kemahiran sosial. Para pekerja yang dapat menampilkan etika kerja yang baik dalam aspek teori dan secara ideal dalam tindakan sewajarnya dipilih untuk menduduki kedudukan yang baik, diberi lebih tanggungjawab dan yang lebih utama ialah kedudukan dalam jawatan (Shukri & Razali, 2001).

Pekerja yang gagal menunjukkan etika kerja yang baik mungkin akan dinilai sebagai tidak berupaya mendapatkan nilai yang setara dengan gaji yang terpaksa dibayar oleh majikan dan sepatutnya tidak disarankan untuk dinaikkan pangkat atau kedudukan dalam jawatan (Hakim Said, 1989). Dalam dunia Barat, etika kerja adalah

berdasarkan konsep “*free market*” dalam teori kapitalisme. Dalam konsep ini, setiap orang yang bekerja kuat dan mengikut peraturan wajar dianugerah kedudukan dan akan bergerak ke hadapan. Sementara mereka yang tidak bekerja kuat atau lemah tidak akan dibenarkan untuk menikmati hasilnya disebabkan prestasi mereka sendiri (Hamiza Ibrahim, 1996).

Etika kerja Islam pula adalah merujuk kepada suatu set nilai atau sistem kepercayaan yang dititip daripada al-Quran dan sunah mengenai kerja (Shukri & Razali, 2001). Sememangnya budaya kerja Islam menuntut hubungan secara *multi-dimensional* dengan pelbagai aspek kehidupan termasuk aspek sosial, politik dan ekonomi. Terdapat sekurang-kurangnya lapan perkara melibatkan sikap (*attitudes*) dan perangai (*behaviours*) pekerja terhadap kerja. Sementara lima perkara lain pula melibatkan kepercayaan (*beliefs*) pekerja terhadap pekerja. Kedua-dua perkara di atas dirangkumkan sebagai komponen etika kerja. Dalam erti kata lain, konsep etika kerja Islam menjurus kepada pemilikan salah satu dari sifat-sifat tersebut atau keseluruhan sifat-sifat tersebut (Shukri & Musa Owoyemi, 2012). Hasil daripada rangkuman tersebut, Shukri dan Musa Owoyemi (2012) menyebut bahawa konsep etika kerja terkandung dalam dua perkara berikut:

Pertama: Sikap dan Perangai

1. Manusia memiliki sifat semula jadi dan tanggungjawab agama untuk memenuhi tuntutan kehidupan secara bekerja dengan penuh tekun. Ini bermakna kerja tekun, usaha dan kerja keras adalah dinilai sebagai keadaan semula jadi demi kepentingan mereka; sifat keseronokan fizikal dan sifat berpuas hati wajar

dilakkan; dan kehidupan secara sederhana dengan usaha yang bersungguh-sungguh adalah cara yang patut dilakukan.

2. Lelaki dan wanita patut meluangkan lebih banyak masa di tempat kerja berbanding dengan masa berekreasi.
3. Pekerja sepatutnya bergantung kepada rekod kehadiran tempat kerja dengan memiliki kadar ponteng kerja yang rendah.
4. Pekerja sewajarnya bersifat sangat produktif dan berusaha menghasilkan jumlah kuantiti barangan atau perkhidmatan yang besar.
5. Pekerja sewajarnya merasa bangga berada di tempat kerja dan bertugas dengan sebaik mungkin.
6. Pekerja sewajarnya mempunyai perasaan kebersamaan, komitmen dan kesetiaan terhadap profesion masing-masing, syarikat dan anggota kumpulan kerja.
7. Pekerja sewajarnya mempunyai sikap orientasi pencapaian dan bertungkus lumus secara berterusan untuk kenaikan pangkat dan maju ke hadapan.
8. Pekerja patut memperoleh kekayaan bekerja secara jujur dan mengekalkannya melalui sikap jimat dan pelaburan yang bijak. Kesederhanaan patut dimiliki, hiburan berlebihan dan membuang masa wajar dihindari.

Kedua: Kepercayaan

1. Seseorang yang melakukan kerja mesti menganggapnya sebagai suatu jihad dan sebarang aktiviti tidak boleh ditinggalkan daripada keyakinan itu.
2. Pekerja hendaklah menggabungkan antara kerja, sembahyang dan waktu lapang dengan matlamat untuk beribadah semata-mata kepada Allah.
3. Pekerja mesti bersifat sederhana atau *qanaah*, dalam usaha mewujudkan keadilan antara majikan dengan pekerja supaya segala upah itu benar-benar halal.

4. Pekerja mestilah memastikan tidak menceburkan diri dalam sebarang pekerjaan yang menghasilkan perkara haram.
5. Asas pekerjaan ialah niat untuk mendapatkan sebanyak mungkin kurniaan Allah dan keredaan-Nya. Mengeluarkan zakat dan melakukan kebajikan adalah sasaran utama untuk melakukan sebarang kerja demi meningkatkan produktiviti.

Kajian ini akan memberi penumpuan kepada etika kerja yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah serta etika kerja yang terdapat di dalam karya penulis etika kerja Islam di Malaysia.

1.9.4 Etika Kerja Islam

Menurut Ahmad (1976) etika kerja Islam adalah satu orientasi untuk memajukan sesuatu pekerjaan. Ia turut mempengaruhi nilai kerja seseorang dan keperluan untuk meningkatkan keseimbangan antara individu dan sosial. Sementara itu Shukri dan Razali (2001), menyatakan etika kerja Islam merujuk kepada satu set nilai atau sistem kepercayaan yang dititipkan daripada al-Quran dan al-Sunnah mengenai kerja. Menurut Ali (1992), etika kerja Islam sangat memberi penekanan terhadap aspek sosial yang lebih baik di tempat kerja (Ali, 1992).

Berdasarkan definisi-definisi di atas maka etika kerja Islam dalam kajian ini merujuk kepada prinsip-prinsip etika kerja yang dititipkan daripada al-Quran dan Sunnah untuk menjadi pengukur dalam aspek pekerjaan bagi meningkatkan keseimbangan antara individu dan sosial.

1.9.5 al-Quran

Al-Quran menurut bahasa bermaksud bacaan. Menurut istilah syarak pula al-Quran ialah kalam Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril secara beransur-ansur dalam bahasa Arab, dipindahkan secara mutawatir, mendapat pahala membacanya dan merupakan satu mukjizat yang tidak dapat ditandingi atau diubah oleh manusia hingga hari akhirat (‘ Abbas Mutawalli, 1968).

Ayat-ayat al-Quran menerangkan perkara akidah, akhlak-akhlak mulia dan terpuji, galakan memerhatikan kejadian alam ciptaan Ilahi, kisah-kisah umat terdahulu, peringatan-peringatan dan hukum-hukum amali yang menyusun hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam semesta (Abu al-‘Ainaini, 1965)

Al-Quran adalah sumber perundangan dan hukum-hakam paling tinggi yang mengikat tindak-tanduk manusia *mukallaf* yang beragama Islam. Segala hukum dari sumber-sumber lain yang bertentangan dengannya adalah terbatal dan tertolak, tidak boleh dijadikan hujah dalam menetapkan sesuatu hukum dalam syariat Islam. Hukum dalam al-Quran tertumpu kepada lima hukum iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Dalam perbincangan usul fiqh hukum-hukum ini dinamakan sebagai *hukum taklifi* (‘ Abdul Wahab, 1970).

Ayat-ayat al-Quran didatangkan dalam empat bahagian iaitu pertama, ayat yang bersifat umum yang menjadi asas sesuatu aplikasi mengikut persesuaian masa, tempat dan situasi. Contohnya dasar syura dalam pentadbiran dan dasar adil dalam pemerintahan. Kedua-dua dasar ini terbuka kepada pelaksanaan yang pelbagai bentuk mengikut persesuaian tetapi dengan syarat syura dan adil mesti terlaksana.

Kedua, ayat-ayat al-Quran yang didatangkan secara ringkas yang memerlukan kepada penghuraian lanjut seperti hukum perintah menunaikan solat dan haji, hukum penghalalan jual beli dan pengharaman riba (Zarkashi, t.th). Kebanyakan hukum muamalat dan adat adalah termasuk dalam bahagian ini. Hikmah penjelasan hukum secara umum ialah supaya nas-nas al-Quran sentiasa sesuai diguna pakai bagi memenuhi keperluan manusia pada semua zaman, tempat dan keadaan kerana syariat Islam diturunkan oleh Allah bagi memandu kehidupan manusia sesuai dilaksanakan pada semua zaman dan tempat.

Ketiga, al-Quran menjelaskan sesuatu hukum secara terperinci seperti hukum pembahagian harta pusaka dan hukum talaq. Hukum-hukum yang telah dijelaskan secara terperinci ini tidak boleh diubah atau ditukar ganti oleh manusia pada bila-bila masa dan tempat. Ia adalah mutlak dan tidak menerima perubahan.

Keempat, ayat-ayat yang didatangkan dalam bentuk yang samar-samar maksudnya. Walaupun nas ayat-ayat itu menyebut tentang sesuatu yang berupa perumpamaan tetapi yang dikehendaki makna yang lain. Contohnya ayat 187 dalam surah al-Baqarah, bermaksud:

Dan makanlah dan minumlah sehingga nyata pada kamu benang putih daripada benang hitam iaitu waktu fajar.

(Surah al-Baqarah, 2: 187)

Wujud kesamaran dalam kalangan para sahabat Nabi s.a.w berkaitan penafsiran pada ayat di atas. Nabi SAW telah memberikan pencerahan terhadap ayat tersebut dengan menerangkan bahawa maksud yang dikehendaki pada benang putih ialah waktu siang

dan maksud benang hitam itu ialah waktu malam bagi penentuan waktu berpuasa (al-Hasāri, 1991; al-Khudari, 1969; Zarkashi, t.t.).

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada ayat-ayat al-Quran yang berhubung kait dengan etika kerja. Penumpuan ayat-ayat ini akan berpandukan kepada kitab terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu dan kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti kitab Tafsir al-Razi, al-Baydhawi, al-Suyuthi, Ibn Kathir, Tafsir al-Azhar dan lain-lain lagi.

1.9.6 Al-Sunnah

al-Sunnah mengikut pengertian yang diberikan oleh ahli usul al-Sunnah ialah segala yang datang daripada Rasulullah SAW sama ada berbentuk perbuatan, perkataan atau pengakuan. Kebanyakan muhaddisin berpendapat bahawa perkataan al-Sunnah dan al-Sunnah mempunyai erti yang sama (al-Khatib, 1981). al-Sunnah ialah sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Quran (al-Shātibi, 1991). Dalil yang menyatakan ia sebagai sumber ialah perintah Allah supaya orang-orang beriman taat perintah Rasul-Nya selepas memerintahkan mereka supaya taat kepadanya.

Firman Allah SWT bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah Allah dan taatlah Rasul-Nya dan ulil amri dari kalangan kamu. Sekiranya kamu berselisih pendapat tentang sesuatu maka kembalikanlah keputusannya kepada Allah (al-Quran) dan Rasul-Nya (sunah) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian.

(Surah al-Nisa', 4: 59)

al-Sunnah atau al-Sunnah juga adalah dalil dan hujah syar'iyah bagi mensabitkan hukum-hukum syarak (al-Qasimi, 1961). Peranan al-Sunnah dibahagikan kepada tiga iaitu pertama, al-Sunnah sebagai nas yang menyokong dan menguatkan hukum yang

telah disabitkan oleh al-Quran. Kedua, al-Sunnah sebagai nas yang memberi penjelasan dan menafsirkan nas-nas al-Quran. Ketiga, al-Sunnah sebagai dalil bagi hukum baharu yang belum wujud melalui nas al-Quran (Ali Hasbullah, 1959). Al-Sunnah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu al-Sunnah *fi'liyyah*, al-Sunnah *qauliyyah* dan al-Sunnah *taqririyyah* (al-Duwalibi Muhammad, 1965).

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada al-Sunnah-al-Sunnah yang berkaitan dengan prinsip etika kerja samaada jenis al-Sunnah *qauliyyah*, *fi'liyyah* dan *taqririyyah*. Al-Sunnah-al-Sunnah ini juga akan diteliti melalui kitab-kitab al-Sunnah yang muktabar seperti kitab al-Sunnah al-Bukhari, Muslim, Abi Daud, Nasai, Turmizi, Ibn Majah, Baihaqi, Sunan Imam Ahmad dan sebagainya.

1.9.7 Karya

Karya adalah laporan bertulis dan telah diterbitkan yang memaparkan hasil penelitian atau pengkajian seseorang atau sekumpulan penulis dengan memenuhi kaedah dan etika keilmuan yang ditentukan dan diikuti oleh masyarakat berilmu (Dwiloka, 2005). Terdapat berbagai jenis karya antaranya ialah kertas kerja seminar, artikel jurnal, buku, penulisan dalam akhbar, penulisan dalam majalah dan sebagainya (Farkhan, 2006). Kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada 3 jenis karya yang diterbitkan iaitu jurnal, buku dan prosiding kertas kerja. Karya yang dipilih adalah terdiri daripada karya yang ditulis oleh penulis di Malaysia melibatkan topik etika kerja Islam.

Oleh itu, definisi operasional yang dinyatakan di atas akan memberikan keterangan yang jelas berkaitan kajian yang akan dilakukan. Kupasan di dalam kajian ini akan

menjurus kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk dan konsep yang dikemukakan. Secara jelasnya kajian ini akan menumpukan kepada etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah.

1.10 Kesimpulan

Kajian berkaitan “Etika Kerja Islam Menurut al-Quran dan al-Sunnah: Satu Penilaian Terhadap Karya Penulis Etika Kerja Islam di Malaysia” ini diyakini dapat memberi sumbangan dan manfaat terhadap usaha untuk memahami dan melaksanakan kerja dalam kalangan pekerja dan organisasi. Pembentukan etika kerja bagi setiap pekerjaan yang baik yang disertai dengan niat yang ikhlas kerana Allah serta dilakukan dengan bersih daripada sebarang kemungkaran dan tidak bercanggah dengan batas-batas hukum syarak adalah dikira ibadah yang akan mendapat ganjaran di sisi Allah.

Sesungguhnya nilai etika kerja Islam merupakan salah satu pemangkin kekuatan terhadap pelaksanaan kerja yang dilakukan oleh umat Islam. Ia juga mempunyai hubungan dan kaitan yang signifikan dengan komitmen, kepuasan dan ganjaran terhadap kerja yang dilakukan di samping membina kekuatan pekerja daripada sudut jasmani dan rohani.

Oleh itu, Allah SWT telah memberikan panduan kepada hambanya untuk melaksanakannya seperti mana yang dikehendaki melalui al-Quran dan al-Sunnah. Seterusnya pada bab yang akan datang ini akan menjelaskan tentang prinsip-prinsip etika kerja yang telah dikenal pasti menurut al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas pembentukan etika kerja Islam.

BAB DUA

ETIKA KERJA MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

2.0 Pendahuluan

Bab kedua ini akan membincangkan perkara yang berkaitan etika kerja menurut al-Quran dan al-Sunnah. Namun, dalam bab ini terlebih dahulu akan menghuraikan konsep kerja menurut Islam. Seterusnya akan dijelaskan prinsip-prinsip etika kerja menurut al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip-prinsip tersebut iaitu *Taqwa*, *'Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Maa'ruf* dan *Itqan*. Pada akhir bab akan dinyatakan kesimpulan keseluruhan bab.

2.1 Konsep Kerja dalam Islam

Islam menggunakan istilah dan perkataan kerja dalam bahasa Arab iaitu *'amal* dan *al-kasb* yang merujuk kepada aktiviti kerohanian, segala bentuk tingkah laku dan aktiviti ekonomi. Perkataan *'amal* atau kerja telah disebut dalam al-Quran sebanyak 371 kali melalui 86 surah (Muhammad Fuad, 1991). Kerja secara umum bermaksud setiap perbuatan yang dilakukan dengan zahir pada anggota tubuh badan sama ada dengan kehendak ataupun tidak (Furnham, 1997). Sementara itu, dari sudut ekonomi pula ialah perkataan kerja itu merupakan kesungguhan anggota badan dan akal yang dilakukan oleh manusia dalam kehidupan didunia bagi mendapatkan rezeki melalui perkhidmatan atau barang-barang keperluan untuk menyara kehidupan (Sadiq Mahdi, 1983).

Al-Qardhawi (2001) pula telah memperincikan definisi terhadap istilah kerja ini sebagai satu usaha manusia secara sedar, sama ada secara berseorangan atau berkelompok, bagi menghasilkan sesuatu barangan atau memberikan perkhidmatan.

Selain itu, ia juga adalah mekanisme untuk mengurangi kemiskinan, ia juga merupakan elemen utama sebagai amalan yang membantu manusia melaksanakan tugas sebagai khalifah di muka bumi.

Islam telah meletakkan kerja sebagai satu asas utama dan wajib bagi setiap individu dalam kehidupan manusia untuk mendapatkan keperluannya seharian seperti makan, minum dan pakai. selain itu ia juga adalah untuk memenuhi keperluan individu dan masyarakat. Ukuran minimum tidak ditentukan, tetapi kesederhanaan dalam memenuhi keperluan ini menjadi keutamaan (Barjoyai Bardai, 2002).

Selain itu, Islam sangat menentang keras tindakan seseorang yang hidup tanpa melakukan kerja dan lebih mencari rezeki secara meminta sedekah atau hanya menagih keringat orang lain. Namun, secara fitrahnya, Allah telah mengisi keinginan pada hati manusia dengan sifat suka untuk bekerja dan menginginkan habuan atau hasil daripada kerja yang dilakukan. Sifat semulajadi ini selari dengan seruan agama dan sejajar dengan fitrah manusia (al-Baqari, 1988). Firman Allah bermaksud:

Dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara Yang ghaib dan Yang Nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.

(Surah al-Taubah, 9: 105)

Melalui ayat di atas dapat dijelaskan bahawa kerja merupakan keperluan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Namun, masih terdapat kelompok dalam masyarakat yang masih menganggap bahawa perbuatan yang berhubungan dengan agama adalah amal, sementara yang berhubung dengan kehidupan merupakan

pekerjaan (Wan Mohd Nor Daud, 1990). Ini adalah satu tanggapan yang salah. Apabila disebut tentang “*al-amal*” pastinya akan dihubungkan iman. Iman akan menjadikan individu itu sentiasa menuruti perintah Allah SWT. Menurut Said Ibrahim (2001) kemurnian iman akan mengukuhkan kepercayaan kepada Allah dan melahirkan pelaksanaan amalan yang kuat. Seorang pekerja Muslim yang beriman akan beramal atau bekerja dengan bersungguh-sungguh kerana individu ini mengetahui dan mempercayai dengan keyakinan bahawa kerja itu adalah suatu ibadah yang dituntut dalam Islam. Setiap perkara yang dituntut di dalam Islam pasti akan diberikan ganjaran yang besar iaitu syurga Seperti mana Firman Allah SWT:

Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh baginya itu ganjaran yang terbaik iaitu syurga Firdaus yang menjadi tempat tinggal.

(Surah al-Kahfi, 18: 107)

Secara jelasnya, sebarang perkara yang wujud dalam kehidupan ini umpamanya rezeki, amalan, kematian, ketentuan yang baik atau buruk dalam hidup telah ditentukan oleh Allah SWT. Seperti sabda Nabi saw yang bermaksud:

Setiap seseorang itu dihimpunkan kejadiannya dalam perut ibunya sebagai nutfah (air mani), kemudian menjadi alaqah (segumpal darah) selama 40 hari, kemudian menjadi mudghah (segumpal daging) selama 40 hari pula, kemudian diutuskan oleh Allah akan Malaikat, maka ditiupkan kepadanya roh, dan disuruh tulis empat perkara tentang rezekinya, ajalnya, amalnya dan nasib buruk baiknya

(HR Bukhari, Bab Zikr al-Malaikah: no 4919; Muslim, Bab Kaifiyat al-Kahlku al-Adami fi batni Ummi: no 3023)

Walaupun begitu, pegangan yang menyatakan bahawa Allah SWT mengetahui setiap perkara yang berlaku dan segala perbuatan hamba sebagai tanda beriman dengan *qada'* dan *qadar* Allah, begitu juga segala yang tercatat di *Luh Mahfuz* sebagai ketetapan takdir tanpa perlu lagi berusaha adalah suatu pegangan yang salah. Ia tidak

boleh dijadikan hujah untuk meninggalkan usaha dan membanting keringat atau melakukan amalan-amalan baik (Ahmad Umar, 1977).

Beriman dengan *Qada'* dan *Qadar* tidak bermaksud Allah SWT menghendaki hambaNya mengikut apa yang telah ditetapkan oleh-Nya. Iktikad tersebut akan menyebabkan hilangnya kebebasan berikhtiar yang diberikan kepada manusia seperti yang telah disebut dalam al-Quran¹. Sebaliknya pemahaman yang perlu wujud terhadap *Qada'* dan *Qadar* itu ialah Allah SWT mengetahui segala usaha hamba dan ia terjadi bertepatan dengan ilmu Allah SWT yang Maha Mengetahui (Syed Mohammad Hilmi, 2006).

Allah SWT pasti mengetahui segala perbuatan hamba, jika tidak mengetahui sudah tentu terdapat kekurangan pada sifat-Nya. Jika sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh hamba itu tidak bertepatan dengan ilmu Allah, pastinya menunjukkan kejahilan dan kelemahan Allah, Maha Suci Allah dan mustahil Allah mempunyai sifat kekurangan (al-Buthi, 1992).

Setiap manusia mesti menanggung segala tingkah laku dan amalan yang dilakukan olehnya sendiri (Said, 2001). Jika manusia tiada kebebasan untuk memilih dan berbuat sekehendaknya terhadap sesuatu perkara yang berada pada pemilihannya, maka tidak akan wujud *taklif* dan tanggungan di atas tiap-tiap seseorang itu. Apabila tiada *taklif* dan tanggungan atas perbuatan manusia pasti akan hilang pula perasaan bahawa manusia akan menjawab dan menanggung segala perbuatannya (Za'ba, 1980).

¹ Surah al-Khaf, 18: 29; al-Muzammil 73:19; al-Mudassir 74: 55; al-Insan 76: 29; al-Naba' 78:39; 'Abasa 80:12; al-Takwir 81: 28.

2.1.1 Kerja dan Usaha

Setiap rezeki yang ditentukan tiada siapa pun daripada kalangan manusia yang dapat mengetahui sama ada dari segi jenis, bentuk, kualiti, kuantiti, kepayahan atau kemudahan untuk memperolehnya. Di sini wujud peranan usaha, kerana rezeki merupakan keperluan yang perlu diusahakan. Tidak mungkin seseorang itu akan mendapat hasil daripada rezeki yang tidak diusahakan (Abd Jalil Borhan, 1999).

Manusia tidak dibebankan dengan perbuatan yang bersifat *idtirari* (ketetapan setiap individu) kerana ia boleh berlaku tanpa perlu berusaha. Namun, ia berlainan dengan perbuatan yang bersifat *ikhtiyari* (secara pilihan), manusia diberikan kebebasan untuk berusaha kerana tindakannya itu merupakan tuntutan yang pertanggungjawaban (Abdullah Nasih Ulwan, 1988).

Oleh itu, kehidupan tanpa usaha adalah pegangan orang-orang yang zalim dan haram disisi agama. Islam menganjurkan agar umatnya sentiasa bertawakal tetapi kesan tawakal tersebut perlu didahului dengan gerak usaha melalui ilmu dan ikhtiarnya² (al-Ghazali, t.th). Manusia perlu menyediakan perancangan yang teliti dalam kehidupan mereka agar individu atau ahli masyarakat tidak hanya berpeluk tubuh menunggu ketentuan takdir semata.

² Mereka yang melakukan usaha mencari keperluan hidupnya dan merujuk selain daripada Allah, maka orang itu juga telah tergelincir daripada sifat tawakal. Mereka syirik dalam tauhid dan jahil dalam hakikat kehidupan sebagai hamba sepertimana firman Allah bermaksud, surah al-'ankabut, 65 "apabila mereka naik kapal, mereka berdoa kepada Allah dengan seikhlas hatinya, tetapi setelah mereka diselamatkan oleh Allah ke daratan, tiba-tiba mereka mempersekutukan (Allah dengan yang lain). Terdapat juga golongan manusia yang mengatakan bahawa "kalau bukan kerana lurus anginnya, pasti kita tidak selamat" persoalannya, siapakah yang menggerakkan angin? Namun begitu, sesuatu pekerjaan itu akan sia-sia jika hanya mengharapkan kepada Allah menjadikan tumbuh-tumbuhan tanpa berusaha bercucuk tanam atau mengharapkan isteri melahirkan zuriat tanpa melakukan persetubuhan. Rujuk al-Ghazali (t.th), *Ihya' 'Ulum al-Din*, j. 3, h. 361.

Sesuatu jadual perancangan yang dilakukan tidak bermakna menolak takdir atau tidak yakin dengan *qada'* dan *qadar* Allah. *Qada'* dan *Qadar* Allah penuh dengan rahsia, manusia perlu berusaha dan bekerja dan memohon pertolongan-Nya³ bagi mendapatkan ganjaran yang baik. Bertepatan dengan maksud seruan ayat "فامشوا في مناكبها" (*surah al-Mulk*, 67: 15) iaitu berjalanlah kamu semua ke seluruh penjuru bumi dan carilah rezeki Allah dengan cara berusaha dan bekerja bersungguh secara berterusan (Abdullah Muhsin, t.th).

Bekerja juga mempunyai kewajipan yang sama dengan menuntut ilmu⁴. Abdullah bin Mahmud (t.th) mengketegorkan kerja kepada empat jenis iaitu:

- i. Kerja yang fardhu iaitu apabila sesuatu kerja dilakukan untuk mencari nafkah bagi diri dan keluarga. Kerja mencari rezeki lebih baik daripada ibadat sunat kerana ibadat sunat hanya untuk diri sendiri manakala manfaat kerja adalah untuk diri sendiri dan orang lain.
- ii. Kerja yang *mustajab* iaitu apabila lebih daripada hasil kerja tersebut digunakan untuk membantu golongan fakir dan miskin.
- iii. Kerja yang *mubah* apabila ia dilakukan untuk tambahan keperluan bagi membaiki kehidupan.
- iv. Kerja yang makruh apabila sesuatu kerja itu dilaksanakan untuk bermegah, menambah, angkuh walaupun dengan cara yang halal (Abdullah Mahmud, t.th).

2.1.2 Kerja Para Nabi, Sahabat dan Tabi'in

³ Firman Allah: "dan carilah apa Yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam Segala keadaan)" (Surah al-Jumu'ah (62): 10)

⁴ Hadith Nabi saw sepertimana yang telah diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud bahawa Rasulullah saw bersabda : طلب الكسب بعد الصلاة المكتوبة الفريضة بعد طلب الكسب فريضة على كل المسلم الفريضة. Manakala Saidina 'Umar al-Khattab telah mengiktiraf darjat orang yang bekerja sama dengan berjihad. Lihat, Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani (1986), *al-Iktisab fi al-Rizq al-Mutatab*, c. 1, Beyrut: Dar al-Kutub al-'Alamiah, h. 18)

Rasulullah s.a.w telah menjelaskan bahawa semua para Rasul dan para Nabi tetap menjalankan pekerjaan yang bersesuaian landasan hidup mereka masing-masing (Kandahlawi, 1987). Manusia pertama iaitu Nabi Adam a.s.⁵ telah menjalankan pekerjaan sebagai seorang petani. Begitu juga dengan Nabi-Nabi selepasnya yang tetap bekerja keras untuk mencari rezeki hasil usaha mereka sendiri seperti yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T kepada manusia. Umpamanya, Nabi Nuh a.s. yang bekerja sebagai seorang tukang kayu, Nabi Idris a.s. sebagai tukang jahit, Nabi Ibrahim a.s. sebagai peniaga kain, Nabi Daud a.s. melakukan pertukangan besi, Nabi Musa a.s. pula melakukan kerja mengembala binatang ternakan, Nabi Sulaiman a.s. melakukan kerja anyaman seperti tikar dan sebagainya, Nabi Zakaria a.s. mahir bertukang kayu, Nabi 'Isa a.s. melakukan kerja mewarna kain dan menjahit pakaian dan Rasulullah SAW sendiri pengembala kambing dan berdagang (al-Maraghi, 2001; Saleh al-Mazid, 1403H; Abdullah Mahmud, t.th). Baginda telah menjadikan dirinya dan para Rasul sebagai contoh teladan dalam membina kehidupan dan mereka makan daripada hasil usaha mereka sendiri dengan bekerja.

Pekerjaan ini diteruskan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w. Mereka tidak suka bergantung hidup kepada manusia lain⁶. Para sahabat utama seperti Saidina Abu

⁵ Kisah mengenai Nabi Adam a.s yang telah menjalankan kerja sewaktu hidupnya di dunia telah dirakamkan oleh Allah dalam Surah Taha (20): 117 maksudnya: *oleh itu, janganlah ia menyebabkan kamu berdua keluar dari syurga, kerana Dengan Yang demikian Engkau (dan isterimu) akan menderita iaitu letih mencari rezeki.*

⁶ Kenyataan ini boleh dirujuk kepada hadith daripada Abu al-Aswad yang meriwayatkan daripada Urwah, dia berkata bahawa 'Aisyah r.a berkata ; "*para sahabat Rasulullah adalah pekerja untuk memenuhi keperluan mereka*". Lihat al-Ghazali (t.th) *op. cit.*, no. hadith 2071. Selain itu, terdapat satu lagi hadith yang diriwayatkan oleh Ibrahim bin Sa'ad daripada bapanya, dari kakaknya dia berkata, 'Abd al-Rahman bin 'Awf r.a telah berkata: 'ketika kami datang ke Madinah, Rasulullah mempersaudarakan aku dengan Sa'ad bin al-Rabi', Maka Sa'ad berkata, "Sesungguhnya aku adalah orang Ansar yang paling banyak hartanya, maka aku akan bahagikan setengah daripada hartaku untukmu. Lalu lihat siapa diantara dua isteriku yang lebih engkau sukai, maka aku akan menceraikannya untuk kamu. Setelah ia halal, kamu boleh menikahnya". Dia berkata, "Abd Rahman berkata kepadanya, 'Aku tidak memerlukan hal itu. Di manakah pasar di sini?', Saad menjawab, "Pasar Qainuqa", Dia berkata, Pagi hari Abdul Rahman pergi ke pasar tersebut dengan membawa keju dan samin". Dia berkata, "kemudian dia sentiasa pergi dipagi hari. Tidak lama kemudian, Abdul

Bakar telah menjalankan perniagaan sebagai pedagang kain dan pakaian. Sementara Saidina Umar pula melakukan kerja sebagai penjual kulit binatang. Saidina Uthman menjual makanan dan Saidina 'Ali bekerja sebagai seorang pekebun tamar. Selain itu, para sahabat Nabi yang lain seperti Sa'ad bin Abi Waqas bekerja membuat anak panah, 'Abdullah bin Mas'ud mengembala kambing, Khubab bin al-'Ath sebagai tukang besi, al-Zubair al-Awwam melakukan pekerjaan sebagai tukang jahit, Bilal bin Rabah melakukan kerja sebagai pembantu am seperti mengangkat barang dagangan, mengairi kebun dan sebagainya. Sementara itu Salman al-Farisi menjalankan kerja menggunting rambut. Namun, mereka tidak pernah meninggalkan sembahyang berjamaah walaupun dalam kesibukan kerja yang dilakukan (Labib al-Sa'id, 1987; Abdullah bin Mahmud, t.th; Ibn Qutaibah, t.th).

Tradisi para Nabi serta amalan para sahabat ini diteruskan oleh para ulama Islam yang menjalankan kerja untuk mendapatkan keperluan hidup. Imam Ahmad bin Hanbal umpamanya, pernah menjadi tukang membuat tali pinggang dan menjualnya. Beliau juga pernah mengambil upah sebagai pengangkut barang ketika beliau memerlukan wang saraan hidup. Begitu juga Imam Ahmad bin 'Umar al-Khassaf menjadi tukang membuat tapak kasut. Imam Abu al-Hassan Ahmad al-Qadhuri pernah bekerja di sebuah kilang perusahaan membuat kualii dan Imam Al-Tha'alibi di samping mengajar beliau juga menjalankan kerja sebagai tukang menjahit barang-barang yang dibuat daripada kulit binatang (Labib al-Said, 1987).

Rahman datang kepada Rasulullah dan masih ada bekas minyak wangi padanya. Lalu baginda bertanya, "Apakah engkau telah berkahwin?" Dia menjawab, 'benar'. Rasulullah bertanya lagi, dengan siapa? Dia menjawab, dengan wanita Ansar'. Rasulullah bertanya, berapa besar mahar yang engkau berikan? Dia menjawab, emas seberat atau sebesar biji kurma, maka nabi bersabda: Adakan walimah meskipun dengan seekor kambing." Rujuk, Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Kitab al-Buyu', Bab Ma Ja'a Fi Qawl Allahi Ta'ala, Fa'iza Qudiyah al-Salah Fantasyiru Fi*, no. al-Sunnah: 2048. Hadith ini menjelaskan tentang para sahabat Rasulullah SAW yang bersungguh-sungguh melakukan pekerjaan untuk kehidupan mereka. Ini menunjukkan para sahabat telah melakukan kerja seperti yang digalakkan oleh Rasulullah SAW.

Selain itu, terdapat juga ulama-ulama silam yang memperkenalkan nama mereka melalui jenis pekerjaan tradisi keluarga mereka seperti istilah *al-Qattan* iaitu penjual kapas, *al-bazzaz* iaitu penenun kain, *al-Qaffal* pembuat kunci, *al-kharraz* pengukir mutiara, *al-Jassas* pembuat kapur, *al-Zujjaj* pembuat kaca, *al-Khawwas* penjual batang kurma, *al-Khayyat* tukang jahit, *al-sabban* pembuat sabun dan sebagainya (al-Qardhawi, 2003).

Terdapat berbagai jenis pekerjaan yang telah dijalankan oleh para Nabi, sahabat dan para ulama. Namun tidak semestinya pekerjaan itu sahaja yang perlu dijalankan kerana bentuk dan jenis pekerjaan bukan menjadi perintah yang perlu dilakukan tetapi yang diperintahkan adalah mencari rezeki dan mengumpul harta melalui jalan yang halal. Jika tiada pekerjaan, dikira telah hilang sebahagian hidup dan kesukaran untuk membina kehidupan (Sadiq Mahdi Said, 1983; al-Maraghi, 2001).

Umat Islam tidak digalakkan sentiasa bersifat *al-tawakul* iaitu kebergantungan dengan makhluk tetapi sangat menggalakkan bertawakkal⁷ iaitu berserah kepada ketetapan Allah setelah berusaha bersungguh-sungguh dan usaha itu menjadi sebab untuk beroleh kejayaan. Oleh itu, Islam menganjurkan kepada semua umat Islam supaya berusaha dan seterusnya bertawakal kepada Allah. Setiap individu muslim juga dilarang keras bergantung kepada manusia, mereka dituntut supaya bekerja untuk diri dan keluarganya (al-Maraghi, 2001; Saleh al-Mazid, 1403H).

Justeru, penghuraian dan penjelasan di atas menunjukkan bahawa kerja adalah amalan yang menjadi ketetapan dalam kehidupan samada para Rasul, Nabi-Nabi atau

⁷ Sabda Nabi SAW kepada seorang badwi ketika melaporkan kepada Nabi tentang untanya yang hilang maka sabda Nabi s.a.w maksudnya “*ikatlah terlebih dahulu, kemudian bertawakkal*” (Riwayat al-Tirmidhi dan Ibn Majah).

manusia biasa. Allah S.W.T telah memerintahkan umat Islam agar mencontohi kehidupan para nabi ini sepertimana firman Allah:

Mereka (Nabi-nabi) itulah, orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka turutlah olehmu (Wahai Muhammad) akan petunjuk mereka
(Surah al-An'am, 6: 90)

Sesungguhnya manusia dituntut untuk melakukan hubungan dengan Allah dalam bentuk hubungan 'ubudiyah, sementara hubungan umat dengan nabi-nabi mereka pula adalah hubungan sebagai penunjuk dan pembawa teladan (Muhammad 'Awad al-Huzaimah, 1991).

2.1.3 Kerja dan Aspek Kejiwaan

Islam menentang segala pemikiran yang timbul untuk tidak bekerja mencari rezeki di muka bumi. Islam juga mencela sifat malas dan tidak bersungguh-sungguh untuk mencari rezeki. Oleh itu sifat malas, suka menganggur dan suka meminta-minta merupakan sifat yang patut dihilangkan daripada umat Islam (al-Sayuti, 1954; Ibn Hajar, 1989). Rasulullah SAW bersabda:

Barang sesiapa yang memikul tali dan membawa kayu api lalu menjualnya demi keredhaan Allah, maka ianya lebih bermaruah daripada meminta-minta sama ada permintaannya diterima atau ditolak.

(Riwayat al-Bukhari, t.th, *Bab al- Zakah*: no 1458)

Hadith ini menjelaskan tentang melahirkan kemuliaan manusia dengan berusaha atau bekerja seperti yang dituntut oleh Islam dengan memberikan gambaran bahawa pencari kayu api untuk dijual lebih mulia daripada mengemis. Islam tidak membentuk umatnya memperolehi keperluan hidup melalui aktiviti pengemisan, memohon bantuan atau mengharap pemberian orang lain bagi seseorang yang mampu untuk berusaha (Ibn Hajar, 1989). Mazhab Syafie menegaskan bahawa sifat

suka meminta-minta dan mengemis dengan sengaja sedangkan dia mempunyai keupayaan untuk berusaha maka hukumnya itu adalah haram (Sayyid Qutb, 1992).

Manusia yang dilantik oleh Allah dengan status khalifah telah disyaratkan bagi memenuhi keperluan hidup mestilah dengan melakukan usaha individu. Manusia yang tidak suka bergaul dengan ahli masyarakat dan sering bersendirian, pemalas, memeluk tubuh dan tidak rajin berusaha pastinya tidak akan dapat memperoleh manfaat dari galakan agama dan begitu juga agama tidak mendapat manfaat daripadanya (M. Umer Chapra, 1992).

Sesuatu pekerjaan itu hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh kerana kerja merupakan punca pendapatan bagi memenuhi keperluan asas kehidupan dan menggerakkan pembangunan masyarakat sekeliling. Ia juga merupakan sebahagian daripada tuntutan agama serta jalan untuk mendapatkan kurniaan Allah terhadap para hambaNya (Ismail Raji al-Faruqi, 1998).

2.1.4 Kerja dan Nilai-Nilai Murni

Matlamat utama bagi sesebuah organisasi ialah mewujudkan pengurusan kerja yang berkualiti. Kerja yang berkualiti memerlukan usaha untuk membangunkan serta menanamkan sikap dan nilai positif kepada kalangan pekerja (Sharifah Hayaati, 2010). Pembentukan nilai murni yang positif ini merujuk kepada pelaksanaan nilai dan etika kerja yang cemerlang dalam kalangan pekerja bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi. Pembentukan nilai dan etika dalam pengurusan kerja secara Islam adalah yang terbaik dan cemerlang kerana ia bersifat menyeluruh meliputi ciri-ciri profesionalisme, dinamisme dan sempurna (Rozhan Othman, 1991).

Dalam Islam segala kerja yang baik dan memberi manfaat itu dikira sebagai satu ibadah. Apabila seseorang pekerja itu menjalankan kerjanya secara beretika, maka ia telah melambangkan sifat ketaatan kepada Allah SWT dan menyempurnakan tanggungjawab sebagai hamba Allah. Pembinaan konsep dan nilai etika kerja Islam telah dijelaskan di dalam al-Quran melalui surah al-Imran yang bermaksud:

Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat Yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

(Surah al-Imran, 3: 110)

2.1.5 Kerja dan Etika

Dalam pengurusan Islam, kerja mempunyai hubungan yang kukuh dengan nilai dan etika kerja. Setiap nilai dan etika kerja yang memenuhi tuntutan Islam akan membawa kepada kecemerlangan yang akan membawa kepada *mardhati Allah* (keredhaan Allah). Kecemerlangan sesuatu kerja itu pula sangat berkait rapat dengan etika kerja yang diamalkan (Zainal Yang, 2003).

Kecemerlangan dalam pengurusan kerja Islam tidak diukur melalui kemahiran dan kesungguhan semata-mata tetapi ia juga merujuk kepada pembinaan sahsiah unggul yang menepati syariat. Secara jelasnya, pembinaan ini perlu dimulakan di peringkat pengurusan atasan organisasi terlebih dahulu, kemudiannya dilaksanakan dalam

kalangan pengurusan eksekutif atau pertengahan dan seterusnya diamal dan dihayati oleh *subordinates* (Fadillah Mansor, 2006).

Konsep dan nilai etika kerja Islam ini perlu diserap, disemai, dipraktikkan dan diaplikasikan sebagai satu budaya kerja dalam urusan seharian (Osman Ayub, 1990). Kerutinan dalam pengamalan ini dalam tugas harian akan membawa kepada wujudnya suasana budaya kerja yang berkualiti. Budaya kerja berkualiti tersebut merujuk kepada budaya kerja yang bersistem, berprosedur, berperaturan dan mudah untuk dilaksanakan (Harold Koontz, 2001).

Secara jelasnya, kerja menurut pandangan Islam merupakan satu titian yang menghubungkan pengibadatan hamba kepada Allah. Setiap yang tugas atau kerja yang dilakukan sejajar dengan tuntutan Islam walau sekecil mana sekalipun pastinya akan dihitung bagi mendapat ganjaran yang setimpal dengan perlaksanaan yang dilakukan. Justeru, Islam telah meletakkan panduan dan piawaian terhadap tindakan dan kerja yang dijalankan hendaklah mendapatkan keredhaan Allah S.W.T sebagai matlamat utama. penghidupan masyarakat dan pencarian rezeki yang halal dan baik. Segala jenis kerja yang dilakukan oleh umat Islam yang tidak bercanggah dengan ketetapan syarak dan halal akan menjadi satu ibadah tanpa mengira jenis pekerjaan tersebut.

2.2 Konsep Etika Kerja dalam Islam

Etika merupakan satu kalimah yang sering digunakan bagi menunjukkan tata tertib atau perlakuan yang dianggap baik dan buruk dalam sesuatu pengamalan yang dilakukan oleh manusia (Rahman Ismail, 1997). Namun begitu, dalam Islam kalimah akhlak menunjukkan tata tertib bagi manusia. Etika kerja dalam Islam lebih dikenali sebagai akhlak kerja Islam (Abdul Aziz al-Khayyat, 1989). Perkataan akhlak ini lebih menyeluruh dan mempunyai ruang lingkup yang lebih luas berbanding perkataan etika (Hasanah Abd. Khafidz & Noor Shakirah Mat Akhir, 2006).

Perkataan akhlak berasal daripada perkataan jama' *akhlaq* yang diambil daripada kata dasar iaitu *al-Khulq* yang bererti perangai, tingkah laku, kesopanan dan keagamaan (Fairuz Abadi, 1990). Menerusi perkataan ini Allah SWT telah menyebutkan dalam al-Quran:

وانك لعلی خلق عظیم

Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) memiliki budi pekerti yang sangat mulia.

(*Surah al-Qalam*, 68 : 4)

Masyarakat Islam telah memahami bahawa perkataan akhlak itu menunjukkan sifat-sifat yang baik. Seseorang yang mempunyai dan mengamalkan tingkah laku yang baik dan bersopan akan disebut sebagai seorang yang berakhlak (al-Miskawayh, 1961). Akhlak yang dibawa oleh Islam bukan datang daripada penilaian manusia semata, tetapi piawaian akhlak itu telah ditentukan oleh Allah melalui pembawakan Rasulullah SAW (al-Ghazali, 1990) sepertimana yang telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya bermaksud:

Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

(HR Ahmad, Musnad Abi Hurairah: no 9187)

Sebagai satu agama yang bersifat menyeluruh dan *syumul*, prinsip-prinsip dan dasar-dasar yang dibawa oleh Islam untuk umatnya adalah mengikut acuan Allah SWT dan disampaikan melalui perantaraan Rasulullah SAW (Tuwajiri, 1414H). Ia bukan sahaja untuk membentuk hubungan antara manusia dan Allah sebagai Tuhan yang disembah malahan merangkumi juga pembentukan hubungan antara manusia dengan manusia dan alam sekeliling.

Pembentukan prinsip yang dibawa oleh al-Quran tidak sama dengan mana-mana prinsip dan doktrin yang dibawa oleh manusia berasaskan akal semata-mata (Salim, 1994). Akal fikiran manusia yang terbatas akan melahirkan prinsip yang terbatas, sedangkan prinsip yang berasaskan wahyu bersifat menyeluruh dan mengandungi rahsia serta hikmah yang diketahui oleh penciptanya (Tuwajiri, 1414H). Hal ini membezakan antara akhlak kerja Islam atau etika kerja Islam dengan falsafah etika kerja yang lain. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Haron Din (2003);

Akhlak mempunyai dua bentuk. Akhlak Islam dan akhlak falsafah atau etika. Akhlak Islam ialah akhlak yang berasaskan dan bersumber kepada wahyu al-Quran dan sunnah. Sementara akhlak falsafah ialah akhlak yang bersumber kepada daya usaha kemampuan fikiran manusia. Akhlak Islam bersumberkan kepada kekudusan yang mutlak sementara akhlak falsafah ialah akhlak yang bersumberkan kepada yang tidak kudus, tidak mutlak dan tidak tetap. Akhlak Islam bersumberkan kerabbanian dari langit, sementara akhlak falsafah pula bersumberkan kemanusiaan dari bumi.

(Haron Din, 2003, 4)

Oleh itu, akhlak kerja Islam itu lebih menepati bagi menunjukkan ia bersumberkan kepada prinsip dan acuan Ilahi iaitu al-Quran dan al-Sunnah yang bersifat umum dalam memenuhi semua perilaku manusia. Namun begitu, dalam kajian ini, kalimah

etika kerja Islam akan dikekalkan penggunaannya kerana perkataan akhlak itu lebih bersifat umum dalam segala perilaku atau keperibadian manusia (al-Ghazali, 1987), sedangkan etika itu lebih berfokus kepada prinsip dan peraturan dalam sesuatu perkara yang diketengahkan.

Walau bagaimanapun, etika kerja Islam tetap berbeza dengan etika kerja yang dibawa oleh Barat atau yang lainnya walaupun wujud persamaan perkataan, kod, ciri-ciri dan sebagainya namun ia tetap berbeza dari sudut prinsip dan matlamatnya¹⁶(Soleh Muhammad, 1990).

2.3 Etika Kerja dalam al-Quran dan al-Sunnah

Etika kerja Islam adalah merujuk kepada suatu set nilai atau sistem kepercayaan yang dititip daripada al-Quran dan al-Sunnah mengenai kerja (Shukri & Razali, 2001). Sememangnya budaya kerja Islam menuntut hubungan secara *multi-dimensional* dengan pelbagai aspek kehidupan termasuk aspek sosial, politik dan ekonomi (Muhammad Syukri Salleh, 2003).

Islam adalah satu cara hidup yang menyeluruh, bersifat fitrah dan bersifat pertengahan. Islam juga ialah agama yang menggalakkan manusia bekerja (Mustafa Daud, 1994). Al-Quran dan al-Sunnah itu sendiri telah mencirikan budaya kerja Islam yang berbeza dengan budaya kerja lain secara ketara (al-Buraey, 1992). Dalam kajian ini, perbincangan hanya merujuk kepada ciri-ciri berkaitan dengan etika kerja yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Pendekatan yang digunakan dalam

¹⁶ Prinsip etika kerja Islam adalah mentauhidkan Allah SWT dan matlamat etika kerja Islam adalah ketaqwaan yang membawa kebahagiaan dunia dan akhirat (Soleh Muhammad, 1990).

penelitian ini adalah berbentuk kaedah tematik (*maudhu'iy*) yang berkaitan dengan etika kerja.

Pencarian kerja bukan sekadar digalakkan, bahkan suatu kemestian dan diwajibkan ke atas semua orang Islam. Hal ini boleh difahami menerusi ayat-ayat al-Quran. Firman Allah SWT:

Dialah yang menjadikan bumi untuk kamu mudah dipergunakan (untuk mengeksploitasi hasilnya), sebab itu berjalanlah kamu melalui segenap penjurunya, makanlah rezekinya, dan kepada-Nya kamu akan dibangkitkan kembali.

(*Surah al-Mulk, 67: 15*)¹⁷.

Di dalam al-Quran tidak banyak ayat dan perkataan yang merujuk secara langsung kepada etika kerja. Terdapat perkataan yang membawa maksud “etika kerja” di dalam al-Quran misalnya *‘amal saleh* yang boleh diterjemahkan sebagai “kerja yang beretika dan baik”, namun ia tidak menyentuh secara tepat kepada etika kerja (Shukri & Razali, 2001).

Selain itu, dapat dinyatakan hanya terdapat sepertiga sahaja ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum yang mencakupi segala perundangan manusia¹⁸. Sebahagian besarnya tertumpu pada kisah yang boleh memberi pengajaran dan iktibar kepada manusia dan lain-lain ilmu umum bagi membolehkan manusia memanfaatkan ilmu tersebut untuk kebaikan dan kebahagiaan hidup dengan bantuan akal (Zarkashi, t.th.). Ini dengan sendirinya menjelaskan bahawa kenapa “etika kerja” tidak disebut secara langsung di dalam al-Quran.

¹⁷ Lihat juga al-Quran; Surah al-Jumu'ah, 15; Surah an-Nahl, 14; Surah al-anbiya', 80; Surah Yasin, 34; Surah Muzammil; Surah Hadid, 25.

¹⁸ Terdapat 6326 ayat al-Quran, daripada jumlah tersebut ia merangkumi perkaitan tentang perintah Allah, larangan Allah, balasan baik, balasan buruk, peringatan dan pengajaran, berkaitan kisah umat terdahulu, berkaitan hukum-hakam dan berkaitan doa.

Oleh kerana al-Quran bukan suatu penulisan falsafah dan bukan kitab yang membicarakan tentang epistemologi semata-mata, maka ia tidak menyebut tentang pendefinisian akhlak kerja secara terus. Walau bagaimanapun, penegasan tentang akhlak kerja cemerlang ini boleh diketahui dengan jelas menerusi konsep-konsep utama dalam ayat-ayat al-Quran itu sendiri (Thameem, 1998).

Beberapa konsep yang sering diulang-ulang dalam al-Quran mempunyai hubungan rapat dengan kerja cemerlang dan antara konsep-konsep tersebut ialah; *Taqwa*, *'Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Ma'aruf* dan *Itqan*. Prinsip-Prinsip ini dikeluarkan hasil dikodifikasikan (*taqnin*) melalui *al-Mu'jam al-Maudhui li ayat al-Quran al-Karim* serta tafsir para ulama tentang ayat-ayat yang menunjukkan perlunya bekerja secara beretika dan sistematik dalam setiap amalan yang dilakukan.

Sementara itu, sumber al-Sunnah pula berfungsi sebagai penguat dan penerang kepada al-Quran (Budah Mohsin,1995). Kitab-kitab al-Sunnah yang muktabar akan dirujuk untuk menentukan etika kerja yang disebut dan dilakukan oleh Rasulullah SAW. Selain itu, dimasukkan juga jadual ayat al-Quran yang telah dibahagikan kepada konsep-konsep yang merangkumi *Taqwa*, *'Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Ma'aruf* dan *Itqan*.

Bilangan surah, ayat-ayat al-Quran, nombor ayat dan jumlah keseluruhan ayat-ayat yang signifikan dengan prinsip etika kerja turut dinyatakan. Ayat-ayat ini juga akan dinyatakan di dalam jadual bagi memudahkan penelitian. Selain daripada al-Quran, terdapat juga penekanan etika kerja di dalam al-Sunnah Rasulullah SAW untuk

menunjukkan kepentingan kepada etika kerja dalam penghidupan umat Islam. Bagi al-Sunnah ini akan dinyatakan periwayatnya melalui *takhrij* al-Sunnah. Namun begitu pernyataan al-Sunnah ini tidak akan dinyatakan di dalam jadual kerana al-Sunnah menjadi penerang kepada dalil-dalil daripada al-Quran.

2.3.1 *'Amal Saleh*

Perkataan kerja dalam bahasa Arab disebut sebagai '*al-amal*' '*al-kasb*' dan '*as-sun*'. Akar kata bagi amal ialah '*amila*' yang bermaksud 'untuk mengerjakan sesuatu atau melakukan sesuatu kerja atau menjadi aktif' (Cowan Miltonj,1980: 644). Kalimah '*al-kasb*' datang daripada perkataan 'kasaba' yang bermaksud 'untuk mendapat, memperoleh, mencapai sesuatu, mencari nafkah atau memperoleh faedah terhadap sesuatu'(Ibn Manzur, 1990) . Oleh itu, perkataan '*al-kasb*' boleh dimaksudkan sebagai suatu pendapatan atau perolehan daripada nafkah hidup (Khalil Saqar, 1997).

Perkataan '*amal*' telah disebut dalam al-Quran sebanyak 320 kali. Manakala '*al-kasb*' pula dinyatakan sebanyak lebih dari 61 kali. Perkataan 'amal saleh' yang berhubung dengan 'iman' pula disebut di dalam al-Quran lebih dari 72 kali (Muhammad Fuad, 1991). Jika soal bilangan boleh diambil kira sebagai tanda penting sesuatu perkara itu maka sebutan kekerapan '*amal* dan '*al-kasb*' di dalam al-Quran sudah cukup menunjukkan perhatian serius al-Quran terhadap kerja. Di bawah ini dinyatakan jadual bagi bilangan ayat-ayat al-Quran dan surah yang menyebut tentang '*amal saleh* dalam al-Quran.

Jadual 2.1

Taburan Jumlah bilangan ayat dan surah yang menyebut perkataan '*Amal Saleh*.

Bil	Surah dalam al-Quran	Bil. Ayat tentang <i>'Amal Saleh</i>	Nombor Ayat
1	al-Baqarah	4	62, 25, 82, 277
2	al-Maidah	3	69, 9, 93
3	al-Anam	2	54, 132
4	al- Nahl	1	97
5	al-Kahfi	6	88, 30, 107, 64, 2, 110
6	Maryam	2	60, 96
7	Taha	3	75, 82, 112
8	al-Furqan	2	70, 71
9	al-Qasas	2	68, 80
10	al-Rum	1	44
11	Saba	1	37, 11
12	Ghafir	2	40, 58
13	Fusilat	3	33, 46, 8
14	al-Jasiah	3	15, 21, 30
15	ali Imran	1	57,
16	al-Nisa	3	57, 122, 173
17	al-A'raf	1	42
18	Yunus	2	4, 9
19	Hud	2	11, 23
20	al-Ra' du	1	29
21	Ibrahim	1	23,
22	al-Hajj	4	14, 23, 50, 56
23	Sad	2	24, 28
24	al-Syuraa	2	22, 23
25	Muhammad	2	2, 12
26	al-Fath	1	29
27	al-Talaq	1	11
28	al-Insyiqaq	1	25
29	al-Tin	1	6
30	al-Baiyyinah	1	7
31	al-Asr	1	3
32	al-Mukminun	2	57, 51
33	al-Naml	1	19
34	al-Ahqaf	1	15
35	al-Ahzab	1	31
36	al-Sajadah	1	12
37	Fathir	1	37
38	al-Anbia	1	94
39	al-Taghabin	1	9
40	al-Isra	1	9

Begitu juga dalam al-Sunnah Rasulullah SAW, perkataan *'amal saleh* juga disebut dengan jelas sebagai penerang dan pengukuh kepada al-Quran¹⁹. *'Amal Saleh* disebut oleh Rasulullah SAW merangkumi segala perbuatan baik yang dianjurkan oleh syariat dan memenuhi tuntutan manusia dalam kehidupan mereka seharian (Khalil Saqar, 1997). Umpamanya al-Sunnah yang diriwayat oleh Bukhari berkaitan *'amal saleh* yang membawa manusia kepada syurga Allah (Bukhari, *Bab zakara al-Malaikah*). Begitu juga dengan riwayat lain yang dibawa oleh Imam Muslim yang memberikan penekanan yang serupa terhadap *'amal saleh* (Muslim, *bab kaifiyat khalq al-adami*).

Demikian juga hubungan antara iman dan *'amal saleh*. Walaupun iman dan amal bukanlah satu kesatuan tetapi amal merupakan satu cabang daripada iman (al-Baghdadi, t.th). Gandingan kedua perkataan ini ibarat bayang-bayang dengan objek. Kelaziman yang terdapat pada al-Quran apabila wujud sebutan iman di situ disebut juga *'amal saleh*. Bahkan setiap satu mewakili dan memberi maksud antara satu sama lain (Harun Nasution, 1986), sehingga perkataan *'as-Salehat'* turut memberi maksud iman menerusi amalan luaran (Tashihiko Izutsu, 1966).

Berasaskan pernyataan ini, maka sebahagian ulama mendefinisikan hakikat tauhid sebagai “membenarkan dengan hati, menuturkan dengan perkataan dan melakukan kerja dengan anggota badan” (Muhammad Naim Yasin, 1985). Nabi SAW juga telah bersabda:

Sesungguhnya setiap amalan itu berserta dengan niat, dan sesungguhnya setiap sesorang itu apa yang diniatkan, Sesiapa yang

¹⁹ Terdapat riwayat yang telah dikeluarkan oleh ulama al-Sunnah berkaitan *amal saleh* seperti Imam Bukhari, *bab Qallallah ta'araju malaikah*; Muslim, *kitab zikir wa al-Doa*; Turmizi, *bab majaa fi amali ayyam al-ashur*; Ibn Majah, *bab solah al-nafilah*; Imam Ahmad, *musnad Abdullah bin Abbas*.

berhijrah kepada dunia untuk mendapat habuannya atau kepada wanita untuk dikahwininya, maka hijrahnya itu kepada apa yang dihijrahkan”.

(HR Bukhari, *Bab Kaifa Kana Badaa Wahyi*: no 1)

Penyataan daripada Rasulullah SAW ini menunjukkan bahawa segala amalan manusia itu akan disertai dengan niat, sama ada niat beribadat atau sebaliknya (Marbawi, t.th.). Ia juga menjadi bukti bahawa ‘amal saleh’ itu lahir daripada keimanan seseorang dan seseorang yang beriman itu akan melakukan ‘amal saleh’ bagi mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah SWT seperti yang diimaninya (Ahmad, 1985).

Perkataan “Orang-orang yang beriman dan beramal saleh” disebut berulang-ulang kali di dalam al-Quran dan turut diriwayatkan dalam al-Sunnah. Kefahaman daripada ayat ini ialah seseorang yang mengaku beriman masih disangsikan keimannya sehingga dia memmanifestasikan iman tersebut menerusi perbuatan atau kerja ‘soleh’.

Dalam pada itu ayat al-Quran yang bermaksud:

Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan perbuatan baik, merekalah isi syurga, merekalah kekal di dalamnya.

(*Surah al-Baqarah*, 2: 82)

Menurut Hamka, terdapat lima elemen ‘salehat’ yang disebut oleh al-Quran iaitu menyembah Allah yang esa, berlaku ihsan kepada keluarga, kaum kerabat, anak yatim, orang-orang fakir miskin; bercakap baik dengan manusia; mendirikan sembahyang; dan mengeluarkan zakat (Hamka, 1982). Walau bagaimanapun, pengertian konsep ‘amal saleh’ ini mencakupi bidang yang lebih luas daripada itu (Ibn Hajar, 1989).

'Amal Saleh sebenarnya merupakan suatu perbuatan baik yang dilakukan oleh manusia dalam semua lapangan kehidupan termasuk pertanian, perindustrian, penternakan²⁰, perkhidmatan dan sebagainya (Nawawi, 1996). Ini boleh difahami daripada al-Quran sendiri yang menjelaskan bahawa manusia dan jin itu diciptakan untuk semata-mata beribadat kepada Allah²¹ dan bukan diciptakan sia-sia²².

Jika matlamat kejadian manusia itu diciptakan untuk beribadat kepada Allah maka Allah juga pasti mencipta seluruh pola hidup manusia boleh selaras dengan tuntutan peribadatan kepadanya, sesuai pula dengan Islam sebagai suatu cara hidup yang menyeluruh²³ (Marbawi, t.th). Begitu juga yang dikeluarkan oleh Ibn Majah yang menyeru dengan beramal soleh walaupun sampai akhir zaman (Ibn Majah, *bab al-ayah*).

Oleh hal yang demikian, *'amal saleh* bolehlah disebut sebagai, “*All those actions that emerge out of and in conformity to, the Islamic world-view* (Wan Mohd Nor, 1989). Tindak-tanduk manusia itu termasuk tanggungjawab ritual dan tanggungjawab sosial kehidupan harian yang merangkumi moral, spiritual, intelektual dan sosioekonomi.

Jika amal soleh bermakna semua tingkah laku dan perbuatan yang selaras dengan pandangan Islam, maka orang beramal soleh adalah merujuk setiap orang yang mempunyai nilai kerja yang baik menurut garis ketentuan al-Quran dan al-Sunnah.

²⁰ Sila rujuk Muslim, t.th., *bab fadhlu al-gharsu wa al-zira'*; Turmizi, t.th., *bab majaa fi al-fadhlu al-gharsu*

²¹Lihat firman Allah, “Tidak kujadikan jin dan manusia melainkan agar mereka menyembahku” (Surah al-Thuur, 52: 56).

²²Lihat firman Allah “Wahai tuhan kami ! Tidaklah engkau menjadikan semua ini (alam) dengan sia-sia , Maha suci engkau peliharah kami dari seksa neraka” (Surah al-Baqarah, 2: 208).

²³Lihat firman Allah, “Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya dan dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan, sesungguhnya dia adalah musuh kamu yang nyata” (Surah al-Baqarah, 2: 208).

Justeru, kadangkala kita dengan mudah dapat bertemu dengan perkataan “soleh” yang disebut oleh al-Quran dan al-Sunnah untuk mencirikan seseorang insan²⁴ .

Demikian juga patut disebut di sini bahawa perkataan “soleh” mempunyai hubungan yang akrab dengan “*abd*” yang terbit dari perkataan “*abada*” yang membawa maksud “untuk berkhidmat” atau “untuk menyembah” (Ba’labaki, 1993). Allah menjelaskan di dalam al-Quran bermaksud;

Tidak-Ku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaku.

(*Surah al-Zariyyat, 51: 56*)

Menurut Syed Qutb (1986), Ibadah bermakna:

“Memberi sepenuh ketundukan hanya kepada Allah dengan mengikut semua arahan dan suruhan serta menolak seluruh ketundukan kepada selain Allah dalam semua aspek yang melibatkan duniawi dan ukhrawi”.

(Sayyid Qutb, 1986, jil 1: 1902).

Berasaskan kefahaman ini, konsep “ibadah” dapat dikategorikan kepada dua fardhu iaitu fardhu ‘ain dan fardhu kifayah. Fardhu ‘ain menekankan tanggungjawab individu dalam berhubungan dengan Allah dan makhluk. Menurut Maududi (1985), fardhu ini menekankan kewajipan asas yang harus dilaksanakan oleh setiap individu muslim agar ia layak memikul tanggungjawab sebagai khalifah Allah di atas bumi ini.

²⁴ Lihat firman Allah, “*Mereka beriman dengan Allah dan hari akhirat Mereka menyeru mengerjakan yang benar dan mendorong membuat yang salah dan menyegerakan perbuatan ‘soleh’.* Mereka itu termasuk orang yang baik-baik” (al-Quran, 3; 114). Melalui al-Sunnah riwayat Bukhari dan Muslim, “*lakukanlah amal yang baik itu dengan kemampuan yang ada, sesungguhnya Allah tiada lemah dalam memberikan pahala ganjaran hingga kamu jemu untuk beramal* (HR Bukhari dan Muslim).

Sementara fardhu kifayah pula adalah merupakan tanggungjawab kolektif, berhubung dengan kepakaran dan keupayaan memikul tanggungjawab orang lain yang tidak berkeupayaan menunaikannya. Kegiatan fardhu kifayah ini diwajibkan dalam segala urusan keilmuan, muamalat, ibadah, syariah dan munakahat kecuali akidah. Ini bermakna fardhu kifayah diwajibkan dalam kegiatan seharian seseorang manusia. Secara literal, fardhu ini cuba menerapkan kerjasama antara sesama manusia untuk mencapai sesuatu tuntutan dalam masyarakat mahupun agama.

Umpamaannya, jika di suatu tempat tertentu umat Islam memerlukan sebuah kilang roti sedangkan di tempat tersebut tidak terdapat kilang roti kepunyaan orang Islam maka seluruh masyarakat di tempat itu berdosa. Demikian juga kefardhuan terhadap umat Islam di tempat itu tidak akan terhapus hanya jika terdapat sebuah kilang sahaja tetapi tidak mampu menampung keperluan masyarakat Islam sekitarnya yang ramai. Tuntutan kefardhuan itu hanya akan terlerai apabila orang Islam tidak lagi bergantung kepada orang bukan Islam untuk mendapat bekalan roti.

Kedua-dua fardhu tersebut mempunyai kesalingan dalam kehidupan seseorang muslim. Setiap Muslim dituntut bersiap sedia dan bekerja keras dalam menjalankan tanggungjawab kedua-dua fardhu itu. Mereka seharusnya memahami al-Quran dan al-Sunnah dalam konteks fardhu 'ain dan fardhu kifayah (Muhammad al-Ghazali, 1992). Oleh kerana disebut fardhu, maka Muslim yang melakukannya pasti mendapat pahala dan meninggalkannya menanggung dosa.

Pemahaman al-Quran dan al-Sunnah dalam kalangan orang Islam hari ini seharusnya dipertingkatkan. Kebanyakan orang Islam beranggapan Allah seolah-olah hanya

mewajibkan mereka membaca al-Quran dengan baik, berlagu dan menghafal sejarahnya sahaja. Begitu juga al-Sunnah Rasulullah hanya sebagai bahan bacaan sahaja (Muhammad al-Ghazali, 1992). Sedangkan tindakan tersebut hanya wasilah atau jalan mempelajari al-Quran dan al-Sunnah yang terangkum dalam fardhu 'ain.

Apa pun tujuan atau matlamat utama penurunan al-Quran adalah untuk dicari ilmu pengetahuan dan mengambil pengiktibaran yang terdapat dalam ayat al-Quran itu sendiri manakala sunah sebagai satu pengamalan dalam kehidupan umat Islam. Walau bagaimanapun, umat Islam seolah-olah memandang tanggungjawab fardhu tersebut sebagai kecil dan tidak perlu diberikan lebih perhatian berbanding urusan kehidupan dunia (al-Qardhawi, 1994).

Melalui dua kefardhuan iaitu fardhu ain dan fardhu kifayah ini telah menjadi pendorong kepada satu konsep yang memberikan kebaikan kepada umat Islam yang dikenali sebagai *al-Falah*. Ia bermaksud kejayaan, keuntungan, kesejahteraan dan kemakmuran (Kamus Dewan, 2000). Konsep *al-Falah* dalam Islam tidak hanya memberi tumpuan kepada kejayaan di dunia semata-mata malahan juga untuk kejayaan di akhirat (Maududi, 1984b). Islam menjelaskan bahawa hidup manusia di dunia akan bersambung ke alam akhirat dan kesejahteraan manusia yang hakiki pula ialah memenuhi tuntutan-tuntutan kesatuan rohani dan jasmani di dunia sekaligus menghasilkan kebahagiaan di akhirat. Ini bererti bahawa Islam mengenakan kaedah yang sama bagi mencapai kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat.

Bagi menyemai pembentukan *al-falah* kepada umat Islam daripada sudut rohani dan jasmani, Allah SWT telah memerintahkan mereka melaksanakan *'Amal Saleh* terdiri

daripada amalan-amalan yang dapat mendekatkan diri dengan Allah. Amalan tersebut seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya yang diniatkan kerana Allah. Misalnya ibadah solat ia pencetus, pengimbang, pelindung kepada umat Islam dan menjadi asas utama dalam pembentukan etika kerja yang dikehendaki oleh Islam. Kandungan amalan solat itu mengandungi pelbagai adab, tartib dan tarbiyah yang dapat membentuk jiwa pelakunya mencapai al-falah. Dalam amalan solat itu wujud kekuatan rohani untuk membina ketakwaan malah solat juga menyumbang kepada kekuatan jasmani dan kesihatan tubuh badan. Apa yang paling utama, solat adalah tanda ketaatan dan kesyukuran (Amrin Rauf, 2015). Secara intrinsiknya pelbagai elemen al-falah terkandung dalam solat antaranya disiplin, ketekunan, kebertanggungjawaban, amanah dan berpegang pada janji yang akhirnya dapat melahirkan umat Islam yang tekun dan hebat (Abdullah al-Qari, 1995).

Sememangnya solat perlu dilaksanakan setiap hari dalam waktunya yang tertentu. Ia adalah satu ketetapan Allah SWT dan merupakan tarbiyah kepada umat Islam untuk membiasakan diri melaksanakan segala kerja secara berdisiplin. Melalui pembentukan solat tersebut disiplin dapat diaplikasikan dalam kerja dan tugas harian. Ini adalah cara solat mendidik umat Islam menuju al-falah. Dapat ditegaskan solat merupakan para meter atau kayu ukur kejayaan umat Islam. Mereka yang berjaya menghayati solat akan menjadi seorang yang berdisiplin. Umat Islam yang berdisiplin adalah umat yang berjaya atau mencapai al-falah kerana kejayaan sesuatu masyarakat itu bergantung dengan disiplin dalam kerja dan hidup. Tegasnya al-falah adalah elemen penting dalam etika kerja Islam. Firman Allah SWT bermaksud:

Apabila selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah kurniaan Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beroleh kejayaan dan kesejahteraan.

(Surah al-Jum'ah, 62: 10)

Seterusnya Allah juga menjelaskan hubungan antara 'amal saleh dengan ganjaran pahala. Allah SWT menyebutkan;

Sesungguhnya orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh, sudah tentu kami tidak akan membuang sahaja pahala orang-orang yang melakukan perbuatan baik.

(Surah al-Kahfi, 18: 30)

Ayat di atas secara umum menjelaskan dan memberi jaminan bahawa ganjaran sama ada di dunia atau di akhirat akan diperoleh oleh perilaku-perilaku 'soleh'. Ketekunan seseorang di dunia akan diberi ganjaran berupa kejayaan dalam mencapai kehendak dan keperluan hidup manakala ganjaran di akhirat pula diberikan berupa syurga dan terlepas dari neraka (al-Razi, 1990). Begitu juga dengan sebuah al-Sunnah yang dikeluarkan oleh al-Baihaqi yang bermaksud:

Malaikat kanan yang menulis segala amal soleh itu sebagai ketua atau pemerintah atas malaikat kiri yang menulis atas kejahatan. Maka apabila beramal seseorang akan satu amal soleh ditulis malaikat akannya sepuluh kebaikan. Apabila seseorang melakukan kejahatan maka malaikat kiri hendak menulis perbutan seseorang itu maka malaikat kanan akan berkata nanti dahulu (maka ditempo oleh malaikat kiri selama enam jam, di dalam masa itu jikalau pembuat kejahatan itu bertaubat akan diterima taubatnya, jika tidak akan ditulisnya satu kejahatan.

(HR al-Baihaqi: no 6748)

Dengan ganjaran dan balasan yang dijanjikan maka semangat kerja akan memuncak dalam kalangan umat Islam. Oleh kerana Islam adalah agama fitrah maka Islam juga

mengambil kira keperluan dan kehendak diri seperti yang disebut oleh teori ganjaran dan kehendak oleh Maslow²⁵ .

Walaupun bagaimanapun, teori ganjaran Islam adalah menjangkau lebih daripada teori Maslow. Ganjaran-ganjaran yang diterima oleh orang Islam merupakan ganjaran abadi yang boleh menjadi perangsang kerohanian, psikologi di samping menjadi ibadah yang dituai di akhirat nanti (Hanapi Mohd Nor, 1996). Hal ini telah dibincangkan oleh Fakhrudin al-Razi, yang menyatakan bahawa kerja yang baik akan memberikan ganjaran dan ganjaran tersebut melahirkan kepuasan kepada diri individu tersebut (al-Razi, 1990).

Menurut Yusof (1991) terdapat lima sifat yang membentuk teori ganjaran dan kehendak dalam Islam iaitu pertama; kehendak *al-ubudiyah* “Kehambaan dan penyembahan”. Kedua; kehendak *isti’annah* “bantuan” iaitu meliputi bantuan keselamatan, rangsangan, kasih sayang, kepunyaan, kerjasama, penghormatan, dan kekeluargaan. Ketiga; kehendak *al-Istiqamah* “ketekalan” iaitu kehendak untuk beristiqamah menghadapi hidup dan hakikatnya, kehendak keadilan dan kebersamaan dan perlindungan daripada salah laku oleh orang lain. Keempat; kehendak hidayah “petunjuk” iaitu kehendak untuk memperoleh hidayah menerusi ilmu dan kemahiran. Kelima; kehendak nikmat “kesukaan” iaitu kehendak psikologi dan badan meliputi kepuasan mental dan psikologi, kesihatan badan, kedudukan, pendapatan, pekerjaan, kepuasan seksual dan persekitaran yang baik.

²⁵ Maslow menyatakan bahawa manusia berhajat kepada keperluan-keperluan yang berbentuk material dan psikologi kesemua keperluan ini akan memberikan kepuasan kepada manusia. Keperluan-keperluan ini merangkumi fisiologi dan keperluan hidup, keselamatan, kasih sayang, kecintaan dan kepunyaan, keperluan penghargaan dan pengembangan diri (Steers & Porter, 1991: 37).

Jelas bagi seorang Muslim hierarki yang tertinggi ialah *ubuddiyah*. Tanpa *ubudiyyah* maka tidak mungkin wujud kebahagiaan dalam mencapai hierarki ganjaran-ganjaran lain. Sebaliknya dengan *ubudiyyah* seseorang Muslim tidak akan mengalami kekecewaan jika kerja yang dilakukan tidak mendapat ganjaran setimpal kerana dia masih yakin akan mendapat ganjaran abadi di akhirat (Sohair, 1990).

Oleh itu, *'amal saleh* akan memberikan kepuasan kerja dan ganjaran sepertimana yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran:

Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka Sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

(*Surah al-Nahl*, 16: 97)

Pada awal ayat ini menjelaskan pertalian antara *'amal saleh* atau pekerjaan yang baik dengan iman. Pengakuan iman sahaja belum bererti sebelum dibuktikan oleh hasil pekerjaan yang baik. Menurut penafsiran Ibnu Kathir (1994), 'baik pada pekerjaan' iaitu menurut apa yang dianjurkan oleh al-Quran dan al-Sunnah sama ada pekerja lelaki dan pekerja perempuan akan membawa kebaikan pada kehidupan iaitu ketenteraman dan kepuasan jiwa serta keselesaan walaupun dari mana datangnya gangguan. Pasti juga mereka akan mendapat ganjaran syurga di akhirat kelak. Pekerjaan yang baik *'amal saleh* inilah yang akan memberikan ganjaran dan kepuasan dalam kehidupan manusia.

Menurut al-Qasimi (1996), *'amal saleh* akan membawa kepada keselesaan ketenteraman serta kepuasan pada diri manusia. Ia akan memenuhi dada dengan kesejukan kerana berasa puas dengan yakin dan merasa manisnya iman, ingin

menemui apa yang dijanjikan oleh Allah berupa ganjaran dan reda dengan pemberian Allah.

Perlaksanaan *'amal saleh* yang dikerjakan dalam dunia ini adalah bersumberkan kepada cahaya iman. Menerusi keimanan inilah yang memberikan rasa kepuasan dan ketenteraman pada hati agar menerima segala pemberian Allah SWT iaitu ganjaran yang baik di dunia dan akhirat (Hamka, 1982).

Seterusnya *'amal saleh* juga membuatkan seseorang itu akan menjalani pekerjaan dengan lebih baik kerana keimanan di dalam hatinya sentiasa memberikan kekuatan agar dilakukan kerja itu sehingga wujud kesempurnaan pada kerjanya kerana ganjaran yang lebih baik akan menanti di akhirat hasil dari kebaikan di dunia dan ia akan merasa puas dan tenang setelah dapat melakukan kerja dengan sebaiknya hingga manusia lain dapat manfaat darinya (Ismail Ibrahim, 1991).

Oleh itu, ketepatan memahami konsep amal saleh ini menghasilkan natijah sikap perjuangan pada tahap tertinggi dan berterusan bagi mencapai tingkat insan mulia. Manusia beramal saleh ini akan terus meneroka, menyelidik, menggali dan berusaha tanpa jemu dan bosan dalam mengejar ganjaran Tuhan dan anugerah nikmat daripada-Nya (Baharuddin, 2004).

Allah telah menabur nikmat di merata tempat dan manusia yang berjuang dengan sepenuh daya usaha akan memperoleh ganjaran tersebut sama ada di dunia, di akhirat atau kedua-duanya sekali. Nilai dan disiplin yang disebutkan oleh al-Quran

dan sunnah adalah merupakan panduan-panduan penting bagi orang Islam dalam menyusun hidup sehari-harian mereka (Muhamad Abu Zahrah, 1987).

Konsep *'amal saleh* juga mempunyai hubungan rapat dengan konsep 'ilmu'. Secara logiknya seseorang yang hendak melakukan amal saleh mesti mengetahui cara untuk melaksanakannya iaitu dengan ilmu (al-Hamadi, 1997). Seorang yang disebut alim tidak akan diakui dan diiktiraf kealimannya kecuali setelah dia mempraktikkan tuntutan ilmu tersebut dengan beramal (Abu Urwah, 1988). Orang alim ini disebut oleh Nabi Muhamad SAW sebagai pewaris nabi (Abi Daud, *bab hassu ala talabu al-ilmu*; al-Turmizi, *bab fi majaa fadhlu fiqh ala ibadah*).

Gesaan al-Quran supaya orang Islam menuntut ilmu adalah pada ayat pertama diturunkan (Surah al-'Alaq, 96: 1-5). Justeru, peranan ilmu itu amat besar, maka mengamalkannya juga adalah penting yang bagai suatu jihad. Sehubungan dengan itu, Allah telah menerangkan tentang peri penting orang Islam menjadi peneroka, penyelidik dan pentadbir kepada fenomena alam yang tersimpan berjuta rahsia (Faisal Othman, 1986).

Ketertiban alam dan kecantikannya mengajak manusia agar memikir dan mengkaji sama ada wujud atau tidak kecacatan dan kekurangan pada alam ciptaan Allah (Surah al-Mulk, 67: 3-4). Demikian juga lautan luas yang dipermudahkan kepada manusia supaya manusia menemui kebesaran Tuhan (Surah al-Nuh, 71: 17).

Oleh itu, penemuan dan penerokaan terhadap kejadian alam adalah suatu usaha amal saleh dan adalah suatu jihad. Pengkajian tersebut dapat menolong manusia menemui

konklusi kebesaran dan keunggulan Tuhan ke arah beriman dan mendekatkan diri mereka kepada-Nya. Tentu juga penerokaan-penerokaan ini akan diberikan ganjaran oleh Allah sama ada dapat diperoleh sekadar di dunia, di akhirat atau kedua-duanya sekali (Mahmood Zuhdi, 2007).

Prinsip *'Amal Saleh* sememangnya mempunyai hubungan dengan nilai-nilai lain seperti yang telah dibincangkan. Hubungan ini menunjukkan bahawa *'Amal Saleh* mempunyai rangkaian untuk melahirkan jiwa manusia yang mempunyai ketaatan kepada Allah SWT. Prinsip *'Amal Saleh* ini berhubung dengan nilai-nilai yang membawa sifat yang baik untuk melaksanakan kerja atau amalan umpamanya berani, benar, tunai janji, kemaafan, bersabar, taat dan sebagainya. Hubungan ini jelas dinyatakan di dalam al-Quran. Hubungan ini dinyatakan melalui jadual di bawah.

Jadual 2.2 di bawah ini menunjukkan hubungan antara prinsip *'Amal Saleh* dengan nilai-nilai lain yang terdapat di dalam al-Quran. Bagi tiap-tiap nilai tersebut dinyatakan surah dan nombor ayat.

Jadual 2.2

Hubungan *'Amal Saleh* dengan Nilai Lain.

Surah dan Ayat	Hubungan dengan <i>'Amal Saleh</i>
al-Baqarah 2: 25	Beriman, Ganjaran Rezeki Dunia
al-Baqarah 2: 62	Beriman, Berani (Tidak Takut)
al-Baqarah 2: 82	Beriman, Ganjaran Syurga
al-Baqarah 2: 277	Beriman, Berani
al-Imran 3: 57	Beriman, Ganjaran
al-Nisa 4: 57	Beriman, Ganjaran Pahala
al-Nisa 4: 122	Beriman, Benar, Tepati Janji
al-Nisa 4: 173	Beriman, Ganjaran Pahala
al-Maidah 5: 9	Beriman, Kemaafan, Tunai Janji

al-Maidah 5: 69	Beriman, Berani
al-Maidah 5: 93	Beriman, <i>Taqwa, Ihsan</i> (Kebajikan)
al-An'am 6: 54	Beriman, Islah, Pengampunan
al-An'am 6: 132	Menjaga Maruah
al-A'raf 7: 42	Beriman, Berusaha
Yunus 10: 4	Beriman, Janji, Benar, Adil
Yunus 10: 9	Beriman, Ganjaran
Hud 11: 11	Sabar
Hud 11: 23	Beriman, Rendah Diri
al-Ra'du 13: 9	Beriman, Kebahagiaan
Ibrahim 14: 23	Penghormatan, Keselamatan
al-Nahl 16: 97	Beriman, Kebaikan
al-Isra 17: 9	Beriman, Petunjuk, Benar,
al-Kahfi 18: 2	Beriman, Ganjaran Kebaikan Dunia
al-Kahfi 18: 30	Beriman, Ganjaran Kebaikan Dunia
al-Kahfi 18: 64	Beriman, Usaha Bersungguh-sungguh
al-Kahfi 18: 88	Beriman, Permudah Urusan
al-Kahfi 18: 107	Beriman, Ganjaran Syurga
al-Kahfi 18: 110	Beriman, Tidak Syirik
Maryam 19: 60	Bertaubat, Beriman, Ganjaran Syurga
Maryam 19: 96	Beriman, Kasih Sayang
Taha 20: 75	Beriman, Ganjaran Ketinggian Darjat
Taha 20: 82	Bertaubat, Beriman, Benar
Taha 20: 112	Beriman, Berani, Tidak Menzalimi
al-Anbiya 21: 94	Beriman, Taat
al-Hajj 22: 14	Beriman, Kesungguhan (Komitmen)
al-Hajj 22: 23	Beriman, Ganjaran Baik
al-Hajj 22: 50	Beriman, Kemaafan
al-Hajj 22: 56	Bermesyuarat (Berbincang)
al-Mukminun 23: 51	Makan yang Baik (Halal)
al-Mukminun 23: 57	Ikhlās, Berhati-Hati
al-Naml 27: 19	Ilmu
al-Furqan 25: 70	Beriman, Bertaubat
al-Furqan 25: 71	Bertaubat
al-Qasas 28: 67	Beriman, Bertaubat
al-Qasas 28: 80	Ilmu, Beriman, Bersabar
al-Rum 30: 44	Berlumba kebajikan (Kompetitif)
al-Sajadah 32: 12	Keyakinan
al-Ahzab 33: 31	Ketaatan
Saba 34: 11	Sentiasa Bersedia
Saba 34: 37	Beriman, Keamanan, ganjaran Dunia dan Akhirat
Fathir 35: 37	Ilmu Pengetahuan, Tingkat Pemikiran
Sad 38: 24	Beriman
Sad 38: 28	Beriman, Bertaqwa, Kesejahteraan
Ghafir 40: 40	Beriman, Ganjaran Syurga
Ghafir 40: 58	Beriman, Berilmu
Fusilat 41: 8	Beriman, Ganjaran Kebaikan

Fusilat: 41: 33	Beriman, Percakapan Baik
Fusilat 41: 46	Ganjaran Pahala
al-Syura 42: 22	Beriman, Ganjaran
al-Syura 42: 23	Beriman, Kebaikan
al-Jasiyah 45: 15	Islah
al-Jasiyah 45: 30	Rahmat
al-Ahqaf 46: 15	Islah, Taubat
Muhammad 47: 2	Beriman, Islah
Muhammad 47: 12	Beriman, Merasa Kepuasan
al-Fath 48: 29	Beriman, Kasih Sayang, Ketenangan
al-Taghabun 64: 9	Beriman, Keampunan
al-Talaq 65: 11	Iman, Petunjuk
al-Insyiqaq 84: 25	Iman, Ganjaran Berpanjangan
al-Tin 95: 6	Beriman
al-Bayyinah 98: 7	Beriman, Khair
al-Asr 103: 3	Benar, Sabar

Kesimpulannya, konsep amal saleh merupakan penggerak dan perangsang kepada orang Islam menghasilkan etika kerja yang membawa kecemerlangan yang memenuhi tiga elemen kerja iaitu komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Konsep ini berupaya menukar sikap mereka daripada berfikir ke dunia atau keakhirat yang sempit kepada pemikiran di antara dunia dan akhirat.

2.2.2 al-Birr

Istilah yang hampir sinonim dengan 'amal saleh' iaitu istilah 'birr' ia merupakan perkataan yang begitu tersembunyi dalam istilah akhlak al-Quran. Al-Quran menjelaskan:

Bukanlah Birr (kebajikan) itu (sama ada) kamu memalingkan muka-muka kamu ke pihak timur atau barat, tetapi kebajikan itu ialah (kebajikan) orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat dan malaikat dan kitab dan nabi-nabi, dan mendermakan harta yang dicintai kepada keluarga yang hampir dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang dalam perjalanan dan orang yang meminta dan hamba yang mahu menebus dirinya dan mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat dan menyempurnakan janji apabila berjanji, dan sabar di waktu kepayahan dan kesusahan dan di waktu perang,

merekalah orang-orang yang benar dan mereka itulah orang-orang yang bertaqwa.

(Surah al-Baqarah, 2: 177)

Daripada pemerhatian pada ayat di atas didapati bahawa ‘*Birr*’ tidak boleh dipisahkan dengan istilah ‘*salihat*’ atau hakikat iman yang sebenar-benar (Baydawi, 1951). Justeru, kedua-dua istilah ini mewakili makna ketaatan kepada agama dan amal kebajikan. Merujuk kepada *Mu’jam Lunghawi Asr*, bahawa ‘*Birr*’ boleh dimaksudkan sebagai *al-khair, Ihsan, al-’Ata’, al-Thaat, al-Sidq, al-Adl* (Jubran, 1987). Ini bermakna ‘*Birr*’ adalah suatu konsep yang membicarakan hal-hal moral dan etika Islam. Konsep ‘*Birr*’ ini telah disebut di dalam al-Quran sebanyak 19 kali (Muhammad Fuad, 1991: 149). Di bawah ini dinyatakan jadual berkaitan bilangan ayat-ayat al-Quran dan surah tentang al-Birr yang disebut di dalam al-Quran.

Jadual 2.3

Taburan Jumlah Bilangan Ayat dan Surah yang Menyebut Perkataan “*Al-Birr*”.

Bil	Surah dalam al-Quran	Bil. Ayat tentang <i>al-Birr</i>	Nombor Ayat
1	al-Baqarah	4	224, 44, 177, 189,
2	al-Mumtahinan	1	8
3	al-Thur	1	28
4	Maryam	2	14, 32
5	ali Imran	3	193, 198, 92
6	al-Insan	1	5
7	al-Infithar	1	13
8	al-Mutaffifin	2	18, 22
9	al-Maidah	1	2
10	al-Mujadalah	1	9

Sementara itu, perkataan ‘*al-Birr*’ ini juga turut dinyatakan oleh Rasullulah SAW. Terdapat al-Sunnah yang menyebut tentang ‘*al-Birr*’ seperti yang dikeluarkan oleh Bukhari (1996), Muslim (t.th.), Abu Daud (t.th), Turmizi (t.th), Nasai (t.th), Ibn

Majah (t.th), Imam Ahmad (1990) dan al-Darimi (t.th)²⁶. Perkataan ‘*al-Birr*’ ini digunakan untuk melahirkan pribadi yang cenderung kepada perlakuan kebajikan daripada pelaksanaan kerja dan amalannya setiap hari seperti mana yang diriwayatkan oleh Muslim (t.th). Sabda Nabi SAW bermaksud:

Birr itu adalah sebaik-baik kelakuan (akhlak) dan keburukan itu ialah apa yang terdapat di dalam dadamu dan engkau tidak suka untuk menunjukkannya pada manusia

(HR Muslim, *bab tafsir al-birr wa al-ism*, no 6680)

Menerusi kalimah ‘*al-Birr*’ yang digunakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran tidak hanya tertumpu pada pengamalan ibadah khusus semata-mata tetapi ‘*al-Birr*’ itu juga merangkumi kepada menghormati sesama manusia, memelihara hubungan kekeluargaan dan persaudaraan dan sekaligus ia akan melahirkan satu pasukan (Ibn Kathir, 1994; Wahbah, 1991).

Namun begitu, melalui sunnah Rasulullah SAW telah memberikan penerangan dan perincian berkaitan dengan kalimat ‘*al-Birr*’ bersesuaian dengan fungsi sunah sebagai penerang dan memperincikan apa yang disebut secara umum di dalam al-Quran. Sepertimana yang disebut oleh Rasulullah SAW, terkandung di dalam kalimat ‘*al-Birr*’ itu ialah hormat-menghormati (Nasai, t.th), saling membantu (Ahmad, 1990), hubungan silaturahim (Turmizi, t.th) dan sebagainya (Ibn Hajar, 1989).

²⁶Al-Sunnah yang menyebut tentang ‘*al-Birr*’ telah dikeluarkan oleh Bukhari, *bab umur al-iman*; Muslim, *bab tafsir al-bir wa la-ism*; Abi Daud, *bab fi silah al-rahim*; Turmizi, *bab min surah al-Imran* dan *bab ma jaa al-birr waal-ism*; Nasai, *bab kaifa yaktub al-habas*; Ibn Majah, *bab ijtinab al-bid*; Ahmad, musnad Anas bin Malik dan musnad Wabisah bin Ma’bad al-Asadi; Al-Darimi, *bab al-bir wa al-silah*.

Menghormati umpamanya merupakan satu perkara yang mengajak manusia supaya melakukan perkara yang baik dalam kehidupan. Semangat bermuamalah yang penuh dengan kemesraan dan hormat-menghormati perlu dihayati oleh para pekerja (Mustafa Daud, 1994). Tindakan berhikmah akan mengelakkan konflik dan keretakan hubungan dalam institusi pekerjaan antara para pekerja sama ada orang bawahan atau atasan.

Penghormatan dalam perhubungan ini termasuk dalam aspek percakapan, bertimbang rasa, bermaafan dan bertoleransi serta memberikan tugas mengikut kepakaran dan tanggungjawab (Mohd Sahar, 1990). Sabda Nabi SAW:

Sesiapa yang tidak menghormati sesiapa yang di bawahnya dan tidak memberikan hak kepada orang di atasnya, bukanlah dia dalam golongan kami.

(HR Abu Daud, no. 4945)

Pembahagian kerja atau tugas mengikut kepakaran juga merupakan perkara “*al-Birr*” yang diberikan penekanan oleh Rasulullah SAW. Ciri ini sangat berhubungkait dengan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan termasuk sifat-sifat mulia sebagai insan yang diperlukan oleh tugas (Sharifah Hayaati, Asmak Ab. Rahman & Mohd Izani, 2009).

Pembahagian tugas dan tanggungjawab yang adil adalah berdasarkan kepakaran dan kebolehan seseorang. Perlanggaran kepada etika ini adalah dianggap sebagai permulaan proses pecah amanah yang akan membawa kepada keruntuhan organisasi dan juga kemerosotan prestasi dan produktiviti (Abbas , 2005). Sabda Nabi SAW bermaksud:

Apabila diserahkan sesuatu urusan kepada bukan ahlinya (bukan kepakarannya) maka tunggulah masa keruntuhannya.

(HR Bukhari, *bab man saala ilman*, no. 59)

Melalui al-Sunnah ini, dapat diperkukuhkan bahawa tugas adalah amanah dan ia memerlukan pelaksanaan yang terbaik dengan sifat-sifat terpuji seperti tekun, cermat, ikhlas dan sebagainya. Apabila seseorang pekerja itu menjalankan tugasnya melalui kebolehan yang dimiliki, pasti ia akan melakukan tugas dengan sebaiknya (Labib al-Said, 1985). Seperti mana yang telah disabdakan oleh Nabi SAW bermaksud:

“Kamu semua lebih tahu tentang hal dunia kamu”.

(HR Muslim, *bab wujub imtisal wa qala syar’an*: 6277)

Selain itu, prinsip persaudaraan dan melakukan kerja berpasukan juga merupakan tuntutan yang sering dianjurkan oleh Nabi SAW. Allah SWT menganjurkan agar sentiasa menjaga tali persaudaraan dengan membantu ahli keluarga apabila mereka dalam kesusahan (Muslim, t.th, *bab fadlu silah asdiqa*).

Jika perhubungan persaudaraan ini dipelihara dalam sesebuah organisasi, pastinya akan lahir satu pasukan yang utuh dan bersatu sama ada ketika senang atau susah. Ini adalah galakan yang sering ditekankan dalam konsep pekerjaan. Setiap pekerja perlu melahirkan sifat persaudaraan dan berpasukan sewaktu menjalani tugas secara berorganisasi (Mustafa Daud, 1994).

Terdapat juga al-Sunnah yang telah dikeluarkan oleh Turmizi, bahawa konsep ‘*al-Birr*’ menghala kepada perkara yang memberikan kebajikan dan pastinya ada kebaikan kepada pelakunya dan kebaikan kepada mereka yang menerimanya

(Turmizi, t.th., *bab la yuradu al-qadar illa doa*). Sinonim dengan ‘*Birr*’ ialah ‘*khair*’ iaitu kebaikan dan semestinya sesuatu yang berkebaikan dan tiada keburukan yang membawa keburukan. Sebab itu ia sering menjadi satu seruan yang dirakamkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran untuk memberi peringatan kepada umat manusia bagi melaksanakan perbuatan yang memberi manfaat kepada manusia dan alam (Mohd Nor, 1991).

Konsep ini juga menjadi suatu yang sangat digalakkan dalam Islam sehinggalah Allah mengulanginya berkali-kali di dalam al-Quran dan menyeru manusia untuk bersegera malakukannya sepertimana firman Allah yang bermaksud:

Sesungguhnya mereka yang beriman akan menyegerakan untuk melakukan kebaikan.

(Surah al-Mukminun, 23 :61)

Konsep ‘*Birr*’ ini juga secara jelasnya bermaksud menyeru umat Islam untuk tekad bekerja (Abdullah Mohamad Zin, 2004). Ini bermakna kerja yang merangkumi tanggungjawab serta kerjasama sosial dan keagamaan disifatkan sebagai ‘*Birr*’ jika menepati garis panduan agama (Surah al-Baqarah, 2: 196). Kegigihan untuk mengumpulkan dan mendapatkan harta adalah suatu tugas ‘*Birr*’ atau amal kebajikan (Noor Banu, 2006).

Namun begitu, kerja tersebut belum lagi dinilai sebagai amal kebajikan selagi pengumpul harta tersebut belum menunaikan tanggungjawab ‘*Birr*’, iaitu mengeluarkan zakat dan bersedekah kepada orang yang memerlukan (Bukhari, *bab lan tana lu al-birr*). Oleh hal yang demikian, al-Quran telah mengaitkan perkataan

'*Birr*' bersama-sama dengan perkataan zakat (Surah al-Imran, 3: 86 & 92) , begitu juga '*Birr*' dihubungkan dengan nafkah harta (Surah al-Baqarah, 2: 273).

'*Birr*' juga mempunyai hubungan dengan maksud kesabaran iaitu “mereka yang bersabar menghadapi tekanan penderitaan dan kepayahan” (Ahmad, musnad Fadhu bin Abbas). Kesabaran adalah tunjang kepada siri perjuangan dalam kehidupan. Sifat ini semestinya terus subur dalam jiwa semua manusia yang mengharungi kehidupan. Oleh kerana manusia itu sendiri ialah pejuang dan penyabar yang terpaksa mengharungi pelbagai ranjau kehidupan maka tindak tanduk mereka boleh dianggap melakukan kebajikan (al-Bayanuni, 1999).

Kesabaran perlu dalam semua gerak kerja kebajikan yang berhubung dengan Tuhan dan manusia. Manusia juga tidak sekadar bersabar menghadapi bahaya, dugaan dan kesusahan dalam beramal ibadat bahkan juga bersabar daripada serangan tamak, takut dan bimbang dan mengikut hawa nafsu.

Justeru, kesabaran itu bermakna seorang Muslim perlu menahan diri daripada kejahatan dan tekal dalam melakukan kebaikan sepanjang hidup berpaksi rasa takut kepada Allah (Maududi, 1985). Ringkasannya, kesabaran merangkumi aspek-aspek kerja yang ditunaikan secara beristiqamah dan bersungguh-sungguh bertepatan dengan tuntutan agama (Surah al-Syarh, 94: 5-8). Melalui sifat sabar dan redha daripada rangkuman '*al-Birr*' ini seorang pekerja akan lebih memikirkan ganjaran dan kepuasan kerja daripada sifat sabar dan reda atas apa yang telah diuji kepada mereka sewaktu melaksanakan tugas dan kehidupan (YPEIM, 2005).

Sebab itu ‘*al-Birr*’ atau kebajikan ini bersangkutan dengan keimanan kepada Allah dan keimanan kepada hari akhirat. Di sinilah terletak kunci keimanan (Baydawi, 1951). Keimanan kepada Allah itu ialah kunci ketenangan jiwa manusia dan memberikan keselesaan dan rasa kepuasan dalam kehidupan dan tugas-tugas yang dilaksanakan kerana mengimani kepada Allah sebagai Tuhan yang Maha Berkuasa. Sementara keimanan kepada hari akhirat itu adalah satu kunci untuk manusia yang beriman itu melakukan ‘*Birr*’ atau kebajikan untuk mendapatkan ganjaran yang tidak terhingga di akhirat kelak (Hamka, 1982). Allah SWT juga telah merakamkan di dalam al-Quran yang bermaksud:

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).

(*Surah al-Maidah, 5: 2*)

Menerusi ayat ini, Allah SWT telah menganjurkan agar orang-orang yang beriman itu melakukan pekerjaan-pekerjaan yang baik atau kebajikan. Pekerjaan-pekerjaan yang membawa kepada ‘*Birr*’ atau kebajikan itu adalah seperti tolong-menolong, bekerjasama, bergotong royong, bermuafakat dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan sebagainya (Hamka, 1982).

Hasil pemuafakatan inilah yang menghasilkan komitmen kerja yang tinggi. Rangsangan ini akan merubah iklim pekerja daripada merasa kepenatan dan bosan kepada perasaan riang dan bersemangat (Mohd Nor, 1991). Permuafakatan, kerjasama, tolong menolong terhasil melalui permesyuaratan ataupun syura. Syura

ialah satu konsep yang sangat unik dalam Islam (Said Hawa & Hassan Huwaidy, 1984).

Musyawahar adalah satu tindakan sekaligus sebagai institusi, budaya, proses penyertaan, perundingan, perancangan, perbincangan yang mendalam dikalangan orang-orang yang berkebolehan dan berkemampuan dalam bidang tertentu. Matlamat musyawarah itu untuk mencapai persepakatan dalam perkara yang membawa kepentingan bersama (Mohd Shahr, 1990).

Oleh itu, syura adalah satu daripada komponen yang wujud di dalam prinsip “*al-Birr*” seperti yang ditegaskan oleh Mohd Nor Nawawi (1991) bahawa syura adalah satu pengamalan terbaik yang membawa kepada permuafakan, kerjasama dan jalan yang terbaik untuk kesejahteraan ummah Islam.

‘*Al-Birr*’ mengarahkan kepada ganjaran yang akan dianugerahkan oleh Allah SWT sebagai satu daripada galakan dan motivasi yang telah ditanam pada jiwa umat Islam. Apabila konsep ‘*Birr*’ ini wujud dalam diri seorang pekerja muslim maka pengarahannya itu akan memberikan keikhlasan dalam tugas yang dilakukan (Fathi Yakan, 1987).

Oleh sebab itu, kebaikan atau ‘*Birr*’ ini sangat berkait rapat dengan sifat keikhlasan. Sifat ikhlas merupakan tunjang pengamalan manusia bagi mendapat keredaan Allah SWT kerana segala amalan itu jika berada dalam keikhlasan maka pasti diterima oleh Allah dan diberikan ganjaran yang setimpal dan jikalau sebaliknya maka kerja yang dilakukannya itu adalah sia-sia (Ibn Kathir, 1994). Di antara perkara yang berhubung

dengan “*al-Birr*” juga adalah pembahagian tugas mengikut kepakaran. Sabda Rasulullah yang bermaksud:

Kamu semua lebih tahu tentang hal dunia kamu.

(HR Muslim, *bab wujub imtisal man qala syar’an*: no. 6277)

Melalui al-Sunnah ini, dapat difahami bahawa umat Islam dalam menguruskan pekerjaan perlu saling hormat menghormati, bantu-membantu dan menghubungkan silaturrahim (Muhammad, 1993). Kesemua ini adalah sifat ‘*al-Birr*’ dan melalui sifat ini ia menghubungkan kepada kelahiran sikap terpuji kepada para pekerja Muslim seperti jujur, amanah, belas kasihan pemaaf, tiada hasad dengki dan tidak berbohong (Muslim, *bab fathu al-kazab*; Abi Daud, *bab tashdid fi kazzab*). Sifat-sifat ini sebenarnya membawa kepada kesungguhan dan komitmen kerja apabila ia dikaitan dengan ganjaran yang bakal diterima dalam penghidupan mereka sama ada di dunia ataupun akhirat.

Seterusnya Rasulullah SAW juga menjelaskan hubungan benar dengan ‘*al-Birr*’ dan sifat ‘*al-Birr*’ akan membawa kepada ganjaran pahala serta syurga daripada Allah sepertimana sebuah al-Sunnah yang berbunyi, sabda Nabi SAW bermaksud:

Sesungguhnya orang yang benar akan dipandu kepada kebaikan dan kebaikan akan dipandu ke syurga, sesungguhnya seorang lelaki yang benar akan dinyatakan kebenarannya. Sesungguhnya seorang penipu itu akan dipandu kepada dosa keburukan dan keburukan akan dipandu kepada neraka.

(HR Bukhari, *bab qaulihi taala ya ayuha lazi naamanu ittaqu*, no. 6094
Muslim, *bab fathu kazzab wa husnu saddi*, no. 6803)

Ayat di atas secara umum menjelaskan dan memberi jaminan bahawa ganjaran syurga di akhirat kelak akan diperoleh oleh pelaku-pelaku ‘*al-Birr*’. Keupayaan dan

kebaikan seseorang di dunia akan diberi ganjaran berupa kejayaan dalam mencapai kehendak dan keperluan hidup manakala ganjaran di akhirat pula diberikan berupa syurga dan terlepas dari neraka (Nawawi, 1994). Begitu juga dengan firman Allah SWT yang disebut dalam al-Quran bermaksud;

Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan amal kebajikan), tetap berada di dalam syurga yang penuh nikmat.

(Surah al-Mutaffifin, 83: 22)

Justeru, dengan ganjaran dan balasan yang dijanjikan maka semangat kerja akan memuncak dalam kalangan umat Islam. Oleh kerana Islam ialah agama fitrah maka Islam juga mengambil kira keperluan dan kehendak diri manusia. Ganjaran yang dibawa oleh Islam adalah menjangkau lebih daripada ganjaran yang dikecapi dan difikirkan oleh manusia di dunia (Mustafa Hj. Daud, 1994b).

Ganjaran-ganjaran yang diterima oleh orang Islam merupakan ganjaran abadi yang boleh menjadi perangsang kerohanian, psikologi di samping menjadi ibadah yang dituai di akhirat nanti (Arsalan, 2004). Hal ini telah dibincangkan oleh Hamka (1982) yang menyatakan bahawa kerja yang baik akan memberikan ganjaran dan ganjaran tersebut akan memberikan kepuasan kepada diri individu tersebut bukan hanya di dunia malahan juga diakhirat. Setiap pekerja Muslim yang melakukan tugasnya dengan penuh kebaikan akan mendapat dua ganjaran yang pasti di dunia dan akhirat.

“*Al-Birr*” atau pekerjaan yang baik sangat berkait rapat dengan iman seseorang. Pengakuan beriman sahaja belum cukup membuktikan bahawa ia betul beriman melainkan setelah ia menghasilkan pekerjaan yang baik (Mohd Nor, 1991). Menurut

al-Razi (1990), '*al-Birr*' atau melakukan pekerjaan dengan baik itu mestilah memenuhi apa yang dianjurkan oleh al-Quran dan sunah. Sebarang pekerjaan yang dilakukan jika bercanggah dengan penganjuran oleh al-Quran dan sunah ia tidak dianggap sebagai '*al-Birr*'.

"*Al-Birr*" akan membawa kepada ketenangan hidup serta kepuasan pada diri manusia. Pekerja yang melakukan kebaikan dalam pekerjaannya akan berasa satu kepuasan apatah lagi jika dapat membantu mereka yang memerlukan bantuan seperti memudahkan urusan dan sebagainya. Kepuasan pada pekerja ini akan melahirkan sifat melakukan pekerjaan dengan penuh tanggungjawab (Soleh Muhammad, 1990).

Justeru, prinsip '*al-Birr*' mempunyai hubungan yang rapat dengan prinsip-prinsip akhlak lain. Prinsip '*al-Birr*' sememangnya mempunyai hubungan dengan nilai-nilai lain seperti yang telah dibincangkan. Hubungan ini menunjukkan bahawa '*al-Birr*' mempunyai hubungkait dengan nilai-nilai lain yang terdapat di dalam al-Quran. Prinsip '*al-Birr*' ini berhubung dengan nilai-nilai yang membawa sifat dan akhlak yang baik untuk manusia melaksanakan kerja umpamanya tidak penting diri, dermawan, islah, taqwa, adil dan sebagainya. Hubungan ini boleh dirujuk pada ayat-ayat al-Quran seperti yang telah dibincangkan. Hubungan antara '*al-Birr*' dengan nilai-nilai ini dinyatakan melalui jadual di bawah.

Jadual 2.4 di bawah ini menunjukkan hubungan antara prinsip '*al-Birr*' dengan nilai-nilai lain yang terdapat di dalam al-Quran. Bagi tiap-tiap nilai tersebut dinyatakan surah dan nombor ayat.

Jadual 2.4

Hubungan '*al-Birr*' dengan Nilai-Nilai Lain

Surah dan Ayat	Hubungan dengan <i>al-Birr</i>
al-Baqarah 2: 44	Berfikir, Menyeru Kebaikan, Tidak Penting Diri Sendiri
al-Baqarah 2: 177	Beriman Pada Allah, Infaq Harta (Dermawan), Mengeluarkan Zakat, Tepati Janji, Sabar, Taqwa
al-Baqarah 2: 189	Taqwa, Benar
al-Baqarah 2: 224	Taqwa, Hargai Masa
al-Imran 3: 92	Infaq Harta (Dermawan)
al-Imran 3: 193	Inovasi (Islah/Pembaharuan), Beriman
al-Imran 3: 198	Taqwa, Ganjaran Kebaikan Dunia
al-Maidah 5: 2	Taqwa, Tolong Menolong (Kerjasama), Bertolak Ansur
Maryam 19: 14	Berbakti, Tidak Sombong (Rendah Diri)
Maryam 19: 32	Tidak Sombong (Rendah Diri)
al-Thur 52: 28	Sifat Penyayang
al-Mujadalah 58: 9	Taqwa, Jaga Rahsia (Jaga Keaiban)
al-Mumtahanin 60: 8	Adil
al-Insan 76: 5	Baik Budi, Ganjaran Syurga
al-Infithar 82: 13	Amal Kebajikan
al-Mutaffifin 83: 18	Sikap Baik, Amal Kebaikan
al-Mutaffifin 83: 22	Amal Kebajikan

Kesimpulannya konsep '*al-Birr*' juga merupakan perangsang dan menghubungkan para pekerja Islam menghasilkan etika kerja yang memenuhi tiga elemen kerja iaitu komitmen, kepuasan kerja serta ganjaran. Konsep ini berupaya menukar sikap mereka daripada berfikiran kerja untuk keduniaan semata-mata beralih kepada kerja juga merupakan untuk penghidupan akhirat.

2.3.3 Prinsip *Taqwa*

Perkataan *Taqwa*, disebut dalam al-Quran sebanyak 15 kali. Manakala Muttaqi pula disebut sebanyak lebih kurang 48 kali (Muhammad Fuad, 1991). Di bawah ini dinyatakan jadual bilang ayat-ayat al-Quran tentang '*Taqwa*, yang terdapat di dalam al-Quran.

Jadual 2.5

Taburan Jumlah Bilangan Ayat dan Surah yang Menyebut Perkataan '*Taqwa* .

Bil	Surah dalam al-Quran	Ayat tentang <i>Taqwa</i>	Nombor Ayat
1	al-Baqarah	2	197, 237
2	al-Maidah	2	2, 8
3	al-A'raf	1	26
4	al-Taubah	2	108, 109
5	Taha	1	132
6	al-Hajj	2	32, 37
7	al-Fath	1	26
8	al-Hujurat	1	3
9	al-Mujadalah	1	9
10	al-Mudassir	1	56
11	al-Alaq	1	12

Perkataan *Taqwa*, ini sering dikaitkan oleh al-Quran dengan '*Birr*'. Umpamanya Allah menjelaskan, "*Tetapi Birr (kebajikan) itu (ialah kebajikan) orang-orang yang bertaqwa*" (Surah al-Baqarah, 2: 189). Ini bermakna *Taqwa* juga mengarahkan kepada setiap pelakunya itu merasai bahawa ganjaran yang akan diperolehi oleh hasil daripada ketaqwaan kepada Allah sama ada di dunia ataupun akhirat. Ganjaran ini akan terus menjadi motivasi yang kuat dan memberikan kepuasan kepada pelakunya (Abdul Aziz Khayyat, 1989).

Sementara itu melalui al-Sunnah Rasulullah SAW terdapat al-Sunnah yang menyebut secara jelas perkataan *Taqwa* di dalam sebuah al-Sunnah iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Kebanyakan manusia yang memasuki neraka adalah disebabkan oleh mulut dan kemaluan, dan yang paling banyak daripada kalangan manusia yang menduduki syurga Allah adalah ketakwaan pada Allah dan berakhlak mulia

(Ahmad, *bab musnad Abi Hurayrah*, no. 9334)

Al-Sunnah ini menyarankan agar umat Islam sentiasa menjaga ketaqwaan dan keperibadian yang baik seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW walau di mana mereka berada sama ada di dalam masyarakat, di tempat kerja, sewaktu berseorangan dan sebagainya (Marbawi, t.th.). Selain itu, terdapat juga al-Sunnah yang lain yang menyebut perkataan ‘*Taqwa*’ yang dikeluarkan oleh Abi Daud, Nasai dan Ibn Majah²⁷.

Perkataan *Taqwa* ini bersumber daripada perkataan ‘*waqa*’ yang bermaksud “menjaga atau mengawal” (al-Ba’labaki, 1993: 197) Dari itulah al-Maududi telah menyebut bahawa *Taqwa* itu sebagai:

Seseorang Muslim yang menghormati serta takut kepada Tuhannya, menyedari tanggungjawabnya terhadap Tuhannya dan melaksanakan tanggungjawab tersebut kepadanya. Dia tahu bahawa dunia ini adalah tempat cubaan dan dugaan di mana Tuhan mengutus dirinya dalam tempoh tertentu. Natijah hukuman Allah terhadap masa depannya di akhirat adalah berasaskan amalannya di dunia yang didiami ini (Maududi, 1984: 117).

Sifat ‘*Taqwa*’ ini mampu mempengaruhi dan membentuk jiwa, pemikiran serta tindakan seseorang Muslim ke arah mengikut peraturan-peraturan Allah. *Taqwa* juga merupakan sifat ‘warak’ yang berkaitan dengan kalbu, yang membolehkan seseorang Muslim membezakan di antara perkara benar dan salah seterusnya berupaya menyelamatkan dari bahaya kesesatan dan kebodohan (Muhammad, 1993).

Seseorang yang telah berjaya membersihkan hati serta perasaannya juga adalah seorang yang telah berjaya (Surah al-Syams, 91: 9) menentang nafsu dan syahwat yang iaitu bergelut untuk memikat manusia agar bersikap malas, tidak bermotivasi, tidak berdaya saing, tidak beretika dan tidak bermoral. Menurut Wan Mohd Nor

²⁷ HR Abi Daud, *bab al-sadaq*; HR Nasai, *bab al-qist fi al-asdiqa*; HR Ibn Majah, *bab sadaq al-nisa*.

(1989) *Taqwa* merupakan konsep yang komprehensif menggarapkan akidah, iman dan ilmu. Semua asas dan konsep yang meliputi akidah, sabar, syukur, takut dan harap (raja'), bertawakal adalah terkandung dalam pengertian *taqwa*.

Orang yang disebut '*muttaqi*' ialah seseorang yang sentiasa berjuang untuk mendapatkan keredaan Allah sepanjang hidup (Turmizi, *bab la yablugh al-abd*). Orang ini akan sentiasa dipandu ke jalan yang lurus (Surah al-Angkabut, 29: 69), dan dijamin akan mendapat rahmat Allah ketika mengatur kehidupan sehari-harian (Surah al-Nisa, 4: 96). Seorang '*muttaqi*' juga adalah orang yang berjaya memajukan diri sendiri serta sanggup menghadapi semua rintangan yang boleh menghasilkan sifat-sifat negatif (Abul Fida, 2010).

Taqwa juga merupakan tunjang moral yang dapat memandu tindak tanduk manusia dan suatu etika yang boleh menjadikan seseorang individu itu insaf serta sedar tanggungjawabnya kepada Allah mahupun masyarakat (Miskawayh, 2003). Sifat ini juga merupakan sifat terpuji yang boleh membantu membangunkan semangat bekerja dan berusaha seperti yang didapati pada para ulama Islam termasuk Ibn Taimiyyah, al-Nawawi, al-Ghazali, Ibn Misykawih dan lain-lainnya.

Semangat *taqwa* inilah telah merangsang budaya kerja amal dalam lapangan hidup sehari-harian mereka. Al-Quran turut menghubungkan *taqwa* dengan rezeki seperti dalam ayat berikut:

...Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah, Dia mengadakan untuk orang itu jalan keluar (dari kesulitan), dan memberi rezeki kepadanya dari (sumber) yang tidak pernah diduga.

(*Surah al-Talaq*, 65: 2-3)

Demikian juga al-Quran menghubungkan *taqwa* dengan urusan yang dijadikan mudah. Firman Allah bermaksud:

...Dan sesiapa yang patuh kepada Allah akan dimudahkan oleh Allah urusannya.

(Surah al-Taghaabun, 64: 4)

Jadi untuk membangunkan satu peradaban yang unggul dalam organisasi kerja, asas utama yang perlu dibina terlebih dahulu ialah *taqwa* (al-Buraey, 1992). Firman Allah

Ta'ala yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang paling takut kepada Allah Ta'ala ialah hamba-hamba-Nya yang berilmu .

(Surah Fatir, 35: 28)

Berbekallah, dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah taqwa dan bertaqwa kepada-Ku hai orang-orang yang berakal,

(Surah al-Baqarah, 2:197)

Seseorang yang memiliki sifat *taqwa* ini akan mengerti bahawa dia telah membuat penyaksian tentang Keesaan Allah dan mengaku Allah SWT sebagai 'Rab' mereka semenjak di alam ruh lagi (Sayyid Qutb, 1982). Mereka juga mengerti bahawa kelahiran mereka di atas dunia ini sudah diikat dengan perjanjian dan penyaksian yang dibuat untuk diri sendiri melalui lafaz syahadah (Said, 2001).

Perjanjian itu menyedarkan manusia bahawa hidup ini merupakan satu amanah yang tidak sanggup dipikul oleh makhluk-makhluk lain. Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab bermaksud:

Sesungguhnya telah Kami tunjukkan amanah (perintah) kepada langit, bumi dan gunung-ganang, lalu mereka enggan memikulnya dan takut menerimanya, kemudian amanah itu dipikul oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu aniaya lagi jahil (tiada berilmu).

(Surah al-Ahzab, 33:72)

Orang yang memiliki sifat *taqwa* ini akan meletakkan Allah SWT sebagai ukuran atau rujukan segala kejadian kerana Dia-lah yang menjadi punca asal semua perkara dan semua akan kembali kepada-Nya (al-Ghazali, 1990). Allah SWT berfirman, bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya, dan orang-orang yang memegang kekuasaan di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (Sunah Nabi), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya”.

(Surah an-Nisa, 4:59).

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa pembersihan jiwa dan kesucian rohani yang terpancar dari sifat *taqwa* adalah merupakan sumber kekuatan dan dorongan kepada pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang paling berkesan (Fathi Yakan, 1987). Ketaqwaan hati menjadi benteng yang paling ampuh untuk menahan seseorang daripada menyeleweng dan bersikap tidak amanah di dalam pekerjaan dan berlumba-lumba untuk memenuhi tuntutan hawa nafsu (Abul Fida, 2010). Sabda Junjungan Rasulullah SAW, maksudnya:

Orang yang bodoh itu ialah orang yang menurut kemahuan nafsunya, kemudian ia bercita-cita agar Allah dapat memasukkannya ke dalam syurga.

(HR Turmizi, bab *al-Iman*, no. 112)

Sesungguhnya golongan yang memiliki hakikat *taqwa* akan mengakui bahawa dalam apa jua keadaan, sama ada di laut, di udara atau di darat, mahupun dalam peti besi yang tertutup rapat, Allah SWT mengetahui setiap gerak-geri perbuatan mereka (Sayyid Qutb, 1982).

Umat Islam perlu menjadikan *taqwa* sebagai satu nilai mutlak (*'terminal value'*) yang penting. Suasana ketaqwaan itu hanya akan muncul dalam organisasi itu menerima kedudukannya sebagai hamba Allah, satu posisi yang paling mulia dan tinggi berbanding dengan ciptaan-ciptaan Allah SWT yang lain (Thariq & Faishal, 2006). Di sisi Allah semua manusia adalah sama kecuali hanya tahap ketaqwaan yang mereka miliki mewujudkan perbezaan di antara mereka. Allah SWT berfirman, maksudnya:

Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu.

(Surah al-Hujurat, 49:13)

Wujudnya perasaan 'Takutkan Allah' di dalam hati kecil setiap ahli organisasi kerja muslim akan mewujudkan suasana beradab dalam organisasi. Suasana saling hormat-menghormati, nasihat-menasihati, saling bekerjasama untuk kebaikan dan membasmi kejahatan. Perhubungan antara satu sama lain lebih berteraskan semangat kejujuran ingin membaiki dan membangun, bukan mengkhianati atau meruntuhkan (Syed Othman al-Habsyi, 1989).

Bukan itu sahaja malahan tugas yang diberikan kepada para pekerja ini akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan bersungguh dengan perasaan tanggungjawab kepada tugas kerana perasaan 'takutkan Allah' atau *taqwa* merupakan suatu sifat yang berkait dengan keimanan sepenuhnya (al-Khayyath, 1994).

Dalam meletakkan *taqwa* sebagai asas pembangunan organisasi kerja, yang secara operasinya untuk mewujudkan "tamadun berasaskan tauhid", maka manusia baru

boleh dikatakan menyempurnakan amanahnya dengan penuh komitmen sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini (Ismail Faruqi, 1998). Firman Allah SWT yang bermaksud:

(Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di atas bumi (Adam). Maka jawab mereka itu: Adakah patut Engkau menjadikan di atas bumi orang yang membuat bencana dan menumpahkan darah, sedangkan kami tasbih memuji Engkau dan menyucikan Engkau? Sesungguhnya Aku mengetahui sesuatu yang tidak kamu ketahui.

(Surah al-Baqarah, 2:30)

Jelas bahawa *taqwa* merupakan sifat yang mencetus kejayaan dan kemudahan. Sifat ini menyebabkan seorang Muslim menjadikan semata-mata Allah sebagai pelindung, pengawas, pemerhati, ditakuti serta di ibadat dalam semua keadaan sama ada sembunyi atau terang, individu atau ramai (Wan Mohd Nor, 1991).

Oleh itu, jika seorang muslim yang kuat bekerja dan beramal yang disuburkan oleh nilai-nilai *taqwa* maka baginya Allah adalah punca kejayaan hidup dan penentu segala-galanya. Usaha dan kesungguhannya adalah berteraskan kebaikan yang juga sebagai pendinding terjadi perlakuan sumbang dan salah laku (Abdullah Irwani, 1989).

Apabila seseorang individu atau pemimpin itu menyerah diri kepada Allah, maka beliau akan merasa hormat dan takut kepada Allah. *Taqwa* memerlukan seseorang menggunakan pemikiran yang sebaiknya dengan kepercayaan yang ikhlas dan berpegang teguh dengan Tuhan dalam setiap aspek kehidupan. Seorang yang bertaqwa akan membelanjakan hartanya mengikut suruhan Allah SWT (Mawardi, 1996) sepertimana yang telah dirakamkan oleh Allah di dalam al-Quran;

Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik, dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah -, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya). orang-orang yang demikian sifatnya, balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka, dan syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan yang demikian itulah sebaik-baik balasan (bagi) orang-orang yang beramal.

(Surah ali-Imran, 3: 134-136)

Pekerja yang bertaqwa tidak menjadikan harta itu sebagai tujuan asas kehidupannya, tetapi harta ialah satu benda yang membawa kehidupannya lebih menjadi baik dan berupaya untuk mengawalinya (Ismail Ibrahim, 1991). Seseorang yang bertaqwa akan membelanjakan harta mengikut suruhan Allah dengan sebaiknya dalam apa jua keadaan. Seorang yang bertaqwa juga akan meletakkan kehidupan dunia sebagai ujian untuk kehidupan yang abadi di akhirat dan baginya kehidupan dunia adalah satu cabaran untuk mendapatkan ganjaran yang sangat berharga di hari kemudian (Syed Abdul Rahman, 2009).

Oleh itu, sifat ketaqwaan yang wujud pada diri para pekerja akan membawa kepada komitmen kerja yang semakin baik. Sifat *taqwa* ini akan meletakkan diri pekerja itu seperti sedang dikawal dan diperhatikan (Zainal Yang, 2003). Ini adalah satu akhlak kerja yang terbaik didatangkan oleh Allah SWT kepada umat manusia untuk mereka menjalani penghidupan dan menjadi pengimarah kepada bumi. Pasti dengan sifat ketaqwaan ini akan mengikis sifat buruk seperti sifat malas sewaktu bekerja, menipu dalam kerja dan sebagainya (Abbas, 1992).

Seorang pekerja yang bertaqwa mungkin memenuhi pelbagai cabaran dalam menjalankan kewajipannya di dunia, namun beliau dijanjikan Allah dengan anugerah yang berharga pada hari kemudian sepertimana yang dijanjikan oleh Allah (Muhammad Uthman, 2007). Allah SWT telah berfirman bermaksud:

Dan cepatlah menuju keampunan Tuhan dan memasuki syurga yang lebarnya seperti langit dan bumi, disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa.

(Surah ali-Imran, 3: 133)

Ketaqwaan pula sangat berkait rapat dengan ketaatan, sifat ketaatan ini akan membawa pengamalannya mendapat tingkat ketaqwaan kepada Allah (Baydawi, 1951). Sesungguhnya Allah SWT sangat menekankan agar hamba-hamba-Nya sentiasa mentaati segala perintah-Nya. Ketaatan juga merupakan satu elemen dalam prinsip etika kerja yang dikeluarkan daripada al-Quran dan al-Sunnah baginda SAW. Allah SWT telah berfirman:

Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul Allah, dan janganlah kamu batalkan amal-amal kamu.

(Surah Muhammad, 47: 33)

Sabda Nabi S.A.W:

Mendengar dan taat wajib bagi seseorang Muslim sama ada dia suka ataupun benci, selagi mana tidak membawa kepada maksiat. Apabila disuruh melakukan maksiat, maka ia tidak boleh didengari atau dipatuh.

(HR Bukhari, bab sam'u wa al-ta'ah li imam ma lam takun, no. 7144)

Ketaatan pula sangat berhubung kait dengan kesabaran kerana sifat sabar adalah ciri keagungan serta lambang kesempurnaan dan menjadi tanda penguasaan diri terhadap segala sesuatu yang berada di sekelilingnya (Hamka, 1982). Prinsip ketaatan akan

wujud pada diri seseorang pekerja apabila wujud kesabaran padanya dengan apa juga arahan yang diberikan daripada pegawai atasan atau ketaatan ia dalam menjalankan tugas yang diberikan walaupun dalam kepenatan atau kegelisahan atau kesukaran (Barjoyai Bardai, 2002).

Pekerja yang taat adalah pekerja yang sabar dan mampu untuk menanggung kesukaran tanpa gelisah dan menunggu hasilnya biar betapa lambat sekalipun di samping sanggup menghadapi bebanan biar betapa berat dengan hati yang tenang dan pemikiran yang jitu (Lokman Ab. Rahman, 1997).

Berasaskan kepada prinsip di dalam al-Quran bahawa manusia perlu diuji sehingga mereka mengatur persediaan untuk menghadapi bencana yang akan menimpa agar mereka tidak kehilangan punca apabila bencana menimpa mereka secara mendadak. Sepertimana firman Allah SWT bermaksud:

Adakah kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga padahal belum lagi nyata kepada Allah (wujudnya) orang-orang yang berjihad (yang berjuang dengan bersungguh-sungguh) di antara kamu, dan (belum lagi) nyata (wujudnya) orang-orang yang sabar (tabah dan cekat hati dalam perjuangan).

(Surah al-Imran, 3: 142) .

Sesungguhnya konsep ketaatan ini berdiri atas dua asas hakikat yang penting, pertama; tabiat kehidupan di dunia ini di mana Allah SWT tidak menjadikan dunia ini sebagai tempat balasan dan persemadian. Dunia ini dijadikan sebagai tempat ujian serta percubaan. Kedua; ketaatan dikatakan dengan hakikat keimanan. 'Iman' ialah ikatan antara manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan Tuhannya harus tunduk dengan ujian untuk membuktikan mana yang benar-benar taat dan mana yang palsu (Sayyid Qutb, 1982).

Selain itu *taqwa* juga sangat berkait rapat dengan keikhlasan. Ikhlas bermakna bersih dari kotoran dan menjadikan sesuatu bersih dari kotoran. Sedangkan secara istilah, Ikhlas bererti “niat mengharap reda Allah saja dalam beramal tanpa menyekutukannya dengan yang lain” (al-Ghazali, 1990). Oleh itu, ikhlas ialah:

Melaksanakan taat semata-mata kerana Allah sendiriNya, bukan dimaksudkan memperolehi kebesaran dari manusia, ataupun penghormatan. Dan bukan pula untuk memperolehi sesuatu keuntungan dunia atau menolak sesuatu bencana keduniaan.

(Said Hawa, 2001: 63)

Sabda Nabi s.a.w:

Sesungguhnya segala perbuatan itu (dinilai) berasaskan kepada niat, dan setiap orang akan memperolehi apa yang dia niatkan. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya itu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa yang hijrahnya bertujuan untuk mendapat keuntungan dunia atau untuk mengahwini mana-mana perempuan maka hijrahnya itu untuk apa yang dia berhijrah kepadanya.

(HR Bukhari, *bab kaifa kana badaa wahyi*, no. 1;
Ibn Majah, *bab al-niat*, no. 1)

Ikhlas merupakan satu perkara yang sering dituntut oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya di dalam melaksanakan segala perintahnya dan ketika menahan diri daripada larangan-larangan-Nya. Syarat diterimanya ibadah ialah rasa ikhlas (Ahmad Mahmud, 1996). Sebagaimana diterangkan dalam ayat al-Qur'an:

Jika kamu mempersekutukan (Rabb), niscaya akan hapuslah amalmu.

(*Surah al-Zumar*, 39: 65)

Dengan ikhlas kita tidak akan tersesat ke jalan yang tidak diredai Allah, dengan ikhlas pula kita tidak akan menjadi orang yang riak atau sombong, kerana sombong

itu merupakan sifat syaitan. Sepertimana Allah SWT rakamkan dalam al-Quran bermaksud;

Syaitan berkata, " Ya Tuhanku, oleh karena Engkau telah menetapkanku sesat, sungguh akan ku usahakan agar anak manusia memandang indah segala yang tampak di bumi dan aku akan sesatkan mereka semua. Kecuali hamba-hamba-Mu dari antara mereka yang ikhlas.

(Surah al-Hijr, 15: 39-40)

Oleh kerana itu, bagi seorang pekerja Muslim sejati, makna ikhlas adalah ketika ia mengarahkan seluruh perkataan, perbuatan, dan jihadnya hanya untuk Allah, mengharap reda-Nya, dan kebaikan pahala-Nya tanpa melihat pada kekayaan dunia, tampilan, kedudukan, kemajuan atau kemunduran (Azman Che Omar, 2001).

Dengan demikian Muslim tersebut menjadi hamba fikrah dan akidah kepada Allah, bukan hamba dunia dan kepentingan. Katakanlah: "Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam. Tiada sekutu baginya; dan demikian itulah yang diperintahkan kepadaku." Individu yang berpegang dan berkarakter dengan kalimah inilah yang mempunyai pegangan yang utuh iaitu, "Allahu Ghayaatunaa", yang ertinya Allah ialah tujuan kami, dalam segala aktiviti dalam mengisi kehidupan dengan amalan-amalan yang ikhlas kepada Allah (Sayyid Qutb, 1988).

Seruan agar seseorang pekerja itu ikhlas dalam melakukan sebarang pekerjaan dapat diperhatikan daripada ayat-ayat Allah SWT:

Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di

atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.

(Surah al-Baqarah, 2: 264)

Seseorang yang ikhlas ibarat orang yang sedang membersihkan beras dari kerikil-kerikil dan batu-batu kecil. Apabila beras yang dimasak bersih menjadi nikmat sewaktu dimakan. Jika beras itu tidak bersih, ketika nasi dikunyah akan tergigit kerikil dan batu kecil. Keikhlasan menyebabkan beramal menjadi satu nikmat, tidak merasa lelah dan penat, dan segala pengorbanan tidak terasa berat (Shukri & Razali, 2001).

Sebaliknya, amal yang dilakukan dengan riak akan menyebabkan amal tidak nikmat. Pelakunya akan mudah menyerah dan selalu kecewa. Tetapi banyak daripada kita yang beribadah tidak berlandaskan rasa ikhlas kepada Allah SWT, melainkan dengan sikap riak atau sombong supaya mendapat pujian dari orang lain. Hal inilah yang dapat menyebabkan ibadah kita tidak diterima oleh Allah SWT (Abdul Rashid, 1996).

Apabila seseorang pekerja itu melakukan sesuatu janganlah sampai ia mengharapkan untuk mendapatkan pulangan lebih banyak seperti yang telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran bermaksud:

Dan janganlah Engkau memberi (sesuatu, Dengan tujuan hendak) mendapat lebih banyak daripadanya.

(Surah al-Mudatsir, 74: 6)

Keikhlasan juga adalah antara ciri-ciri orang mukmin yang berada di atas jalan yang lurus seperti yang dicatatkan oleh Allah di dalam al-Quran bermaksud:

Serta (diwajibkan kepadaku)hadapkanlah seluruh dirimu menuju (ke arah mengerjakan perintah-perintah) agama dengan betul dan ikhlas, dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang musyrik.

(Surah Yunus, 10: 105)

Keikhlasan ini merupakan suatu tuntutan yang dibawa oleh Rasulullah SAW pada hati-hati manusia dalam segala hal samada dalam beribadat secara khusus atau ibadat umum. Para ulama al-Sunnah seperti Imam Bukhari dan Imam Muslim telah meletakkan al-Sunnah beramal dengan ikhlas pada permulaan kitab al-Sunnah mereka²⁸(Muhammad Tatai, 1994).

Ini menunjukkan ia merupakan sifat yang sangat penting dalam kehidupan umat manusia secara umumnya dan umat Islam secara khususnya. Dalam al-Sunnah lain Rasulullah SAW bersabda:

Sesungguhnya Allah menerima dan redha dengan amal yang dilakukan dengan ikhlas dan mengharapkan reda-Nya.

(HR Ibn Majah, bab fi al-Iman: no. 73)

Sesungguhnya keikhlasan akan menghilangkan kesusahan dan kepayahan pada diri seseorang. Apatah lagi dia adalah seorang pekerja yang menjalankan tugas dan urusan yang bergantung dengan kepercayaan dan amanah daripada manusia lain. Keikhlasan akan memberikan kemudahan pada urusan yang diberikan dan mempermudah orang lain melaksanakan urusan (Mohd. Affandi, 1986).

²⁸ Al-Sunnah yang berbunyi;

حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ الْأَنْصَارِيُّ قَالَ أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الْبَيْهَقِيُّ أَنَّهُ سَمِعَ عَلْقَمَةَ بْنَ وَقَّاصٍ اللَّيْثِيَّ يَقُولُ سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - عَلَى الْمِنْبَرِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَقُولُ « إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى ، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Ini kerana setiap kerja, tugas yang dilaksanakan itu bukan bertujuan untuk kepentingan diri tetapi adalah kerana tanggungjawab daripada Allah SWT. Maka tidak akan timbul sifat yang buruk sama ada cemburu, iri hati, dengki, dendam dan sebagainya (Fazilah Idris & Fatin Hazwani, 2008). Imam Syafii pernah memberi nasihat kepada seorang temannya, “Wahai Abu Musa, jika engkau berjihad dengan sebenar-benar kesungguhan untuk membuat seluruh manusia reda (suka), maka itu tidak akan terjadi. Jika demikian, maka ikhlaskan amalmu dan niatmu karena Allah” (Baihaqi, 1991). Ibn al-Qayyim (1999), memberi perumpamaan dengan katanya:

Amal tanpa keikhlasan seperti musafir yang mengisi kantong dengan kerikil pasir, memberatkannya tapi tidak bermanfaat. Jika ilmu bermanfaat tanpa amal, maka tidak mungkin Allah mencela para pendeta ahli Kitab. Jika ilmu bermanfaat tanpa keikhlasan maka tidak mungkin Allah mencela orang-orang munafik.

(Ibn al-Qayyim, 1999: 12)

Beberapa contoh al-Sunnah di atas menunjukkan bahwa ikhlas itu memang sangat penting bagi umat muslim dalam melaksanakan ibadah dan pekerjaan mereka, karena tanpa rasa ikhlas dan hanya mengharap reda dari Allah SWT, ibadah dan pekerjaan kita ia tidak akan diterima oleh Allah.

Penekanan daripada Rasulullah SAW pada sifat ikhlas ini juga mendorong umat Islam supaya memberikan komitmen dengan segala pekerjaan sama ada ibadah ataupun pekerjaan dalam masyarakat serta organisasi (Abdul Ghani, 1996).

Begitu juga ikhlas ini juga menjadi suatu yang mampu memberi kepuasan kepada pemiliknya dalam melaksanakan pekerjaan atau amalan. Bukan itu sahaja malahan

ikhlas ini memberi motivasi yang kuat kepada pengamal-pengamalnya untuk mencari keredaan Allah SWT dan seterusnya akan menambahkan semangat kepada mereka sewaktu melakukan pekerjaan dan amalan-amalan ibadah (K.H. Toto Tasmara, 2002).

Gambaran yang dilukiskan di atas jelas menunjukkan betapa tingginya kedudukan ikhlas, betapa terhormatnya para mukhlisin dalam pandangan Allah SWT. Ikhlas adalah satu kriteria untuk menetapkan diterima atau ditolaknya amal ibadah seseorang dari umat yang mengaku telah Islam dan telah beriman (Muhammad Naim, 1991).

Semua tindakan dan gerak, semua kata dan perbuatan, semua amal dan ibadat seseorang Muslim dan Mukmin, haruslah karena Allah, lantaran hendak mencari *mardhatillah* semata-mata (Syed Mohammad Hilmi, 2006). Allah menetapkan agar niat dan maksud tujuan hamba-Nya dalam perkataan dan perbuatan hendaklah karenaNya sahaja, bukan karena yang lain. Jangan menyekutukan Allah dengan yang lain, walau dalam sebarang bentuk disebabkan Maha Besar-Nya, jangan sampai disaingi oleh makhluk yang diciptakan-Nya sendiri (Muhammad Naim, 1991).

Firman Allah dalam al-Quran berikut ini:

Sesungguhnya Allah tak dapat mengampunkan, apabila Ia dipersekutukan dan Ia dapat mengampunkan selain itu bagi siapa yang Ia kehendaki. Dan siapa yang menyekutukan Allah, maka sungguh sudah amat jauh sekali tersesatnya.

(*Surah An-Nisa*, 4: 115)

Oleh sebab itulah, maka ikhlas ini menjadi alat penentu bagi amal dan ibadat seorang mukmin dan penentu tahap ketaqwaannya (Marbawi, 1933). Siapa saja yang

benar-benar ikhlas, hanya Allah sajalah yang mengetahuinya, Semua ini terselubung oleh kepandaian manusia dalam menjaga sebaiknya apa yang ada dalam hatinya. Sepandai-pandainya manusia menyembunyikan apa yang ada dalam hatinya dengan segala tipu dayanya, sungguh Allah akan tahu hakikat niat yang sebenarnya (Sayid Muhammad Nuh, 1998). Oleh sebab itu, Allah berfirman dalam al-Quran:

Mengapakah ia tak mahu tahu, apabila nanti dibangkitkan isi kubur, dan dibelah dada menengok hasil didalamnya. Di hari itu Tuhan mereka akan menceritakan hakikat yang sebenarnya.

(Surah al-'Adiyat, 100: 9-11)

Sehubungan dengan ini, banyak sekali al-Sunnah yang menerangkan, memang keikhlasan dalam beramal dan beribadah itu sebenarnya menjadi penilai atas sah dan tidaknya ibadah-ibadah tersebut (HR Bukhari, 1994; HR Muslim t.th; HR al-Turmizi, t.th).

Bagi menetapkan ikhlas dan tidaknya seseorang itu, bukanlah ditentukan oleh orang yang bersangkutan, tidak pula oleh orang lain. Sebab ikhlas adalah urusan dan tugas hati. Hanya Allah saja yang tahu pendirian hati para hamba-Nya. Kebenaran yang diungkap dari lidah dapat dijadikan ukuran untuk mengetahui isi hati, tapi ia tidak selalu dapat dipercayai. Karena lidah dengan kelunakannya mampu menghancurkan besi dan membakar dunia, tapi dengan lidah juga ia bisa berputar dan berbalik-balik sendiri (Said Hawwa, 2001). Maka kerana itulah Allah berfirman:

Ada dari sebahagian manusia, yang bicaranya amat menakjubkanmu dalam kehidupan duniawi. Tapi Allah membuktikan atas apa isi hatinya, ternyata ia sebenarnya adalah seorang musuh yang amat jahat

(Surah al-Baqarah, 2: 204).

Firman Allah SWT: “Dan ingatlah Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembah dan beribadah kepada-Ku, Aku tidak sekali-kali mengkehendaki sebarang rezeki pemberian daripada

mereka dan Aku tidak mengkehendaki supaya mereka memberi makan kepada-Ku. Sesungguhnya Allah Dialah saja yang memberi rezeki kepada sekalian makhluk-Nya dan Dialah saja yang mempunyai kekuasaan yang tidak terhingga lagi Yang Maha Kuat Kukuh Kekuasaan-Nya”.

(Surah adz-Dzaariyat, 51: 56-58)

Sesungguhnya, Allah SWT mencipta manusia semata-mata untuk beribadah kepada-Nya dengan penuh keimanan dan ketaqwaan. Jika dilihat, ibadat yang diinginkan oleh Allah SWT ini adalah meluas dan bukan khusus kepada sesuatu ibadat saja seperti solat, puasa, memberi zakat dan haji. Sebaliknya ia merangkumi segala bidang dalam aspek kehidupan termasuklah bidang pelajaran, ekonomi, politik dan lain-lain lagi, dengan syarat semua itu didasarkan di atas landasan iman dan *taqwa* kepada Allah (Abdullah Irwani, 1989).

Agama Islam sendiri menggalakkan umatnya supaya berusaha dan bekerja bersungguh-sungguh bagi meningkatkan kesejahteraan kualiti diri, keluarga, masyarakat dan negara. Islam melarang dan memandang rendah orang yang malas bekerja dan hanya bergantung nasib kepada pertolongan orang lain. Islam menggalakkan umatnya berusaha dan bekerja tanpa mengharap bantuan orang lain. Orang yang malas bekerja hanya akan menjadi beban kepada orang lain (Ali Jarishah, 1990).

Siapa yang berusaha untuk mencukupi keperluan keluarganya dan tidak berharap kepada bantuan orang, maka itu adalah sebahagian jihad fisabilillah (Muhammad Nejatullah, 1988). Sewaktu bekerja dan berusaha mencari rezeki yang halal, hendaklah berazam untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan itu dengan sebaik-baiknya. Menjadi suatu kesalahan apabila menerima

dan memegang sesuatu tugas yang diamanahkan tetapi tidak mampu untuk melaksanakannya. Penerimaan dan kesanggupan menerima tugas atau jawatan itu adalah akad atau perjanjian yang wajib dilaksanakan (Kamal Hassan, 1994).

Segala pelaksanaan dan kerja yang dilakukan mendatangkan kerugian sekiranya apa yang lakukan selama ini tidak mendapat apa-apa balasan daripada Allah SWT kerana kerja adalah ibadat yang dituntut dalam Islam bagi keperluan terhadap keluarga dan agama. Sesungguhnya Allah melihat apa yang hamba-Nya kerjakan dan setiap niat di sebaliknya.

Justeru, pekerjaan memerlukan keikhlasan kerana Allah. Tugas atau kuasa yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan dengan sebaiknya dan tidak berlaku penyalahgunaan. Seseorang yang memegang jawatan tinggi dalam syarikat atau sebagai peniaga yang berjaya bukanlah satu keistimewaan yang membolehkan mereka melakukan sesuatu mengikut kehendak mereka semata tetapi setiap tanggungjawab itu adalah amanah yang akan dipersoalkan di akhirat. Sabda Rasulullah lagi yang bermaksud:

Peniaga yang bersikap benar dan amanah itu (dibangkitkan pada hari kiamat) bersama para nabi, siddiqin dan para syuhada.

(HR Ibn Majah, *bab al-hassu ala makasib*: no 2222)

Oleh itu, keikhlasan merupakan akhlak dalam Islam yang sangat berkait rapat dengan 'taqwa' (Hamka, 1982). Ikhlas ini juga merupakan sifat yang ditanam oleh Rasulullah SAW kepada umatnya walau mereka melaksanakan sebarang tugas sama ada pengibadatan secara khusus kepada Allah ataupun ibadah umum yang bersangkutan juga dengan manusia (Muhammad Tatai, 1994).

Setiap pekerja Muslim perlu memiliki sifat ikhlas dalam melakukan tugas yang telah di amanahkan kepada mereka. Sifat ikhlas ini akan memberikan ruang untuk seorang hamba itu mendapat ganjaran pahala dan merasa puas dengan pelaksanaan tugas yang dilakukannya dengan penuh komitmen (Ismail Ibrahim, 1994).

Pengamatan yang jelas akan dapat merungkaikan sifat ketaqwaan yang wujud pada diri setiap pekerja Muslim. Apabila sifat ketaqwaan wujud, kekukuhan keimanan pada Allah semakin menebal. Melalui sifat ini Allah akan anugerahkan ganjaran yang tidak terhingga yang tidak mampu dihitung oleh seorang hamba (Ab. Aziz Yusof, 2010).

Allah juga menjelaskan hubungan antara ‘*taqwa*’ dengan ganjaran yang terbaik di dunia yang merupakan jalan keluar pada setiap masalah kehidupan dan ganjaran pahala untuk kehidupan yang selesa di akhirat. Firman Allah SWT:

Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya),serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.

(Surah al-Talaq, 65: 2-3)

Justeru, secara umumnya ayat di atas menjelaskan dan memberi jaminan bahawa ganjaran sama ada di dunia atau akhirat akan diperoleh oleh individu Muslim yang bertaqwa. Menurut Hasari (1991), ketekunan seseorang itu menghadirkan sifat

taqwa di dalam dirinya pasti akan mendapat dua ganjaran iaitu di dunia akan diberi ganjaran berupa kejayaan dalam mencapai kehendak dan keperluan hidup manakala ganjaran di akhirat pula diberikan pahala yang berupa syurga dan terlepas dari neraka.

Konsep *Taqwa* sememangnya mempunyai hubungan rapat dengan konsep tawakkal'. Secara jelasnya, seseorang yang bertaqwa akan sentiasa berserah diri kepada Allah sama ada sewaktu bekerja, tidur, jaga, berjalan, berbaring dan sebagainya (al-Hamadi, 1997). Seorang yang taat akan diakui dan diiktiraf ketaatannya dengan menyerahkan dirinya atas kehendak Allah setelah ia berusaha (Muhammad, 1993). Begitu juga dengan sebuah al-Sunnah yang dikeluarkan oleh al-Turmizi yang berbunyi:

Bertakwalah kepada Allah walau di mana jua kamu berada, jauhilah keburukan dan hiasilah dengan kebaikan dan dan berhadapanlah dengan manusia itu dengan akhlak yang baik

(HR Turmizi, *bab ma jaa fi maashirati al-nas*: no. 2115)

Justeru, dengan ganjaran dan balasan yang dijanjikan maka semangat kerja akan memuncak dalam kalangan umat Islam kerana Islam ialah agama fitrah dan juga mengambil kira keperluan dan kehendak diri manusia (Abdul Ghani, 1994). Ganjaran yang dianugerahkan oleh Allah kepada kepada orang yang beriman merupakan ganjaran abadi yang boleh menjadi perangsang kerohanian, psikologi di samping menjadi ibadah yang dituai di akhirat nanti. Fakhruddin al-Razi, menyatakan bahawa kerja yang baik akan memberikan ganjaran dan ganjaran tersebut melahirkan kepuasan kepada diri individu tersebut (al-Razi, 1990).

Oleh itu, *taqwa* akan memberikan kepuasan kerja dan ganjaran sepertimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran:

Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya; dan kamu beriman dan bertaqwa, maka kamu akan beroleh pahala yang besar.

(Surah ali-Imran, 3: 179)

Ayat ini menjelaskan pertalian antara *Taqwa* atau ketaatan dengan iman. Pengakuan iman sahaja belum bererti sebelum dibuktikan oleh ketaatan terhadap segala perintah Allah dan Rasul (Hamkar, 1982).

Menurut Wahbah Zuhayli (1991) segala perkara yang dilakukan oleh orang yang beriman seperti yang dianjurkan oleh al-Quran dan sunah sama ada lelaki atau perempuan akan memberikan kekuatan pada kehidupan iaitu ketenangan dan kesejahteraan walaupun berada dalam kepayahan.

Taqwa akan membawa kepada perasaan bertawakal diri manusia kepada Allah. Bertawakal ini memberikan sifat keredaan timbul dalam jiwa orang beriman. Ia akan memenuhi dada dengan ketenangan dan berasa kepuasan serta yakin kerana merasa manisnya iman, ingin menemui apa yang dijanjikan oleh Allah berupa ganjaran dan reda dengan pemberian Allah (Sayyid Qutb, 1981).

Taqwa menjadi matlamat utama pada kehidupan hamba terhadap penciptanya. Seseorang yang beriman tidak semestinya ia bertaqwa, kerana tingkatan kehidupan hamba Allah itu bermula dengan Islamnya yang digelar sebagai Muslim, seterusnya Mukmin, Muttaqin atau bertaqwa, seterusnya yang ikhlas dan yang tertinggi ialah Muhsinin (Sayyid Qutb, 1981). Menerusi ketaqwaan rasa kepuasan dan

ketenteraman timbul pada hati manusia dengan menerima seadanya segala pemberian Allah SWT.

Seterusnya ia membuatkan seseorang itu akan melaksanakan segala pekerjaannya dari sudut ibadat dan amalan kehidupan dengan lebih baik (Shahrom, 1997). Keimanan dan ketaqwaan di dalam hatinya sentiasa subur dan kuat untuk melakukan sesuatu kerja itu sehingga wujud kesempurnaan kerana ganjaran yang lebih baik akan menanti di dunia dan juga akhirat. Ia juga akan merasa puas dan semakin bersemangat jika segala kerja yang dilaksanakan itu menjadi manfaat pada dirinya dan menjadi panduan kepada manusia lain (Hamka, 1982).

Konsep *Taqwa* merupakan penggerak dan perangsang kepada orang Islam menghasilkan kerja melalui nilai etika kerja yang membawa kepada kecemerlangan yang memenuhi elemen yang memenuhi kehendak kerja iaitu kepuasan kerja serta ganjaran (Mohd Nor, 1991). Konsep ini berupaya menukar sikap daripada berfikiran keduniaan semata-mata melalui fahaman segala yang dilaksanakan serta kejayaan adalah hasil usaha mereka sendiri atau melampaui pada perkerjaan akhirat semata-mata yang sempit kepada pemikiran di antara dunia dan akhirat (Mohd Affandi, 1994).

Justeru, prinsip *Taqwa* mempunyai hubungan yang rapat dengan nilai-nilai akhlak lain. Hubungan ini menunjukkan bahawa *Taqwa* mempunyai hubungkait yang kukuh dengan nilai-nilai lain yang terdapat di dalam al-Quran. Prinsip *Taqwa* ini berhubung dengan nilai-nilai yang menjurus kepada sifat yang baik untuk manusia melaksanakan kerja. Nilai-nilai ini juga memberikan penunjuk kepada umat Islam

untuk melahirkan prinsip takwa dalam hati umpamanya bersih, adil, beriman, taat setia, tawakkal dan sebagainya. Hubungan ini boleh dirujuk pada ayat-ayat al-Quran seperti yang telah dibincangkan. Hubungan antara *Taqwa* dengan nilai-nilai ini dinyatakan melalui jadual di bawah.

Jadual 2.6 di bawah ini menunjukkan hubungan antara prinsip *Taqwa* dengan nilai-nilai lain yang terdapat di dalam al-Quran. Bagi tiap-tiap nilai tersebut dinyatakan surah dan nombor ayat.

Jadual 2.6

Hubungan *Taqwa* dengan Nilai Lain

Surah dan Ayat	Hubungan dengan Taqwa
al-Baqarah 2: 197	Ilmu, Ibadah
al-Baqarah 2: 237	Kemaafan
al-Maidah 5: 2	Bertolak Ansur, Tolong Menolong (Kerjasama)
al-Maidah 5: 8	Adil, Benar
al-A'raf 7: 26	Menjaga Aurat dan Keaiban
al-Taubah 9: 108	Bersih, Ibadah
al-Taubah 9: 109	Kerjasama
Taha 20: 132	Menyeru Kebaikan, Melakukan Ibadah
al-Hajj 22: 32	Beriman, Taat Setia
al-Hajj 22: 37	Ketaatan, Kemuliaan Peribadi
al-Fath 48: 26	Tawakkal (Menyerah), Percakapan Baik
al-Hujurat 49: 3	Rendah Suara, Menjaga Keaiban
al-Mujadalah 58: 9	<i>al-Birr</i> (Kebajikan), Percakapan Baik, Menjaga Rahsia
al-Mudassir 74: 56	Ilmu Pengetahuan
al-Alaq 96: 12	Menyeru Kebaikan, Percakapan Benar (Jangan Berbohong)

Secara kesimpulannya, *taqwa* merupakan satu konsep yang amat ditekankan oleh Islam pada diri para pekerja sebagai satu keperibadian. Penerapan sifat *taqwa* ini

bukan hanya sebagai satu etika atau akhlak pekerja malahan ia adalah satu pendekatan yang membina peribadi muslim yang ulung dalam melahirkan sifat ubudiyah kepada Allah SWT.

2.2.4 *al-Qist*

Perkataan *al-Qist* telah disebut dalam al-Quran sebanyak 19 kali (Muhammad Fuad 1991: 692). Di sini dinyatakan bilangan ayat-ayat al-Quran dan surah yang menyebut tentang *al-Qist* di dalam al-Quran melalui jadual 2.7 di bawah:

Jadual 2.7

Taburan Jumlah Bilangan Ayat dan Surah yang Menyebut Perkataan *al-Qist*.

Bil	Surah dalam al-Quran	Bil. Ayat tentang <i>al-Qist</i>	Nombor Ayat
1	ali Imran	2	18, 21
2	al-Nisa	2	127, 135
3	al-Maidah	2	8, 42
4	al-An'am	1	152
5	al-A'raf	1	29
6	Yunus	3	4, 47, 54
7	Hud	1	85
8	al-Anbia	1	47
9	al-Rahman	1	9
10	al-Hadid	1	25
11	al-Baqarah	1	282
12	al-Ahzab	1	5
13	al-Hujurat	1	9
14	al-Mumtahinah	1	8

al-Qist bermakna adil, seimbang atau serata (Ibn Manzur, 1990). *al-Qist* juga telah ditafsirkan sebagai adil, seimbang, setimbang (Hamka, 1982: juz iii-iv: 129). *Al-Qist'* juga dimaksudkan sebagai adil yang bermakna meletakkan sesuatu pada tempatnya berdasarkan kepada ketentuan akidah, syariah dan akhlak serta bersumberkan al-Quran dan sunah. Adil juga merangkumi keadilan pada diri sendiri dan orang lain (Barjoyai Bardai, 2002). Allah menjelaskan bermaksud:

Dan kalau engkau memutuskan (sesuatu) perkara, hendaklah diputuskan dengan “qist”, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang adil saksama.

(Surah al-Maidah, 5: 42)

Firman Allah lagi bermaksud;

...Allah tiada melarang kamu berbuat kebaikan dan bersikap qist (jujur) terhadap orang-orang yang tiada memerangi kamu kerana agama dan tiada mengusir kamu dari kampungmu, sesungguhnya Allah itu mencintai orang-orang yang melakukan qist (jujur).

(Surah al-Mumtahanah, 60: 8)

Dapat difahami berdasarkan ayat ini, bahawa *al-Qist* mempunyai makna yang hampir sama dengan ‘*al-Birr*’. Izutsu (1966) bagaimanapun menjelaskan bahawa ‘*Birr*’ ialah suatu konsep yang menyeluruh mencakupi semua tindakan yang dirangsang oleh cinta dan kebaikan serta didorong oleh pengalaman ‘takut’ dan ‘pengawasan’ agama. ‘*Al-Qist*’ pula lebih terhad kepada aplikasi yang selalu digunakan sebagai pengistilahan dalam perbicaraan mahkamah “*forensic term*” bagi keadilan atau tidak berat sebelah berhubung dengan orang lain.

Menurut Shaukat Ali (1975), *al-Qist* bukan sekadar berhubung kait dengan aspek pentadbiran, perundangan dan peraturan-peraturan dalam mahkamah semata-mata tetapi ia juga mempunyai hubung kait dengan kualiti minda manusia. Nilai ini akan dapat membantu seseorang individu untuk membezakan antara benar dan salah dalam hidup. Manakala Ibn Abi Rabi’ menerangkan ‘*al-Qist*’ sebagai:

A condition of correctness in life, dominance of reason over animality in man, and integrity in public affairs, including defense of the rights of man with courage and conviction.

(Sherwani; 1965: 53)

Menurut Imam al-Ghazali (1980), *al-Qist* bermakna kemampuan untuk mengawal tenaga, nafsu dan marah pada kadar yang semua sifat-sifat tersebut dapat berfungsi menurut akal yang betul dan juga syariah.

Berasaskan kepada pendapat di atas, dapat disimpulkan bahawa *al-Qist* mempunyai pertalian rapat dengan akal seperti juga taqwa. Jelas bahawa kedua-dua konsep ini mempunyai pertalian yang intim. Apabila seseorang Muslim yang adil dan seimbang secara tidak langsungnya telah menyempurnakan sebahagian dari sifat taqwa. Dengan demikian, tanpa keseimbangan dan keadilan maka tiada juga ketaqwaan (Shukri & Razali, 2001).

Demikian juga, jika ditinjau akan aktiviti-aktiviti dakwah Nabi Muhammad SAW, maka keseluruhannya menampakkan sifat seimbang beliau. Allah sendiri menegaskan bahawa tugas Nabi Muhammad SAW itu merupakan "*Rahmat untuk seluruh alam*" (Surah al-Anbiya, 21: 107) dan diutus untuk mempertingkatkan nilai-nilai kemanusiaan. Nilai-nilai kemanusiaan dan rahmat kepada seluruh alam mempunyai konotasi dalam konsep keadilan. Sifat yang dipunyai oleh Nabi Muhammad SAW ini membolehkan Islam meresap masuk ke dalam kalbu bangsa Arab di zaman tersebut (Muhammad Abd Rauf, 1994).

Adil juga bermaksud menuntut seseorang Muslim agar menggunakan akal fikiran dalam merancang, mengorganisasikan dan mentadbirkan sesuatu kerja dengan baik. Tenaga pemikiran yang dipunyai oleh seseorang Muslim itu mesti dikawal secara

berimbang agar keadilan dapat dipastikan wujud dalam setiap keputusan yang dibuat (Mazilan, 2007).

Apabila perancangan diputuskan berasaskan pertimbangan yang waras dan bukan dipengaruhi oleh emosi maka seorang Muslim itu telah dikira memiliki ciri-ciri taqwa. Apabila Allah menyebut bahawa orang yang bertaqwa akan diganjar dengan syurga, bermakna seorang yang bersifat adil dalam perancangan juga diberi ganjaran pahala (Mohamad Kamil, 1997). Ini ditegaskan oleh Nabi bahawa hierarki golongan yang dilindungi pada hari yang tiada perlindungan iaitu hari kiamat ialah imam yang adil (Muslim, T.th. *bab fadilah al-Imam al-a'dil*; Turmizi, T.th. *bab ma jaa fi al-imam al-adil*).

Tugas seorang pekerja Muslim ialah memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan secara adil dan seimbang jika sekiranya dia bercita-cita mendapat ganjaran akhirat. Oleh itu, budaya kerja yang ditunjangi oleh adil boleh meningkatkan kejayaan organisasi dan mendapat keredaan Tuhan (Mubarakfuri, t.th). Al-Quran juga ada menyebut keseimbangan dan keadilan secara sinonim bagi menggambarkan kesalingan dalam kehidupan manusiawi (Surah al-Maidah, 5: 8).

Perlakuan adil juga dapat difahami sebagai tidak melakukan kezaliman, penindasan, melampaui batas dan penipuan (Syed Othman al-Habsyi, 1994). Terdapat juga kesalingan hubungan di antara adil, *Qist*, zalim dan *gharar*. Dalam lain perkataan, konsep adil bermaksud tidak melakukan kezaliman, manakala *Qist* pula menganjurkan keseimbangan, sederhana dan kejujuran (al-Ghazali, 1980).

Tentu apabila wujudnya kedua-dua sifat baik tersebut maka sifat zalim dan *gharar* atau penipuan akan terhindar sama sekali. Seolah-olah kedua-dua sifat baik ini iaitu adil dan *Qist* merupakan penghalang kemunculan sifat zalim dan *gharar*. Jika wujud sifat adil dan *Qist* maka akan terhindar sifat zalim dan *gharar* (Surah Fathir, 35: 40). Oleh itu, konsep *al-Qist* secara tidak langsungnya menolak segala salah laku dan pelanggaran terhadap undang-undang. Apabila wujud atau menjelma konsep *al-Qist* di dalam sanubari seorang Muslim maka akan terpinggir sifat '*gharar*' atau salah laku dan apabila terhakis sifat salah laku tersebut maka akan hilang juga sifat zalim dan ketidakadilan. Jika dibudayakan secara berterusan maka akan terhasil budaya kerja yang terbaik (Zuhayli, 1991).

Oleh itu, jika seseorang melakukan jenayah, pecah amanah atau penipuan, maka dia bukan sekadar tidak berlaku adil tetapi juga adalah seorang penzalim, pelampau atau tidak memiliki etika bekerja yang dianjurkan untuk kecemerlangan (Osman Ayub, 1990).

Sifat *al-Qist* ini akan menjadi kenyataan dalam pengamalan kerjanya apabila ia berhubung dengan kesederhanaan. Sifat sederhana inilah yang menjadikan keseimbangan itu lebih terserlah (Syed Othman al-Habsyi, 1989). Setiap perilaku pekerja yang menjalani tugas harian mereka sama ada sebagai pengurus atau pekerja bawahan yang melaksanakan kerja harian mereka melalui akhlak sederhana ini akan menghindarkan ia daripada melakukan sesuatu itu dengan melampau batas (Wan Sabri, 2003).

Sifat melampaui batas merupakan salah satu daripada sifat buruk manusia yang diceritakan oleh Allah dalam al-Quran. Oleh itu, Allah berseru kepada manusia agar bersederhana dalam pakaian dan minuman (Surah al-Araf, 7: 31), bersederhana suara sewaktu berdoa (Surah al-Isra, 17: 110) dan bersederhana dalam berbelanja (Surah al-Furqan, 25: 67). Allah SWT telah menghubungkan sifat *al-Qist* atau keadilan ini dengan sifat sederhana (Surah al-Rahman, 55: 8).

Justeru, *al-Qist* atau keseimbangan dan keadilan ini akan mendorong pelakunya mendapat kepuasan kepada kerja-kerja yang dilakukan, malahan kepuasan pada kerja itu memberikan rangsangan yang lebih kuat untuk bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan.

Ini telah dibuktikan oleh beberapa pengkaji seperti Yuosef (2001), Koh dan Boo (2004), Abbas (1992) dan Putti (1989) yang menyatakan di dalam kajian mereka bahawa 'keseimbangan' sebagai satu etika kerja yang memberikan hubungan yang kukuh dengan kepuasan kerja dan komitmen kerja dan organisasi (Koh & Boo, 2004; Yousef, 2001; Abbas, 1992; Putti, 1989).

Menurut Sayyid Qutb (1982), keseimbangan atau keadilan yang berlandaskan kepada syariat Islam seperti yang dianjurkan oleh Allah seperti yang dirakamkan di dalam al-Quran mesti berlaku kepada seluruh umat manusia walau di mana jua berada (Surah al-Nahl, 16: 90; Surah al-Maidah, 5: 8; Surah al-Nisa, 4: 135).

Umpamanya keadilan dalam memberikan keterangan (Surah al-Maarij, 70: 33), keadilan dalam menjalankan tugas (Surah al-Rahman, 55: 8), keadilan dalam kerja

sukat menyukat dan timbang menimbang (Surah al-Anam, 6: 152), keadilan dalam menghukum (Surah al-Nisa, 4: 58) dan keadilan ketika menjadi saksi transaksi hutang-piutang (Surah al-Baqarah, 2: 282). Sepertimana yang telah dirakamkan bahawa sesungguhnya Allah sangat kasih pada orang-orang yang bersifat adil (Surah al-Mumtahanah, 60: 8).

Semua yang telah diterangkan dalam al-Quran itu berupa perkara yang akan memberikan kemudahan dalam kehidupan manusia bagi mereka mengurus dan mentadbir organisasi dan masyarakat dengan lebih baik serta menghilangkan permusuhan dan tipu daya (Sayyid Qutb, 1982).

Keseimbangan juga akan melahirkan kepuasan dan mengawal tingkah laku serta menguatkan komitmen dalam kalangan pekerja apabila ia dilaksanakan dengan sebaiknya. Keseimbangan ini mesti diwujudkan kepada dua bahagian iaitu keseimbangan untuk semua peringkat dan keduanya keseimbangan kepada pucuk pimpinan (Sharifah Hayaati, 2010).

Bagi etika *al-Qist* ini untuk semua pekerja merangkumi objektif masa panjang iaitu dihubung kait dengan ganjaran dunia dan akhirat, sikap menilai diri mestilah sentiasa diamalkan supaya kesalahan atau kesilapan tidak dilakukan berulang-ulang (Osman Ayub, 1990).

Sementara itu, keseimbangan dari sudut pucuk pimpinan organisasi juga diperlukan. Kepimpinan tidak perlu mempunyai amalan pilih kasih atau diskriminasi dalam sistem pentadbiran. Begitu juga keperluan dan keadaan manusia hendaklah

dipertimbangkan dalam memberi sesuatu tugas. Layanan kepada pekerja dan gaji yang terbaik haruslah dibayar dengan cepat apabila sampai tempoh yang dijanjikan (Muhammad Abd. Rauf, 1987).

Menurut Abdul Rashid Monten dan El-Fatih A. Abdel Salam (2005), *al-Qist* juga merujuk kepada '*al-adalh*'. '*Al-Adalh*' ini merujuk kepada undang-undang dan merangkumi semua perkara dalam kehidupan termasuk diri sendiri. Apabila undang-undang dilaksanakan maka pastinya setiap individu itu akan menjaga sama ada pada pemimpinnya atau pekerjanya, kerana ia seumpama satu prinsip atau tunjang kehidupannya. Pastinya komitmen kepada tugas yang diberikan itu akan terdorong dengan sendirinya apabila ianya telah disemai sebagai undang-undang dalam pembudayaan hidupnya.

al-Qist bermaksud keadilan dan keadilan itu bererti juga meletakkan sesuatu pada tempatnya (K. H. Toto Tasmara, 2002: 78). Ia bersangkutan dengan kewajipan dan hak. Menurut Muhammad Hasbiash Shiddieqy (1986), menerusi kupasan al-Quran, hak dan kewajipan bergabung menjadi adil. Adil pula mesti bertepatan dengan hukum. Secara prinsipnya, ia berkaitan antara satu sama lain.

Oleh itu, Islam menghendaki dalam pelaksanaan keadilan itu, mestilah dengan kehendak hukum syarak kerana ia akan memenuhi tuntutan hak dan kewajipan dengan sepatutnya. Apabila keadilan memenuhi tuntutan hak dan kewajipan maka akan mewujudkan perasaan lembut pada jiwa insan dan ini akan mendatangkan kepuasan kepada mereka (Muhammad Hasbiash, 1986).

Oleh itu, kajian mendapati prinsip *al-Qist* mempunyai hubungan yang rapat dengan prinsip-prinsip akhlak yang lain seperti yang dinyatakan dalam ayat-ayat al-Quran. Hubungan ini menunjukkan bahawa *al-Qist* merupakan satu prinsip yang besar dan umum serta mempunyai nilai-nilai lain yang mengukuhkannya seperti yang terdapat di dalam al-Quran. Prinsip *al-Qist* ini mempunyai hubungan dengan nilai-nilai yang membawa manusia untuk melaksanakan kerja dan tugas dengan cemerlang. Nilai-nilai ini juga menjadi panduan kepada umat Islam untuk melahirkan prinsip *al-Qist* umpamanya takwa, jujur, bertolak ansur, seimbang dan sebagainya. Hubungan ini boleh dirujuk pada ayat-ayat al-Quran seperti yang telah dibincangkan. Hubungan antara *al-Qist* dengan nilai-nilai ini dinyatakan melalui jadual di bawah.

Jadual 2.8 di bawah ini menunjukkan hubungan antara prinsip *al-Qist* dengan nilai-nilai lain yang terdapat di dalam al-Quran. Bagi tiap-tiap nilai tersebut dinyatakan surah dan nombor ayat.

Jadual 2.8

Hubungan *al-Qist* dengan Nilai Lain

Surah dan Ayat	Hubungan dengan <i>al-Qist</i>
al-Baqarah 2: 282	Catat dengan Betul, Taqwa, Jujur
al-Imran 3: 18	Ilmu Pengetahuan, Benar, Teguh
al-Imran 3: 21	Adil, Seimbang
al-Nisa 4: 127	Adil, Khair,
al-Nisa 4: 135	Penegak Kebenaran, Betul Tutar Kata
al-Maidah 5: 8	Persaksian Adil dan Seimbang, Keadilan, Taqwa
al-Maidah 5: 42	Keputusan Adil, Bertolak Ansur
al-An'am 6: 152	Tepati Janji, Betul dalam Timbangan, Amanah, Tanggungjawab, Benar Kata-Kata
al-A'raf 7: 29	Ikhlas, Taat, Menyeru Kepada Kebenaran
Yunus 10: 4	Amal Soleh, Adil, Tepati Janji

Yunus 10: 47	Seimbang, Tidak Ada Penginayaan
Yunus 10: 54	Adil Membuat Keputusan
Hud 11: 85	Cukup Timbangan
al-Anbiya 21: 47	Timbangan Betul
al-Ahzab 33: 5	Kebenaran, Seimbang
al-Hujurat 49: 9	Islah, Keadilan
al-Rahman 55: 9	Cukupkan Timbangan
al-Hadid 57: 25	Timbangan Betul, Keseimbangan
al-Mumtahinah 60: 8	Lakukan Kebaikan dengan Seimbang dada Manusia

Secara kesimpulannya, konsep *al-Qist* atau keseimbangan ini merupakan satu pembentukan etika yang yang diterapkan oleh Allah SWT kepada manusia sebagai pentadbir dan pemakmur bumi. Semestinya kehidupan didunia ini dan didatangkan oleh Allah dengan pelbagai kenikmatan sebagai satu ujian, apatah lagi sewaktu menjalani tugas-tugas yang dianugerahkan kepada mereka. Pasti manusia memerlukan keseimbangan dalam mencari kenikmatan dunia dan kehidupan akhirat kelak dan keseimbangan itu perlu dilaksanakan di dalam kehidupan dunia.

2.2.5 Prinsip *Ma'aruf*

Istilah *Ma'aruf* dalam al-Quran boleh diertikan dengan perkataan baik (Hamka, 1982). Perkataan *ma'aruf* disebut di dalam al-Quran sebanyak 36 kali (Muhammad Fuad al-Baqi, 1991: 582). Di sini dinyatakan jadual bilang ayat-ayat al-Quran tentang *taqwa* yang terdapat di dalam al-Quran.

Jadual 2.9

Taburan Jumlah bilangan ayat dan surah yang menyebut perkataan '*Ma'aruf*'.

Bil	Surah dalam al-Quran	Bil. Ayat tentang <i>Ma'aruf</i>	Nombor Ayat
1	al-Baqarah	13	178, 180, 228, 229, 231, 232, 233, 234, 236, 240, 241, 263, 235

2	ali Imran	3	104, 110, 114
3	al-Nisa	6	5, 6, 8, 19, 25, 114
4	al-A'raf	1	157,
5	al-Taubah	3	67, 71, 112
6	al-Hajj	1	41
7	Luqman	2	15, 17
8	Muhammad	1	21
9	al-Mumtahinan	1	12
10	al-Talaq	2	2, 6
11	al-Ahzab	2	6, 32
12	al-Nur	1	53

Izutsu (1966), menyebutkan ‘*Ma’aruf*’ sebagai “apa yang diberitahu dan di perkenan oleh kanun Tuhan” (Izutsu, 1966: 213). Istilah ini juga dikira mencakupi perkara-perkara seperti adab-adab berbicara dan bercakap (Surah al-Ahzab, 33: 22), tugas-tugas moral dan akhlak (Surah al-Baqarah, 2: 110) Selanjutnya Allah menyebut:

Dan jadikanlah di antara kamu umat yang mengajak kepada khair (kebajikan), menyuruh mengerjakan ma’aruf (baik) dan melarang membuat munkar (salah). Mereka itulah orang yang beruntung (menang).

(Surah ali-Imran, 3: 104)

Terdapat perkaitan yang intim antara kalimah “*khair dan ma’aruf*” dalam ayat di atas. Umat yang mengajak kepada “*khair*” iaitu kebajikan adalah umat yang berorientasikan *ma’aruf* iaitu kebaikan. Oleh itu, orang-orang yang berjaya dan beruntung ialah orang yang melakukan kebajikan. Manakala melakukan kebaikan *Ma’aruf* dan mencegah kejahatan “*munkar*” tergolong daripada amalan kebajikan “*khair*” (al-Razi, 1990).

Oleh itu, bolehlah disimpulkan bahawa semua amalan *ma’aruf* iaitu kebaikan adalah bersifat “*khair*” iaitu kebajikan dan semua amalan “*khair*” adalah ‘*Amal Saleh*. Perkaitan tersebut menguatkan kenyataan bahawa setiap amalan *ma’aruf* harus dikerjakan secara bersungguh-sungguh dan teliti.

Semua perkara yang *ma'aruf* itu telah dinyatakan piawaiannya oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW. Maka segala yang berlawanan dengan piawaiannya Allah dan Rasul itu akan melahirkan kepalsuan (Muhammad Qutb, 1994). Oleh itu, pekerja yang mempunyai sifat *ma'aruf* akan terhindar daripada sifat kepalsuan jiwa. Kehadiran pekerja yang palsu jiwa dalam organisasi akan membawa kepada ciri-ciri penekanan yang berlebihan kepada sistem birokrasi. Ia akan meletakkan status seseorang dan kebenaran bergantung sepenuhnya kepada kedudukannya dalam organisasi (Mohd Nor, 1991).

Pekerja yang palsu jiwa dalam organisasi juga akan lebih menumpukan kepada unsur-unsur yang berkepentingan sendiri, tidak terlalu komited kepada keadilan dalam organisasi, tidak menggalakkan kreativiti dan pemikiran serta tidak berani untuk menegakkan keadilan tetapi terlalu keras untuk melaksanakan perintah dan arahan walaupun tidak baik dan menyeleweng (Mohd Affandi Hassan, 1989).

Konsep *Ma'aruf* akan membawa kepada ketaqwaan, hubungan dan rantaian keduanya amat kukuh. Ketaqwaan itu adalah suatu yang terselindung dan *ma'aruf* itu adalah suatu yang memperlihatkan ketaqwaan tersebut (Khalil Saqar, 1997). Kerja *ma'aruf* ini yang ditentukan piawaiannya oleh Allah dan Rasul akan berhadapan dengan keadaan yang berlawanan. Maka ia memerlukan kekuatan dan keberanian. Keberanian harus disertai dengan keyakinan dan ketaqwaan kepada Allah. Walaupun diketahui bahawa sesuatu yang bakal ditempuh itu sangat berat dan merbahaya. Oleh kerana itu, *ma'aruf* yang ditekankan oleh Allah SWT ini diberikan ganjaran yang besar sebagai satu motivasi kepada hamba-Nya (Syed Othman al-Habsyi, 1989).

Pemberian dan ganjaran oleh Allah SWT bukan hanya pemberian di akhirat tetapi juga pemberian di dunia yang berupa percambahan rezeki, kesihatan yang baik dan dipermudahkan segala urusan (Abdullah Irwani, 1989). Oleh sebab itu, *ma'aruf* ini sangat digalakkan kepada umat Islam dan mereka dianjurkan untuk berlumba-lumba melakukan kebaikan ini sepertimana yang difirmankan oleh Allah yang bermaksud:

Hendaklah kamu berlumba-lumba untuk mengerjakan kebaikan.

(Surah al-Baqarah, 2: 148)

Sya'rawi (1989) menyatakan bahawa perkara kebaikan dan kebajikan sama ada pada diri kita atau pada orang lain hendaklah diutamakan. Mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran adalah perkara *ma'aruf* yang perlu disegerakan dan mesti berlumba-lumba untuk mengerjakannya. Perkara yang *ma'aruf* mesti diberikan perhatian dan kepentingan. Cuma perlu kita menilai mana yang patut dilaksanakan terlebih dahulu dan mana lebih penting sama ada menyeru kepada kebaikan atau mencegah kemungkaran, namun keduanya adalah *ma'aruf* (Sya'rawi, 1989).

Semangat bertanding atau berlumba kepada segala lapangan kebajikan dan meraih prestasi adalah sifat *ma'aruf*. Perasaan ingin bertanding dengan penuh rasa tanggungjawab merupakan sikap yang sangat diperlukan oleh seorang muslim untuk meraih prestasi yang tinggi (K. H. Toto Tasmara, 2002).

Tidak mungkin seseorang itu boleh berlumba atau bertanding sedangkan dia tidak bekerja, bergerak dan berjuang. Oleh itu, seorang pekerja atau petugas tidak akan menyerah kepada kelemahan atau nasib. William Jennings Brayn mengatakan

bahawa, “Nasib bukanlah masalah kebetulan, nasib merupakan sesuatu yang harus dicapai, harus diusahakan (Galomen, 2000: 13).

Ma'aruf juga sering disebut sebagai ‘bermurah hati’ (Syed Othman al-Habsyi, 1989). Islam menganjurkan kepada umatnya supaya bermurah hati dalam banyak perkara, umpamanya bermurah hati dalam berbelanja untuk keluarga atau orang lain dan Allah berjanji akan memberikan ganjaran atas perlakuannya (Surah al-Baqarah, 2: 274). Sifat pemurah ini pula berkaitan rapat dengan sifat mengampun.

Umat Islam dianjurkan supaya mudah untuk memberikan kemaafan kepada kesalahan orang lain, kerana Allah SWT itu Maha Pengampun (Surah al-Nur, 24: 22). Sudah menjadi kebiasaan bagi manusia untuk membalas perbuatan seseorang dengan cara yang setimpal dan mememuaskan hatinya seperti perbuatan jahat dibalas juga dengan cara jahat dan perbuatan baik dibalas dengan baik. Walaupun cara pembalasan ini ada yang diharuskan oleh perletakan syarak dengan pembalasan yang setimpal tetapi tidak bermakna perkara ini merupakan yang terbaik kepada manusia (Hamka, 1982).

Terdapat juga daripada kalangan manusia yang membalas kebaikan dengan kejahatan. Namun begitu, Islam menganjurkan supaya membalas kejahatan dengan kebaikan adalah lebih baik dan ini adalah perkara *ma'aruf* (Ahmad Izzuddin al-Bayanuni, 1998). Ini telah dinyatakan di dalam al-Quran bahawa keburukan itu jika dibalas dengan kebaikan maka ia akan bertukar daripada permusuhan kepada kebaikan dan rakan karib (Surah Fusilat, 41: 34; Surah Saba, 23: 96; Surah al-Ra'du, 13: 33).

Perkaitan dan hubungan antara *ma'aruf* dengan 'bermurah hati', pemaaf dan membalas dengan kebaikan merupakan jalan ke arah mewujudkan sikap mulia yang menjadi mahkota bagi pekerja Muslim. Dalam keadaan ini pekerja Muslim sentiasa digalakkan memancarkan konsep *ma'aruf* dalam pelaksanaan kerja mereka kerana ia akan memberikan kesan positif dan rangsangan untuk bekerja dengan baik dan bersungguh malahan konsep 'M'akan memberikan motivasi kepada pekerja untuk mendapatkan mendapat ganjaran yang sewajarnya samada di dunia serta akhirat (INTAN, 1991).

Carnegie (1997), menyatakan bahawa antara kebiasaan kerja yang membawa kebaikan kepada pekerja itu ialah, "Buatlah sesuatu itu menurut urutan kepentingannya". Menurut Osman Ayub (1990), mempermudah urusan kerja terhadap sesuatu kerja yang mempunyai kepentingan utama akan lebih memberikan kebaikan dan mempermudah perjalanan sesuatu tugas. Namun, ia perlu kepada pengawasan yang teliti dan cermat. Kemudahan dalam urusan kerja ini meliputi perkara-perkara asas yang diinginkan oleh kebanyakan pelanggan dan kedua-dua pihak samada pekerja dan pelanggan tidak perlu menghabiskan banyak masa.

Kebaikan yang lahir daripada keutamaan tugas dan memudahkan urusan terhadap perkara-perkara penting akan memberikan penjimatan terhadap masa, harta benda dan sebagainya (Yusof Ismail, 1991). Inilah suatu perkara yang *ma'aruf* yang dilakukan dalam dunia kerjaya yang pastinya mendapat pahala dan kemudahan oleh Allah SWT sebagai satu ganjaran kenikmatan di dunia dan ganjaran abadi di akhirat. Sepertimana sabda Nabi SAW:

Mudahkan sesuatu urusan dan jangan susahkan, terangkan sesuatu itu dengan jelas dan jangan sembunyikan dan bekerjasamalah dan jangan berselisihan.

(HR Bukhari, *bab ma yakrahu min tanazu' wa ikhtilaf*: no. 3038)

Rasulullah SAW telah menyatakan dengan jelas cara terbaik dalam menguruskan sesuatu pekerjaan. Sepertimana pesanan Nabi SAW kepada Muaz dan Abi Musa ketika mereka berdua dilantik sebagai duta di Yaman hendaklah mudahkan urusan dan berhadapanlah dengan mereka iaitu bermesyuarat jangan membelakangi mereka berilah kerjasama yang baik terhadap rakyat di Yaman (Ibn Hajar, 1989).

Ini merupakan perkara *ma'aruf* yang dikehendaki oleh setiap Muslim dalam menjalani tugas dan tanggungjawab mereka. Perkara yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW itu ialah suatu yang terbaik sama ada dari sudut pembinaan peribadi petugas ataupun terhadap penerimaan oleh ahli masyarakat.

Kebiasaan kerja begini akan memberikan kebaikan dan kelapangan dan kepuasan pada diri pekerja sebab ia telah menjadikannya sebagai peraturan dalam kehidupan kerjayanya. Jika ia tidak menjadikannya sebagai peraturan yang ketat pada dirinya pastinya pekerja tersebut tidak akan mencapai kehendaknya dengan tenang dan puas (Wan Sabri, 2004).

Oleh itu, kajian mendapati prinsip *Ma'aruf* mempunyai hubungan yang rapat dengan prinsip-prinsip akhlak yang lain seperti yang dinyatakan dalam ayat-ayat al-Quran. Hubungan ini menunjukkan bahawa *Ma'aruf* merupakan satu prinsip yang umum dan terkandung di dalamnya nilai-nilai yang selaras seperti yang terdapat di dalam

al-Quran. Prinsip *Ma'aruf* ini mempunyai keselarasan nilai-nilai yang membawa manusia untuk melaksanakan kerja dan tugas dengan cemerlang. Nilai-nilai ini juga membawa umat Islam kepada prinsip *Ma'aruf* umpamanya lumba buat kebaikan, perkataan baik, islah, seimbang, seru kebaikan dan sebagainya. Justeru, perbincangan ini telah menghasilkan keseragaman hubungan antara prinsip *Ma'aruf* dengan prinsip-prinsip akhlak yang lain seperti yang dinyatakan di dalam ayat-ayat al-Quran. Hubungan antara *ma'aruf* dengan nilai-nilai ini dinyatakan melalui jadual di bawah.

Jadual 2.10 di bawah ini menunjukkan hubungan antara prinsip *ma'aruf* dengan nilai-nilai lain yang terdapat di dalam al-Quran. Bagi tiap-tiap nilai tersebut dinyatakan surah dan nombor ayat.

Jadual 2.10

Hubungan *Ma'aruf* dengan Nilai Lain

Surah dan Ayat	Hubungan dengan <i>Ma'aruf</i>
al-Baqarah 2: 178	Beri Kemaafan, Adil dan Saksama
al-Baqarah 2: 180	Wasiat dengan Baik dan Betul
al-Baqarah 2: 228	Islah, Seimbang
al-Baqarah 2: 229	Ruju' Cara Baik, Jangan Zalim
al-Baqarah 2: 231	Ruju' Cara Baik, Cerai Cara Baik, Taqwa
al-Baqarah 2: 232	Jangan Halang Kebaikan
al-Baqarah 2: 233	Pakaian Baik, Makanan Baik (Halal), Minuman Baik (Halal)
al-Baqarah 2: 234	Tutup Aurat dan Keaiban, Jangan Berhias Melampau
al-Baqarah 2: 235	Percakapan Baik, Tepati Janji
al-Baqarah 2: 236	Bersedekah, Pemberian yang Baik
al-Baqarah 2: 240	Beri Tempat Tinggal yang Baik
al-Baqarah 2: 241	Pemberian yang Baik, Taqwa
al-Baqarah 2: 263	Perkataan Baik, Pemaaf, Sedekah (Dermawan)
ali-Imran 3: 104	Seru Kebaikan Cegah Kemungkaran,

	Khair (Kebaikan),
al-Imran 3: 110	Seru Kebaikan, Cegah Kemungkaran, Beriman, Amal Kebaikan
al-Imran 3: 114	Beriman, Lumba Buat Kebaikan (Kompetitif)
al-Nisa 4: 5	Perkataan Baik, Perbelanjaan Yang Baik
al-Nisa 4: 6	Beri Makanan yang Baik (Halal al-Tayyiba)
al-Nisa 4: 8	Harta Baik, Percakapan Baik
al-Nisa 4: 19	Pergaulan Baik, Sabar
al-Nisa 4: 25	Pemberian yang Baik, Jaga Kehormatan Diri
al-Nisa 4: 114	Sedekah, Islah, Cakap yang Baik
al-A'raf 7: 157	Seru Kebaikan Cegah Kemungkaran, Halal yang Baik, Haram yang Buruk, Mudahkan Urusan
al-Taubah 9: 67	Jauhi Sifat Kepuraan (Munafik), Tidak Terlalu Cinta Dunia
al-Taubah 9: 71	Seru Kebaikan, Cegah Kemungkaran, Taat
al-Taubah 9: 112	Taubat, Ibadah, Pelihara Perintah Allah
al-Hajj 22: 41	Diri Solat, Zakat, Menyeru Kebaikan Cegah Kemungkaran
al-Nur 24: 53	Taat
Luqman 31: 15	Ukhuwah, Taat, Sopan Santun
Luqman 31: 17	Solat, Zakat, Seru Kebaikan Cegah Kemungkaran, Sabar
al-Ahzab 33: 6	Beriman, Jimat Cermat Pada Harta
al-Ahzab 33: 32	Taqwa, Ucapan Baik
Muhammad 47: 21	Taat, Perkataan Baik, Benar
al-Mumtahinah 60: 12	Tepati Janji, Setia, Kerjasama, Mudah Urusan
al-Talaq 65: 2	Bertolak Ansur. Bermesyuarat (Berbincang), Adil dan Saksama, Taqwa
al-Talaq 65: 6	Bermesyuarat (Berbincang Cara Baik), Permudah Urusan

Secara kesimpulannya, *ma'aruf* sebagai satu konsep etika kerja Islam merupakan satu pendekatan dan piawaian yang telah digariskan oleh Allah SWT kepada hambanya yang beriman dalam melaksanakan tugas dan kerja mereka seharian dalam pelbagai sudut penghidupan. Etika kerja ini akan memandu pengamalinya

untuk lebih cemerlang dalam membudayakan kerja mereka. Kecemerlangan mereka ini akan dilihat pada komitmen, kepuasan dan ganjaran yang mereka perolehi terhasil daripada tugas yang telah dilaksanakan dengan jayanya. Ini bertepatan dan sejajar dengan Islam sebagai agama yang membawa kecemerlangan kepada penganutnya dalam segala bidang yang diceburi oleh mereka.

2.2.6 Prinsip *Ihsan*

Perkataan ‘*ihsan*’ telah disebut didalam al-Quran sebanyak 52 kali (Muhammad Fuad al-Baqi, 1991). Di sini dinyatakan jadual bilang ayat-ayat yang menyebut perkataan *ihsan* sepertimana terdapat di dalam al-Quran.

Jadual 2.11

Taburan Jumlah bilangan ayat dan surah yang menyebut perkataan *Ihsan*.

Bil	Surah dalam al-Quran	Ayat tentang <i>Ihsan</i>	Nombor Ayat
1	al-Zumar	3	18, 34, 58
2	al-A'raf	3	56, 145, 161
3	al-Baqarah	7	58, 83, 112, 178, 195, 229, 236
4	al-Taubah	3	91, 100, 120
5	al-Nahl	2	90, 128
6	al-Rahman	1	60
7	al-Nisa	3	36, 62, 125
8	al-An'am	2	84, 151,
9	al-Isra	1	23
10	al-Ahqaf	2	12, 15
11	Luqman	2	3, 22,
12	al-Saffat	6	80, 105, 110, 121, 131, 113
13	ali Imran	2	134, 148
14	al-Maidah	3	13, 58, 93
15	Hud	1	115
16	Yusuf	5	22, 36, 56, 78, 90
17	al-Hajj	1	37
18	al-Qasas	1	14
19	al-Ankabut	1	69
20	al-Zaariyat	1	16

21	al-Mursalat	1	44
22	al-Ahzab	1	29

Istilah *Ihsan* merupakan konsep cinta Tuhan bagi mengukur kualiti insan (Danial, 2005: 122) . Menurut Abdul Hayei Abdul Sukor (1995), dari segi bahasa *ihsan* bererti melaksanakan dengan kemas, rapi, sempurna dan baik serta berfaedah. *Ihsan* juga bermaksud seseorang yang melakukan sesuatu mengikut cara dan panduan sepertimana yang ditunjukkan oleh syarak. Rasullulah SAW telah bersabda dalam sebuah al-Sunnah yang bermaksud:

Hendaklah engkau beribadah kepada Allah seolah-olah engkau melihatNya, jika engkau tidak boleh melihat-Nya, maka sesungguhnya Allah melihat engkau.

(HR Bukhari, no: 50; Muslim, no: 102)

Menurut Ibn Kathir (1994), Imam Sufyan bin Uyainah berkata, *ihsan* ialah keadaan yang mana dalamanmu (iaitu hati) lebih baik dari luaranmu”. Berdasarkan konsep *ihsan* ini, seorang pekerja akan sentiasa mempunyai perasaan bahawa Tuhan sentiasa memerhati apa yang dilakukannya, walaupun beliau tidak dapat melihat-Nya dengan mata kasar.

Inilah yang dikatakan perasaan cintakan Allah. Perasaan cintakan Allah ini akan membuatkan dan mendorong pekerja Muslim itu menjalankan tanggungjawabnya dengan sebaik mungkin. Bagaimana untuk memenangi cinta Allah ini, maka Allah telah menunjukkan jalannya melalui al-Quran:

Dan belanjakanlah (Apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

(Surah al-Baqarah, 2: 195)

Dalam ayat yang lain pula, al-Quran menghubungkan antara usaha dan kerja dengan *ihsan* yang dihubungkan dengan *hasan* (iaitu kebaikan). Firman Allah bermaksud:

Dan carilah dengan apa yang diberikan Allah kepada engkau (keselamatan) kampung akhirat, jangan engkau lupa bahagian engkau di dunia ini, buatlah (hasan) kebaikan sebagaimana Allah telah berbuat kebaikan kepada engkau dan janganlah engkau membuat bencana di muka bumi; sesungguhnya Allah tiada mencintai orang-orang yang membuat bencana.

(Surah al-Qasas, 28: 77)

Suruhan mencari dan berusaha dengan sesuatu yang diberikan oleh Allah di negeri akhirat merupakan suruhan mencari semua yang mendatangkan manfaat untuk negeri akhirat. Ini bermakna setiap tindakan baik iaitu *hasan* adalah jawapan kepada “sesuatu yang baik” yang boleh mendatangkan pahala sebagai satu ganjaran kepada kehidupan akhirat (Shukri & Razali, 2001).

Contohnya, jika seseorang itu bersungguh-sungguh mencari harta yang halal dan baik dengan niat untuk mengeluarkan zakat dan sedekah maka ia telah melakukan suruhan ayat, “Mencari apa yang diberikan oleh Allah di negeri akhirat” yang merupakan amalan kebajikan. Ada pun lebih daripada pengeluaran zakat bolehlah dianggap habuan dan ganjaran duniawi yang boleh dinikmati.

Jika ditinjau, kalimah ‘*Hasan*’ juga membawa makna gabungan yang terbaik antara perlakuan dan akhlak (al-Ghazali, 1980). Kalimah ini menggabungkan dua elemen yang perlu ada pada seseorang Muslim iaitu perlakuan atau kerja yang terbaik atau *muhsin* (Surah al-Baqarah, 2: 112) dan akhlak yang terbaik iaitu adil dan *ihsan* (Surah al-Balad; 90, 16).

Bekerja dan beramal mesti berteras kepada memperoleh pahala akhirat. Bertani, berniaga, bekerja di pejabat, menjadi nelayan, berkhidmat di lautan atau di daratan, semuanya adalah kerja-kerja hasan (baik) dengan syarat kerja-kerja itu mesti bertujuan beramal ibadat (Labib al-Said, 1985). Manakala habuan lebih daripada itu adalah nikmat yang dibolehkan oleh Allah untuk digunakan.

Allah tidak pula menyuruh orang Islam untuk bersedekah atau berzakat semua harta mereka kepada orang lain meskipun perbuatan itu mendapat balasan pahala di akhirat kerana ia seolah-olah melupakan habuan duniawi yang dibolehkan untuk dinikmati (Muhammad Muhyidin, 2011).

Ihsan dan *Taqwa* merupakan dua kalimat yang sering berhubungan kerana *Ihsan* akan membawa pelakunya itu ke arah ketaqwaan. Perilaku *ihsan* itu akan lebih memberikan kesungguhan dan kekukuhan kepada ketaqwaan. Kewujudan konsep *Ihsan* ini memberikan lebih komitmen seorang pekerja itu dengan tugasnya (Shukri & Razali, 2001).

Sebagai pengukuhnya, konsep *taqwa* dan *ihsan* ini diaplikasikan dalam sebuah organisasi untuk melihat perbezaannya. Dalam kalangan mereka ini ada yang melaksanakan tugas mereka betul-betul sepertimana yang ditugaskan kepada mereka tanpa menunjukkan komitmen yang lebih. Selain itu, terdapat juga antara mereka yang amat bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas mereka melebihi dari apa yang ditugaskan kepada mereka. Mereka ini amat komited dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan (Ab. Aziz Yusof, 2010).

Merujuk pada golongan pertama, mereka dianggap sebagai golongan yang Muslim yang melakukan tugas dengan secukupnya seperti yang dikehendaki, mereka diibaratkan insan yang bertaqwa. Sebaliknya golongan kedua, diibaratkan seperti insan yang mempunyai sifat *ihsan* dan sentiasa bersedia melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin melebihi apa yang dikehendaki. Justeru, *ihsan* mendorong pelakunya agar lebih memberikan komitmen dengan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Maksud *ihsan* juga adalah melakukan sesuatu kerja atau tugas itu dengan sebaik mungkin dan cemerlang. *Ihsan* juga mengarahkan kepada berusaha mencari kesempurnaan dalam melakukan sesuatu melalui nilai tambah yang tertentu (Mahmood Zuhdi, 2005).

Ini bermaksud jika para pekerja inginkan kegemilangan pada organisasi mereka maka mereka mesti memberikan komitmen yang baik pada tugas mereka. Jika mereka inginkan kepuasan kerja mereka maka hendaklah melakukan kerja dengan bersungguh dan teliti. Jika mereka inginkan ganjaran maka hendaklah berusaha dengan sebaiknya dengan melakukan kebaikan dan mengelakkan keburukan dalam tugas mereka. Dalam sebuah al-Sunnah Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah mewajibkan Ihsan atas semua perkara perkara. Apabila kamu membunuh, bunuhlah dengan baik. Apabila kamu menyembelih sembelihlah dengan baik. Tajamkan pisau dan rehatkan binatang yang disembelih itu.

(HR Muslim, *bab amr bi ihsan zabih wa al-qital*: no. 5167)

Sabda Rasulullah SAW seterusnya yang bermaksud:

Bahawa kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatnya. Dan kalau pun kamu tidak melihatnya Dia tentu sekali melihat kamu.

(HR Muslim, *bab ma'rifah al-iman wa Islam*: no. 102)

Al-Sunnah di atas menunjukkan bahawa konsep *Ihsan* mengarahkan kepada kesempurnaan kerja. Apabila sesuatu kerja itu dilakukan dengan penuh kesempurnaan ia pasti akan memberikan kepuasan terhadap tugas dan kerja yang dijalankan (Nawawi, 1992).

Konsep '*taabud*' kepada Allah SWT walaupun manusia itu tidak pernah melihat Allah tetapi hanya mengetahui kewujudan Allah melalui perkhabaran wahyu dan tanda-tanda kewujudannya merupakan satu corak pengibadatan dan keabdian yang sangat hebat. Allah SWT ingin memasukkan hambanya ke dalam kerahmatan dan nikmatnya maka terlebih dahulu mereka itu perlu diuji. Penghidupan manusia yang penuh dengan cabang dan rantaian ini merupakan satu ujian secara berpanjangan kepada manusia bagi menilai tahap ketaatan dan pengabdian terhadap Allah (Mahmood M. Ayoub, 1996).

Konsep *Ihsan* ini juga mengarahkan para pekerja bersifat benar dalam segala urusan seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW dalam al-Sunnah *Ihsan*. Sifat benar merupakan sifat Baginda SAW dan melalui sifat ini ia menghubungkan dengan sifat amanah (Nik Mustafa, 2005). Selain itu, bersih atau kebersihan merupakan satu elemen yang terhasil daripada *ihsan* kerana sifat ini menjadi pengawal kepada kelakuan dan pengamalan manusia (Danial, 2005).

Bersih merupakan satu nilai yang perlu wujud dalam sistem pengurusan kerja dan organisasi. Kebersihan yang diperjuangkan oleh Islam adalah bersepadu iaitu gabungan unsur kerohanian dan kebendaan serta kejiwaan dan kejasmanian. Kebersihan kerohanian adalah keimanan, ketaqwaan dan amal soleh (Mustafa Omar, 1998). Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran dengan maksudnya:

Sesungguhnya berjajalah orang yang menjadikan dirinya sedia bersih bertambah-tambah bersih.

(Surah asy-Syams, 91: 9)

Kebersihan sangat penting dalam kehidupan seseorang khususnya dalam pengurusan kerja. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW telah menyatakan dengan jelas di dalam sepotong al-Sunnah bahawa bersih itu sebahagian daripada iman. Sabda Rasulullah SAW. bermaksud:

Bersuci (kebersihan) itu adalah sebahagian daripada iman.

(HR Imam Ahmad, *musnad Abi Malik al-Ashari*: no 23605)

Bukan hanya kebersihan dari sudut kerohanian malahan kebersihan dari sudut kejasmanian turut diutamakan oleh Islam (Marbawi, 1933). Penekanan tersebut telah dirakamkan di dalam al-Quran yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihani orang yang sentiasa mensucikan diri.

(Surah al-Baqarah, 2: 222)

Seterusnya Allah SWT memerintahkan agar umat Islam itu sentiasa membersihkan diri mereka dengan menjauhkan diri daripada segala kejahatan (al-Qurtubi, 1994). Perintah ini terkandung di dalam ayat al-Quran yang membawa maksud:

Dan pakaianmu maka hendaklah engkau bersihkan, dan segala kejahatan maka hendaklah engkau jauhi.

(Surah al-Muddathir, 74: 4-5).

Para pekerja yang menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan bersih semestinya dihormati dan disegani oleh rakan sejawat. Bersih dalam pengurusan kerja ini meliputi kebersihan daripada penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan harta awam, rasuah dan sebagainya (Mustafa Omar, 1998). Amaran keras ini telah disampaikan oleh Rasulullah SAW dalam sepotong al-Sunnah yang bermaksud:

Allah melaknat orang-orang yang memberi rasuah dan penerima rasuah serta orang yang memberi jalan terhadap keduanya.

(HR Imam Ahmad, musnad Abi Hurairah: no 9268)

Kebersihan dalam pengurusan kerjaya termasuk juga kebersihan untuk kekemasan diri, pejabat, tempat kerja dan persekitarannya. Rasulullah SAW telah bersabda dengan maksud:

Sesiapa yang berambut, hendaklah dirapikannya.

(HR Abu Daud, bab sifat wudhu Nabi: no. 128)

Kebersihan dalam kerja juga meliputi kerapian dalam penyediaan surat, laporan minit mesyuarat, kertas kerja, penulisan dan sebagainya. Sesungguhnya kebersihan amat diutamakan dalam Islam. Ia meliputi unsur kerohanian dan kebendaan serta kejiwaan dan kejasmanian (Siti Nor Akidah, 2006).

Melalui hubung kait antara *ihsan* dengan benar dan bersih ini menunjukkan bahawa *ihsan* ialah penekanan kepada pembentukan sifat diri individu sendiri kepada

ketaqwaan dan soleh (Syed Othman al-Habsyi, 1994). Penekanaan kepada diri individu ini akan menghasilkan kepuasan yang dalam jiwa individu tersebut.

Sesuatu kerja atau tugas yang dilakukan didapati memenuhi aturan yang ditetapkan melalui sifat ketaqwaan akan memberikan kepuasan kepada kerjanya. Apabila kepuasan wujud maka komitmen terhadap kerja tersebut menjadi semakin baik. (Wan Ali, 2002).

Ihsan terhasil apabila pelaksanaan amal saleh dilakukan dengan memelihara cara-cara seperti yang dituntut di samping memelihara hak-hak Allah dengan menghadirkan kebesaran dan keagungannya dalam hati secara berterusan dan ia melahirkan perasaan merendahkan diri dengan Allah SWT (Siddiqi, 1995). Apabila *ihsan* berhubungan dengan amal soleh pastinya seorang pekerja itu akan merasakan komitmen yang utuh pada tugasnya apabila ia melakukan tugasnya itu dengan perasaan bahawa tugasnya ini adalah amalnya dan baktinya sewaktu hidup.

Ihsan juga mempunyai perkaitan yang rapat dengan '*muraqqabah*' yang bermaksud "meyakini dengan sepenuh hati bahawa tuhan melihat dan mengawasi gerak-geri kita dan Dia mengetahui segala lintasan yang wujud dalam hati kita. Melalui kenyataan ini menunjukkan bahawa sifat *muraqqabah* ini akan membawa kepada penumpuan kerja dan tugas iaitu pekerja itu akan memberikan komitmennya yang terbaik kepada tugasnya jika dia memiliki sifat *muraqqabah* (Danial, 2005).

Konsep *Ihsan* yang diterapkan oleh Allah SWT kepada hambanya itu akan lebih memberi komitmen dan tanggungjawab yang kuat untuk melakukan perintah dan

meninggalkan segala larangan Allah. Sebab itu para pekerja Muslim yang memenuhi sudut akidah, syariah dan akhlak yang dianjurkan oleh Islam akan memberikan komitmen dan kebertanggungjawaban mereka terhadap amanah yang diberikan walaupun tidak diawasi oleh pengawas dan pengurus kerana pekerja muslim telah di didik dengan sifat *ihsan* sejak dari kecil (Jaafar Salleh, 1998).

Oleh itu, kajian mendapati prinsip *Ihsan* mempunyai hubungan yang rapat dengan prinsip-prinsip akhlak yang lain seperti yang dinyatakan dalam ayat-ayat al-Quran. Hubungan ini menunjukkan bahawa *Ihsan* merupakan satu prinsip etika kerja yang terkandung di dalamnya nilai-nilai yang selaras seperti yang terdapat di dalam al-Quran. Prinsip *Ihsan* ini mempunyai keselarasan nilai-nilai yang membawa manusia untuk melaksanakan kerja dengan cemerlang. Nilai-nilai ini juga membawa umat Islam meresapi prinsip *Ihsan* umpamanya sabar, tepati janji, tawakkal, bersih, ikhlas dan sebagainya. Justeru, perbincangan ini telah menghasilkan keseragaman hubungan antara prinsip *Ihsan* dengan nilai-nilai yang lain seperti yang dinyatakan di dalam ayat-ayat al-Quran. Hubungan antara *Ihsan* dengan nilai-nilai ini dinyatakan melalui jadual di bawah.

Jadual 2.12 di bawah ini menunjukkan hubungan antara prinsip *Ihsan* dengan nilai-nilai lain yang terdapat di dalam al-Quran. Bagi tiap-tiap nilai tersebut dinyatakan surah dan nombor ayat.

Jadual 2.12

Hubungan *Ihsan* dengan Nilai Lain

Surah dan Ayat	Hubungan dengan <i>Ihsan</i>
al-Baqarah 2: 58	Makanan Halal, Bersih
al-Baqarah 2: 83	Tepati Janji, Baik Dengan Ibu bapa, Persaudaraan
al-Baqarah 2: 112	Percakapan Yang Baik, Beribadat
al-Baqarah 2: 178	Menyerahkan Diri (Tawakkal), Rendah Diri
al-Baqarah 2: 195	Dermawan
al-Baqarah 2: 229	Beriman, Mudah Urusan, Benar, Islah
al-Baqarah 2: 239	Benar
al-Imran 3: 134	Dermawan, Pemaaf
al-Imran 3: 148	Amal Soleh, Ganjaran
al-Nisa 4: 36	Ibadah, Rendah Diri,
al-Nisa 4: 62	Perdamaian
al-Nisa 4: 125	Tawakkal, Bersih Hati
al-Maidah 5: 13	Kemaafan, Mudah Urusan
al-Maidah 5: 58	Khusyuk Beribadah
al-Maidah 5: 93	Amal Soleh, Taqwa, Beriman
al-An'am 6: 84	Kebenaran, Ganjaran Kebaikan
al-An'am 6: 151	Rendah Diri, Penyayang
al-A'raf 7: 56	Islah, Doa, Tawakkal
al-A'raf 7: 145	Kebenaran, Berterus Terang
al-A'raf 7: 161	Bersih, Makanan Halal
al-Taubah 9: 91	Ikhlas
al-Taubah 9: 100	Redha, Sedia Menerima
al-Taubah 9: 120	Amal Soleh
Hud 11: 115	Sabar
Yusof 12: 22	Ilmu, Hikmah
Yusof 12: 36	Kepandaian (Kepakaran), Kebenaran
Yusof 12: 56	Penyayang
Yusof 12: 78	Buat Baik, Rendah Diri
Yusof 12: 90	Taqwa, Sabar
al-Nahl 16: 90	Adil, Rendah Diri
al-Nahl 16: 128	Taqwa
al-Isra 17: 23	Lembut Percakapan, Sopan
al-Hajj 22: 37	Taqwa, Rendah Diri
al-Qasas 28: 14	Mencari Ilmu Pengetahuan
al-Angkabut 29: 69	Jihad(Bersungguh-Sungguh), Kebenaran
Luqman 31: 3	Merancang Kebaikan
Luqman 31: 22	Tawakkal, Teguh Pendirian
al-Ahzab 33: 29	Redha (Berserah), Rendah Diri
al-Saffat 37: 80	Ganjaran Kebaikan Dunia dan Akhirat
al-Saffat 37: 105	Kebenaran

al-Saffat 37: 110	Kebaikan, Ganjaran Kepuasan
al-Saffat 37: 121	Keteguhan, Menyeru Kebaikan
al-Saffat 37: 113	Keberkatan Hidup
al-Saffat 37: 131	Kekuatan
al-Zumar 39: 18	Rendah Diri, Perancangan Akal (Akal Berfikir)
al-Zumar 39: 34	Mengharap kepada Allah
al-zumar 39: 58	Mencari Petunjuk
al-Ahqaf 46: 12	Kebenaran
al-Ahqaf 46: 15	Syukur, Amal Soleh, Islah
al-Zaariyat 51: 16	Taqwa, Ambil dengan Kebenaran
al-Rahman 55: 60	Khair (Kebaikan)
al-Mursalat 77: 44	Mencari Keredaan Allah

Kesimpulannya, konsep *Ihsan* yang diterapkan oleh Islam kepada umatnya ini merupakan satu proses pendidikan secara jasmani dan rohani pada diri individu Muslim. Penekanan yang lebih diberikan kepada golongan pekerja-pekerja Muslim yang banyak menghabiskan masa mereka kepada tugas-dan kerja yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Islam ialah agama yang menyatukan ibadat khusus dan ibadat umum sebagai jalan untuk meraih ganjaran pahala Allah SWT. Ini bermakna semua pengamalan dalam kehidupan umat Islam itu akan diberikan dan ditambah dengan pahala atas apa yang mereka lakukan itu merupakan satu kebajikan.

2.2.7 Musuliyah

Terdapat beberapa perkataan yang diungkapkan oleh al-Quran yang mempunyai kesaligan hubungan yang membawa maksud pertanggungjawaban. Antaranya ialah *mas`uul, tama`ninah, wafa', amanah, thiqah, wizr* (beban), *Isyraf* (pengawasan) dan *khalifah* (Ibn Manzur, 1990). Perkataan *Masuliyah* ini telah disebut secara jelas di dalam al-Quran sebanyak lima (5) kali (Muhammad Fuad al-Baqi, 1991: 429). Di sini dinyatakan jadual bilang ayat-ayat al-Quran tentang *masuliyah* yang terdapat di dalam al-Quran.

Jadual 2.13

Taburan Jumlah bilangan ayat dan surah yang menyebut perkataan *Masuliyah*

Bil	Surah dalam al-Quran	Ayat tentang <i>Masuliyah</i>	Nombor Ayat
1	al-Isra	2	34, 36
2	al-Furqan	1	16
3	al-Ahzab	1	15
4	al-Saffat	1	24

Masuliyah yang dinyatakan di sini ialah sifat yang terangkum antara pertanggungjawaban dan amanah. Konsep *Masuliyah* ini adalah penting bagi menggambarkan hubungan antara manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan Allah. Pertanggungjawaban kepada Allah bermakna seseorang itu mesti menunaikan perintah Allah dan Rasul-Nya berdasarkan setiap amanah yang dibebankan. Menolak amanah bermakna melakukan khianat. Perlakuan khianat mengakibatkan dosa dan natijah dari dosa ialah balasan seksa dan kemurkaan Allah (Fathi Yakan, 1987).

Oleh itu, kebertanggungjawaban mempunyai ikatan yang sangat kuat dengan amanah kerana tanggungjawab adalah menerima dan melaksanakan amanah yang diberikan.

Ini dapat dikukuhkan dengan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan tentang kepimpinannya.

(HR Bukhari, bab al-Jumuah: no. 893)

Perkataan 'amanah' berasal daripada bahasa Arab yang boleh ditakrifkan sebagai setia, kepercayaan, lurus dan seumpamanya (Ba'labaki, 1993: 42). Namun, daripada konteks yang lebih mendalam, amanah difahami sebagai kepercayaan yang diletakkan oleh seseorang individu kepada pihak lain dalam memelihara atau

menjaga akan sesuatu perkara tidak kira sama ada ia bersifat nyata atau tidak nyata (Ibnu Manzur, 1990: jil 1, 142).

Sifat kebertanggungjawaban dan amanah dikatakan sebagai sesuatu beban yang tidak terpicul dan telah ditolak oleh makhluk-makhluk Allah SWT yang lain, namun manusia pula sanggup untuk memikulnya. Ia berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Ahzaab, ayat 72.

Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

(Surah al-Ahzab, 33: 72)

Masuliyah atau sifat tanggungjawab dan amanah sangat berkait rapat dengan keimanan seseorang. Seseorang yang beriman adalah orang yang bersifat amanah dan menerima segala kewajipan yang dipertanggungjawabkan kepadanya dengan jujur (Muzjaajiy, 1994).

Amanah yang dijunjung oleh manusia meliputi pertamanya amanah kepada Allah SWT. Ia termasuklah menunaikan segala kewajipan yang dituntut kepada-Nya, melaksanakan amal ibadah dengan ikhlas dan berterusan, dan menjaga keimanan supaya sentiasa subur. Konteks amanah yang kedua adalah amanah sesama manusia. Ia meliputi perkara-perkara seperti memberikan hak kepada orang yang berhak, menepati janji, bersikap adil dan saksama, bercakap benar, jujur dan melakukan ihsan kepada masyarakat sekeliling (Kamal Hasan, 2008).

Sifat amanah ini adalah antara sifat wajib yang ada pada Rasul selain *Siddiq* (benar), *Tabligh* (menyampaikan) dan *Fatonah* (bijaksana) (Abdul Karim Zaidan, 1996). Sifat amanah Nabi Muhammad SAW merupakan model nilai-nilai murni yang sempurna dan unggul yang harus diterapkan dan diteladani dalam kehidupan. Umpamanya, dalam urusan pekerjaan, Baginda SAW mengendalikan perniagaan dengan penuh amanah, tanpa mengamalkan penipuan serta bertanggungjawab semasa membantu perniagaan Saidatina Khadijah binti Khuwailid²⁹. Inilah bentuk panduan kejayaan unggul dalam kaedah bekerja. Ia bukan sahaja menunjukkan budi pekerti Rasulullah SAW yang mulia, malah telah berhasil memberikan keuntungan yang berlipat ganda kepada perniagaan Khadijah (al-Buti, 1998).

Jelasnya, sifat amanah Rasulullah SAW ini terserlah sebagai salah satu nilai-nilai murni dalam Islam yang menjadi tunjang kejayaan dan kesempurnaan seseorang ketika bekerja. Sebagai pekerja, seseorang itu perlu memenuhi dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh organisasi atau majikannya (Kamal Hassan, 1992).

Umumnya masa, tenaga, kepakaran dan idea merupakan antara elemen yang disumbangkan oleh pekerja kepada organisasi. Begitu pun, setiap sumbangan yang diberikan atau kerja yang dilaksanakan itu perlulah turut didasari oleh nilai-nilai keperibadian murni yang digariskan Islam termasuklah sifat amanah (Azman Che Omar, 2001). Dalam membicarakan tentang sifat amanah ketika bekerja, seseorang

²⁹ Saidatina Khadijah binti Khuwailid merupakan isteri pertama Baginda SAW,. Saidatina Khadijah melamar Baginda SAW atas keperibadiannya dan sifat amanah yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. (Ibn Hisham t.th.).

pekerja wajib memenuhi kedua-dua amanah iaitu kepada Allah SWT dan amanah sesama manusia. Ia jelas diisyaratkan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

(Surah al-Anfal, 8: 27)

Sebagai hamba Allah yang beriman, sekalipun kesibukan dalam bekerja, hak-hak kepada Allah perlu dilunaskan, apatah lagi jika ia membabitkan soal amal ibadah, keislaman dan keimanan. Islam telah memberikan *rukhsah* atau keringanan dalam hal-hal tertentu pada waktu-waktu tertentu bagi umatnya yang giat melaksanakan pekerjaan bagi memajukan diri (Baqari, 1988).

Umpamanya seseorang yang melaksanakan tugas melangkaui jarak dua *marhalah*, dibolehkan untuk menjamak atau mengqasarkan solat fardhunya (Romzi Omar, 2000). Namun, bagi segolongan manusia yang tidak mempunyai sifat amanah kepada Allah SWT, jika diberikan keringanan sebanyak manapun, pasti akan sekadar 'mengambil ringan' hal-hal ibadah terutamanya yang fardhu kerana terlalu fokus terhadap kerja-kerjanya.

Menurut Syed Othman al-Habsyi (1994), kebertanggungjawaban dan amanah dalam bekerja meliputi skop-skop sebagaimana berikut:

- i. Menyedari hakikat bahawa tugas adalah tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya;
- ii. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan;

- iii. Menghindarkan dengan rela hati kepentingan diri daripada mengatasi kepentingan tugas; dan
- iv. Menentukan tiada penyelewengan dalam tugas sama ada daripada segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja.

Terdapat banyak makluman di media cetak dan media massa berkenaan laporan kes-kes pecah amanah, penyalahgunaan wang organisasi, penindasan pekerja bawahan dan sebagainya yang dilakukan oleh sebilangan pekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan di dalam negara. Ini tidak termasuk perbuatan tidak amanah yang lain seperti curi tulang dengan tidur atau keluar minum sesuka hati dalam waktu kerja, mencuri masa dengan berborak kosong, melayari bahan-bahan tidak berkaitan dengan kerja melalui Internet, membuat kerja luar ketika sedang bekerja, dan sebagainya (Saodah Wok et. all, 2005).

Ini merupakan amalan-amalan buruk semasa bekerja yang boleh mencacatkan kesempurnaan dan keberkatan bekerja. Tidak adil jika menerima upah atau gaji, tetapi tidak melaksanakan kerja kita dengan beretika, amanah dan sebaik-baiknya. Hilang berkat wang gaji yang diperolehi itu untuk gunakan bagi menyara kehidupan isteri dan anak-anak. Sesungguhnya, pekerja yang amanah dan meletakkan syariat Islam sebagai pegangan semasa bekerja akan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT (Wan Liz Wan Omar, 1996). Sabda Nabi SAW bermaksud:

Daripada Aba Zar r.a. bahawasanya beliau mendatangi Rasulullah SAW daripada malam hingga pagi dan aku berkata: wahai Rasulullah perintahkan bagiku, maka jawab Rasulullah SAW: Sesungguhnya sesuatu amanah itu adalah helah dan penyesalan pada hari akhirat nanti kecuali sesiapa yang mengambilnya dengan haknya dan menunaikan kepada yang berhak padanya.

(HR Imam Ahmad, hadith Abi Dzar al-Ghafari: no. 22133)

Masuliyah yang menjadi sebatian dalam jiwa pekerja akan memandu ke arah pelaksanaan kerja bermutu. Melalui konsep ini Islam mengajar manusia supaya sentiasa berwaspada dan menilai dengan tepat segala amalan perbuatannya menurut ukuran penciptanya sendiri. Ini kerana kesuluran amalan perbuatannya di dunia akan menentukan sejauhmana dia telah menyempurnakan atau menyeleweng dari amanah yang dipertanggungjawabkan di atas bahunya (Abdullah Md. Zin, 2004).

Konsep pertanggungjawaban atau perhitungan amal ini merupakan aspek penting dalam budaya kerja berasaskan Islam yang akan memberikan kebertanggungjawaban dan komitmen terhadap tugas yang diberikan. Ini adalah selaras dengan kewujudan manusia yang tidak dijadikan sia-sia dan tidak dibiarkan begitu sahaja (Razali, 1988).

Tanggungjawab dan amanah juga adalah dikhususkan berpegang teguh dengan janji dan persetujuan. Amanah tidak hanya dikaitkan dengan harta ia juga dikaitkan dengan tanggungjawab dan kerja yang jalankan. Amanah merupakan satu prinsip yang bererti setia, jujur, tepati janji dalam melaksanakan kewajipan dan menjaga apa yang dipertanggungjawabkan kepada seseorang dengan sepatutnya samada berupa tugas, harta benda ataupun rahsia (Syed Rahman Syed Zain, 2009). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman jangan kamu mengkhianati kepada Allah dan Rasul dan juga jangan berkhianat kepada amanat-amanat yang dipercayakan kepada kamu sedangkan kamu mengetahui.

(Surah al-Anfal, 8: 27)

Konsep *masuliyah* ini amat menekankan kepada tanggungjawab para pemegang amanah dalam organisasi bekerja. Peningkatan rasa tanggungjawab terhadap

perlaksanaan kerja dengan cemerlang perlu diusahakan dengan berbagai cara pengurusan dan program untuk peningkatan mutu kerja (Muhammad Abdullah Darraz, 1982).

Para pekerja perlu memahami bahawa konsep *masuliyah* ini adalah meghubungkan dua rangkaian yang saling berhubungan iaitu *masuliyah* bagi Allah SWT dan *masuliyah* bagi makhluk. Rangkaian *masuliyah* yang kukuh dengan Allah itu akan memberikan komitmen yang padu untuk komitmen dengan makhluk yang lebih rendah statusnya daripada komitmen dengan Allah. Ia tidak boleh dijual beli dengan kepuasan dunia yang sebentar dan fana. Ia tidak boleh ditumpaskan oleh kehendak manusia seluruhnya (Nik Mustapha Nik Hassan, 1995).

Justeru itu, konsep *Masuliyah* ini merupakan satu tunjang yang cuba dipasakkan ke dalam hati setiap pekerja dan petugas Muslim dalam segala cabang kerja mereka. Islam memberikan pendidikan dan latihan pada umatnya supaya ia menjadi satu disiplin yang telah diterapkan dalam peribadi umatnya. Disiplin mempunyai rangkaian hubungan yang utuh dengan *masuliyah* (Hanafi Mohamed, 1996). Menurut Ibrahim Abu Sin, Islam memberikan penekanan kepada disiplin dalam melaksanakan tanggungjawab, tanpa disiplin tanggungjawab dan amanah yang diberikan akan dianggap sesuatu yang membebankan (Ibrahim Abu Sin, 1991).

Oleh itu Islam sentiasa melatih umatnya berdisiplin sepertimana kewajipan menunaikan rukun Islam, pematuhan kepada perintah Allah dan Rasul SAW membuktikan bahawa proses *masuliyah* dan *taklifiyah* yang diberikan oleh Allah kepada hambanya ini dapat dijadikan sebagai pembentukan peribadi dan melahirkan

serta mengukuhkan komitmen mereka dalam melaksanakan tugas yang diberikan kepada mereka dan hendaklah mereka sentiasa berdiri teguh dengan pendirian yang ditentukan disiplinnya oleh Islam (Mohamad Abu Bakar, 2005). Sepertimana Firman

Allah SWT yang bermaksud:

Allah SWT telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama yang Ia tetapkan hukum-Nya apa yang diperintahkan-Nya kepada Nabi Nuh. Dan apa yang Allah telah wahyukan bagimu (Muhammad). Dan juga yang diperintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Isa adalah sama. Iaitu tegakkanlah pendirian agama dan janganlah kamu berpecah belah dan berselisihan pada dasarnya.

(*Surah al-Syura*, 42: 13)

Disiplin yang kukuh akan menjadi nadi dan faktor utama kejayaan dan kecemerlangan para pekerja dan organisasi. Pembentukan jiwa mereka dengan disiplin yang telah diaturkan oleh Islam seperti bersatu padu, bekerjasama dan saling membantu merupakan pematuhan disiplin yang membawa kejayaan pada diri pekerja dan organisasi (Ab.Aziz Yusuf & Ahmad Bashir Aziz, 2008). Sepertimana yang dinyatakan oleh Allah di dalam al-Quran bermaksud:

Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berperang untuk membela agama-Nya dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.

(*Surah al-Saff*, 61: 4)

Islam bukan agama yang memisahkan antara pengabdian dengan Allah dengan perlakuan dengan manusia, malah Islam ialah agama yang menyeluruh dari segala sudut sama ada politik, ekonomi, sosial, pentadbiran dan semua sudut penghidupan manusia. Usaha bagi merialisasikan ketetapan ini adalah terletak pada kewajipan umat Islam (Mustaffa Kamil, 1994).

Melalui hasil perbincangan di atas telah didapati wujudnya perhubungan antara prinsip *Masuliyah* dengan prinsip-prinsip akhlak yang lain seperti yang dinyatakan di

dalam ayat-ayat al-Quran. Oleh itu, kajian mendapati prinsip *masuliyah* mempunyai hubungan yang rapat dengan nilai-nilai yang dinyatakan dalam ayat-ayat al-Quran. Hubungan ini menunjukkan bahawa *masuliyah* merupakan satu prinsip etika kerja yang terkandung di dalamnya nilai-nilai yang selaras seperti yang terdapat di dalam al-Quran.

Prinsip *masuliyah* ini mempunyai keselarasan nilai-nilai yang membawa manusia untuk melaksanakan kerja dengan cemerlang. Nilai-nilai ini juga membawa umat Islam meresapi prinsip *masuliyah* umpamanya hargai masa, tunai janji, tanggungjawab, amanah, hargai masa, tugas ikut kepakaran dan sebagainya. Justeru, perbincangan ini telah menghasilkan keseragaman hubungan antara prinsip *masuliyah* dengan nilai-nilai yang lain seperti yang dinyatakan di dalam ayat-ayat al-Quran. Hubungan antara *masuliyah* dengan nilai-nilai ini dinyatakan melalui jadual di bawah.

Jadual 2.14 di bawah ini menunjukkan hubungan antara prinsip *masuliyah* dengan nilai-nilai lain yang terdapat di dalam al-Quran. Bagi tiap-tiap nilai tersebut dinyatakan surah dan nombor ayat.

Jadual 2.14

Hubungan *Masuliyah* dengan Nilai Lain

Surah dan Ayat	Hubungan sengan <i>Masuliyah</i>
al-Isra 17: 34	Tunai Janji, Benar, Amanah
al-Isra 17: 36	Taat, Tugas Ikut Kepakaran (Petunjuk), Bertanggungjawab
al-Furqan 25: 16	Tepati Janji, Hargai Masa
al-Ahzab 33: 15	Tepati Janji, Betul, Benar, Jujur, Bertanggungjawab

Secara jelasnya, konsep *masuliyah* merupakan gabungan antara tanggungjawab dan amanah yang menjadi prinsip etika kerja yang dianjurkan oleh al-Quran dan sunah. Tanggungjawab dan amanah ialah dua perkara yang saling berhubungan kerana tanggungjawab ialah melaksanakan amanah yang diberikan (Syed Othman al-Habsyi, 1994). Prinsip *Masuliyah* memenuhi kehendak penghidupan dan tugas serta pelaksanaan yang dilakukan oleh umat Islam dalam segala bidang yang diceburi oleh mereka. Selain itu prinsip ini melahirkan komitmen yang padu dan kepuasan terhadap kerja dan tugas yang dilaksanakan oleh para pekerja.

2.2.8 *Itqan*

Itqan atau *atqan* bermaksud kukuh, kemas, teliti, cermat, terbaik (Ibn Manzur, 1990: 437). Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Allah suka apabila seseorang itu melakukan sesuatu dia akan melakukannya dengan penuh ketekunan.

(HR al-Baihaqi: no 4342)

Sepertimana firman Allah SWT di dalam al-Quran bermaksud:

Dan Engkau melihat gunung-ganang, engkau menyangkanya tetap membeku, padahal ia bergerak cepat seperti bergeraknya awan; (Demikianlah) perbuatan Allah yang telah membuat tiap-tiap sesuatu dengan serapi-rapi dan sebaik-baiknya; Sesungguhnya ia amat mendalam pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan.

(Surah al-Naml, 27: 88)

'*Itqan* di sini menunjukkan ketelitian dan cermat yang telah disebutkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran (al-Zuhayli, 1991). Ini merupakan satu-satunya ayat yang

menyebut tentang ‘*Itqan*’ di dalam al-Quran (Muhammad Fuad, 1991: 196). Di sini dinyatakan jadual 2.15 bilang ayat-ayat tentang *itqan* yang terdapat di dalam al-Quran.

Jadual 2.15

Taburan Jumlah bilangan ayat dan surah yang menyebut perkataan ‘Itqan’

Bil	Surah dalam al-Quran	Bil. Ayat tentang Itqan	Nombor Ayat
1	al-Naml	1	88

Itqan menurut istilah bahasa Melayu dikenali sebagai ketekunan, kecekapan dan kepakaran (*Kamus al-Miftah*, 2008: 60). Manakaladalam *Kamus Dewan*, ‘tekun’ diterjemahkan sebagai bersungguh-sungguh (Noresah Baharom, 2000: 1398). Islam sangat mengalakkan umatnya untuk bekerja dengan penuh tekun dan profesional (Saat Sulaiman, 2008). Konsep ‘*itqan*’ dalam bekerja dapat dilihat melalui kehidupan Rasulullah SAW sendiri dalam semua bidang sama ada urusan ibadat mahupun urusan-urusan lain. Ini dapat dibuktikan melalui pelaksanaan Nabi SAW dalam ibadatnya seperti yang diriwayatkan oleh A’isyah r.a. bahawa Nabi SAW beribadat pada waktu malam hingga bengkak kakinya (Baihaqi, 1999).

Begitu juga di dalam Perperangan Khandak, bahawa Rasulullah SAW membawa dan memungkah pasir dari kubu-kubu sehingga tertutup kulit perut Baginda, malah Nabi SAW sanggup mengikat perut Baginda dan diselit dengan batu untuk menahan lapar (al-Buthi, 1991). Walaupun Islam sangat menggalakkan umatnya bekerja dengan tekun, namun tidaklah sehingga menjadi penghalang dan lalai untuk melaksanakan ibadat-ibadat khusus yang wajib kepada Allah. Seperti mana yang disarankan oleh Allah bermaksud:

(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.

(Surah al-Nur, 24: 37)

Itqan akan terhasil melalui sikap seseorang pekerja itu dan ilmu pengetahuan yang ada padanya. Sifat '*itqan*' akan menjadi lebih baik dan berkesan jika dimiliki oleh para pekerja yang sentiasa berusaha meningkatkan ilmu, kemahiran, kecekapan dan sikap yang positif serta membina (al-Zuhayli, 1991). Ini telah dijelaskan oleh Allah SWT bagi menyeru kepada hamba-Nya supaya sentiasa berdoa kepada-Nya agar ditambahi ilmu pengetahuan. Firman Allah bermaksud:

Maka Maha Tinggilah Allah, yang menguasai seluruh alam, lagi yang benar (pada segala-galanya). dan janganlah Engkau (Wahai Muhammad) tergesa-gesa membaca Al-Quran sebelum selesai dibacakan oleh Jibril kepadamu, dan berdoalah dengan berkata: "Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku.

(Surah Taha, 20: 114)

Allah SWT telah menyeru kepada para pengurus, pentadbir, petugas dan pihak berwajib agar penyerahan sesuatu jawatan itu perlu melihat kepada keilmuan dan kecekapan seperti mana yang telah diperintahkan di dalam al-Quran yang bermaksud:

Yusuf berkata: jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir). Sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaiknya, lagi mengetahui cara menguruskannya.

(Surah Yusuf, 12 : 55)

Perintah yang sama juga Allah nyatakan kepada umat Islam dan pihak berwajib agar mempertimbangkan nasihat dan cadangan daripada golongan berilmu dan profesional dalam sesuatu bidang (al-Qardhawi, 1999). Ilmu dan profesional

seseorang pekerja ini menghasilkan kecekapan dalam melaksanakan tugasnya dan ia boleh memimpin dan memberi nasihat seperti mana yang telah dirakamkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran bermaksud:

Wahai ayahku: Sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu. Oleh itu, ikutlah daku. Aku akan memimpinmu ke jalan yang betul.

(*Surah Maryam, 19: 43*)

Sesungguhnya ilmu pengetahuan dan kecekapan merupakan dua perkara yang sangat berhubungan dengan *itqan*. Sifat *itqan* akan memberikan pertambahan ilmu dan pertambahan kecekapan pada diri pekerja (Ahmad, 2009).

Cekap merupakan satu manifestasi yang terhasil daripada *itqan* atau ketekunan. Ia menunjukkan satu tingkah laku yang memberikan kecepatan, kepantasan serta ketepatan seseorang pekerja itu melakukan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya. Kebolehan dan kemampuan ini membolehkan sesuatu kerja itu dilakukan dengan ketentuan masa yang dikehendaki tanpa merendahkan mutu kerja yang dihasilkan (Ahmad Tajudin, 2000).

Mutu kecekapan kerja dapat ditingkatkan sekiranya seseorang itu tekun melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan secara berterusan bagi satu tempoh masa yang panjang. Selain itu, pemilihan kerja yang seiring dengan minat dan potensi diri serta pemahaman tentang bidang tugas dan matlamat kerja juga dapat memberikan seseorang pekerja itu berkhidmat dengan cemerlang (Hamiza Ibrahim, 1994).

Di samping itu, Rasulullah SAW juga amat menekankan kepada umat Islam agar melakukan sesuatu tugas atau amalan itu dengan tekun dan istiqamah (Baihaqi,

1999). Sifat tekun dan istiqamah ini akan mendidik diri individu tersebut secara menumpu dan menjadikan dia sebagai tabiat atau pegangan dan amalan perlakuan dalam kehidupan. Melalui sikap yang begini akan memberikan pertambahan ilmu dan kecekapan (Nor Azah, 2002).

Walaupun tugas atau amalan tersebut dilakukan sedikit tetapi jikalau berterusan maka ia akan memberikan keputusan dan hasil yang baik seperti mana yang telah disabda oleh Rasulullah SAW di dalam sebuah al-Sunnah bermaksud:

Wahai manusia, bekerjalah kamu apa yang kamu mampu, sesungguhnya Allah tidak akan jemu hingga kamu yang jemu dan sesungguhnya pekerjaan yang paling disukai oleh Allah adalah sesuatu yang berterusan (istiqamah) walaupun sedikit.

(HR Bukhari, *bab julus al-hasir wa nahwihi*: no. 5861)

Sifat istiqamah ini merupakan satu sifat yang lahir daripada *Itqan* (Nor Azah, 2002). Untuk cemerlang dalam tugas dan kerja, para pekerja itu perlu istiqamah dalam segala kebaikan yang dilakukan. Istiqamah atau konsisten yang diterima oleh Allah SWT mempunyai asas-asasnya.

Menurut al-Saddiqi (1995), 'Istiqamah' yang benar mestilah berasaskan kepada dua perkara iaitu iman kepada Allah dan amalan mengikut apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW sama ada secara zahir dan batin. Antara perkara yang menjadi punca kegagalan dalam melahirkan para pekerja yang cemerlang adalah kegagalan pada melahirkan sikap dan sifat 'istiqamah'.

Perjalanan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah telah mengajar umat Islam melaksanakan semua bentuk pekerjaan secara berterusan dan konsisten kerana Allah

amat menyukai hamba-Nya yang gigih, rajin, tekun dan istiqamah dalam menjalani kehidupan yang disediakan oleh Allah bagi memberikan kemudahan pada hidup manusia (Saat Sulaiman, 2008).

Dalam al-Quran terdapat sepuluh (10) ayat yang menyebut perkataan istiqamah dalam pelbagai keadaan dan bentuk (Muhammad Fuad, 1991). Namun dalam konteks pelaksanaan kerjaya, istiqamah dalam kerja merujuk kepada melaksanakan sesuatu kerja secara berterusan secara roh dan amalan. Sesuatu kerja itu perlu dilakukan mengikut peraturan dan piawaian serta kaedah yang telah ditentukan oleh syarak (Ismail Ibrahim, 1993).

Menurut al-Qardhawi (1995), perkataan istiqamah menunjukkan beramal dalam mentaati Allah dan berpegang dengan sunah Rasulullah SAW serta tidak mensyirikkan-Nya dengan sesuatu dan terus menyerahkan ketaatan pada-Nya.

Seseorang mukmin yang istiqamah akan menahan keghairahannya daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang dan menggunakan kekuatan tenaga, perasaan, fikiran dan jiwanya untuk beramal soleh. Usaha yang baik ini pastinya akan memberikan kejayaan dalam kehidupan diri, keluarga dan masyarakat (Ibn Qayyim, 1999). Justeru itu, istiqamah dalam kerja akan dapat diwujudkan apabila pekerja tekun melaksanakan kerja dan menghayati ajaran Islam secara sebenar dan menghubungkannya dengan kerja seharian.

Gandingan antara *itqan* dan istiqamah ini bukan sekadar membuahkan hasil kerja yang memuaskan, malah akan memberikan kesungguhan dan komitmen terhadap kerja sehingga melahirkan kerja yang cemerlang (Nor Azah, 2002). Ketekunan

sahaja tidak akan membuahkan hasil yang terbaik dan tidak dapat mewujudkan kemahiran pada pekerja. Oleh itu, sesuatu kerja itu perlu dilakukan secara berterusan dan konsisten bagi satu jangka masa untuk membiasakannya dan memahirkannya dengan kerja yang diceburi (Faisal Othman, 1994).

Melalui perbincangan di atas telah didapati wujudnya perhubungan antara prinsip *Itqan* dengan nilai lain seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran. Hubungan ini menunjukkan bahawa *Itqan* merupakan satu prinsip etika kerja yang terkandung di dalamnya nilai-nilai yang selaras seperti yang terdapat di dalam al-Quran. Prinsip *Itqan* ini juga mempunyai nilai-nilai yang membawa manusia untuk melaksanakan kerja mengikut piawaiannya. Melalui nilai-nilai ini juga membawa pekerja Muslim meresapi prinsip *Itqan* umpamanya merancang, disiplin, cekap tetap dan sebagainya. Justeru, perbincangan ini telah menghasilkan keseragaman hubungan antara prinsip *Itqan* dengan nilai-nilai yang lain seperti yang dinyatakan di dalam ayat-ayat al-Quran. Hubungan antara *itqan* dengan nilai-nilai ini dinyatakan melalui jadual di bawah.

Jadual 2.16 di bawah ini menunjukkan hubungan antara prinsip *itqan* dengan nilai-nilai lain yang terdapat di dalam al-Quran. Bagi tiap-tiap nilai tersebut dinyatakan surah dan nombor ayat.

Jadual 2.16

Hubungan Itqan dengan Nilai Lain

Surah dan Ayat	Hubungan dengan <i>Itqan</i>
Al-Nahl 27: 88	Merancang, Tersusun (Disiplin), Cekap, Kukuh, Tetap (Istiqamah)

Oleh itu secara kesimpulannya, jelas bahawa sifat *itqan* atau tekun ini merupakan satu prinsip etika kerja Islam yang disarankan oleh Rasulullah SAW kepada umat Islam dalam apa jua bidang tugas yang diceburi oleh mereka. Sifat ini juga akan memberikan lebih kekuatan kepada umat Islam berdaya maju dengan komitmen dan menerima tugas dan tanggungjawab dengan perasaan minat serta merasai kepuasan apabila melaksanakan tugas tersebut.

2.4 Kesimpulan

Terdapat lapan (8) prinsip etika kerja Islam dalam al-Quran dan al-Sunnah secara umumnya. Prinsip tersebut iaitu *Taqwa*, *Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Ma'aruf* dan *Itqan*. Perkataan-perkataan ini saling menguatkan antara satu sama lain. Walaupun al-Quran dan al-Sunnah tidak menyebut secara jelas berkaitan etika kerja ini, namun ia dapat difahami dan digunakan untuk menggariskan satu panduan terhadap kerja. Prinsip-prinsip ini telah dihubungkan oleh al-Quran dan al-Sunnah dengan pelbagai sifat dan ciri-ciri yang memberikan kecemerlangan dalam kehidupan manusia sama ada secara umum atau khusus kepada sesuatu yang diceburi seperti pekerjaan dan sebagainya.

Prinsip-prinsip ini juga berhubung secara jelas melalui al-Quran dan al-Sunnah dengan elemen kecemerlangan dalam bekerjaya iaitu komitmen, ganjaran dan kepuasan kerja. Ini dapat mengukuhkan lagi bahawa perkataan yang disebutkan oleh al-Quran dan al-Sunnah ini merupakan panduan yang boleh dijadikan prinsip etika kerja Islam. Bab yang seterusnya pula akan membincangkan tentang prinsip-prinsip etika kerja Islam dalam karya-karya penulis di Malaysia.

BAB TIGA

ETIKA KERJA ISLAM DALAM KARYA PENULIS ETIKA KERJA ISLAM DI MALAYSIA

3.0 Pengenalan

Bab ketiga ini akan membincangkan tentang prinsip-prinsip etika kerja Islam dalam karya-karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip-prinsip ini akan dikeluarkan mengikut karya penulis dan akan dinyatakan jumlahnya beserta dalilnya. Sebelum itu, dalam bab ini juga akan membincangkan secara ringkas latarbelakang perkembangan etika kerja Islam di Malaysia.

3.1 Latar Belakang Penerapan Etika Kerja Islam di Malaysia

Negara Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan menjalani cara hidup yang berbeza antara satu sama lain. Dalam sebuah negara yang merdeka, pengamalan nilai-nilai yang dapat diterima oleh semua rakyat merupakan asas dalam membentuk identiti sebuah negara (Mohamad Sani Ibrahim & Mumtaz Begam Abd. Kadir 2005). Tanpa sesuatu identiti, sesebuah negara itu akan mula kehilangan kesetiaan dan maruah bangsa tidak dijunjung tinggi oleh rakyat (Hairunizam Wahid, 2002). Nilai yang diamalkan akan bertukar menjadi identiti sesebuah negara apabila ia diterap dan diamalkan dalam masyarakat. Masyarakat Malaysia menerapkan nilai Islam dalam membentuk sesebuah negara yang produktif dan bermoral tinggi. Melalui pembentukan ini, sektor pekerjaan menjadi tumpuan untuk pembangunan negara dan etika kerja Islam telah diberikan penekanan oleh pihak kerajaan.

Etika kerja Islam mula diterapkan dalam pentadbiran di Malaysia sekitar tahun 1987. Ia diamanatkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia yang ketiga iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad (INTAN, 1991). Ia bertujuan untuk menyuburkan nilai dan etika berteraskan Islam dalam semua aktiviti latihan dan amalan pengurusan. Nilai-nilai Islam yang hendak diterapkan ialah nilai-nilai yang mampu mendirikan sebuah kerajaan yang cekap dan berkemampuan mentadbir secara berkesan dari segala segi seperti dari aspek keselamatan, pembangunan dan keamanan supaya mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain (Mohd Ishak Ismail & Nur faizah Abu Bakar, 2005).

Dasar-dasar ini juga digubal untuk memupuk sikap positif dalam kalangan pekerja supaya setiap satu daripada mereka mampu menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti dan profesional secara berterusan. Terdapat dua jabatan penting yang diamanahkan untuk memperkenalkan idea dan menyusun agenda ke arah melaksanakan dasar nilai-nilai murni kerajaan dan mengamalkan etika kerja Islam iaitu Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Abdullah Abd Rahman, 1998).

Prinsip-prinsip etika kerja Islam ini diambil berdasarkan ayat-ayat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Contoh nilai amanah yang terdapat di dalam ayat al-Quran ialah seperti firman Allah SWT:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

(Surah al-Anfal, 8: 27)

Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia telah menerapkan etika kerja Islam berdasarkan nilai-nilai Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah untuk mewujudkan pekerja yang cemerlang dari pelbagai aspek supaya dapat menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang maju.

Para pekerja bertanggungjawab menjadi pelaksana terhadap kemajuan dan keharmonian dalam negara. Setiap keinginan itu akan berkesan sekiranya para pekerja melakukan tugas mereka itu dengan cekap dan berkesan. Malah sebaliknya jika para penjawat dan pekerja itu sendiri yang mengamalkan perkara yang dilarang dan jauhi ma'aruf iaitu perkara yang disuruh, maka pencapaian matlamat yang diinginkan itu adalah sangat sukar (INTAN, 1991).

Setiap negara telah melakukan pelbagai inisiatif iaitu dari segi penggubalan dasar-dasar, peraturan, program-program dan sebagainya bagi mencerminkan imej negara mereka yang bersih dari segi penerapan nilai-nilai murni dan etika kerja yang dituntut dalam Islam sejajar dengan pembangunan negara ke arah kemodenan (Mohd. Affandi, 1986). Oleh itu, para pekerja perlu menanamkan nilai-nilai murni yang diperlukan oleh setiap individu bagi mencapai matlamat negara ini. Secara tidak langsung mereka dapat memenuhi sebarang keperluan sekiranya berlaku perubahan persekitaran semasa dan cabaran-cabarannya.

Justeru, pelbagai dasar dan program telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi memperbaiki sistem pekerjaan dan pentadbiran di Malaysia. Pada tahun 1979, telah diperkenalkan Panduan Etika Perkhidmatan Cemerlang. Seterusnya, diperkenalkan pula kempen Bersih, Cekap, Amanah pada tahun 1982. Selain itu, pada tahun yang

sama diperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur. Pada tahun 1983 pula diperkenalkan pula kempen Kepimpinan Melalui Teladan. Seterusnya, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran Awam diperkenalkan pada tahun 1985. Pada tahun 1987 diperkenalkan Etika Kerja Islam. Manakala pada tahun 1992, telah diperkenalkan Buku Tonggak Dua Belas. Terdapat pelbagai lagi dasar yang diperkenalkan bagi menerapkan nilai-nilai murni etika kerja Islam dalam perkhidmatan awam ini (INTAN 1991).

Secara kesimpulannya, kita dapat melihat bahawa nilai-nilai dan etika kerja Islam yang diterapkan dalam negara banyak memberi kelebihan tetapi terdapat juga pelbagai masalah dalam usaha mencapainya. Oleh itu, Pelbagai usaha telah dilakukan bagi menerapkan nilai-nilai dan etika kerja Islam dalam kalangan individu pekerja. Antaranya ialah memperkenalkan pelbagai dasar serta peraturan yang perlu dilaksanakan. Secara tidak langsung, ianya dapat memupuk masyarakat kita di Malaysia ini dalam mencapai ke arah kemodenan negara kita di mata dunia mengikut acuan Islam.

3.2 Prinsip Etika Kerja Islam dalam Karya Penulis di Malaysia

Kajian ini telah meneliti sebanyak 30 buah karya menyatakan prinsip etika kerja Islam¹ yang ditulis oleh penulis di Malaysia. Hasil karya ini ditemui daripada tiga bentuk penulisan yang diterbitkan iaitu buku², jurnal³ dan prosiding kertas kerja⁴.

¹ Kajian ini hanya berpandukan kepada penulisan yang menyatakan prinsip-prinsip etika kerja Islam yang ditulis oleh sarjana di Malaysia.

² Telah dikenalpasti sebanyak 21 buah karya daripada buku yang ditemui membincangkan tentang prinsip etika kerja Islam. Penulis karya buku tersebut ialah, Bahagian Hal Ehwal Islam JPM, Abdul Aziz Mohamed, Osman Ayub, Yusof Ismail, Mustafa Hj Daud, Citra Karya, Lokman Abd Rahman, Mustafa Omar, Abdullah Muhammad Zin, Nik Mustapha Nik Hassan, Abd Aziz Yusof & Ahmad

3.2.1 Prinsip Etika Kerja Islam dan Bilangan Penulis

Bahagian ini akan menyatakan prinsip etika kerja Islam dan penulis yang menyatakan prinsip-prinsip tersebut. Ini bertujuan untuk menjelaskan secara lebih terperinci jumlah penulis yang menyebut tiap-tiap prinsip-prinsip etika kerja Islam dalam karya mereka. Di bawah ini dinyatakan jadual mengenai prinsip etika kerja Islam dan penulis bagi prinsip-prinsip tersebut.

Jadual 3.1 di bawah ini menunjukkan bahawa terdapat 35 prinsip etika kerja Islam yang telah dinyatakan oleh 30 orang penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Bagi tiap-tiap prinsip itu dinyatakan nama penulis-penulis yang menyatakan prinsip tersebut dalam karya etika kerja Islam mereka. Melalui Jadual 3.1 ini juga dapat diteliti tiap prinsip tersebut berserta jumlah penulis yang menyatakannya dalam karya etika kerja Islam mereka.

Bashir, Barjoyai Bardai, Aminuddin Ruskam, Mohd Janib Johari, Shukri Ahmad & Razali Mat Zin, Syed Othman al-Habsyi, Ismail Ibrahim, Mazlan Musa, Aidit Ghazali, Abd Rahim Ahmad & Shahrul Bariah Md Zain dan Kamal Hasan.

³ Daripada 30 buah karya ini terdapat sebanyak 7 buah jurnal yang ditemui membincangkan tentang prinsip etika kerja Islam. Antara penulis karya jurnal adalah, Mohd Nor Hj Nawawi, Zainal bin Yang, Razali Md Zain, Nor Azah Kamri, Syarifah Nor Hayati, Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad dan Wan Norhashimah Wan Husin.

⁴Sebanyak 2 karya daripada prosiding kertas kerja yang ditemui membincangkan tentang prinsip etika kerja Islam. Antara penulis kertas kerja iaitu, Mahmod Zuhdi Abd Majid dan Muhammad Uthman al-Muhammady.

Jadual 3.1

Etika Kerja Islam dan Penulis Karya

Prinsip	Penulis
1. Niat Beribadat kepada Allah	<ol style="list-style-type: none"> 1. BHEI 2. Abd. Aziz Mohamed 3. Yusuf Ismail 4. INTAN 5. Lokman Abd. Rahman 6. Abdullah Mohamad Zain 7. Zainal bin Yang 8. Ismail Ibrahim 9. Aminuddin Ruskam 10. Wan Norhashimah Wan Husin
2. <i>al-Birr</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. BHEI 2. Osman Ayob 3. Yusof Ismail 4. Mohd Nor Nawawi 5. INTAN 6. Lokman Abd. Rahman 7. Abdullah Mohd Zain 8. Shukri Ahmad & Razali Md. Zin 9. Mohd Janib Johari
3. Amanah dan Bertanggungjawab	<ol style="list-style-type: none"> 1. Abd. Aziz Mohamed 2. Mustafa Hj. Daud 3. Barjoyai Bardai 4. Mustaffa Omar 5. Razali Mat Zin 6. Nor Azah Kamri 7. Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Basyir 8. Abd. Rahim Ahmad dan Shahrul Bariah Md. Zain 9. Aidit Hj. Ghazali 10. Aminuddin Ruskam 11. Mohd Janib Johari 12. BHEI 13. INTAN 14. Lokman Abd. Rahman 15. Abdullah Mohamad Zain 16. Kamal Hassan 17. Muhammad Uthman al-Muhammady 18. Mohamed Sharif Mustaffa dan Roslee Ahmad 19. Mazlan Musa

4. Ikhlas	<ol style="list-style-type: none"> 1. BHEI 2. Mustafa Hj. Daud 3. INTAN 4. Barjoyai Bardai 5. Lokman Abd. Rahman 6. Mustaffa Omar 7. Abdullah Mohamad Zain 8. Zainal bin Yang 9. Mahmood Zuhdi 10. Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Basyir 11. Kamal Hassan 12. Wan Norhashimah Wan Husin
5. Tekun	<ol style="list-style-type: none"> 1. BHEI 2. Abd. Aziz Mohamed 3. Osman Ayob 4. Mustafa Hj. Daud 5. INTAN 6. Lokman Abd. Rahman 7. Mustaffa Omar 8. Abdullah Mohamad Zain 9. Nor Azah Kamri 10. Zainal bin Yang 11. Mahmood Zuhdi 12. Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Basyir 13. Ismail Ibrahim 14. Aidit Hj. Ghazali 15. Muhammad Uthman al-Muhammady 16. Syed Othman al-Habsyi 17. Mohamed Sharif Mustaffa dan Roslee Ahmad 18. Mazlan Musa 19. Mohd Janib Johari 20. Wan Norhashimah Wan Husin
6. Berdisiplin	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mustafa Hj. Daud 2. Mustaffa Omar 3. Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Basyir 4. Mohamed Sharif Mustaffa dan Roslee Ahmad 5. Mohd Janib Johari 6. Wan Norhashimah Wan Husin
7. Keadilan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Abdul Aziz Mohamed 2. Osman Ayub 3. Yusof Ismail 4. Mustafa Hj. Daud

	<ul style="list-style-type: none"> 5. Barjoyai Bardai 6. Mustaffa Omar 7. Zainal bin Yang 8. Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Basyir 9. Abd. Rahim Ahmad dan Shahrul Bariah Md. Zain 10. Aidit Hj. Ghazali 11. Muhammad Uthman al-Muhammady 12. Syed Othman al-Habsyi 13. Mazlan Musa 14. Mohd Janib Johari
8. Bersyukur	<ul style="list-style-type: none"> 1. Mohd Nor Nawawi 2. Mustafa Hj. Daud 3. Mustaffa Omar 4. Nor Azah Kamri 5. Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Basyir 6. Aidit Hj. Ghazali 7. Mazlan Musa
9. Merancang Kerja	<ul style="list-style-type: none"> 1. Syarifah Hayaati Syed Ismail
10. Menghargai Masa	<ul style="list-style-type: none"> 1. Osman Ayub 2. Mustafa Hj. Daud 3. Syarifah Hayaati 4. Mahmood Zuhdi
11. Ihsan	<ul style="list-style-type: none"> 1. Osman Ayub 2. Nor Azah Kamri 3. Zainal bin Yang 4. Syarifah Hayaati 5. Yusof Ismail 6. Mahmood Zuhdi 7. Aidit Hj. Ghazali 8. Muhammad Uthman al-Muhammady 9. Syed Othman al-Habsyi 10. Shukri Ahmad dan Razali Md. Zin
12. Kompetitif	<ul style="list-style-type: none"> 1. Syarifah Hayaati 2. Syed Othman al-Habsyi 3. Mohd Janib Johari
13. Bermusyawarah	<ul style="list-style-type: none"> 1. Osman ayub 2. Yusof Ismail

	<ol style="list-style-type: none"> 3. Mustaffa Omar 4. Syarifah Hayaati 5. Abd. Rahim Ahmad dan Shahrul Bariah Md. Zain 6. Muhammad Uthman al-Muhammady 7. Syed Othman al-Habsyi 8. Aminuddin Ruskam 9. Mohamed Sharif Mustaffa dan Roslee Ahmad 10. Mazlan Musa
14. Bekerjasama	<ol style="list-style-type: none"> 1. BHEI 2. Mustafa Hj. Daud 3. INTAN 4. Lokman 5. Mustaffa Omar 6. Aidit Hj. Ghazali 7. Aminuddin Ruskam 8. Wan Norhashimah Wan Husin 9. Nor Azah Kamri 10. Yusof Ismail 11. Syed Othman al-Habsyi
15. Seimbang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mustaffa Omar 2. Zainal bin Yang 3. Syed Othman al-Habsyi 4. Shukri Ahmad dan Razali Md Zin
16. Berilmu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mustaffa Omar 2. Aidit Hj Ghazali 3. Mohd Janib Johari
17. Bersih	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nik Mustapha 2. Mustaffa Omar 3. Aidit Hj. Ghazali 4. Mohd Janib Johari
18. Cekap	<ol style="list-style-type: none"> 1. BHEI 2. INTAN 3. Lokman Abd Rahman 4. Mustaffa Omar 5. Abdullah Mohamad Zain 6. Zainal bin Yang 7. Aidit Hj. Ghazali 8. Aminuddin Ruskam


19. Tawakkal	1. Mustaffa Omar
20. Takwa	1. Mohd Nor Nawawi 2. Razali Mat Zin 3. Ismail Ibrahim 4. Muhammad Uthman al-Muhammady 5. Shukri Ahmad dan Razali Md Zin
21. Inovasi (Islah)	1. Nor Azah Kamri
22. Muhasabah	1. Osman Ayub 2. Zainal bin Yang 3. Muhammad Uthman al-Muhammady
23. Taat Setia	1. Mustafa Hj. Daud
24. Kebenaran	1. Nik Mustapha 2. Barjoyai Bardai 3. Zainal bin Yang 4. Muhammad Uthman al-Muhammady 5. Syed Othman al-Habsyi 6. Mazlan Musa
25. Kesabaran	1. Barjoyai Bardai 2. Zainal bin Yang
26. Menepati Janji	1. Barjoyai Bardai 2. Zainal bin Yang
27. Tidak Terlalu Cinta Dunia	1. Osman Ayub 2. Zainal bin Yang 3. Ismail Ibrahim
28. Dermawan	1. Zainal bin Yang
29. Rendah Diri	1. Zainal bin Yang

30. Bertolak Ansur	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nik Mustapha 2. Zainal bin Yang 3. Mustafa Hj. Daud
31. Tugas Berdasar Kepakaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Osman Ayub 2. Mahmood Zuhdi 3. Aminuddin Ruskam
32. Mudahkan Urusan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Osman Ayub
33. Ma'ruf	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mustafa Hj. Daud 2. Shukri Ahmad dan Razali Md. Zin 3. Mohamed Sharif Mustaffa dan Roslee Ahmad 4. Mohd Janib Johari 5. Yusof Ismail
34. Berjimat Cermat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mustafa Hj. Daud
35. Amal Soleh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mohd Nor Nawawi 2. Aminuddin Ruskam 3. Shukri Ahmad dan Razali Md Zin 4. Ismail Ibrahim

3.2.2 Dimensi Prinsip-Prinsip Etika Kerja Islam

Setelah diteliti dan disusun melalui karya-karya ini, terdapat sebanyak 35 etika kerja Islam yang telah dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Bagi memberi kejelasan terhadap setiap etika kerja Islam yang dinyatakan oleh penulis-penulis etika kerja Islam di Malaysia ini, Nvivo 8 digunakan untuk menganalisis dan menyusun setiap satu daripada etika kerja Islam tersebut melalui penulis dan dalil sumber yang dinyatakan oleh penulis di dalam karya mereka masing-masing. Analisis dan susunan adalah seperti berikut:

3.2.2.1. Niat Beribadat kepada Allah



Rajah 3.1. Niat Beribadah kepada Allah

Rajah di atas menunjukkan nilai niat beribadat kepada Allah yang dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Terdapat penulis yang menyatakan sumber dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah dan terdapat juga penulis yang tidak menyatakan sumbernya

Seramai sepuluh (10) orang penulis telah menyatakan di dalam karya mereka bahawa prinsip etika kerja Islam ialah niat beribadat kepada Allah. Antara pernyataan mereka iaitu:

Perlu menyedari dan menghayati bahawa manusia adalah hamba Allah, maka sewajarnya setiap manusia mengabdikan dirinya kepada Allah, dengan mengikut segala suruhanNya dan menjauhi laranganNya. Bagi mentaati Allah dan Rasulullah SAW, maka setiap manusia hendaklah mempunyai kerja yang halal (INTAN, 1994, 10).

Kehidupan manusia di dunia ini ialah kehidupan bekerja dan beramal kerana Allah, setiap orang hendaklah menjalankan tugasnya dengan lengkap dan sempurna serta merasa bertanggungjawab. Ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain wajib dilakukan, di samping itu bekerja dan berkhidmat adalah ibadat umum yang juga dituntut oleh Islam (Abdullah Mohd Zain, 2004: 23).

Tidak ada tindakan yang boleh dilaksanakan tanpa niat yang jelas. Dalam terminologi ilmu pengurusan, niat adalah objektif. Setiap organisasi dan pekerja mempunyai objektif supaya arah tuju, sasaran dapat dikenalpasti (Zainal bin Yang, 2003: 54).

Penyataan ini menggambarkan bahawa para penulis menjuruskan antara etika kerja itu mesti berniat kerana Allah sebagai matlamat utama. Melalui pegangan ini sebahagian penulis menyebutkan prinsip di atas besertakan dalil al-Quran dan al-Sunnah. Antara penulis tersebut ialah Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM (1987), INTAN (1994) dan Lokman Abd. Rahman (1997). BHEI (1987), telah membawa dua dalil ayat al-Quran dan satu al-Sunnah iaitu dari al-Quran berdasarkan surah al-Baqarah, 2: 21, surah al-Nisa, 4: 59 dan satu al-Sunnah yang bermaksud:

Orang yang mencari penghidupan itu adalah kawan Tuhan.

(HR Bukhari: no 5671)

INTAN (1994) dan Lokman Abd. Rahman (1997) juga membawa dua dalil ayat al-Quran dan satu al-Sunnah iaitu surah al-Baqarah, 2: 21, surah al-Nisa, 4: 59 dan satu al-Sunnah yang serupa dengan al-Sunnah di atas. Sementara itu, terdapat penulis yang membawa prinsip etika kerja Islam dengan hanya berdalilkan al-Quran seperti Yusof Ismail (1991), beliau membawa enam dalil daripada ayat al-Quran iaitu surah al-Taubah, 9: 72, surah al-Rum, 30: 38, surah al-Nisa, 4: 59, surah Hasyar, 59: 7, surah al-Jathiyah, 45: 20 dan surah al-Fusilat, 41: 44. Begitu juga dengan Wan Norhashimah Wan Husin (2012) yang membawa satu dalil daripada al-Quran iaitu surah al-Baqarah, 2: 177.


Selain itu Abdul Aziz Mohamed (1991) dan Aminuddin Ruskam (1999), telah membawa dalil daripada sebuah al-Sunnah yang bermaksud:

Sesungguhnya segala amalan itu beserta dengan niat.

(HR Bukhari : no 1)

Prinsip ini telah disandarkan dengan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip ini berdalilkan sebanyak lapan (8) ayat al-Quran dan dua (2) buah al-Sunnah.

3.2.2.2. Kebaikan



Rajah 3.2. Kebaikan

Rajah di atas menunjukkan prinsip niat kebaikan yang dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Terdapat daripada kalangan penulis yang menyatakan sumber dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah dan terdapat juga penulis yang tidak menyatakan sumbernya.

Melalui prinsip ini terdapat seramai sembilan (9) orang penulis yang membawa prinsip ini sebagai prinsip etika kerja Islam dalam karya mereka. Sebanyak lapan (8) penulis karya telah mendatangkan dalil dan satu (1) penulisan tidak mendatangkan sumber dalil. Prinsip kebaikan ini telah dihuraikan oleh para penulis bagi penggunaannya dalam etika kerja Islam. Terdapat juga penulis menggunakan istilah *al-Birr* bagi menunjukkan prinsip kebaikan yang menyeluruh umpamanya Mohd Nor (1991):

Al-Birr ialah satu kalimat yang menunjukkan sifat moral yang diketengahkan oleh al-Quran. Walaupun kalimah *birr* hampir serupa konsepnya dengan salih tetapi *birr* itu lebih kompleks maksudnya.

(Mohd Nor, 1991: 239)

Kalimat *al-Birr* ini juga sangat luas maksudnya yang dibawa oleh beberapa penulis. Ia bukan hanya kebaikan pada diri individu pekerja tetapi meliputi kebaikan dan kesejahteraan sejagat. Namun, terdapat juga penulis yang menggunakan perkataan kebaikan sejagat bagi menunjukkan maksud *al-Birr*. Seperti mana yang disebutkan:

Islam adalah agama untuk manusia sejagat. Dengan itu ajaran Islam (berpunca daripada al-Quran dan al-Sunnah) dan segala kebaikan (*al-birr*) daripadanya juga adalah untuk manusia seluruhnya. Maka etika kerja *al-Birr* ini adalah wajar kerana maju mundurnya pembangunan negara Malaysia ini akan memberi kesan jua kepada negara lain di dunia.

(BHEI, 1987: 11)

Para penulis juga telah mendatangkan dalil terhadap prinsip ini. Terdapat satu (1) penulis yang menyatakan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah iaitu Lokman Abd Rahman (1997), beliau berdalilkan kepada dua surah iaitu surah al-Baqarah, 2: 256 dan surah al-Maidah, 5: 8 dan membawa satu dalil al-Sunnah iaitu:


Sesungguhnya Allah menyukai orang yang tiada menyukarkan pekerjaan dan jernih mukanya menghadapi manusia.

(HR Baihaqi: no. 16480)

Sementara itu, seramai tujuh (7) penulis lagi hanya menyatakan dalil bersumberkan al-Quran iaitu, BHEI, JPM (1987), berdalilkan kepada dua surah iaitu surah al-Baqarah, 2: 256 dan surah al-Maidah, 5: 8. Osman Ayub (1990), berdalil surah al-Nisa, 4: 86. Manakala Yusof Ismail (1991) membawa tiga dalil ayat al-Quran iaitu surah al-Baqarah, 2: 148, surah al-Qasas, 28: 77 dan surah al-Mujadalah, 58: 9. Mohd Nor Nawawi (1991) pula berdalilkan kepada surah al-Baqarah, 2: 177. Sementara itu, INTAN (1994) berdalilkan kepada dua surah iaitu surah al-Baqarah, 2: 256 dan surah al-Maidah, 5: 8. Shukri Ahmad dan Razali Md. Zin (2001) menyatakan dalil surah al-Baqarah, 2: 177. Abdullah Mohamad Zain (2004) telah berdalilkan dengan satu ayat daripada surah al-Maidah, 5: 8. Prinsip *al-birr* ini telah berdalilkan sebanyak tujuh (7) ayat al-Quran dan satu (1) al-Sunnah.

Melalui kenyataan ini dapat dinyatakan bahawa prinsip kebaikan ini adalah prinsip yang banyak disebut oleh para penulis etika kerja Islam di Malaysia dan dikukuh dengan sumber dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

3.2.2.3. Bertanggungjawab dan Amanah



Rajah 3.3. Bertanggungjawab dan Amanah

Rajah di atas menunjukkan prinsip Bertanggungjawab dan Amanah yang dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Terdapat daripada kalangan penulis yang menyatakan sumber dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah dan terdapat juga penulis yang tidak menyatakan sumbernya.

Terdapat seramai sembilan belas (19) orang penulis telah menyatakan dalam karya mereka prinsip tanggungjawab dan Amanah. Namun daripada sembilan belas (19) penulis tersebut hanya enam belas (16) orang yang nyatakan dalil bagi prinsip tersebut sementara tiga (3) orang lagi tidak menyatakan dalil. Penekanan yang diberikan oleh para penulis terhadap prinsip Tanggungjawab dan Amanah ini bukan hanya meliputi pada pekerjaan sahaja, tetapi ia bermula dengan tanggungjawab dan amanah kepada Allah. Kamal Hassan (2008) dan Abdullah Mohamad Zain (2004) menyatakan bahawa:

Amanah mempunyai makna yang luas. Ruang lingkungannya mencakupi semua gerak geri seseorang dalam menjalankan semua jenis tanggungjawab sebagai hamba Allah s.w.t. Disebalik kelakuan beramanah seseorang itu ialah sikap tanggungjawab kepada pihak yang berkuasa di atasnya. Justeru, amanah dan bertanggungjawab akan bergerak seiringan.

(Kamal Hassan, 2008: 43)

Sifat amanah juga amat penting, ianya hendaklah disertai dengan ikhlas. Daripada sifat amanah dan ikhlas boleh menghasilkan sifat bertanggungjawab, ihsan dan sifat-sifat murni yang lain. Amanah dan ikhlas juga dapat mengelakkan manusia daripada mengkhianati orang lain.

(Abdullah Mohamad Zain, 2004: 24)

Terdapat enam (6) penulis berdalilkan al-Quran dan al-Sunnah iaitu BHEI, JPM (1987), menyatakan tiga (3) dalil daripada al-Quran dan dua (2) dalil daripada al-

Sunnah iaitu surah Saba, 34: 15, surah al-Nisa, 4: 58 dan surah al-Maidah, 5: 1.

Manakala dua buah al-Sunnah iaitu:

Sebaik-baik manusia ialah orang yang paling banyak bermanfaat bagi sesama manusia.

(HR al-Quda: no 7622)

Sesiapa menipu bukanlah ia dari golongan kami.

(HR Muslim: no. 1363)

Seterusnya, Abd Rahim Ahmad dan Shahrul Bariah Md. Zain (1990) menyatakan sumber daripada surah al-Maidah, 5: 1 dan sebuah al-Sunnah bermaksud:

Kamu semua adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas pimpinannya.

(HR Bukhari: no. 2409; Muslim: no 4824)

Seterusnya, INTAN (1994) dan Lokman Abd. Rahman (1997) pula telah menyatakan dalil yang sama iaitu tiga (3) dalil daripada al-Quran dan dua (2) dalil daripada al-Sunnah iaitu surah Saba, 34: 15, surah al-Nisa, 4: 58 dan surah al-Maidah, 5: 1 serta dua buah al-Sunnah yang bermaksud:

Sebaik-baik manusia ialah orang yang paling banyak bermanfaat bagi sesama manusia.

(HR al-Quda: no 7622)

Sesiapa menipu bukanlah ia dari golongan kami.

(HR Muslim: no. 1363)

Mustafa Omar (1998) membawa dua (2) dalil dari ayat al-Quran iaitu surah al-Ahzab, 33: 72 dan surah al-Nisa, 4: 58 dan juga satu (1) al-Sunnah yang bermaksud:

Kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua bertanggungjawab atas orang yang kamu pimpin.

(HR Bukhari: no. 2409)

Sementara itu, Kamal Hassan (2008), telah membawa tiga (3) dalil al-Quran dan empat (4) dalil al-Sunnah iaitu surah al-Anfal, 8: 27, surah al-Isra, 17: 34, surah al-Nahl, 16: 94. Empat (4) dalil al-Sunnah pula iaitu yang bermaksud:

Kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua bertanggungjawab atas orang yang kamu pimpin.

(HR Bukhari: no 2409)

Tidak beriman seorang itu yang tidak memiliki sifat amanah dan tidak beragama seseorang itu yang tidak menepati janji.

(HR Ahmad, *musnad Anas bin Malik*: no 12718)

Bahawa untuk badan mu ada hak yang wajib kamu berikan padanya.

(HR Dar al-Qatni: no 7057)

Tiga perkara yang jika terdapat salah satu daripadanya bererti terdapat tanda munafik sekalipun ia berpuasa, sembahyang dan menunaikan haji, umrah dan mengakui dirinya Islam iaitu apabila bercakap ia berdusta, apabila berjanji ia memungkirinya dan apabila diamanahkan ia mengkhianatinya.

(HR Abu al-Syaikh: no 14)

Selain itu, terdapat penulis yang hanya berdalilkan al-Quran dalam karya mereka seperti Abdul Aziz Mohamed (1991), yang membawa surah al-Qamar, 54: 52 dan surah al-Zalzalah, 99: 7-8. Uthman al-Muhammady (1994) pula menyatakan dalil surah al-Ahzab, 33: 72. Sementara itu, Razali Mat Zain (1999), Nor Azah Kamri (2002) dan Abdullah Mohamad Zain (2004) masing-masing mendatangkan satu dalil surah al-Zalzalah, 99: 7-8 dalam karya mereka. Aminuddin Ruskam (1999) dan Mohamed Sharif Mustaffa dan Roslee Ahmad (2002) pula menyatakan surah al-

Nisa, 4: 58 dalam karya mereka. Sementara, Abd Aziz Yusof dan Ahmad Basyir (2008) menyatakan satu dalil daripada al-Quran iaitu surah al-Ahzab, 33: 72.

Terdapat dua (2) penulis yang hanya berdalilkan kepada al-Sunnah bagi prinsip bertanggungjawab dan amanah ini iaitu, Barjoyai Bardai (2002), membawa satu dalil al-Sunnah iaitu yang bermaksud:

Sesiapa yang kami lantik untuk sesuatu tugas dan kami berikannya rezeki tertentu, maka apa yang diambilnya lebih daripada itu adalah pengkhianatan.

(HR Abu Daud: no 4973)

Sementara, Mazlan Musa (2007) pula menyatakan dalil sebuah al-Sunnah bermaksud:


Tiada iman orang yang tiada amanah.

(HR Ahmad: no 12718)

Mohd Janib Johari (2011), Aidit Hj Ghazali (1993) dan Mustafa Hj. Daud (1994), mereka tidak menyatakan sebarang sumber dalil bagi prinsip ini. Namun begitu, prinsip ini telah berdalilkan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip ini berdalilkan kepada sembilan (9) ayat al-Quran dan tujuh (7) buah al-Sunnah.

Melalui penelitian ini menunjukkan bahawa ramai penulis etika kerja Islam di Malaysia menyatakan prinsip tanggungjawab dan amanah dalam karya mereka. Prinsip ini juga dinyatakan bersumberkan dalil daripada al-Quran dan al-Al-Sunnah.

3.2.2.4. Ikhlas



3.4. Ikhlas

Rajah di atas menunjukkan prinsip ikhlas yang dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Terdapat daripada kalangan penulis yang menyatakan sumber dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah dan terdapat juga penulis yang tidak menyatakan sumbernya.

Ikhlas memainkan peranan yang penting dalam konsep kerja. Oleh itu, ikhlas telah disenaraikan sebagai salah satu prinsip dalam etika kerja Islam oleh penulis di Malaysia. Sepertimana yang dinyatakan oleh Mustafa Omar (1998: 10):

Ikhlas merupakan suatu nilai yang melambangkan kesucian dan kebersihan hati seseorang. Nilai seperti ini sangat penting bagi seseorang dalam menjalankan amanah, tanggungjawab dan sebagainya kerana boleh mewujudkan ciri-ciri yang mulia dalam sesebuah masyarakat. Sebaliknya sikap tidak ikhlas boleh melahirkan pelbagai keburukan dalam hubungan antara anggota sesebuah masyarakat. Apabila mengenyepikan sifat ikhlas akan menjerumuskan kepada sifat riak dan akhirnya menjadikan pekerjaan yang dilakukan itu tidak bernilai di sisi Allah.

Dua belas (12) penulis telah menyatakan ikhlas merupakan prinsip etika kerja Islam. Namun, daripada dua belas (12) penulis tersebut hanya sepuluh (10) yang membawa dalil bagi prinsip ikhlas tersebut sementara dua (2) lagi tidak menyatakan dalil.

Terdapat penulis yang bersandar kepada dua sumber dalil iaitu al-Quran dan al-Sunnah seperti BHEI, JPM (1987), INTAN (1994) dan Lokman Abd. Rahman (1997) masing-masing menyatakan tiga (3) dalil daripada al-Quran dan dua (2) dalil daripada al-Sunnah yang sama iaitu surah Saba, 34: 15, surah al-Nisa, 4: 58 dan surah al-Maidah, 5: 1 serta dua buah al-Sunnah iaitu:

Sebaik-baik manusia ialah orang yang paling banyak bermanfaat bagi sesama manusia.

(HR al-Quda: no 5949)

Sesiapa menipu bukanlah ia dari golongan kami.

(HR Muslim: no 1363)

Bagi Mahmood Zuhdi (2005) pula, beliau menyatakan satu (1) dalil daripada al-Quran iaitu surah al-Bayyinah, 98: 5 dan dua (2) dalil daripada al-Sunnah yang bermaksud:

Sesungguhnya segala perbuatan itu (dinilai) berasaskan kepada niat, dan setiap orang akan memperolehi apa yang dia niatkan. Maka sesiapa yang hijrah nya kepada Allah dan Rasul nya maka hijrah nya itu kepada Allah dan Rasulnya. Dan sesiapa yang hijrahnya bertujuan untuk mendapat keuntungan dunia atau untuk mengahwini mana-mana perempuan maka hijrahnya itu untuk apa yang dia berhijrah kepada nya.

(HR Bukhari: no 1; Muslim: no 1)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Peniaga yang bersikap benar dan amanah itu (dibangkitkan pada hari kiamat) bersama para nabi, siddiqin dan para syuhada.

(HR al-Tirmidhi: no 1252; Ibn Majah : no 2222)

Kamal Hassan (2008), pula telah membawa satu (1) dalil dari al-Quran dan dua (2) dalil dari al-Sunnah iaitu surah al-Bayyinah, 98: 5, manakala dua (2) dalil al-Sunnah iaitu pertama seperti sabda Rasulullah SAW bermaksud:

Sesungguhnya segala amal perbuatan itu hanya tergantung pada niatnya. Dan sesungguhnya hasil yang akan diraih seseorang juga sangat tergantung pada sesuatu yang ia niati. Sesiapa hijrahnya diniati untuk Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya akan memperolehi keredhaan Allah dan Rasul-Nya. Namun sesiapa hijrahnya diniati untuk kepentingan dunia yang hendak diperolehi atau kerana seorang wanita yang hendak dinikahi, maka hijrahnya pun akan memperolehi apa yang ia niat.

(HR Bukhari: no 1; Muslim: no 1)

Al-Sunnah kedua, sabda Rasulullah SAW bermaksud:

Sesiapa mendirikan sebuah bangunan tidak secara zalim ia tidak menzalimi orang lain atau siapa saja yang menanam tumbuhan tidak secara zalim dan tidak menzalimi orang lain, maka ia akan mendapat pahala yang mengalir selama ada makhluk Allah yang memanfaatkannya.

(HR Ahmad: no 27802)

Sebanyak tiga (3) penulis hanya bersandarkan dalil al-Quran iaitu Mustafa Omar (1998), membawa satu (1) dalil daripada surah al-Zumar, 39: 11. Abdullah Mohamad Zain (2004), membawa satu dalil iaitu surah al-Zalzalah, 99: 7-8. Sementara itu, Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Basyir (2008) telah menyatakan satu dalil daripada al-Quran sebagai dalil prinsip ikhlas iaitu surah al-Zumar, 39: 11.

Bagi yang membawa al-Sunnah sahaja adalah sebanyak dua (2) penulis iaitu, Barjoyai Bardai (2002) dan Wan Norhashimah Wan Husin (2012). Barjoyai Bardai (2012) membawa dua (2) al-Sunnah iaitu yang bermaksud:

Ikhlaslah, cukup bagi mu amalan sedikit.

(tanpa riwayat)

Al-Sunnah kedua bermaksud:

Besar sekali khianat seseorang yang mengatakan sesuatu kepada temannya yang mempercayainya sedang ia berdusta kepada teman itu.

(HR Bukhari: no 2941)


Bagi Wan Norhashimah Wan Husin (2012) pula telah menyatakan sebuah al-Sunnah iaitu:

Orang yang terbaik adalah orang yang memberi manfaat kepada sesama manusia.

(HR al-Quda: no 7622)

Selain itu, Mustafa Hj. Daud (1994) dan Zainal bin Yang (2003), tidak menyatakan sebarang dalil dalam karya mereka untuk prinsip ikhlas. Prinsip ini dikuatkan dengan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip ini beralih kepada enam (6) ayat al-Quran dan lapan (8) buah al-Sunnah.

3.2.2.5. Tekun



Rajah 3.5. Tekun

Rajah di atas menunjukkan prinsip tekun yang telah dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam dalam karya mereka. Terdapat penulis yang menyatakan prinsip tekun ini dengan bersumberkan dalil al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat juga penulis yang tidak menyatakan sebarang sumber dalil.

Prinsip tekun atau *itqan* telah dikeluarkan oleh kebanyakan penulis sebagai prinsip etika kerja Islam di dalam karya mereka. Terdapat penulis yang menggunakan perkataan tekun dan ada yang menggunakan perkataan *Itqan*. Namun, kedua perkataan itu membawa maksud yang sama. Menurut Mohamad Sharif dan Roslee Ahmad (2002):

Pekerja yang cemerlang mempunyai daya kretiviti dan ketekunan yang tinggi selain memiliki daya inovasi dan produktiviti yang akan menguntungkan diri sendiri dan organisasi.

Kajian mendapati bahawa seramai dua puluh (20) penulis menyatakan prinsip tersebut. Terdapat penulis yang berdalilkan al-Quran dan Al-Sunnah. Namun terdapat juga penulis hanya bersumberkan dalil al-Quran sahaja ataupun berdalilkan al-Sunnah sahaja. Tidak kurang juga yang tidak membawa sebarang sumber dalil al-Quran dan al-Sunnah. Seramai empat belas (14) yang membawa dalil bagi prinsip tekun sebagai salah satu prinsip dalam etika kerja Islam. Sementara, itu enam (6) lagi tidak menyatakan sebarang dalil.

Bagi penulis yang bersumberkan dalil al-Quran dan al-Sunnah iaitu Nor Azah Kamri (2002), beliau membawa satu (1) dalil daripada al-Quran dan satu (1) dalil daripada al-Sunnah yang tidak dinyatakan riwayatnya. Dalil al-Quran iaitu surah al-Naml, 27: 27-28 manakala dalil al-Sunnah iaitu sabda Rasulullah SAW bermaksud:

Daripada Aishah r.a. katanya: Apakah yang lebih baik amalan? Sabda Nabi SAW, sedikit tapi berkekalan.

(tanpa riwayat)

Sementara itu, Mustafa Omar (1998), hanya membawa satu (1) dalil dari ayat al-Quran sahaja iaitu surah al-Nahl, 16: 97. Selain itu, kebanyakan daripada penulis menyatakan dalil daripada al-Sunnah seperti BHEI, JPM (1987), menyatakan dua (2) dalil al-Sunnah iaitu sabda Rasulullah SAW bermaksud;

Sesungguhnya Allah suka jika seseorang itu bekerja, maka ia bekerja dengan tekun.

(HR Baihaqi: no 4342)

Al-Sunnah kedua, sabda Rasulullah SAW bermaksud:

Apabila sesuatu urusan pekerjaan diberikan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah kehancuran.

(tanpa riwayat)

Begitu juga dengan INTAN (1994) dan Lokman Abd. Rahman (1997), turut menyatakan dalil daripada dua (2) al-Sunnah yang serupa dengan dalil yang dinyatakan oleh BHEI (1987) seperti di atas.

Terdapat juga penulis yang hanya membawa satu (1) dalil al-Sunnah yang sama seperti Osman Ayub (1990), Abdul Aziz Mohamed (1991), Ismail Ibrahim (1991), Muhammad Uthman al-Muhammady (1994), Syed Othman al-Habsyi (1994), Mohamed Sharif Mustafa dan Roslee Ahmad (2002), Abdullah Mohamad Zain (2004) dan Mazlan Musa (2007). Mereka berdalilkan satu al-Sunnah yang sama iaitu sabda Rasulullah SAW bermaksud:

Sesungguhnya Allah suka jika seseorang itu bekerja, maka ia bekerja dengan tekun.

(HR Baihaqi: no 4342)

Sementara itu, Mahmood Zuhdi (2005), pula telah membawa dua (2) dalil al-Sunnah yang berbeza dengan penulis-penulis lain iaitu sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan tentang kepimpinannya.

(HR Bukhari: no 2409)

Hadith kedua, sabda Nabi SAW bermaksud:


Demi Allah, kalau mereka meletakkan matahari di kanan ku dan bulan di kiri ku agar aku meninggalkan urusan ini, tidaklah aku akan meninggalkannya sehingga Allah memberi kemenangan bagi agama itu atau akan hancur di dalamnya.

(tanpa riwayat)

Selain itu, Aidit Hj. Ghazali (1993), Mustafa Hj. Daud (1994), Zainal bin Yang (2003), Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Basyir (2008), Mohd Janib Johari (2011) dan Wan Norhashimah Wan Husin (2012), mereka tidak membawa sebarang dalil al-Quran ataupun al-Sunnah sebagai sumber dalil terhadap prinsip tekun ini. Namun, Prinsip tekun ini telah disandarkan dengan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah oleh beberapa penulis. Prinsip ini berdalilkan kepada dua (2) ayat al-Quran dan empat (4) al-Sunnah.

Hasil penelitian mendapati prinsip tekun ini telah dinyatakan oleh ramai daripada kalangan penulis karya etika kerja Islam yang dikaji. Para penulis ini juga telah bersandarkan kepada dalil al-Quran dan al-Al-Sunnah. Ini menunjukkan prinsip ini adalah prinsip yang terbit daripada al-quran dan al-Al-Sunnah.

3.2.2.6. Berdisplin



Rajah 3.6. Berdisiplin

Rajah di atas menunjukkan prinsip berdisiplin yang telah dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam dalam karya mereka. Para penulis yang menyatakan prinsip disiplin ini hanya dengan bersumberkan dalil al-Quran sahaja. Terdapat juga penulis yang tidak menyatakan sebarang sumber dalil.


Berdisiplin merupakan antara prinsip etika kerja Islam yang disebut di dalam karya penulis di Malaysia. Prinsip ini telah ditemui dalam enam (6) karya sahaja daripada tiga puluh (30) karya penulisan yang dinilai. Enam (6) penulis yang mengenengahkan prinsip ini ialah Mustafa Hj. Daud (1994), Mustafa Omar (1998), Mohamed Sharif Mustafa dan Roslee Ahmad (2002), Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Basyir (2008), Mohd Janib Johari (2011) dan Wan Norhashimah Wan Husin (2012). Disiplin yang ditekankan oleh para penulis tersebut seperti mana yang dinyatakan oleh Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Bashir Aziz (2008: 393) iaitu:

Disiplin adalah kepatuhan kepada peraturan terhadap sesuatu kerja yang dilakukan. Disiplin akan menjamin sesuatu yang positif dan memuaskan semua pihak.

Namun begitu, jika diteliti tentang dalil pula hanya dua (2) sahaja yang membawa dalil daripada al-Quran sementara empat (4) penulis lagi tidak membawa sebarang dalil sama ada al-Quran atau al-Sunnah. Mustafa Omar (1998), telah berdalilkan ayat daripada surah al-Maidah, 5: 48. Manakala, Wan Norhashimah Wan Husin (2012) berdalilkan surah al-Maidah, 5: 8. Prinsip ini disandarkan dengan dalil daripada al-Quran sahaja. Prinsip ini hanya berdalilkan kepada dua (2) ayat al-Quran sahaja. Prinsip ini didapati kurang dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam di

Malaysia. Namun prinsip disiplin ini telah dinyatakan sumbernya melalui dalil al-Quran dan al-Sunnah.

3.2.2.7. Keadilan



Rajah 3.7. Keadilan

Rajah di atas menunjukkan prinsip keadilan yang telah dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam dalam karya mereka. Terdapat penulis yang menyatakan prinsip keadilan ini dengan bersumberkan dalil al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat juga penulis yang tidak menyatakan sebarang sumber dalil.

Sebanyak empat belas (14) karya penulisan yang dikaji telah menyatakan bahawa prinsip etika kerja Islam ialah keadilan. Maksud keadilan itu seperti yang dinyatakan oleh Barjoyai Bardai (2002) iaitu:

Adil bermakna meletakkan sesuatu pada tempatnya berdasarkan kepada ketentuan akidah, syariah dan akhlak serta bersumberkan pada al-Quran dan al-Sunnah. Adil meliputi keadilan kepada orang lain dan diri sendiri.

(Barjoyai Bardai, 2002: 19)

Sementara itu, Zainal bin Yang menyatakan:

Keadilan adalah sesuatu yang mutlak dan tidak ada relatif. Oleh kerana keadilan merupakan salah satu daripada tiga prinsip pokok yang menjadikan world view Islam, maka ianya perlu ditunjukkan pada semua masa. Adil didefinisikan sebagai satu nilai dan keutamaan kepada semua ahli masyarakat. Oleh sebab itu, ia merupakan satu nilai universal yang diterima oleh setiap masyarakat.

(Zainal bin Yang, 2003: 55)

Prinsip ini telah dikukuhkan oleh para penulis dengan berdalilkan kepada sumber al-Quran atau al-Sunnah. Namun, terdapat juga penulis yang tidak menyatakan dalil dalam karya mereka. Sebanyak lapan (8) penulis sahaja yang membawa dalil antaranya, Mustafa Omar (1998), beliau membawa dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Dalil dari surah al-Nisa 4: 58 dan surah al-Nahl 16: 90. Manakala al-Sunnah iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Sekiranya aku dapati Fatimah binti Rasulullah mencuri, nescaya akan ku potong tangannya.

(tanpa riwayat)

Barjoyai Bardai (2002), pula telah membawa satu dalil daripada al-Quran iaitu surah al-Nisa, 4: 135 dan satu dalil daripada al-Sunnah tanpa riwayat iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Kaum Bani Israel telah menemui kehancuran disebabkan mereka mengadakan undang-undang (hukuman) ke atas orang miskin dan memaafkan orang kaya.

(tanpa riwayat)

Terdapat penulis yang hanya bersumberkan dalil ayat al-Quran sahaja seperti Osman Ayub (1990), beliau telah berdalilkan surah al-Nahl, 16: 90. Abd. Rahim Ahmad dan Shahrul Bariah (1990) pula menyenaraikan enam (6) dalil iaitu surah al-Nisa, 4: 58, surah al-Nisa, 4: 35, surah al-Maidah, 5: 8, surah al-Nahl, 16: 90, surah al-Syura, 42: 15 dan surah al-Mumtahanah, 60: 8.

Begitu juga Yusof Ismail (1991), beliau berdalilkan kepada dua ayat al-Quran iaitu surah al-Maidah, 5: 8 dan surah al-Nisa, 4: 129. Muhammad Uthman al-Muhammady (1994), menyatakan dalil daripada surah al-Maidah, 5: 9 dan seterusnya Mazlan Musa (2007), menyatakan satu dalil daripada surah al-Nahl, 16: 90.


Selain itu, Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Basyir (2008) telah menyatakan satu (1) dalil daripada al-Sunnah yang serupa dengan Mustafa Omar (1998) iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Sekiranya aku dapati Fatimah binti Rasulullah mencuri, nescaya akan ku potong tangannya.

(tanpa riwayat)

Prinsip ini disandarkan dengan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah seperti mana yang tercatat di dalam karya-karya penulis. Prinsip ini berdalilkan kepada lapan (8) ayat al-Quran dan dua (2) al-Sunnah. Hasil penelitian mendapati ramai penulis menyatakan tentang prinsip keadilan dalam karya etika kerja Islam mereka. Ini menunjukkan prinsip keadilan ini antara prinsip yang kukuh dalam etika kerja Islam. Prinsip ini dikukuhkan lagi dengan bersumberkan al-Quran dan al-Al-Sunnah.

3.2.2.8. Bersyukur



Rajah 3.8. Bersyukur

Rajah di atas menunjukkan prinsip bersyukur yang telah dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam dalam karya mereka. Terdapat penulis yang menyatakan prinsip bersyukur ini dengan bersumberkan dalil al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat juga penulis yang tidak menyatakan sebarang sumber dalil.

Melalui prinsip syukur ini, seorang penulis iaitu Mohd Nor (1991) telah menyatakan bahawa:

Syukur mempunyai tempat yang istimewa dalam keseluruhan sistem etika Islam. Dalam Islam, syukur itu membawa pengertian yang sangat penting, sebab itu orang yang tidak bersyukur adalah orang bersifat sebaliknya iaitu kufur. Sifat syukur ini adalah sempurna dari sudut makhluk dan respond dari Tuhan terhadap kesyukuran itu. Kesyukuran berbentuk "*mutual give and take*" ini merapatkan bentuk hubungan yang ideal di antara tuhan dan manusia.

(Mohd Nor, 1991: 237)

Begitulah pentingnya sifat syukur dalam etika kerja Islam yang disenaraikan oleh beberapa penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Bersyukur telah disenaraikan sebagai prinsip etika kerja Islam oleh tujuh (7) penulis melalui karya yang dinilai. Prinsip ini telah disandarkan kepada dalil daripada al-Quran oleh tiga (3) penulis. Sementara satu (1) penulis bersandar pada dalil al-Sunnah.

Penulis yang bersandar kepada dalil al-Quran iaitu Mohd Nor Hj Nawawi (1991), beliau berdalilkan kepada dua (2) ayat dalam al-Quran iaitu surah al-Baqarah, 2: 158 dan surah al-Isra, 17: 19. Manakala, Mustafa Omar (1998) juga, telah membawa dua (2) dalil dari ayat al-Quran iaitu surah al-Baqarah, 2: 152 dan surah Ibrahim, 14: 7. Sementara itu, Mazlan Musa (2007) menyatakan satu dalil bersumber kepada surah al-Naml, 27: 40.

Selain itu, terdapat satu (1) penulis yang bersandar kepada dalil al-Sunnah iaitu, Nor Azah Kamri (2002), yang telah berdalilkan kepada dua (2) al-Sunnah iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Daripada Aishah r.a. katanya, “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w apabila melihat perkara yang disukai baginda mengucapkan segala puji-puji bagi Allah yang menyempurnakan kebaikan-kebaikan dan nikmatnya dan jika melihat perkara yang tidak disukai (dibenci) baginda berkata segala puji bagi Allah atas setiap perkara”.

(HR Ibn Majah: no 193)

Kedua, sabda Nabi SAW bermaksud:


Sesungguhnya mengagumkan orang-orang mukmin kerana pekerjaannya semuanya baik, yang demikian tidak terdapat pada orang lain kecuali hanya pada orang mukmin kerana apabila dia berhasil dia bersyukur dan apabila ditimpa kesulitan dia bersabar, itulah rahsia kebaikannya.

(HR Muslim: no 769)

Prinsip ini juga dikukuhkan dengan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Dalil al-Quran yang disenaraikan oleh para penulis ini didapati berbeza antara satu sama lain. Prinsip ini berdalilkan kepada empat (4) ayat al-Quran dan dua (2) buah al-Sunnah.

Hasil penelitian mendapati bahawa prinsip syukur telah dinyatakan oleh para penulis dalam karya etika kerja Islam di Malaysia. Namun, prinsip ini tidak mencapai satu jumlah bilangan yang dominan dalam kalangan para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Sementara itu, prinsip ini adalah prinsip etika kerja Islam yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

3.2.2.9. Merancang Kerja



Rajah 3.9. Merancang Kerja

Rajah di atas menunjukkan prinsip merancang kerja yang telah dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam dalam karya mereka. Hanya terdapat seorang penulis sahaja yang menyatakan prinsip merancang kerja ini dengan bersumberkan dalil al-Quran. Penulis tersebut ialah Sharifah Norhayati (2003).

Prinsip merancang kerja juga telah disenaraikan sebagai prinsip etika kerja Islam oleh penulis etika kerja Islam di Malaysia. Namun begitu, prinsip ini hanya

dinyatakan hanya dalam satu (1) penulisan sahaja daripada tiga puluh (30) penulis karya tersebut. Penulis tersebut ialah Syarifah Hayaati Syed Ismail (2003).


Beliau telah menyenaraikan prinsip ini dengan berdalilkan satu ayat al-Quran dalam surah al-Hasyar, 59: 18. Ayat yang dijadikan dalil ini menunjukkan bahawa umat Islam dikehendaki bukan sekadar bersedia, merancang dan menyiapkan diri untuk kehidupan di dunia tetapi juga merancang untuk perhitungan di akhirat. Menurut Syarifah Hayaati (2003) lagi:

Merancang bererti bersedia melaksanakan sesuatu. Islam menganjurkan umatnya supaya sentiasa bersedia sebelum melakukan sesuatu urusan. Seperti dalam tuntutan solat, umat Islam wajib melaksanakannya hanya setelah masuk waktu solat. Perancangannya disini ialah persediaan masa. Masa mengerjakannya pula mengandungi tempoh atau had tertentu yang menjadi *time frame* kepada pelaksanaan. Nilai baik apabila dilaksanakan akan mendapat pahala begitu juga jika melambat-lambatkannya dengan sengaja sehingga masuk waktu bagi solat yang lain akan berdosa.

(Syarifah Hayaati, 2003: 79)

Namun begitu prinsip ini telah bersandarkan kepada dalil daripada al-Quran sebagai pengukuh etika kerja Islam. Hasil penelitian mendapati bahawa prinsip merancang kerja ini kurang dinyatakan oleh penulis etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip ini tidak menjadi pilihan kebanyakan para penulis. Prinsip ini tidak mencapai tahap yang kukuh pada jumlah bilangan penulis etika kerja Islam. Namun prinsip ini bersumberkan kepada al-Quran yang menjadi asas kepada etika kerja Islam.

3.2.2.10. Menghargai Masa



Rajah 3.10. Menghargai Masa

Rajah di atas menunjukkan prinsip menghargai masa yang telah dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam dalam karya mereka. Terdapat penulis yang menyatakan prinsip menghargai masa ini dengan bersumberkan dalil al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat juga penulis yang tidak menyatakan sebarang sumber dalil.

Prinsip etika kerja Islam seterusnya yang dinyatakan oleh penulis di Malaysia ialah menghargai masa. Seperti mana yang dinyatakan oleh beberapa penulis iaitu:

Masa adalah barangan modal yang semestinya dimanfaatkan secara sebaiknya. Setiap pekerja hendaklah memulakan kerja tepat atau sebelum pada masa yang ditetapkan. Mengendalikan kerja tanpa bertanggung dan kerja yang sepatutnya dilakukan dengan segera hendaklah disegerakan.

(Osman Ayub, 1990: 54)

Dalam ajaran Islam, hampir kesemua tuntutan fardu adalah bertempoh seperti solat, puasa, zakat dan haji. Kesemua mempunyai jangka masa tertentu. Ini menunjukkan bahawa hanya individu yang mempunyai persiapan dan perancangan sama ada dari sudut fizikal, mental dan kewangan sahaja yang layak dan mampu mengerjakannya. Allah menegaskan bahawa individu yang tidak menepati masa dikategorikan sebagai 'manusia yang rugi' sebagaimana dalam surah al-'Asr.

(Syarifah Hayaati, 2003: 80)

Seramai empat (4) penulis telah dikenalpasti menyatakan prinsip tersebut di dalam karya mereka. Namun, satu (1) penulis iaitu Mustafa Hj. Daud (1994) tidak menyatakan sebarang dalil bagi prinsip ini dalam karyanya.

Untuk menguatkan kenyataan ini, terdapat dalam kalangan penulis yang berdalilkan al-Quran iaitu Osman Ayub (1990) dan Syarifah Hayaati (2003). Mereka telah berdalilkan kepada satu (1) ayat al-Quran yang sama iaitu surah al-'Asr, 103: 1-3.

Sementara itu, Mahmood Zuhdi (2005), pula telah berdalilkan kepada dua (2) al-Sunnah iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Apabila kiamat sedang berlaku dan di tangan seseorang daripada kamu ada benih, kalau dia masih sempat menanam benih itu hendaklah ia menanamnya, dengan itu dia mendapat pahala.

(HR Ahmad, musnad Anas Ibn Malik : no. 13240)

Al-Sunnah kedua sabda Nabi SAW bermaksud:


Apakah amalan yang paling afdhal, Jawab Baginda SAW, “bersolatlah kamu di awal waktu”.

(HR Bukhari: 2782; Muslim: no 262)

Prinsip ini disandarkan dengan dalil daripada al-Quran dan al-Al-Sunnah. Prinsip ini berdalilkan kepada satu (1) ayat al-Quran dan dua (2) buah al-Sunnah.

Hasil penelitian mendapati bahawa prinsip menghargai masa kurang mendapat perhatian daripada para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Jumlah bilangan penulis yang menyatakan prinsip menghargai masa tidak mencapai jumlah yang dominan. Oleh itu, prinsip ini tidak kukuh untuk di jadikan prinsip utama. Namun prinsip ini bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

3.2.2.11. Ihsan



Rajah 3.11. Ihsan

Rajah di atas menunjukkan prinsip ihsan yang telah dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam dalam karya mereka. Terdapat penulis yang menyatakan prinsip ihsan ini dengan bersumberkan dalil al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat juga penulis yang tidak menyatakan sebarang sumber dalil.

Ihsan merupakan satu prinsip etika kerja Islam yang dinyatakan oleh penulis di Malaysia. Para penulis telah menjelaskan maksud ihsan itu adalah sebagai kerja yang dilakukan dengan sebaik mungkin atau cemerlang. Seperti mana yang disebutkan oleh Mahmood Zuhdi (2005: 6) iaitu:

Maksud Ihsan di sini ialah melakukan dengan sebaik mungkin dan cemerlang. Antara contoh yang disebut ialah membunuh dan menyembelih binatang dengan cara yang penuh kasihan. Satu contoh kecemerlangan yang lain ialah melakukan sesuatu dengan kemahiran yang tinggi. Satu contoh lain bagi ihsan ialah berusaha mencari kesempurnaan dalam melakukan sesuatu melalui nilai tambah yang tertentu.

Sementara itu, Syed Othman al-Habsyi (1994: 126) pula menyebut:

Ihsan berasal daripada perkataan *hasanun* dalam bahasa arab yang bermaksud keelokan dan kebaikan. Maka ihsan ini memberi penekanan yang tinggi kepada kebaikan dan keelokan iaitu yang paling elok atau paling baik atau cemerlang. Inilah cara Islam mengamalkan ihsan sebenar.

Seramai sepuluh (10) orang penulis telah menyatakan prinsip Ihsan dalam karya mereka. Bagi mengukuhkan prinsip ini sebagai etika kerja Islam terdapat penulis yang berdalilkan kepada al-Quran serta al-Sunnah. Tidak kurang juga penulis yang berdalilkan al-Quran sahaja dan ada yang bersumberkan al-Sunnah sahaja.

Namun tidak ketinggalan juga penulis yang tiada sebarang dalil dalam karya mereka. Syed Othman al-Habsyi (1994) telah berdalilkan kepada dalil al-Quran iaitu surah al-Nahl 16; 90 dan dua (2) buah al-Sunnah iaitu al-Sunnah yang bermaksud:

Apabila kamu membunuh maka bunuhlah dengan sempurna.

(HR Muslim: no 5167)

Al-Sunnah kedua bermaksud:

Beribadahlah kamu kepada Allah seumpama kamu nampak Allah.

(HR Muslim: no 102)

Bagi penulis yang bersumberkan al-Quran sahaja seperti Yusof Ismail (1991), beliau telah berdalilkan kepada surah al-Nahl, 16: 90. Muhammad Uthman al-Muhammady (1994) pula telah berdalilkan surah al-Qasas, 28:77. Shukri Ahmad dan Razali Md. Zin (2001) menyatakan dalil daripada surah al-Baqarah, 2: 112, surah al-Qashash, 28: 77 dan surah al-Balad, 90: 16.

Sementara itu, Syarifah Hayaati (2003) telah bersumberkan dalil prinsip ini daripada al-Quran. Sebanyak dua (2) ayat yang digunakan iaitu satunya di dalam surah al-Mulk, 67 :1-2 dan satu lagi dalam surah al-Hujurat, 49: 13. Setelah diamati ayat-ayat al-Quran yang disandarkan oleh para penulis ini didapati berbeza antara satu sama lain.

Penulis yang berdalilkan sumber al-Sunnah pula seperti, Nor Azah Kamri (2002), telah menggunakan satu dalil al-Sunnah Rasulullah SAW bermaksud:

Daripada Syaddad bin Aws r.a. katanya, dua pesanan Rasulullah SAW yang selalu ku jaga iaitu sabdanya: Sesungguhnya Allah memerintahkan kecemerlangan dalam setiap perkara.

(HR Muslim: no 5167)

Sementara, Mahmood Zuhdi (2005) pula bersumberkan dalil daripada tiga (3) al-Sunnah beserta perawinya yang berbeza dengan penulis sebelumnya bagi prinsip Ihsan ini. Pertamanya, sabda Nabi SAW bermaksud:

Allah mewajibkan ihsan pada semua perkara. Apabila kamu membunuh bunuhlah dengan baik, apabila kamu menyembelih sembelihlah dengan baik. Tajamkan pisau dan rehatkan binatang yang disembelih itu.

(HR Muslim: no 5167; Ibn Majah: no 3290)

Al-Sunnah kedua bermaksud:

Allah suka apabila seseorang melakukan sesuatu dia akan melakukannya dengan mahir.

(HR al-Baihaqi: no 4342)

Al-Sunnah ketiga bermaksud:


Bahawa kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, dan kalau pun kamu tidak melihat-Nya, Dia tentu sekali melihat kamu.

(HR Muslim: no 102)

Selain daripada itu, penulis lain yang tidak disebutkan disini tidak menyatakan dalil untuk prinsip ini dalam karya mereka. Walaupun begitu, prinsip ini telah disandarkan kepada enam (6) ayat al-Quran dan empat (4) buah al-Sunnah sebagai pengukuh kepada etika kerja Islam.

Hasil penelitian mendapati bahawa prinsip ihsan merupakan prinsip yang sering dinyatakan dalam kalangan penulis etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip ini boleh menjadi prinsip utama dalam etika kerja Islam. Prinsip ini juga bersandarkan kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah.

3.2.2.12. Kompetitif



Rajah 3.12. Kompetitif

Rajah di atas menunjukkan prinsip kompetitif yang telah dinyatakan tiga sahaja penulis daripada tiga puluh penulis karya etika kerja Islam di Malaysia yang dikaji. Terdapat seorang penulis yang menyatakan prinsip kompetitif ini dengan bersumberkan dalil al-Quran sahaja. Sementara dua penulis yang tidak menyatakan sebarang sumber dalil.

Prinsip seterusnya iaitu kompetitif. Prinsip ini menekankan kepada nilai berlumba-lumba melakukan kebaikan. Para pekerja disarankan agar berlumba-lumba melakukan tugas yang diamanahkan dengan baik dan penuh komitmen tanpa bersikap iri hati sesama mereka. Seperti mana yang dinyatakan oleh Syarifah Hayaati bahawa:

Sifat ini merupakan etika kerja yang sangat digalakkan dalam ajaran Islam. Ianya disebut antaranya dengan perkataan '*fastabiqul khairat*' dalam al-Quran yang bermaksud berlumba-lumba dalam melaksanakan kebajikan.

(Syarifah Hayaati, 2003: 82)

Selain itu, Syed Othman al-Habsyi telah menjelaskan maksud kompetitif juga ialah menuju kejayaan yang paling tinggi dalam melaksanakan kebajikan. Kunci utama kejayaan ini adalah beriman kepada Allah. Oleh itu, setiap pekerja muslim harus berlumba-lumba untuk menambahkan dan mengukuhkan keimanan kepada Allah supaya mendapat pahala kebajikan yang dilaksanakannya (Syed Othman al-Habsyi, 1994).


Prinsip ini turut diketengahkan sebagai prinsip etika kerja Islam oleh tiga (3) penulis sahaja daripada tiga puluh (30) karya di Malaysia. Penulis tersebut ialah Syed Othman al-Habsyi (1994), Syarifah Hayaati Syed Ismail (2003) dan karya Mohd Janib Johari (2011).

Namun begitu, daripada tiga karya ini hanya satu karya sahaja yang bersandarkan kepada dalil al-Quran iaitu karya Syarifah Hayaati Syed Ismail (2003). Beliau telah

berdalilkan dengan satu (1) ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah, 2: 148. Walau bagaimanapun, prinsip ini hanya berdalilkan kepada satu (1) ayat al-Quran.

Hasil penelitian mendapati prinsip ini kurang dinyatakan oleh kebanyakan para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Sumber yang dinyatakan juga hanya bersandarkan kepada al-Quran yang dinyatakan oleh seorang penulis sahaja. Namun prinsip ini berada dalam karya etika kerja Islam di Malaysia.

3.2.2.13. Bermusyawarah



Rajah 3.13. Bermusyawarah

Rajah di atas menunjukkan sepuluh (10) penulis yang bersepakat menyatakan bermusyawarah atau syura merupakan satu prinsip etika kerja Islam. Bermusyawarah dalam etika kerja yang disarankan oleh Islam memenuhi setiap sudut bidang pekerjaan. Penekanan bermusyawarah juga tidak hanya berlaku secara formal malahan ia berlaku secara tidak formal iaitu dalam bentuk perbincangan. Sepertimana yang dinyatakan oleh Syarifah Hayaati (2003: 82):

Konsep bermusyawarah di sini melebihi konsep bermesyuarat dalam konteks kerja hari ini kerana ia meliputi pelbagai nilai khususnya dalam pembentukan dasar dan pembuatan keputusan. Nilai-nilai seperti kerjasama, tolak ansur, hormat menghormati, mengutamakan kepentingan dan kebajikan umum. Ia berbeza sedikit daripada konsep mesyuarat kerana boleh terjadi dalam mesyuarat memutuskan sesuatu berdasarkan pendapat popular dan pandangan majoriti walaupun kadangkala tidak mewakili kebajikan umum.

Begitu juga kenyataan daripada Osman Ayub (1990: 59) yang menekankan prinsip bermusyawarah sebagai satu prinsip yang sangat digalakkan dalam Islam dan perlu dibudayakan dalam etika kerja Islam;

Islam amat menggalakkan umatnya sentiasa memberi dan menerima pendapat yang baik dalam sesuatu urusan.

Kebanyakan daripada penulis ini telah membawa sumber dalil daripada al-Quran. Hanya satu (1) penulis sahaja yang tidak menyatakan dalil sama ada al-Quran ataupun al-Sunnah. Terdapat dua (2) ayat al-Quran yang menjadi sumber dalil kepada para penulis ini iaitu surah ali-Imran, 3: 159 dan surah al-Syura, 42: 38. Firman Allah SWT:

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah Engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal

keduniaan) itu. kemudian apabila Engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya.

(Surah ali-Imran, 3: 159)

Ayat yang kedua pula iaitu firman Allah SWT:

Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.


(Surah al-Syura, 42: 38)

Terdapat dua (2) penulis yang berdalilkan kepada dua (2) ayat al-Quran ini ialah, Abd. Rahim Ahmad dan Shahrul Bariah (1990) dan Yusof Ismail (1991). Sementara itu, Osman Ayub (1990) dan Mustafa Omar (1998) pula hanya berdalilkan satu ayat sahaja iaitu surah al-Imran, 3: 159 sahaja.

Bagi penulis lain pula seperti, Muhammad Uthman al-Muhammady (1994), Syed Othman al-Habsyi (1994), Aminuddin Ruskam (1999), Mohamaed Sharif Mustaffa dan Roslee Ahmad (2002) dan juga Mazlan Musa (2007), mereka telah berdalilkan kepada surah al-Syura, 42: 38 sahaja. Secara jelasnya, para penulis ini telah berdalilkan ayat yang sama daripada kalangan mereka. Prinsip ini disandarkan dalilnya kepada dua (2) ayat al-Quran.

Hasil penelitian mendapati bahawa prinsip bermusyawah ini berada dalam kebanyakan karya etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip ini sememangnya berada etika kerja Islam dan telah dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

3.2.2.14. Bekerjasama



Rajah 3.14. Bekerjasama

Rajah di atas menunjukkan tentang prinsip bekerjasama yang merupakan antara prinsip etika kerja Islam yang dinyatakan oleh penulis di Malaysia. Terdapat sebelas (11) karya penulis di Malaysia telah mencatatkan prinsip bekerjasama ini. Antara penulis tersebut ialah Yusof Ismail. Beliau telah menyatakan:

Setiap pekerja itu akan bertugas dengan sesuatu kumpulan pekerja yang tertentu. Oleh itu, dengan sendirinya untuk menghasilkan kecemerlangan sesuatu kumpulan pekerja itu mestilah bekerjasama dan bergotong-royong melaksanakan tugas masing-masing.

(Yusof Ismail, 1991: 101)

Daripada sebelas (11) karya penulis tersebut, lapan (8) daripadanya bersandarkan dalil, manakala tiga (3) karya lagi tidak menyatakan sumber dalil. Kedua-dua sumber dalil iaitu al-Quran dan al-Sunnah telah dijadikan rujukan oleh para penulis. Terdapat penulis yang berdalilkan al-Quran serta al-Sunnah dan terdapat juga penulis yang hanya berdalilkan al-Quran sahaja.

Nor Azah Kamri (2002) umpamanya, membawa satu dalil daripada al-Quran iaitu surah al-Hujurat, 49: 10 dan sebuah al-Sunnah yang bermaksud:

Seorang mukmin dengan mukmin saling menyokong antara satu sama lain.

(tanpa riwayat)


Selain daripada itu, penulis-penulis yang lain telah membawa sumber al-Quran sahaja iaitu; BHEI, JPM (1987), INTAN (1994) dan Lokman Abd. Rahman (1997), telah berdalilkan kepada dua (2) ayat al-Quran yang sama, satu dalam surah al-Maidah, 5: 2 dan satu lagi dalam surah al-Syura, 42: 38. Sementara itu, Mustafa Omar (1998) dan Wan Nurhashimah Wan Husin (2012) telah berdalilkan surah al-

Maidah, 5: 2. Manakala, Yusof Ismail (1991) berdalilkan surah al-Saff, 61: 4 dan Aminuddin Ruskam (1999) menyatakan dalil daripada surah ali-Imran, 3: 103.

Terdapat tiga (3) penulis yang tiada menyatakan sebarang dalil iaitu Aidit Hj. Ghazali (1993), Mustafa Hj. Daud (1994) dan Syed Othman al-Habsyi (1994). Prinsip ini telah berdalilkan kepada lima (5) ayat al-Quran dan satu (1) al-Sunnah oleh para penulis di Malaysia sebagai pengukuh kepada etika kerja Islam.

Hasil penelitian menunjukkan bahawa prinsip bekerjasama telah dinyatakan oleh ramai para penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip ini juga mencapai tahap dominan dalam kalangan penulis etika kerja Islam di Malaysia.

3.2.2.15. Seimbang



Rajah 3.15. Seimbang

Rajah di atas menunjukkan prinsip keseimbangan. Prinsip ini sering juga diketengahkan dengan perkataan kesederhanaan dalam karya penulis di Malaysia. Ini boleh dilihat sepertimana yang dinyatakan oleh Mustafa Omar (1998: 7) iaitu:

Keseimbangan atau kesederhanaan merupakan satu sikap yang menolak keterlaluan. Keterlaluan yang dimaksudkan mencakupi semua hal dan keadaan. Keterlaluan membahayakan perkembangan dan kemajuan sesuatu umat. Allah SWT telah menekankan beberapa kali di dalam al-Quran supaya sifat-sifat keterlaluan perlu dihindarkan. Jika kesederhanaan tidak dapat diamalkan dalam kehidupan seharian seperti pembaziran, ia akan melahirkan manusia yang tidak akan cukup dan puas dengan apa yang ada. Contohnya ialah kejatuhan dan kebinasaan kuasa hebat seperti Firaun dan Karun adalah disebabkan sifat melampau-lampau yang dijadikan amalan hidup mereka.

Terdapat juga penulis yang menggunakan perkataan *al-Qist* yang membawa maksud seimbang seperti yang diungkapkan oleh Zainal, Shukri dan Razali iaitu:

Al-Qist atau keseimbangan adalah kawalan terhadap akal fikiran, pengurusan, pentadbiran, tugas dan tindakan yang juga merupakan satu tenaga yang dimiliki oleh seseorang pekerja Muslim agar dapat diwujudkan keadilan dalam setiap keputusan yang dibuat.

(Shukri & Razali, 2001: 74)

Keseimbangan menjadikan manusia lebih stabil, tenang, tidak mudah lupa diri dan kurang perasaan tertekan. Ia juga merupakan kunci kepada kehidupan yang sederhana dan sihat.

(Zainal Yang, 2003: 55)


Prinsip ini telah dinyatakan oleh empat (4) penulis iaitu Syed Othman al-Habsyi (1994), Mustafa Omar (1998), Shukri Ahmad dan Razali Md. Zin (2001) dan Zainal bin Yang (2003). Prinsip ini telah disandarkan kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah. Umpamanya, Mustafa Omar (1998) telah membawa prinsip ini dengan berdalilkan kepada satu ayat al-Quran di dalam surah al-Isra, 17: 27 dan satu dalil al-Sunnah iaitu sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Sebaik-baik perkara adalah pertengahan.

(tanpa riwayat)

Sementara itu, Shukri Ahmad dan Razali Md. Zin (2001) bersandarkan kepada dalil al-Quran iaitu surah al-Maidah, 5: 42 dan surah al-Mumtahanah, 60: 8. Manakala, Syed Othman al-Habsyi (1994), dan Zainal bin Yang (2003), mereka berdua tidak membawa sebarang dalil sama ada dari al-Quran atau al-Sunnah bagi sandaran prinsip ini. Setelah diteliti, prinsip ini telah disandarkan dengan tiga (3) dalil ayat al-Quran dan satu (1) al-Sunnah.

3.2.2.16. Berilmu



Rajah 3.16. Berilmu

Rajah di atas menunjukkan tentang prinsip ilmu yang dinyatakan oleh penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Ilmu mesti menjadi sumber pembentukan dan pembangunan seseorang individu sama ada dalam pembangunan diri, kerja dan sebagainya. Sepertimana yang diungkapkan dalam karya Mustafa Omar (1998: 12) iaitu:

Islam memberi penilaian yang begitu besar kepada ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan merupakan asas kepada pembangunan insan, pembangunan masyarakat dan negara. Lantaran itulah Allah memberikan penilaian yang begitu tinggi kepada orang yang mempunyai ilmu pengetahuan.

Sementara itu Johari (2011: 37) juga dalam menghuraikan tentang ilmu telah menyatakan;

Berilmu bagi seorang pekerja itu adalah merangkumi ilmu khusus dan umum, ilmu khusus adalah ilmu yang berkaitan dengan tugas dan kepakaran yang dimiliki, manakala ilmu umum adalah yang bersifat melahirkan tindakan bagi mewujudkan keadilan dalam setiap tindakan dalam semua aspek berkaitan kehidupannya.

Namun, prinsip ini dikeluarkan hanya dalam tiga (3) karya sahaja. Prinsip ini juga telah disandarkan kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah. Hanya seorang penulis yang bersandarkan kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah iaitu Mustafa Omar (1998). Beliau telah berdalilkan dalil surah al-Imran, 3: 18 dan tiga (3) dalil dari al-Sunnah iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Sesiapa yang ingin kehidupan di dunia hendaklah berilmu, dan sesiapa yang inginkan kehidupan yang baik di akhirat juga dengan ilmu, dan sesiapa yang inginkan kedua-duanya sekali hendaklah juga dengan ilmu pengetahuan.

(tanpa riwayat)

Al-Sunnah kedua pula iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Menuntut ilmu itu adalah wajib ke atas orang Islam sama ada lelaki dan perempuan.

(tanpa riwayat)


Manakala al-Sunnah ketiga iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Tuntutlah ilmu walau ke negeri China.

(tanpa riwayat)

Setelah diteliti prinsip yang dibawa oleh beberapa penulis ini telah bersandarkan kepada dalil daripada satu (1) ayat al-Quran dan tiga (3) buah al-Sunnah. Hasil penelitian menunjukkan prinsip ilmu ini tidak mencapai jumlah yang tinggi dalam pernyataan para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Sumber dalil al-Sunnah yang dinyatakan juga tidak dapat dipastikan kesahannya.

3.2.2.17. Bersih



Rajah 3.17. Bersih

Rajah di atas menunjukkan tentang prinsip bersih dalam karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Terdapat empat karya penulis di Malaysia iaitu karya Aidit Hj. Ghazali (1993), Nik Mustafa Nik Hassan (1995), Mustafa Omar (1998) dan karya Mohd Janib Johari (2011) yang didapati menyatakan bahawa bersih adalah prinsip etika kerja Islam. Terdapat juga penulis yang menggunakan perkataan *taharah* bagi menunjukkan maksud bersih. Bersih yang dimaksudkan oleh para penulis ialah:


Penyucian diri manusia dalaman dan luaran. Individu Muslim digalakkan memiliki kesucian hati dan kebersihan luaran. Kesucian hati meliputi nilai akhlak yang murni seperti kejujuran, keikhlasan, sifat kasih sayang dan sebagainya. Kebersihan luaran meliputi sikap yang positif seperti disiplin, pemakaian yang kemas dan bersih, dan pertuturan yang mempamerkan kesahsiah yang tinggi.

(Nik Mustapha, 1995: 62)

Hanya seorang penulis iaitu Mustafa Omar (1998) telah membawa prinsip bersih ini sebagai satu prinsip dalam etika kerja Islam dengan berdalilkan kepada satu ayat al-Quran di dalam surah al-Taubah, 9:108. Sementara penulis lain tidak membawa sebarang dalil sebagai sumber dalil dalam karya mereka. Namun begitu, prinsip ini telah disandarkan kepada satu (1) dalil ayat al-Quran.

Hasil penelitian menunjukkan bahawa prinsip bersih ini tidak mencapai satu jumlah yang kukuh dalam kalangan penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Para penulis yang menyatakan prinsip ini tidak dapat memberikan sumber dalilnya daripada al-Quran dan al-Sunnah. Hanya terdapat seorang sahaja penulis yang bersumberkan kepada dalil al-Quran.

3.2.2.18. Cekap



Rajah 3.18. Cekap

Rajah di atas menunjukkan prinsip cekap yang di nyatakan dalam karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Terdapat lapan (8) karya penulis dikenalpasti telah menyatakan di dalam karya mereka bahawa antara prinsip etika kerja Islam ialah cekap. Kecekapan yang diketengahkan oleh para penulis ini merupakan satu kemahiran yang terdapat pada diri pekerja tersebut. Umpamanya kenyataan daripada Mustafa Omar (1998: 17):

Seseorang itu mestilah mendapatkan sesuatu kemahiran dalam bidang masing-masing. Kemahiran yang disebut kecekapan itu diperolehi melalui pengalaman, latihan, bimbingan dan pendedahan tertentu yang berterusan. Untuk mencapai tahap kecekapan yang tinggi, peningkatan ilmu pengetahuan dan latihan perlu dilaksanakan secara berterusan. Keutuhan sesebuah organisasi akan dinilai berdasarkan kecekapan anggotanya melaksanakan tugas, jika sebaliknya berlaku maka masyarakat akan memandang organisasi tersebut sebagai organisasi yang tidak dapat membantu mereka menyelesaikan masalah.

Melalui prinsip ini terdapat penulis yang berdalilkan kepada al-Quran untuk mengukuhkan pernyataan tersebut seperti Aminuddin Ruskam (1999) yang berdalilkan kepada surah al-Mulk, 67: 2. Sementara itu, terdapat dua (2) buah al-Sunnah yang telah dijadikan sumber oleh lima (5) penulis lagi. Al-Sunnah tersebut iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Sesungguhnya Allah suka jika seseorang itu bekerja, maka ia bekerja dengan tekun.

(HR Baihaqi: no 4342)

Bagi al-Sunnah kedua pula sabda Nabi SAW bermaksud:

Apabila satu urusan pekerjaan diberikan kepada yang bukan ahlinya maka tunggulah kehancuran.

(tanpa riwayat)


BHEI, JPM (1987), INTAN (1994), dan Lokman Abd. Rahman (1997), sama-sama berdalilkan kepada kedua-dua (2) al-Sunnah tersebut. Sementara itu, Abdullah

Mohamad Zain (2004) berdalilkan kepada al-Sunnah pertama sahaja manakala Mustafa Omar (1998), telah berdalilkan kepada al-Sunnah kedua sahaja.

Selain itu, terdapat dua (2) penulis yang tidak membawa sumber dalil sama ada melalui al-Quran atau al-Sunnah untuk dijadikan sandaran pada prinsip ini iaitu Aidit Hj. Ghazali (1993) dan Zainal bin Yang (2003). Namun, prinsip ini juga telah disandarkan dengan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Hasil penelitian menunjukkan prinsip cekap telah dinyatakan oleh ramai para penulis karya etika kerja Islam. Prinsip ini sememangnya menjadi perhatian para penulis etika kerja Islam di Malaysia.

3.2.2.19. Tawakkal



Rajah 3.19. Tawakkal


Rajah di atas menunjukkan prinsip tawakkal. Prinsip Tawakkal turut disenaraikan sebagai prinsip etika kerja Islam dalam karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Namun begitu, prinsip ini hanya disenaraikan oleh satu (1) penulis sahaja iaitu Mustafa Omar (1998).

Untuk mencapai kecemerlangan di dalam sesuatu pekerjaan, perancangan yang sempurna hendaklah diatur dengan rapi. Walau bagaimanapun kejayaan atau keupayaan itu bukanlah di atas kehendak atau keupayaan manusia samata-mata akan tetapi ianya bergantung kepada qada dan qadar Allah itu sendiri. Oleh yang demikian, setelah sesuatu perancangan dibuat hendaklah kita bertawakkal dan menyerahkan kepada Allah agar usaha yang dibuat itu bertepatan dengan kehendak Allah.

(Mustafa Omar, 1998: 19)

Prinsip ini telah dinyatakan dengan bersandarkan kepada sumber dalil daripada al-Quran iaitu dalam surah al-Anfal, 8: 2. Walaupun prinsip ini disenaraikan oleh seorang sahaja penulis, namun prinsip ini telah disandarkan sumbernya kepada dalil al-Quran. Hasil penelitian menunjukkan prinsip tawakkal ini tidak mendapat perhatian yang utama oleh para penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Berdasarkan kepada kenyataan ini prinsip tawakkal tidak menjadi prinsip utama dalam etika kerja Islam di Malaysia.

3.2.2.20. Takwa



Rajah 3.20. Takwa

Rajah di atas menunjukkan prinsip takwa yang disenaraikan oleh para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Terdapat lima (5) penulis daripada tiga puluh (30) karya yang dinilai menyenaraikan Takwa sebagai prinsip etika kerja Islam. Para penulis tersebut iaitu Mohd Nor Nawawi (1991), Ismail Ibrahim (1991), Muhammad Uthman al-Muhammady (1994), Razali Mad Zin (1999) dan Shukri Ahmad dan Razali Md. Zin (2001). Mohd Nor (1991) telah menyatakan bahawa:

Takwa biasanya diterjemahkan sebagai “takut” kepada Allah. Takut pada hari pembalasan adalah motif paling fundamental bagi Islam yang menggariskan di bawahnya aspek-aspek yang menentukan *basic mood*. Untuk percaya pada Allah bererti, secara ringkasnya takut pada-Nya. “Percaya” dan “Takut” mempunyai kaitan yang rapat. Jadi Taqwa bererti menjaga diri seseorang dari konsekuensi yang membahayakan atau yang buruk akibat perbuatannya. Sikap takut yang berasal dari rasa tanggungjawab yang dalam terhadap Allah yang pengasih dan penyayang akan membawa kesedaran yang dalam akan fungsi hukum moral bagi kehidupan manusia. Kesedaran yang dibentuk oleh takwa ini pasti menuntut sikap hati-hati dan disiplin yang tinggi.

(Mohd Nor, 1991: 236)

Menurut Shukri dan Razali (2001), sifat takwa ini mampu mempengaruhi dan membentuk jiwa, pemikiran serta tindakan seseorang muslim ke arah mengikut peraturan-peraturan Allah. Ia juga merupakan sifat yang berkaitan dengan kalbu yang membolehkan seseorang Muslim membezakan antara perkara benar dan salah. Ia juga dapat menyelamatkan diri daripada kesesatan dan bodoh.


Oleh itu, prinsip takwa ini sebenarnya melahirkan pekerja dalam melaksanakan tugas-tugas harian dengan penuh komitmen, menjaga segala kepentingan dan amanah yang diberikan dengan penuh tanggungjawab.

Bagi mengukuhkan prinsip ini, beberapa penulis telah menggunakan al-Quran sebagai sumber asas dalil seperti, Mohd Nor Nawawi (1991) di dalam surah al-Ahzab, 33: 1. Sementara itu, Ismail Ibrahim (1991) telah berdalilkan kepada surah al-A'raf, 7: 26. Muhammad Uthman (1994) pula berdalilkan kepada surah al-Hujurat, 49: 13.

Terdapat juga penulis yang membawa dalil al-Quran lebih daripada satu ayat iaitu Shukri Ahmad dan Razali Md. Zin (2001). Mereka berdua telah bersumberkan kepada tujuh dalil ayat al-Quran iaitu surah al-Baqarah, 2: 3, surah al-Baqarah, 2: 189, surah al-Baqarah, 2: 197, surah al-Ankabut, 29: 69, surah al-Fathir, 35: 28, surah al-Taghabun, 64: 4 dan surah al-Syam, 91: 9. Prinsip ini disumberkan dalilnya oleh para penulis ini dengan dalil daripada al-Quran sahaja. Prinsip ini telah berdalilkan kepada sepuluh (10) ayat al-Quran.

Hasil penelitian menunjukkan prinsip takwa kurang mendapat perhatian oleh para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Namun, prinsip ini mempunyai dalil yang banyak di dalam al-Quran. Ini menunjukkan bahawa prinsip ini perlu diketengahkan di dalam etika kerja Islam dan perlu menjadi prinsip yang utama.

3.2.2.21. Inovasi/Islah




Rajah 3.21. Inovasi/Islah

Rajah di atas menunjukkan prinsip inovasi. Prinsip inovasi atau islah hanya disenaraikan oleh seorang (1) penulis sahaja. Prinsip ini ditemui di dalam karya Nor Azah Kamri (2002). Walaupun, prinsip inovasi atau islah ini telah dinyatakan oleh penulis dengan beberapa keterangan di dalam karyanya, namun prinsip ini tidak dinyatakan sumbernya kepada sebarang dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Hasil penelitian mendapati bahawa prinsip inovasi atau islah tidak mendapat perhatian dalam kalangan penulis etika kerja Islam di Malaysia. Hanya seorang penulis karya etika yang menyatakannya. Prinsip ini juga di nyatakan tanpa bersandarkan kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah.

3.2.2.22. Muhasabah



Rajah 3.22. Muhasabah

Rajah di atas menunjukkan tentang prinsip muhasabah yang telah ditemui di dalam tiga (3) hasil karya penulis di Malaysia yang dinilai. Terdapat penulis yang menggunakan perkataan muhasabah dan ada juga yang menggunakan perkataan penilaian diri, umpamanya;

Islam amat menggalakan penilaian diri berterusan bagi tujuan penambahbaikan diri pada sepanjang masa. Amalan ini selaras dengan prinsip usaha penambahbaikan berterusan.

(Zainal Yang, 2003: 54)

Untuk menjadi seorang pengurus dan pekerja yang baik mereka seharusnya menguntukkan masa dan kesempatan untuk melakukan muhasabah. Tujuan muhasabah ini adalah untuk menilai bagi membaiki tugas dan pekerjaan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Ia juga bertujuan untuk mencari kelemahan yang boleh dibaiki dan kekuatan yang perlu dipertingkatkan.

(Osman Ayub, 1990: 56)

Setelah diteliti, prinsip muhasabah ini adalah penting dalam melahirkan pekerja yang berjaya dan inginkan peningkatan dalam kerjayanya. Tiga karya penulis yang menyatakan prinsip ini iaitu karya Osman Ayub (1990), karya Muhammad Uthman al-Muhammady (1994) dan karya Zainal bin Yang (2003).


Namun begitu, dua (2) penulis tidak menyatakan sebarang dalil sama ada melalui sumber al-Quran ataupun al-Sunnah yang menjadi asas rujukan utama etika kerja Islam. Cuma satu karya sahaja yang bersumberkan kepada dalil al-Sunnah iaitu karya Muhammad Uthman al-Muhammady (1994). Beliau bersumberkan kepada sebuah hadis, namun tidak menyatakan riwayat. Sepertimana sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Agama itu adalah nasihat.

(tanpa riwayat)

Hasil penelitian menunjukkan prinsip muhasabah tidak mendapat perhatian utama dalam kalangan penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip ini juga dinyatakan tanpa dalil yang kukuh dan tidak menjuruskan kepada muhasabah secara tepat.

3.2.2.23. Taat Setia



Rajah 3.23. Taat Setia

Rajah di atas menunjukkan prinsip taat setia yang terdapat di dalam karya penulis. Terdapat juga penulis di Malaysia yang cuba menyatakan bahawa taat setia merupakan antara prinsip etika kerja Islam. Taat setia yang dimaksudkan tersebut adalah taat dan setia kepada kepimpinan tempat kerja sepertimana yang telah dinyatakan:

Kesetiaan dan ketaatan adalah menjurus kepada seorang pekerja terhadap kepimpinan organisasi. Bagi seseorang pekerja itu, mesti mewujudkan kesetiaan sebagai pekerja dan tugas yang diberikan serta taat kepada arahan kepimpinan organisasi.


(Mustafa Daud, 1994: 24)

Ketaatan dan kesetiaan kepada pimpinan organisasi ini akan memberikan satu kesepaduan dan kesefahaman terhadap tugas yang diberikan. Ini merupakan satu

ganjaran dan motivasi yang melahirkan kepuasan terhadap pekerjaan yang dijalankan.

Prinsip ini telah disenaraikan oleh satu (1) penulis sahaja daripada tiga puluh (30) karya yang dinilai. Karya yang menyatakan prinsip ini adalah karya Mustafa Hj. Daud (1994). Namun, prinsip ini tidak bersandarkan kepada sebarang dalil daripada sumber al-Quran ataupun al-Sunnah di dalam karya tersebut. Hasil penelitian juga menunjukkan bahawa prinsip taat setia tidak menjadi prinsip asas dalam etika kerja Islam. Prinsip ini tidak menjadi perhatian para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip taat setia yang dinyatakan oleh penulis juga tidak bersandarkan kepada dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

3.2.2.24. Kebenaran



Rajah 3.24. Kebenaran

Rajah di atas menunjukkan prinsip kebenaran. Prinsip kebenaran ini disenaraikan oleh beberapa orang penulis etika kerja Islam di Malaysia dalam kaerya mereka. Prinsip ini telah disenaraikan oleh enam (6) penulis. Kebenaran yang dinyatakan oleh para penulis ini berkaitan tentang kebenaran yang perlu wujud pada diri para pekerja tersebut umpamanya benar dalam tutur kata, pekerjaan, perjanjian, tindakan dan sebagainya. Seperti mana yang diungkapkan oleh Barjoyai Bardai (2002) dalam karyanya bahawa:

Bersikap benar ini mestilah meliputi niat, perkataan, tingkah laku dan tindakan dalam melaksanakan tanggungjawab serta tugas pengurusan. Amalan benar ini ialah amalan yang tidak menimbulkan keraguan kepadanya kerana ia lahir dari keyakinan. Ia juga tidak menimbulkan keraguan kerana ia digandingkan dengan keikhlasan. Tutur kata yang benar akan menjadi sinar kebenaran bagi menyerlahkan hati serta pemikiran.

(Barjoyai Bardai, 2002: 9)

Begitu juga dengan karya Nik Mustapha (2002):

Kebenaran wujud dalam percakapan, niat, resolusi, mengkotakan resolusi. Kebenaran inilah yang paling banyak tidak dipatuhi bukan sahaja dalam perniagaan tetapi juga dalam aspek-aspek lain kehidupan.

(Nik Mustapha, 2002: 13)

Enam penulis yang menyatakan prinsip ini ialah Muhammad Uthman al-Muhammady (1994), Syed Othman al-Habsyi (1994), Barjoyai Bardai (2002), Nik Mustapha Nik Hassan (2002), Zainal bin Yang (2003) dan Mazlan Musa (2007). Namun, hanya tiga (3) penulis yang bersandarkan sumber dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Dua (2) penulis telah bersumberkan dalil al-Quran iaitu Syed Othman al-Habsyi (1994), beliau bersumberkan empat (4) dalil al-Quran iaitu surah al-An'am, 6: 73,


surah al-Hijr 15: 85, surah al-Nahl, 16: 3 dan surah al-Dukhan, 44: 38-39. Manakala, Mazlan Musa (2007) telah bersumberkan kepada surah al-Mukminun, 23: 71. Sementara itu, Barjoyai Bardai (1997) pula telah berdalilkan dengan satu al-Sunnah yang diriwayatkan oleh Bukhari iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Besar sekali khianat seseorang yang mengatakan sesuatu kepada temannya yang mempercayainya sedang ia berdusta kepada teman itu.

(HR Bukhari: no 4973)

Setelah diteliti, prinsip ini telah disandarkan oleh beberapa penulis kepada lima (5) ayat al-Quran dan satu (1) al-Sunnah. Prinsip ini juga tidak dinyatakan oleh kebanyakan para penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Namun, prinsip ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah dan layak untuk disenaraikan sebagai etika kerja Islam.

3.2.2.25. Kesabaran



Rajah 3.25. Kesabaran

Rajah di atas menunjukkan prinsip kesabaran. Prinsip ini telah dinyatakan oleh para penulis etika kerja Islam di Malaysia dalam karya mereka. Melalui penilaian yang telah dilakukan terhadap tiga puluh (30) karya penulis etika kerja Islam di Malaysia, kajian menemui dua (2) penulis yang menyenaraikan kesabaran sebagai satu prinsip etika kerja Islam. Penulis tersebut ialah Barjoyai Bardai (2002) dan karya Zainal bin Yang (2003).


Barjoyai Bardai (2002) telah menyenaraikan prinsip ini dengan bersumberkan kepada satu dalil al-Quran untuk dijadikan asas pegangan bagi menyatakan bahawa kesabaran adalah prinsip etika kerja Islam. Beliau berdalilkan kepada satu ayat al-Quran dalam surah al-Anbiya, 21: 37. Sementara itu, Zainal bin Yang (2003) tidak menyatakan sebarang sumber dalil dalam karyanya. Namun, Zainal bin Yang telah membuat pembahagian dengan jelas berkaitan prinsip kesabaran oleh para pekerja Islam iaitu:

Terdapat dua aspek kesabaran, pertama kesabaran mental yang berkait dengan mengekang keinginan syahwat dan kemarahan. Kedua ialah kesabaran jasmani yang berkaitan dengan ketahanan sengsara fizikal dalam melaksanakan tindakan penghambaan diri kepada Allah S.W.T dan kepada penyakit dan kecederaan. Kesabaran amat perlu dalam diri seseorang untuk menghadapi cabaran terhadap sifat ketamakan manusia.

(Zainal bin Yang, 2003: 16)

Selepas dilakukan penilaian didapati bahawa prinsip ini hanya bersandarkan kepada satu dalil daripada al-Quran. Prinsip ini juga tidak mendapat perhatian utama oleh para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Oleh itu prinsip ini tidak dapat menjadi prinsip utama dalam kalangan penulis karya etika kerja Islam di Malaysia.

3.2.2.26. Menepati Janji



Rajah 3.26. Menepati Janji

Rajah di atas menunjukkan prinsip menepati janji. Prinsip ini telah dinyatakan oleh beberapa penulis etika kerja Islam di Malaysia. Penulis tersebut ialah Barjoyai Bardai (2002) dan Zainal bin Yang (2003) telah bersepakat menyatakan bahawa menepati janji merupakan satu prinsip etika kerja Islam. Sikap ini amat penting kepada para pekerja Muslim. Ia menggambarkan kesungguhan dan komitmen pada diri pekerja dalam melaksanakan tugas mereka. Barjoyai Bardai menjelaskan kenyataan dalam karyanya:

Menepati janji meliputi sikap menunaikan janji bila membuat temu janji, menyempurnakan tugas tepat pada waktu yang ditetapkan. Usaha menepati janji memerlukan dua sifat di dalam hati. Pertamanya ialah

kekuatan daya ingatan dan keduanya kekuatan keazaman atau kemahuan. Jadi ingatan yang berterusan adalah perlu untuk orang yang berjanji supaya janji tersebut dapat ditunaikan.

(Barjoyai Bardai, 2002)

Prinsip ini telah disandarkan kepada satu hadith yang telah dinyatakan oleh Barjoyai Bardai (2002) bagi menyatakan bahawa menepati janji adalah prinsip etika kerja Islam. Penulis telah memberikan penekanan kepada prinsip ini terhadap para pekerja dengan membawa satu al-Sunnah berkaitan dengan galakkan membayar hutang. Ini kerana pembayaran hutang merupakan satu perjanjian antara pemberi hutang dan penghutang. Sekiranya hutang tidak dijelaskan oleh penghutang maka ia sudah dikira memungkir janji. Al-Sunnah tersebut bermaksud, sabda Nabi SAW:

Para syahid diampunkan segala dosanya kecuali hutang.

(HR Muslim: no 4591)

Sementara itu, Zainal bin Yang (2003), tidak menyatakan sebarang dalil yang dijadikan asas samada melalui al-Quran atau al-Sunnah bagi menguatkan prinsip menepati janji sebagai prinsip etika kerja Islam dalam karyanya. Namun Zainal bin Yang telah menekankan prinsip ini sebagai suatu yang dapat melahirkan kepercayaan terhadap pekerja Muslim, sepertimana kenyataannya:


Menepati janji akan mempertingkatkan kepercayaan orang. Seseorang akan dapat memenangi hati ramai orang jika boleh dipercayai. Kualiti sedemikian adalah amat perlu dalam kehidupan manusia.

(Zainal Yang, 2003: 17)

Setelah penelitian dilakukan didapati prinsip ini telah disandarkan kepada satu al-Sunnah sahaja. Dalil al-Sunnah ini dikeluarkan daripada karya Barjoyai Bardai (2002). Prinsip ini secara jelas telah berdalilkan kepada sumber al-Sunah. Namun

tidak mendapat perhatian utama daripada kalangan penulis etika kerja Islam di Malaysia.

3.2.2.27. Tidak Terlalu Cinta Dunia



Rajah 3.27. Tidak Terlalu Cinta Dunia

Rajah di atas menunjukkan prinsip tidak terlalu cinta dunia. Prinsip ini juga telah disenaraikan sebagai prinsip etika kerja Islam oleh beberapa penulis karya etika kerja Islam di Malaysia dalam karya yang di kaji. Prinsip ini ditemui dalam tiga (3) karya sahaja. Para penulis ini telah menekankan prinsip ini kepada para pekerja agar mereka tidak hanya bekerja untuk kehidupan dunia semata-mata tetapi juga perlu bekerja untuk memenuhi kehendak akhirat. Berikutan dengan penyataan ini Osman Ayub (1990) iaitu:

Seseorang pekerja itu harus dapat menetapkan keseimbangan di dalam menjalani kehidupan dunia dan akhirat khususnya yang berkaitan dengan memenuhi tuntutan fizikal dan material serta tuntutan spiritual.

(Osman Ayub, 1990: 23)

Sementara itu, Zainal bin Yang (2003) turut mengklasifikasikan jenis-jenis kecintaan pada dunia yang memberikan kebaikan dan keburukan iaitu:

Terdapat dua jenis dunia, pertama adalah kenikmatan dunia yang patut dikekang iaitu yang hanya mencari keseronokan berkait dengan keinginan syahwat semata-mata yang membawa kemudaratan kepada dunia yang akan datang. Ini termasuklah terlalu mencintai kuasa, status, harta, kedudukan, jawatan, kemudahan, pengaruh dan lain-lain. Jenis kedua adalah perkara-perkara keduniaan yang memberikan keseronokan dalam dunia tetapi adalah samada memberi manfaat kemudiannya atau satu bantuan kepada pengetahuan atau tindakan yang baik seperti permakanan, pakaian, tempat tinggal yang perlu untuk mendapatkan pengetahuan dan tindakan yang baik.

(Zainal Yang, 2003: 55)

Prinsip tidak terlalu cinta dunia ini telah disandarkan kepada sumber al-Quran dan al-Sunnah. Osman Ayub (1990) telah bersumberkan dengan membawa dalil daripada tiga (3) ayat al-Quran dalam surah al-A'laa, 87: 16-17, surah al-Qasas, 28: 77 dan surah al-A'raf, 7: 85. Beliau juga telah bersandarkan satu dalil daripada al-Sunnah yang bermaksud:


Jelaskanlah upah pekerja itu sebelum kering peluh mereka.

(HR Ibn Majah: no 2537)

Penulis cuba menerangkan melalui al-Sunnah ini bahawa setiap pekerjaan itu mesti bermatlamat kepada dunia dan akhirat. Apabila seseorang pekerja mencari rezeki dengan bermatlamat kedua-duanya maka dia akan mendapat kedua-duanya (Osman Ayub, 1990).

Sementara itu, Ismail Ibrahim (1991) telah bersandarkan kepada dalil daripada al-Quran sahaja iaitu surah al-An'am, 6: 141, surah al-A'raf, 7: 31, dan urah Hud, 11: 15-16. Manakala Zainal bin Yang (2003) pula tidak menyatakan sumber dalil untuk dalam karyanya. Namun, prinsip ini telah berdalilkan kepada enam (6) ayat al-Quran dan satu (1) al-Sunnah. Hasil penelitian telah menunjukkan prinsip ini kurang mendapat perhatian daripada kalangan penulis etika kerja Islam di Malaysia.

3.2.2.28. Dermawan




Rajah 3.28. Dermawan

Rajah di atas menunjukkan prinsip dermawan. Prinsip ini telah dinyatakan oleh seorang penulis etika kerja Islam di Malaysia. Penulis tersebut ialah Zainal bin Yang (2003) telah menyenaraikan prinsip dermawan merupakan prinsip etika kerja Islam. Walaupun begitu, penulis tidak bersumberkan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Penulis telah menjelaskan maksud dermawan itu bukan hanya pada harta semata-mata tetapi segala sudut yang ada pada seorang pekerja itu seperti ilmu, kemahiran, tenaga, masa dan sebagainya.

Kedekut atau bakhil adalah nilai negatif yang menjurus kepada terlalu mencintai kekayaan. Kekayaan harus dibelanjakan kepada kebaikan bukan kepada kemewahan. Nilai dermawan adalah bertentangan dengan nilai bakhil. Nilai dermawan yang perlu adalah dari semua segi khususnya kewangan, ilmu, pengetahuan, kemahiran, tenaga fizikal dan lain-lain.

(Zainal Yang, 2003: 56)

3.2.3.29. Rendah Diri



Rajah 3.29. Rendah Diri

Rajah di atas menunjukkan prinsip rendah diri. Prinsip ini telah dinyatakan oleh seorang penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Penulis tersebut ialah Zainal bin Yang (2003) adalah satu-satunya penulis yang menyenaraikan prinsip sifat rendah diri sebagai salah satu prinsip etika kerja Islam dalam karyanya. Namun begitu, penulis menyatakan prinsip tersebut tanpa bersandarkan kepada sumber dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.


Penulis telah memberikan satu pandangan yang tertumpu kepada sifat dalaman atau rohani pekerja. Sifat dalaman atau rohani adalah pembentuk kepada daya usaha dan sikap yang wujud kepada para pekerja. Menurut penulis:

Kemegahan adalah bertentangan dengan rendah diri. Kemegahan adalah keburukan paling besar yang terjadi dalam minda seseorang apabila dia merasakan cukup hebat. Rendah diri akan berlaku apabila seseorang merasakan nilai dirinya berharga dan diakui dengan rasa gembira, dihargai dan rasa tawaduk kepada kebesaran Allah SWT.

(Zainal Yang, 2003: 56)

Hasil penelitian mendapati bahawa kebanyakan para penulis karya etika kerja Islam tidak menyatakan prinsip rendah diri. Hanya seorang sahaja penulis yang menyatakan prinsip tersebut tanpa bersandarkan pada dalil al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu prinsip ini tidak memenuhi kepada piawaian untuk diletakkan sebagai prinsip utama etika kerja Islam.

3.2.2.30. Bertolak Ansur



Rajah 3.30. Bertolak Ansur

Rajah di atas menunjukkan prinsip bertolak ansur. Prinsip bertolak ansur telah dinyatakan dalam karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Melalui karya yang dinilai terdapat hanya tiga (3) penulis sahaja di Malaysia yang menyatakan bahawa bertolak ansur atau *samahah* merupakan prinsip dalam etika kerja Islam. Antara penulis karya tersebut iaitu Mustafa Hj. Daud (1994), Nik Mustapha (2002) dan Zainal bin Yang (2003).


Melalui penelitian mendapati bahawa Nik Mustapha (2002) telah menggunakan perkataan *samahah* dalam karyanya bagi menunjukkan maksud bertolak ansur. Sifat bertolak ansur ini diperlukan dalam organisasi kerana ia akan memberikan keharmonian dan melahirkan sifat kebersamaan. Menurut Nik Mustapha (2002) seperti berikut:

Setiap pekerja itu perlu bersifat tolak ansur dan pemaaf. Sifat ini sangat perlu dalam hidup berorganisasi. Keutuhan dan perpaduan pekerja dalam perkhidmatan awam akan mudah dapat dicapai jika sifat ini diamalkan oleh individu. Perpaduan dan keharmonian dalam bekerja adalah faktor yang membawa kepada kestabilan yang seterusnya ke arah kemajuan jabatan. Masyarakat yang penuh dengan emosi dan tidak memiliki sifat penyayang sukar untuk maju.

(Nik Mustapha, 2002: 63)

Walaupun begitu, semua penulis tidak membawa sebarang dalil dalam keterangan dalam karya mereka masing-masing sama ada daripada al-Quran ataupun al-Sunnah. Oleh itu, prinsip bertolak ansur ini tidak disandarkan kepada dalil al-Quran ataupun al-Sunnah.

3.2.2.31. Pembahagian Tugas Berdasarkan Kepakaran



Rajah 3.31. Pembahagian Tugas Berdasarkan Kepakaran

Rajah di atas menunjukkan prinsip pembahagian tugas berdasarkan kepakaran. Prinsip ini telah dinyatakan di dalam karya etika kerja Islam di Malaysia. Melalui penelitian karya-karya ini didapati bahawa prinsip pembahagian tugas berdasarkan kepakaran telah ditemui dalam tiga (3) hasil karya penulis tersebut iaitu Osman Ayob (1990), Aminuddin Ruskam (1999) dan Mahmood Zuhdi (2005).

Rasulullah SAW telah memberikan panduan kepada umatnya untuk memberi pengiktirafan dan penghormatan terhadap kepakaran yang ada melalui peristiwa yang berlaku dalam kalangan para sahabatnya. Kisah ini telah dinyatakan para penulis di dalam karya mereka seperti:

Melihatkan para pekebun tamar sentiasa bekerja keras mengahwinkan debungan antara pokok berkenaan supaya ia berbuah, Rasulullah bertanya mengapa sampai begitu? Tidakkah tamar itu boleh berbuah tanpa debunganya dikahwinkan? Mendengar pertanyaan Rasulullah itu, para pekebun berkenaan berhenti daripada melakukan proses yang diamalkan zaman berzaman itu. Hasilnya negatif sekali. Pada tahun itu buah tamar menjadi kerdil dan tidak sesuai dimakan. Apabila hal seperti itu sampai ke pengetahuan Rasulullah SAW baginda lalu membetulkan keadaan.

(Mahmood Zuhdi, 2005: 4)

Terdapat juga al-Sunnah menceritakan apabila Rasulullah ditanya sama ada strategi mempertahankan kota Madinah yang dibentangkan oleh baginda itu berasaskan wahyu daripada Allah atau tidak. Apabila baginda menyatakan bukan wahyu, seorang sahabat mencadangkan suatu strategi lain. Baginda lalu menerima cadangan itu memandangkan kepakaran sahabat berkenaan.

(Osman Ayub, 1990: 61)

Selain daripada membawa kisah dan peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW, para penulis juga telah bersandarkan pernyataan mereka ini dengan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Osman Ayob (1990) umpamanya, telah membawa prinsip ini dalam karyanya dengan berdalilkan al-Quran dan al-Sunnah untuk

dijadikan asas bagi menyatakan bahawa pembahagian tugas berdasar kepakaran adalah salah satu prinsip yang ditekankan dalam etika kerja Islam.

Osman Ayob (1990) telah berdalilkan kepada satu (1) ayat al-Quran dalam surah al-Isra, 17: 85 dan satu dalil al-Sunnah yang diriwayatkan oleh Muslim iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

Apabila sesuatu urusan diserahkan kepada bukan ahlinya maka tunggulah masa kehancuran.

(HR Muslim: no 59)


Sementara itu, Aminuddin Ruskam (1999) pula telah bersumberkan kepada dalil al-Quran sahaja iaitu surah al-An'am, 6: 165. Bagi Mahmood Zuhdi (2005) pula, beliau telah berdalilkan kepada al-Sunnah yang diriwayatkan oleh Muslim iaitu Nabi SAW yang bermaksud:

Kamu lebih tahu tentang hal dunia kamu.

(HR Muslim: no 6114)

Semua penulis tersebut telah menyenaraikan prinsip ini dengan bersandarkan kepada sumber dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip ini telah berdalilkan kepada dua (2) ayat al-Quran dan dua (2) buah al-Sunnah. Prinsip ini juga telah disebut oleh sebilangan para penulis etika kerja Islam di Malaysia. Ini menunjukkan prinsip ini mendapat perhatian daripada para penulis di Malaysia tetapi pada jumlah yang tidak dominan.

3.2.2.32. Mempermudahkan Urusan




Rajah 3.32. Mempermudahkan Urusan

Rajah di atas menunjukkan prinsip mempermudah urusan. Prinsip ini ditemui dalam karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Terdapat hanya satu (1) penulis karya sahaja yang menyatakan bahawa mempermudah urusan merupakan prinsip dalam etika kerja Islam. Prinsip ini telah disenaraikan oleh Osman Ayob (1990). Penulis juga telah memberikan pernyataan bahawa Islam sebagai agama yang mudah daripada segala jenis sudut daripada sudut ibadah dan sebagainya. Islam memberikan kemudahan dalam segala urusan dan menghilangkan kesulitan. Menurut penulis:

Islam tidak mahu menyulitkan manusia dalam menganut agama dan di dalam menyempurnakan tugas seharian. Islam agama yang mudah dalam segala urusan samada ibadah khusus seperti solat, mahupun ibadah umum seperti bekerja.

Sehubungan dengan itu, penulis telah bersumberkan dalil al-Quran. Sebanyak dua (2) ayat dijadikan dalil iaitu ayat 286 surah al-Baqarah dan satu lagi surah al-Nisa, 4: 28. Walaupun prinsip mempermudah urusan disenaraikan oleh satu (1) penulis sahaja tetapi Prinsip ini bersumberkan dalil daripada al-Quran. Prinsip ini telah berdalilkan kepada dua (2) ayat al-Quran.

3.2.2.33. Kemuliaan Budi



Rajah 3.33. Kemuliaan Budi

Rajah di atas menunjukkan prinsip kemuliaan budi. Prinsip ini telah dinyatakan oleh penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip ini ditemui melalui lima (5) penulis karya seperti yang ditunjukkan di dalam rajah telah bersepakat menyatakan bahawa kemuliaan merupakan antara prinsip etika kerja Islam. Terdapat juga penulis menggunakan perkataan Berbudi Mulia dalam karyanya bagi membawa maksud Kemuliaan Budi. Antaranya Mustafa Hj. Daud (1994) dan Mohd Janib Johari (2011). Prinsip berbudi mulia seperti yang disarankan oleh para penulis adalah melaksanakan perkara-perkara yang membawa kebaikan dan keharmonian sepertimana yang dinyatakan oleh Mustafa Hj. Daud (1994):

Berbudi mulia pada kalangan pekerja itu adalah seperti, tutur kata lemah lembut tapi tegas. Bermanis muka dan bersopan santun. Menyenangkan orang lain melalui tindakan. Bersifat tangan terbuka dengan memberi bantuan kepada orang lain.

(Mustafa Hj Daud, 1994: 140)

Selain itu, terdapat juga penulis yang membawa perkataan ma'aruf bagi menunjukkan maksud kemuliaan budi, seperti Yusof Ismail (1991) dalam karyanya. Beliau turut menyatakan bahawa ma'aruf itu lebih membawa ketinggian pada kemuliaan budi manusia kerana ia akan menyeru kepada kebaikan dan melaksanakannya:

Antara perkara maaruf itu ialah menyeru kepada melaksanakan kebaikan dan melaksanakannya. Apabila wujud keadaan ini dalam organisasi kerja ia akan membawa kepada persamaan dan keharmonian antara sesama pekerja.


(Yusof Ismail, 1991: 49)

Namun, setelah penelitian dijalankan mendapati bahawa prinsip ini telah bersandarkan kepada dalil al-Quran. Terdapat dua (2) penulis sahaja yang bersandarkan kepada dalil ini iaitu karya Yusof Ismail (1991) telah bersumberkan

kepada dua (2) ayat yang dijadikan sandaran iaitu di dalam surah al-Baqarah, 2: 110 dan surah ali-Imran, 3: 104.

Sementara itu, Shukri Ahmad dan Razali (2001) pula turut berdalilkan dua (2) ayat yang sama dan menambah satu ayat lain iaitu surah al-Ahzab, 33: 22. Prinsip ini telah dengan dalil daripada al-Quran iaitu sebanyak tiga (3) ayat. Manakala, penulis yang lain tidak bersandarkan kepada sebarang dalil al-Quran dan al-Sunnah bagi prinsip ini.

3.2.2.34. Berjimat Cermat



Rajah 3.34. Berjimat Cermat


Rajah di atas menunjukkan prinsip berjimat cermat. Prinsip ini terdapat di dalam satu karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Karya tersebut di tulis oleh Mustafa Hj. Daud (1994) yang menyatakan bahawa berjimat cermat merupakan prinsip etika

kerja Islam. Penekanan yang diberikan oleh penulis terhadap prinsip Berjimat cermat ini adalah daripada sudut pengawalan dan penjagaan harta organisasi. Menurut Mustafa Hj. Daud (1994), harta organisasi perlu dijaga dengan baik dan perlu diurus dengan betul dan cermat kerana ia melibatkan hak bersama ahli organisasi.

Walaupun begitu, penulis tidak membawa bersumberkan dalil di dalam karyanya bagi prinsip yang dinyatakan sama ada daripada al-Quran ataupun al-Sunnah. Hasil penelitian yang dilakukan mendapati hanya satu (1) penulis sahaja yang menyenaraikan prinsip Berjimat Cermat ini telah dikeluarkan oleh satu (1) dan tidak bersumberkan dengan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Hasil penelitian mendapati bahawa prinsip berjimat cermat tidak mendapat perhatian utama daripada kalangan penulis etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip ini juga tidak di datangkan dengan dalil asas yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip ini tidak menepati piawaian etika kerja Islam dan tidak dijadikan prinsip utama dalam etika kerja Islam di Malaysia.

3.2.2.35. Soleh



Rajah 3.35. Soleh

Rajah di atas menunjukkan prinsip soleh. Prinsip ini telah ditemui dalam karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip Soleh sememangnya merupakan satu perkataan yang membawa maksud kebaikan pada amalan dan diri individu. Menurut Mohd Nor (1991):

Kebanyakan sarjana menterjemahkan salih sebagai baik. Suatu perkara yang menarik ialah terdapat hubungan yang menarik ialah terdapat hubungan sematik yang kuat yang mengikut antara salih dan iman menjadi satu unit yang tidak boleh dipisahkan. Bila disebut iman maka akan ditemui kerja-kerja salih atau kerja baik. Jadi orang yang beriman akan melakukan perkara atau kerja yang baik.

(Mohd Nor Nawawi, 1991: 238)

Hasil penelitian mendapati empat (4) penulis bersepakat dengan pandangan yang sama menyatakan dalam karya masing-masing bahawa salih merupakan prinsip etika kerja Islam. Lebih mengukuhkan lagi pernyataan mereka, kesemua penulis tersebut menyatakan dalil al-Quran sebagai sumber sandaran. Umpamanya, Shukri Ahmad dan Razali Md Zin telah bersandar pada dua (2) ayat al-Quran iaitu surah al-Baqarah, 2: 82 dan surah al-Kahfi, 18: 30 sebagai dalil mereka. Begitu juga Mohd Nor Nawawi (1991) turut bersandarkan kepada satu dalil yang sama iaitu surah al-Baqarah, 2: 82.

Sementara itu, Ismail Ibrahim (1991) dan Aminuddin Ruskam (1999) didapati telah bersumberkan kepada ayat yang sama antara keduanya iaitu surah al-Nahl, 16: 97. Justeru itu, prinsip Soleh ini telah disenaraikan sebagai prinsip etika kerja Islam oleh beberapa penulis di Malaysia ini bersandarkan tiga (3) ayat daripada al-Quran.


Hasil penelitian menunjukkan bahawa prinsip soleh merupakan antara prinsip yang telah dinyatakan hampir sejumlah bilangan para penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip ini juga telah disebut dengan jelas bersumberkan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi asas sumber utama kepada etika kerja Islam.

3.3 Kekekapan Prinsip dan Dalil Etika Kerja Islam dalam Karya

Pada bahagian ini akan ditentukan kekerapan bagi tiap-tiap etika kerja Islam yang telah dinyatakan oleh para penulis. Kekekapan etika kerja Islam ini ditentukan melalui tiga puluh (30) buah karya yang dinilai. Setelah penelitian dilaksanakan melalui tiga puluh lima (35) etika kerja Islam yang disebut dalam karya-karya di Malaysia ini.

Berdasarkan rajah 3.36 di bawah, kajian mendapati bahawa etika kerja yang paling kerap dinyatakan dalam karya-karya ialah Tekun iaitu sebanyak 20 karya, Amanah dan Tanggungjawab 19 karya, 14 karya menyenaraikan prinsip Keadilan, prinsip Ikhlas 12 karya, Bekerjasama 11 karya, Niat Ibadat 10 karya, Ihsan 10 karya, Bermusyawarah 10 karya. Sementara itu, Kebaikan sembilan (9) karya, Cekap lapan (8) karya, Syukur tujuh (7) karya, Kebenaran enam (6) karya, Disiplin enam (6) karya, Takwa lima (5) karya, Ma'arof lima (5) karya, Seimbang empat (4) karya, Hargai Masa empat (4) karya, Bersih empat (4) karya dan Soleh empat (4) karya. Sementara itu, prinsip-prinsip lain seperti Tidak Terlalu Cinta Dunia, Tugas Berdasar Kepakaran, Kompetitif, Berilmu, Muhasabah dan Bertolak Ansur masing-masing disenaraikan dalam tiga (3) karya. Manakala, prinsip Kesabaran dan Menepati Janji disebut dalam dua (2) karya.

Selain itu, Merancang Kerja, Tawakal, Inovasi, Taat Setia, Dermawan, Rendah Diri, Mudah Urusan dan Berjimat Cermat, kesemua prinsip etika kerja Islam ini masing-masing hanya dinyatakan dalam satu (1) karya sahaja. Kekekapan prinsip ini boleh dilihat pada Rajah 3.6 di bawah.



Rajah 3.36. Kekerapan Etika Kerja Islam dalam Karya

3.4 Pendalilan Etika Kerja Bersandarkan al-Quran dan Al-Sunnah

Al-Quran dan al-Sunnah merupakan dua sumber utama kepada umat Islam. Kedua sumber ini hendaklah dijadikan rujukan utama bagi mengeluarkan dan mengukuhkan prinsip etika kerja Islam. Setelah penelitian dilakukan terhadap prinsip dan dalil yang telah dikeluarkan oleh para penulis ini didapati bahawa kebanyakan prinsip ini bersandarkan kepada dalil yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Terdapat juga prinsip yang hanya bersandar pada salah satu sumber tersebut sama ada al-Quran ataupun al-Sunnah. Namun begitu, terdapat juga prinsip yang disenaraikan oleh penulis tetapi tidak disandarkan kepada dalil al-Quran ataupun al-Sunnah. Sebanyak 29 prinsip etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia yang bersandarkan kepada sumber utama Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Sementara enam (6) prinsip lagi tidak bersandarkan kepada sumber al-Quran dan Al-Sunnah.

Hasil penelitian mendapati sebanyak 16 prinsip etika kerja Islam yang disenaraikan oleh para penulis ini bersandarkan sumber berdalilnya kepada al-Quran dan al-Sunnah iaitu, Niat Ibadat, *al-Birr*, Bertanggungjawab dan Amanah, Ikhlas, Tekun, Keadilan, Bersyukur, Hargai Masa, Ihsan, Bekerjasama, Seimbang, Berilmu, Cekap, Kebenaran, Tidak Terlalu Cinta Dunia dan Bahagi Tugas Kepakaran.

Sementara itu sebanyak 11 prinsip telah berdalil al-Quran sahaja iaitu, Disiplin, Rancang Kerja, Kompetitif, Bermusyawarah, Bersih, Tawakal, Takwa, Kesabaran, Mudah Urusan, Ma'aruf dan Soleh. Manakala terdapat dua (2) prinsip berdalil al-Sunnah sahaja iaitu, Muhasabah dan Tepati Janji. Selain itu, terdapat juga sebanyak enam (6) prinsip yang dikeluarkan oleh para penulis ini yang tidak bersandarkan

sumber dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah iaitu Inovasi, Taat Setia, Dermawan, Rendah Diri, Tolak Ansur dan Jimat Cermat.

Sementara itu terdapat sebanyak 76 ayat daripada al-Quran yang dijadikan sumber dalil kepada prinsip etika kerja tersebut. Namun begitu terdapat prinsip yang berbeza tetapi berdalilkan ayat yang sama. Terdapat 9 ayat yang sama tetapi digunakan pada prinsip yang berbeza. Kenyataannya seperti berikut:

Pertama, ayat 7 dan 8 surah al-Zalzalah dinyatakan pada 3 prinsip iaitu prinsip 3, 5 dan 6. Kedua, ayat 58 surah al-Nisa dinyatakan pada 3 prinsip juga iaitu prinsip 5, 6 dan 10. Ketiga, ayat 15 surah Saba dinyatakan pada 2 prinsip iaitu prinsip 5 dan 6, Keempat, ayat 1 surah al-Maidah dinyatakan pada 2 prinsip juga iaitu prinsip 5 dan 6. Seterusnya, Kelima, ayat 2 surah al-Maidah dinyatakan pada prinsip 17 dan 19. Keenam, ayat 8 surah al-Maidah dinyatakan pada 2 prinsip iaitu prinsip 2 dan 10. Ketujuh, ayat 38 surah al-Syuraa dinyatakan pada 2 prinsip iaitu 16 dan 17. Kelapan, ayat 90 surah al-Nahl dinyatakan pada 2 prinsip iaitu 10 dan 37. Kesembilan dalam surah al-Qasas ayat 77 dinyatakan pada 2 prinsip iaitu pada prinsip 2 dan 31.

Melalui sumber al-Sunnah pula, terdapat 34 al-Sunnah yang mewakili prinsip etika kerja tersebut. Sementara itu terdapat prinsip yang berlainan tetapi berdalilkan hadith yang sama. Terdapat lapan (8) al-Sunnah yang sama tetapi digunakan pada prinsip yang berbeza iaitu al-Sunnah pertama yang bermaksud: "*Kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua bertanggungjawab atas orang yang kamu pimpin*" (HR Bukhari) dinyatakan pada 2 prinsip iaitu prinsip 3 dan 7.

Sementara, al-Sunnah kedua yang bermaksud: *“Sebaik-baik manusia ialah orang yang paling banyak bermanfaat bagi sesama manusia”* (HR al-Quda) dinyatakan pada 2 prinsip juga iaitu prinsip 3 dan 6. Bagi al-Sunnah ketiga bermaksud: *“Sesiapa menipu, bukanlah ia dari golongan kami”* (HR Muslim) dinyatakan pada 2 prinsip iaitu prinsip 3 dan 6.

Selain itu, al-Sunnah yang keempat bermaksud: *“Sesungguhnya Allah suka jika seseorang itu bekerja, maka ia bekerja dengan tekun”* (Riwayat al-Baihaqi) dinyatakan pada 3 prinsip juga iaitu prinsip 7, 22 dan 37. Manakala al-Sunnah kelima yang digunakan pada prinsip berbeza iaitu al-Sunnah yang bermaksud: *“Apabila sesuatu urusan (pekerjaan) diberikan kepada orang yang bukan ahlinya maka tunggulah kehancuran”* (tanpa riwayat) dinyatakan al-Sunnah ini pada 3 prinsip iaitu prinsip 7, 22 dan 40.

Keenamnya, al-Sunnah, *“Sesungguhnya segala amalan itu beserta dengan niat”* dinyatakan pada 3 prinsip iaitu prinsip 1, 6 dan 7. Sementara itu bagi al-Sunnah yang ketujuh iaitu, *“Besarnya khianat seseorang yang menyatakan sesuatu pada temannya yang mempercayainya sedangkan ia berdusta pada teman itu”* dinyatakan pada 2 prinsip iaitu prinsip 9 dan 28.

Dari sudut para penulis pula, dapat dinyatakan di sini terdapat penulis yang bersumberkan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah pada setiap prinsip dalam karya mereka iaitu BHEI (1987), Kamal Hassan (2008), INTAN (1994), Lokman Abd. Rahman (1997), Syukri Ahmad dan Razali Mat Zain (2001), Mahmood Zuhdi (2005), Mohd Nor Nawawi (1991), Barjoyai Bardai (2002), Mustafa Omar (1998),

Aminuddin Ruskam (1999), Abdul Rahim Ahmad dan Shahrul Bariah Md. Zain (1990) dan Mazlan Musa (2007).

Sementara itu, terdapat juga para penulis yang bersumberkan dalil al-Quran dan al-Sunnah dalam karya mereka pada prinsip tertentu sahaja. Terdapat prinsip yang berdalil dan terdapat juga prinsip yang tidak berdalil. Para penulis tersebut ialah Abd. Aziz Yusof dan Ahmad Bashir (2008), Razali Mat Zain (1999), Abdullah Mohamad Zain (2004), Ismail Ibrahim (1994), Aidit Hj. Ghazali (1993), Abd Aziz Mohamed (1991), Mohd Janib Johari (2011), Mohamed Sharif Mustaffa dan Roslee Ahmad (2002), Syed Othman al-Habsyi (1994), Syarifah Hayaati (2003), Nik Mustapha (2002), Nor Azzah Kamri (2008), Osman Ayob (1990), Muhammad Uthman al-Muhammady (1994) dan Wan Norhashimah (2012).

Selain itu terdapat dua penulis yang tidak bersumberkan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah dalam karya mereka pada semua prinsip iaitu Mustafa Daud (1994b) dan Zainal bin Yang (2003).

3.5 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan tentang prinsip-prinsip etika kerja Islam dalam karya-karya di Malaysia. Perbincangan telah dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu mengenai nama penulis dan bilangan prinsip etika kerja Islam, persamaan dan perbezaan prinsip etika kerja Islam antara penulis serta sumber dalil bagi prinsip-prinsip etika kerja Islam tersebut.

Sebagai rumusannya, terdapat 35 prinsip etika kerja Islam yang ditemui melalui penelitian 30 karya penulis tentang etika kerja Islam di Malaysia. Sebilangan besar daripada mereka telah mengemukakan dalil berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat perbezaan pendapat mengenai prinsip etika kerja Islam dalam kalangan penulis-penulis tersebut. Terdapat lima (5) prinsip yang dominan dalam karya-karya yang telah dikemukakan oleh para penulis ini antaranya ialah Tekun, Bertanggungjawab dan Amanah, Keadilan, Ikhlas dan Bekerjasama.

Seterusnya pada bab yang akan datang ini akan dibincangkan keseluruhan analisis terhadap etika kerja Islam melalui al-Quran dan al-Sunnah serta etika kerja Islam dalam karya-karya penulis di Malaysia.

BAB EMPAT

ANALISIS HASIL KAJIAN

4.0 Pengenalan

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Pertama, mengenalpasti prinsip-prinsip etika kerja dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kedua, menganalisis prinsip-prinsip etika kerja Islam dan dalil yang dipakai oleh penulis-penulis etika kerja Islam di Malaysia. Ketiga, merumuskan keselarasan antara prinsip etika kerja Islam yang dipakai oleh penulis-penulis etika kerja Islam di Malaysia dengan etika kerja Islam dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Oleh itu, bab ini akan membincangkan objektif ketiga. Pada bab ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama, menganalisis prinsip-prinsip etika kerja yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kedua, menganalisis aspek mengenai prinsip etika kerja Islam yang ditulis oleh penulis karya-karya etika kerja Islam di Malaysia. Ketiga merumuskan keselarasan prinsip-prinsip etika kerja Islam.

4.1 Prinsip Etika Kerja Menurut al-Quran dan Al-Sunnah

Islam adalah satu cara hidup yang menyeluruh, bersifat fitrah dan pertengahan (sederhana). Islam juga adalah suatu agama yang menggalakkan manusia bekerja. Al-Quran serta al-Sunnah itu sendiri telah mencirikan budaya kerja Islam yang berbeza dengan budaya kerja lain secara ketara. Namun, bagi menghasilkan kerja yang cemerlang memerlukan etika kerja yang mapan dan menyeluruh dari segala sudut.

Etika merupakan satu perkataan yang sering digunapakai bagi menunjukkan tentang tata tertib atau perlakuan yang dianggap baik dan buruk dalam sesuatu pengalaman yang dilakukan oleh manusia (Mohd Nasir Omar, 1986). Etika kerja Islam merujuk kepada suatu set nilai atau sistem kepercayaan yang dititip daripada al-Quran dan al-Sunnah mengenai kerja (Shukri & Razali, 2001). Sememangnya budaya kerja Islam menuntut hubungan secara *multi-dimentional* dengan pelbagai aspek kehidupan termasuk aspek sosial, politik dan ekonomi. Ia bukan sahaja untuk membentuk hubungan antara manusia dengan Allah sebagai Tuhan yang disembah malah merangkumi pembentukan hubungan antara manusia dengan manusia dan alam sekeliling.

Pembentukan prinsip yang dibawa oleh al-Quran dan al-Sunnah tidak sama dengan mana-mana prinsip atau doktrin ciptaan manusia yang hanya berasaskan akal semata-mata. Akal fikiran manusia terbatas dan melahirkan prinsip yang terbatas sedangkan prinsip yang berasaskan wahyu bersifat menyeluruh dan mengandungi rahsia serta hikmah oleh penciptanya. Walaupun wujud persamaan perkataan, kod, ciri-ciri dan sebagainya, namun ia tetap berbeza dari sudut prinsip dan matlamat. Hal ini yang membezakan antara etika kerja Islam dengan etika kerja yang lain.

Secara umumnya terdapat lapan prinsip etika kerja yang dapat dikeluarkan melalui al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip-prinsip tersebut ialah; *Taqwa*, *Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Ma'ruf* dan *Itqan*. Keseluruhan prinsip-prinsip tersebut memberi satu pernyataan bahawa al-Quran dan al-Sunnah adalah merangkumi pelbagai aspek ilmu pengetahuan termasuk aspek etika yang dapat menjadi panduan dalam kehidupan umat manusia.

Secara umum, prinsip-prinsip etika kerja yang terbina melalui al-Quran dan al-Sunnah ini bermatlamatkan kepada mencapai ketaqwaan. *Taqwa* ialah prinsip utama yang membawa kepada kecemerlangan dalam pekerjaan. *Taqwa* akan memberikan pencapaian seseorang hamba untuk mendapatkan martabat *mardhatillah*. Prinsip *Taqwa* ini juga telah menjadi nadi utama untuk melahirkan tiga aspek yang berhubung dengan kecemerlangan kerja iaitu komitmen, ganjaran dan kepuasan kerja. Kebanyakan perbincangan para pengkaji etika kerja sama ada di Barat dan di Timur akan menfokuskan dan menghubungkan tiga teras utama yang dianggap membawa kepada kecemerlangan dalam kerja iaitu aspek komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran.

Menurut Abbas Ali (2008), pengkajian emperikal menunjukkan bahawa etika kerja Islam juga mempunyai hubungan dengan tiga aspek tersebut iaitu komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Begitu juga yang dinyatakan oleh Yuosef (2000), yang menjelaskan terdapat hubungan positif antara etika kerja Islam dengan aspek komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Abdul Rauf (1984) pula menjelaskan konsep etika kerja Islam dapat dikelaskan kepada dua bahagian iaitu bersifat intrinsik dan ekstrinsik. Kedua-duanya ialah faktor yang mendorong manusia untuk bekerja secara bersungguh-sungguh berteraskan aspek komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran dunia serta akhirat. Justeru, prinsip-prinsip yang dibina dalam al-Quran dan al-Sunnah ini sememangnya untuk melahirkan tiga aspek utama ini iaitu ganjaran, komitmen dan kepuasan kerja.

4.1.1 Aspek Ganjaran

Prinsip-prinsip yang dibina melalui al-Quran dan al-Sunnah ini akan menghubungkan pekerjaan yang baik dengan iman. Menerusi iman ia memberikan rasa kepuasan dan ketenteraman pada hati agar menerima segala pemberian Allah SWT iaitu ganjaran yang baik di dunia dan akhirat. Pengakuan iman sahaja belum bererti sebelum dibuktikan dengan kerja yang baik. Kerja yang baik pula mesti menuruti anjuran al-Quran dan al-Sunnah yang akan membawa kebaikan pada kehidupan iaitu ketenteraman dan kepuasan jiwa serta keselesaan. Kerja yang baik inilah yang akan memberikan ganjaran, komitmen dan kepuasan dalam kehidupan manusia.

Bagi seorang Muslim, kedudukan yang tertinggi ialah sifat kehambaan atau *ubuddiyah*. Sifat ini akan lahir dengan ketaqwaan kepada Allah SWT. Tanpa *ubudiyah* maka tidak mungkin dapat mengecapi kebahagiaan untuk memperolehi ganjaran-ganjaran lain. Sebaliknya dengan *ubudiyah*, seseorang Muslim tidak akan kecewa jika kerja yang dilakukan tidak mendapat ganjaran setimpal di dunia kerana dia masih yakin akan mendapat ganjaran abadi di akhirat.

Keinginan untuk mendapatkan ganjaran di dunia dan akhirat akan diperoleh berdasarkan prinsip Taqwa, *'Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Ihsan, Masuliyah, Ma'aruf* dan *Itqan* dalam kerja yang dilakukan. Kesungguhan dan ketekunan seorang pekerja yang mengikut prinsip-prinsip ini akan diberi ganjaran berupa kejayaan dalam mencapai kehendak dan keperluan hidup di dunia manakala ganjaran di akhirat pula akan diberikan nikmat berupa syurga dan terlepas dari neraka.

Walaupun bagaimanapun, ganjaran dalam Islam menjangkau lebih daripada teori Maslow. Ganjaran-ganjaran yang diterima oleh orang Islam merupakan ganjaran abadi yang boleh menjadi perangsang kerohanian, psikologi di samping menjadi ibadah yang dituai di akhirat kelak. Seorang ulama Islam iaitu Fakhrudin al-Razi (1990) telah menyatakan bahawa kerja yang baik akan memberikan ganjaran dan ganjaran tersebut melahirkan kepuasan kepada diri individu tersebut. Oleh itu, ganjaran dan balasan dapat melahirkan semangat kerja dan tanggungjawab kerja atau komitmen dengan lebih memuncak dalam kalangan umat Islam.

4.1.2 Aspek Komitmen

Komitmen lahir daripada keinginan untuk mendapatkan ganjaran di dunia dan akhirat. Keinginan ini memberikan satu semangat kepada pekerja atau pelakunya. Islam amat menekankan agar komitmen atau kesungguhan dalam bekerja ini hendaklah didasari kepada prinsip etika kerja Islam yang terdiri daripada *Taqwa*, *'Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Ma'aruf* dan *Itqan* dalam kerja yang dilakukan. Kesungguhan dan komitmen yang mengikut prinsip-prinsip ini akan lebih kukuh dari sudut kehambaannya kepada Allah SWT.

Menurut Salleh al-Fahdi (t.th), semangat dan komitmen bekerja hendaklah didasarkan kepada pegangan atau prinsip yang utuh. Prinsip etika kerja Islam berpaksikan asas yang kukuh kerana bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Komitmen dan kesungguhan dalam kerja akan menurun jika tidak bersandarkan kepada prinsip yang jelas. Ganjaran semata-mata tidak dapat memberikan jaminan terhadap komitmen kerja yang dilakukan secara berterusan. Ini kerana komitmen dan

kesungguhan bersangkutan dengan sikap pekerja tersebut dan bukannya ganjaran semata-mata.

Oleh itu, prinsip etika kerja yang dikeluarkan melalui saluran al-Quran dan al-Sunnah dapat memenuhi kehendak manusia sebagai hamba Allah SWT. Nilai *Taqwa* dan *Ihsan* telah memberikan pengawalan dalam hati manusia terhadap semangat bekerja. Nilai *'Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Masuliyah, Ma'ruf dan Itqan* pula menjadi penggerak kerja agar dapat dijalankan dengan sempurna.

Komitmen dan kesungguhan bekerja memerlukan kepada input dan output. Input bagi komitmen kerja berkait rapat dengan keyakinan terhadap kebenaran sesuatu kerja. Jika seseorang itu berpegang dengan keimanan kepada Allah, pasti dia akan berpegang dengan prinsip-prinsip dan ajaran yang bersumberkan wahyu Allah. Jika seseorang itu berpegang dengan kepercayaan terhadap kerja akan melaksanakan kerja mengikut keyakinan tersebut. Sementara output bagi komitmen kerja pula dapat difahami sebagai hasil pelaksanaan yang dilakukan iaitu melaksanakan kerja dengan cemerlang hingga pekerja itu mendapat kepuasan maksimum terhadap kerjanya. Oleh itu, komitmen kerja dapat disimpulkan sebagai satu perasaan kepuasan ketika kerja dalam kalangan pekerja sehingga mereka dapat memberikan tumpuan dan kesungguhan bekerja.

4.1.3 Aspek Kepuasan Kerja

Islam ialah agama yang turut mengambil kira aspek keperluan dan kehendak diri. Hal ini didasarkan kepada lapan prinsip etika kerja yang dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Sunnah yang telah menekankan aspek kepuasan kerja ini. Selain kepuasan

kerja, ganjaran dan komitmen juga ditekankan oleh Islam. Ketiga-tiga aspek ini pada hakikatnya saling berhubungan.


Kepuasan dalam Islam bukan hanya terbatas pada aspek material atau lahiriah semata-mata tetapi lebih daripada itu. Ianya bergantung pada sesuatu yang bersifat kejiwaan melibatkan keutuhan iman dan *amal saleh* (Ahmad, 2002). Manakala aspek kejiwaan itu hanya dapat dibentuk apabila berlaku pelaksanaan etika kerja Islam seperti *taqwa* dan *Ihsan*. Kedua-duanya merupakan asas dan matlamat untuk melahirkan sifat kehambaan seseorang Muslim itu. Melalui prinsip *Taqwa* dan *Ihsan* ini seseorang pekerja Muslim boleh merasai ketenangan jiwanya kerana dia dapat membuang sifat ego, penting diri dan memandang rendah kepada orang lain.

Sementara prinsip etika kerja yang lain seperti '*Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Ma'aruf*' adalah merupakan sifat penggerak yang mewujudkan perhubungan dua hala secara kukuh antara pekerja dengan majikan atau pekerja dengan orang yang berurusan dengan mereka. Dapat ditegaskan, kepuasan kerja mempunyai hubungan dengan aspek persaudaraan di mana hubungan yang baik di antara seseorang pekerja dengan pekerja yang lain akan memberikan kepuasan kerja.

Selain itu, kepuasan kerja juga terhasil melalui nilai *Masuliyah dan Itqan*. Kedua-dua nilai ini sebenarnya berhubung rapat dengan penghasilan kerja yang dilakukan. Kedua-duanya merupakan antara faktor utama untuk melahirkan minat untuk melakukan kerja malah menjadikan kerja tersebut sebagai rutin kehidupannya. Melalui nilai *Masuliyah dan Itqan* ini seseorang pekerja Muslim boleh merasai kepuasan pada dirinya kerana dia dapat melaksanakan kerja dan merasa satu yang

mengembirakan apabila dapat menyiapkan kerja tersebut dengan baik. Setiap penghasilan kerja yang baik dan memuaskan menjadi bukti bahwa pekerja tersebut telah melaksanakan tugasnya seperti yang dikehendaki.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa aspek komitmen, ganjaran dan kepuasan kerja akan lahir daripada perlakuan kerja yang selaras dengan pengamalan etika kerja Islam. Ketiga-tiga aspek ini saling berhubungan untuk menghasilkan kecemerlangan kerja. Setiap satu daripada tiga aspek tersebut mempunyai peranan dan kekuatan tersendiri dan saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Bagi melahirkan pekerja Muslim yang melaksanakan tugas mereka dengan panduan dan dorongan daripada al-Quran dan al-Sunnah seterusnya akan membawa kejayaan hidup dunia dan akhirat perlu untuk mengikuti landasan etika kerja Islam. Di bawah ini ditunjukkan gambar rajah 4.1 berkaitan hubungan rapat antara aspek komitmen, ganjaran dan kepuasan kerja dalam etika kerja Islam.



Rajah 4.1. Hubungan antara Aspek Komitmen, Ganjaran dan Kepuasan Kerja dari Sudut Etika Kerja Islam

Lapan prinsip etika kerja yang terbina melalui al-Quran dan al-Sunnah iaitu *'Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Ihsan, Masuliyah, Ma'aruf* dan Itqan dapat dibahagikan kepada dua iaitu, nilai intrinsik (dalaman) dan nilai ektrinsik (luaran) (Abdul Rauf, 1984). Pembahagian etika kerja Islam kepada aspek intrinsik dan ekstrinsik akan diterangkan di bawah ini.

4.1.4 Nilai Intrinsik (nilai dalaman)

Nilai intrinsik atau dalaman ialah sesuatu nilai yang diwujudkan dalam jiwa seseorang pekerja muslim. Nilai ini membentuk jiwa seseorang pekerja dan mendorongnya untuk melaksanakan perintah Allah SWT. Terdapat dua nilai bagi

aspek dalaman ini iaitu *Taqwa* dan *Ihsan*. Kedua-dua nilai ini juga akan mendorong seseorang pekerja melaksanakan kerjanya dengan komitmen yang tinggi, mewujudkan perasaan puas dengan kerja yang dilakukan serta menikmati ganjaran daripada hasil kerjanya dengan penuh kesyukuran. Nilai dalaman ini akan membentuk seseorang pekerja itu dari sudut peribadi, sikap, pengetahuan, pemahaman dan kepatuhan. Nilai ini juga akan mengawal perlakuan, perbuatan dan pelaksanaan kerja yang akan dilakukan oleh seseorang pekerja muslim tersebut.

4.1.5 Nilai Ekstrinsik (nilai luaran)

Nilai ekstrinsik atau nilai luaran adalah pelaksanaan yang dilakukan oleh seseorang pekerja dari segi perbuatan, sikap dan perlakuan yang dapat dinilai oleh orang lain. Nilai luaran ini ialah nilai yang akan menterjemahkan dan memperlihatkan sifat dalaman seseorang melalui tindakan luar. Tindakan luar ini akan memberikan lebih kekuatan semangat bekerja atau komitmen yang tinggi dan memberi manfaat kepada masyarakatnya. Nilai luaran yang terhasil daripada etika kerja Islam yang dibina melalui al-Quran dan al-Sunnah ini terdiri daripada enam prinsip iaitu *'Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Masuliyah, Ma'aruf* dan *Itqan*.


Semua unsur luaran ini berkaitan dengan tindakan, pelaksanaan dan pekerjaan yang dilakukan oleh setiap pekerja sewaktu menjalankan tugas yang diberikan kepada mereka dengan penuh komitmen, bersemangat, kepuasan terhadap kerja dan pastinya akan menerima ganjaran daripada kerja tersebut seperti yang dijanjikan sama ada di dunia dan di akhirat. Keseluruhan sifat-sifat ini akan membantu para pekerja mencapai matlamat organisasi dalam aspek penambahan produktiviti kerja dan penghasilan pengeluaran. Kedua-dua nilai iaitu nilai intrinsik dan nilai ekstrinsik

ialah nilai etika kerja Islam dan menghasilkan satu matlamat unggul. Matlamat ini akan mendominasi keseluruhan kehidupan manusia agar menjadi hamba kepada Allah SWT.

4.1.6 Matlamat Etika Kerja Islam

Matlamat etika kerja Islam ialah untuk melahirkan sifat ketaqwaan kepada Allah S.W.T dan mendapat kerahmatan dan keredhan dalam hidup. Matlamat etika kerja Islam ini merupakan suatu yang penting dan menjadi keutamaan untuk membentuk peribadi pekerja muslim. Terdapat satu nilai yang menjadi matlamat etika kerja Islam yang juga mendominasi semua nilai yang dibina melalui al-Quran dan al-Sunnah ialah *Taqwa*. Nilai *Taqwa* ini mengandungi elemen-elemen asas keutuhan jiwa manusia seperti ketaatan kepada Allah dan Rasul, keikhlasan melakukan pekerjaan, bersyukur dengan nikmat yang diterima dan sentiasa menyerah diri pada Allah. Segala perkara yang berlaku dan yang dilaksanakan dalam kehidupan manusia seperti bekerja atau sebagainya hendaklah menuju kepada matlamat utama iaitu ketaqwaan kepada Allah SWT.

Tegasnya, etika kerja Islam yang terbina melalui al-Quran dan al-Sunnah melibatkan ciri-ciri di atas iaitu motif kerja yang berlandaskan matlamat ketuhanan, membina sifat-sifat dalaman muslim yang baik dengan reda dan merasa puas pada tugas yang dijalankan dan ganjaran yang diterima, membentuk sifat luaran dan mewujudkan komitmen serta kesungguhan dalam bekerja.




Rajah 4.2. Matlamat, Nilai Intrinsik dan Nilai Ekstrinsik dalam Etika Kerja Islam

Kajian mendapati bahawa nilai intrinsik (dalaman) dan nilai ekstrinsik (luaran) akan mendorong seseorang pekerja kepada matlamat utamanya iaitu taqwa. Nilai *Taqwa* pula ini akan mewujudkan keinginan dan pengharapan kepada seseorang pekerja untuk mencapai martabat '*mardhatillah*'. Setelah perhubungan ini wujud dalam jiwa seseorang pekerja Muslim, pasti ia akan menghasilkan kerja yang cemerlang melalui aspek dan piawaian yang wujud melalui komitmen kerja, ganjaran dan kepuasan kerja.

Komitmen kerja dan kepuasan kerja juga terangsang daripada ganjaran. Ganjaran dalam Islam berbentuk ganjaran yang diperolehi di dunia dan ganjaran yang dijanjikan di akhirat. Bagi memperolehi kedua-dua bentuk ganjaran di dunia dan akhirat ini hendaklah berteraskan kepada ketaqwaan kepada Allah. Nilai *Taqwa* yang

tinggi akan mewujudkan nilai intrinsik (dalaman) yang utuh bagi merangsangkan tindakan yang perlu dilaksanakan. Pelaksanaan atau tindakan ini pula adalah nilai ekstrinsik (luaran) yang akan melakukan tindakan terhadap rangsangan dalaman, Di bawah ini dinyatakan rajah 4.3 menunjukkan pencapaian keseluruhan etika kerja Islam.



Rajah 4.3. Pencapaian Keseluruhan Prinsip-Prinsip Etika Kerja Islam

4.2 Analisis Prinsip-Prinsip Etika Kerja Islam dalam Karya Penulis di Malaysia

Bahagian ini akan menganalisis etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia. Sebanyak 30 buah karya yang ditemui hasil penelitian pengkaji. Karya ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu buku, jurnal dan prosiding kertas kerja. Terdapat sebanyak dua penulis karya ditemui dalam prosiding kertas kerja

membincangkan tentang prinsip etika kerja Islam iaitu Muhammad Uthman al-Muhammady (1994) dan Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2005). Sementara itu, sebanyak 21 buah karya daripada buku dan tujuh buah berbentuk jurnal. Karya-karya yang dianalisis ini menyatakan prinsip-prinsip etika kerja Islam. Karya-karya ini juga telah diterbitkan mengikut tahun terbitan bermula daripada permulaan pengisytiharan dasar etika kerja Islam di Malaysia pada 1987.

4.2.1 Persamaan dan Perbezaan Pada Prinsip Etika Kerja Islam

Terdapat prinsip-prinsip yang dinyatakan antara penulis ini mempunyai persamaan dan perbezaan. Persamaan dan perbezaan ini adalah disebabkan beberapa faktor iaitu;

a. Persamaan

Terdapat dua persamaan yang diberikan penekanan dalam kajian ini iaitu persamaan dari sudut prinsip dan persamaan dari aspek dalil. Persamaan dari sudut prinsip dan dalil ini wujud melalui tiga faktor. Pertama, persamaan wujud kerana persamaan sumber dalil yang digunakan oleh tiap-tiap penulis. Kedua, penulis yang terkemudian banyak terpengaruh dengan penulis sebelumnya. Ketiga, penulis-penulis ini juga telah menjadikan karya-karya sebelumnya sebagai rujukan.

Persamaan pada prinsip ini merupakan suatu yang wajar berlaku pada etika kerja Islam. Persamaan ini menunjukkan kesamaan dan kesatuan etika kerja yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, ia juga menunjukkan persamaan pada pandangan dan prinsip daripada kalangan penulis. Cuma yang membezakan

antara para penulis adalah penghuraian dan pendekatan yang diberikan dalam karya-karya mereka

b. Perbezaan

Perbezaan yang terdapat pada karya-karya penulis di Malaysia ialah perbezaan pada bilangan atau jumlah prinsip yang dinyatakan dalam karya dan dalil yang dibawa oleh para penulis. Umpamanya perbezaan pada jumlah prinsip yang dinyatakan oleh penulis seperti, Osman Ayob (1990) menyatakan terdapat 11 prinsip etika kerja Islam, Yusof Ismail (1991) pula menyatakan tujuh prinsip etika kerja Islam, Syarifah Nor Hayaati (2003) pula menyatakan lima prinsip etika kerja Islam dan sebagainya. Setelah diteliti perbezaan ini berlaku disebabkan tiga faktor iaitu, pertama, berfokus pada tajuk tertentu. Kedua, pembentukan prinsip secara umum atau secara khusus. Ketiga, sumber dalil. Perbincangannya seperti berikut:

i. Tajuk

Perbezaan dari sudut tajuk memberikan fokus dan penghuraian yang berbeza antara penulis. Umpamanya, Mahmood Zuhi (2005) memfokus tajuk artikelnya iaitu, “Etika Kerja Melalui Pandangan al-Sunnah”. Oleh itu, penulis akan membawa prinsip-prinsip yang hanya terkandung di dalam sunah sahaja tanpa memfokuskan prinsip yang datang daripada al-Quran.

Sementara itu, Razali Mat Zain (1999) pula telah memfokuskan kepada tajuk, “Etika Kerja Islam dari Sudut Produktiviti Kerja”. Justeru, penulis pastinya akan memfokuskan prinsip etika kerja Islam yang mempunyai kaitan dengan produktiviti kerja sahaja umpamanya taqwa dan bertanggungjawab. Menurut penulis lagi, dua

nilai ini merupakan tunjang kepada mewujudkan produktiviti kerja yang baik daripada kalangan pekerja. Prinsip *Taqwa* menghubungkan pekerja dengan Allah (*hablu minallah*) dan prinsip tanggungjawab menghubungkan manusia dengan manusia (*hablu minannas*).

Oleh itu, perbezaan yang wujud antara penulis disebabkan berfokus pada tajuk tertentu dalam etika kerja Islam adalah satu perkara yang telah menjadi kelaziman. Perbezaan tajuk akan menjadikan topik perbincangan dan penghuraian berbeza.

ii. Prinsip Umum dan Prinsip Khusus

Perbezaan juga berlaku disebabkan pembentukan prinsip-prinsip etika kerja Islam oleh penulis bersifat umum serta menyeluruh atau secara khusus dan berfokus. Umpamanya, pembentukan prinsip menyeluruh dan umum seperti yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI), JPM (1987), mencatatkan lima prinsip utama sebagai dasar umum etika kerja Islam di Malaysia iaitu beribadah kepada Allah, bermatlamat kesejahteraan sejagat, bekerja dengan amanah, bekerja dengan bergotong royong dan bekerjasama dan bekerja dengan cekap dan tekun.

Pembentukan yang dilakukan oleh BHEI (1987) ini adalah bersifat umum dan menjadi asas pembentukan etika kerja Islam yang dianjurkan di Malaysia sama ada sektor awam atau swasta dan juga sebagai garisan umum untuk kakitangan bawahan atau atasan, profesional atau sokongan.

Sementara itu, contoh prinsip secara khusus dan berfokus yang dinyatakan oleh penulis umpamanya karya Osman Ayub (1990), memberi penekanan khusus untuk

melahirkan profesionalisme melalui etika kerja Islam. Beliau telah membawa prinsip yang berfokuskan kepada melahirkan profesional Islam seperti kehidupan dunia berhubungkait dengan kehidupan akhirat, menjaga masa, sifat mahmudah, nilai dan baiki pekerjaan, gaji upah berpatutan, tekun dan cekap, amalkan syura, pembahagian tugas ikut kepakaran, membuat perhubungan dan memudahkan urusan. Prinsip-prinsip yang dinyatakan oleh Osman Ayob (1990) ini memberi penumpuan penuh untuk melahirkan profesional Islam yang unggul.

Perbezaan juga wujud dari sudut prinsip kerana terdapat penulis yang lebih cenderung kepada prinsip yang mendorong kepada kecemerlangan aspek luaran semata-mata seperti tekun, bersungguh, rajin dan sebagainya. Namun, para penulis ini kurang memberikan penekanan kepada aspek dalaman bagi melahirkan pekerja Muslim yang bertaqwa, ikhlas, taat dan sentiasa bertawakal kepada Allah. Jika aspek dalaman dan luaran diberikan penekanan serentak pasti akan menghasilkan pekerja yang produktiviti dan juga cemerlang di dunia dan akhirat.

iii. Sumber Dalil

Terdapat juga perbezaan dalam kalangan penulis karya etika kerja Islam di Malaysia dari sudut sumber dalil. Kebanyakan penulis membawa dalil bagi setiap prinsip yang dinyatakan samada bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah atau salah satu daripadanya. Namun, terdapat juga penulis yang tidak membawa sumber dalil dalam karya mereka bagi prinsip yang dinyatakan. Sepatutnya keadaan ini tidak berlaku dalam kalangan penulis di Malaysia kerana ia akan menunjukkan bahawa terdapat penulis di Malaysia yang menyatakan prinsip etika kerja Islam tetapi tidak berpandukan kepada sumber utama Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Sebaliknya

para penulis ini akan dilihat terpengaruh dengan pemikiran yang berpandukan kepada sumber lain seperti pemikiran sarjana barat dan sebagainya .

Secara keseluruhannya, walaupun terdapat perbezaan dari sudut bilangan prinsip, ini menunjukkan bahawa para penulis cuba untuk memberikan perincian kepada etika kerja Islam dengan lebih baik dan terperinci. Perincian yang dilakukan ini memberi lebih kefahaman dan lebih memudahkan pelaksanaan dalam kalangan pekerja muslim dan organisasi. Namun begitu, perbezaan ini juga telah mewujudkan etika kerja Islam yang tidak seragam dan terlalu banyak prinsip etika kerja Islam yang dikeluarkan serta mendatangkan kekeliruan. Kekeliruan ini akan mendatangkan kesukaran kepada para pekerja serta pihak organisasi untuk melaksana dan menerapkannya.

Akhirnya penekanan terhadap etika kerja Islam hanya diterap dan dilaksanakan sebahagian sahaja untuk memenuhi kehendak produktiviti organisasi atau pekerja-pekerja tersebut sahaja untuk perolehan dan matlamat dunia semata-mata. Sedangkan etika kerja Islam ini perlu digarap secara keseluruhannya yang membabitkan perolehan dunia dan akhirat. Penerapan secara keseluruhan perlu kerana prinsip-prinsip ini berhubung kait antara satu dengan yang lain bagi melengkapkan dua aspek yang terdapat pada diri manusia iaitu aspek dalaman dan luaran. Pelaksanaan piawaian etika kerja begini yang akan memberikan hasil yang terbaik kepada pekerja-pekerja dan organisasai melalui pendekatan etika kerja Islam yang sempurna.

4.2.2 Prinsip yang Dominan dalam Karya

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima nilai yang paling dominan dalam karya-karya yang dikaji ialah nilai tekun (20), nilai amanah dan tanggungjawab (19), keadilan (14), ikhlas (12) dan kerjasama (11). Kelima-lima nilai ini merupakan nilai yang ditonjolkan dalam karya-karya penulis etika kerja Islam di Malaysia.

i. Tekun

Kecenderungan para penulis karya terhadap prinsip tekun, tanggungjawab dan amanah, keadilan, ikhlas dan kerjasama menggambarkan keselarasan kefahaman mereka terhadap makna dan definisi etika kerja Islam yang menepati al-Quran dan al-Sunnah. Sememangnya tekun diakui sebagai prinsip utama yang menekankan kesungguhan bekerja. Produktiviti kerja dikaitkan dengan ketekunan. Sebarang kerja akan lebih menumpu kepada matlamat terakhir iaitu menghasilkan produktiviti yang optimum. Semua kerja ini diikat dengan prinsip ketekunan. Al-Quran juga dalam semua bentuk ayatnya menekankan kerja secara tekun yang dinamakan sebagai kualiti kerja. Misalnya ayat dalam surah al-Mukminun yang bermaksud:

Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu orang yang khusyuk dalam solat, orang yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang tidak berguna, orang yang menunaikan zakat, orang yang memelihara kemaluan.

(Surah al-Mukminun, 23: 1-5)

Untuk menjadi seorang yang berjaya seperti yang dinyatakan melalui ayat di atas, ia memerlukan ketekunan untuk melaksanakan semua piawaian yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Umpamanya, khusyuk dalam solat akan terhasil melalui sifat ketekunan dalam melaksanakan solat lima kali setiap hari tanpa jemu. Sifat ketekunan ini akan mendatangkan hasil khusyuk dalam solat. Khusyuk ini

memberikan pengisian terhadap piawaian untuk menjadi hamba yang beriman dan berjaya di sisi Allah.

Sebaliknya jika diri dikuasai oleh sifat yang berlawanan dengan sifat tekun iaitu malas, pastinya segala hasil kerja juga akan menghadapi kemerosotan dan kelalaian. Kemerosotan ini menjadikan hilangnya kesungguhan, ganjaran dan kepuasan terhadap kerja yang dilakukan. Seperti mana firman Allah bermaksud;

Neraka wail bagi mereka yang melakukan solat, iaitu solat yang dilakukan dengan penuh kelalaian.

(Surah al-Maa'uun, 107: 4-5)

Ternyata prinsip ketekunan yang menjadi prinsip utama para penulis ini menepati etika kerja Islam dan selayaknya diletakkan sebagai prinsip pertama. Etika kerja Barat yang diambil berasaskan etika kerja Protestan juga menganggap ketekunan sebagai prinsip utama seperti mana yang dinyatakan oleh Max Weber (1958) bahawa ketekunan adalah prinsip yang membawa kejayaan dalam segala bentuk usaha yang dilakukan.

Masyarakat Jepun merupakan antara masyarakat yang mempunyai etika kerja yang kuat. Prinsip ketekunan merupakan prinsip utama dalam masyarakat jepun seperti dalam kepercayaan "Zen" melalui ajaran yang dibawa oleh Sami Shosan iaitu, "Seorang tukang yang mahir akan tekun memberikan sepenuh perhatian dan penumpuan kepada kerjayanya dan seorang samurai yang hebat sentiasa tekun mengasah kemahirannya bermain pedangnya" (Shishehei, 1990).

Jelasnya, prinsip tekun merupakan prinsip yang ditekankan dalam setiap budaya kehidupan masyarakat dunia. Begitu juga dalam bentuk penekanan dari sudut kepercayaan agama. Islam yang menjadi agama kemajuan dan ketamadunan pastinya lebih memberikan penekanan dari sudut ini. Tegasnya, etika kerja Islam berteraskan kepada nilai ketekunan dan diakui nilai ini ialah prinsip yang menepati kehendak al-Quran dan al-Sunnah.

Nilai tekun juga amat berkait rapat dengan nilai tanggungjawab dan amanah. Nilai tanggungjawab dan amanah ini juga mendominasi karya para penulis karya etika kerja Islam di Malaysia iaitu sebanyak 19 karya. Tanpa tanggungjawab dan amanah, sifat ketekunan tidak dapat digilap. Tanggungjawab dan amanah merupakan nilai yang penting dalam pelaksanaan kerja. Menurut Fathi Yakan (1987), prinsip ini menggambarkan hubungan antara manusia dengan Allah dan manusia sesama manusia. Pertanggungjawaban kepada Allah bermakna seseorang itu mesti menunaikan perintah Allah dan rasul-Nya berdasarkan setiap amanah yang dibebankan. Menolak amanah bermakna melakukan khianat. Perlakuan khianat mengakibatkan dosa dan natijah dari dosa ialah balasan seksa dan kemurkaan Allah SWT.

ii. Tanggungjawab dan Amanah

Nilai tanggungjawab dan amanah sangat berkait rapat dengan keimanan seseorang. Seseorang yang beriman adalah orang yang bersifat amanah dan menerima segala kewajipan yang dipertanggungjawabkan kepadanya dengan jujur (Muzjaajiy, 1994). Hasil daripada sifat keimanan yang wujud dalam hati melalui hubungan dengan

Allah membawa kepada pelaksanaan kerja yang cemerlang melalui perhubungan dengan manusia.

Sabda Nabi SAW bermaksud:

Tiada iman bagi orang yang tiada amanah dan tidak beragama bagi orang yang mungkir janji.

(HR Ahmad, musnad Anas bin Malik: no 12718)

Perbuatan khianat dan mungkir janji merupakan sifat yang sangat berlawanan dengan nilai tanggungjawab dan amanah. Sifat ini akan membawa kerosakan kepada organisasi. Sifat ini akan mewujudkan permusuhan dan menghilangkan nilai kepercayaan sesama para pekerja. Oleh itu, Islam amat menekankan kepada nilai tanggungjawab dan amanah dalam setiap aspek kehidupan. Penekanan tersebut lebih ditumpukan apabila melaksanakan sesuatu kerja yang dihubungkan dengan manusia lain. Ini merupakan satu imej terhadap umat Islam dalam melaksanakan kerjanya.

Nilai tanggungjawab dan amanah ini juga turut ditekankan dalam etika kerja Cina yang dikaitkan dengan ajaran Confucius. Menurut Confucius, prinsip etika kerja terbentuk daripada konsep “Woo Lun” yang membawa maksud ‘Lima Hubungan Asas Manusia’. Bagi mendapat kejayaan terhadap ‘Lima Hubungan Asas’ ini, ia mesti berpaksikan kepada nilai tanggungjawab antara satu sama lain (Richard Bush, 1982). Ini merupakan kejayaan yang telah dibawa oleh Confucius kepada pembentukan tamadun China hingga menjadi tamadun yang cemerlang semenjak 4000 tahun dahulu.

Justeru, penekanan kepada nilai tanggungjawab dan amanah dalam karya penulis di Malaysia merupakan suatu yang tepat. Ia merupakan nilai yang ditekankan dalam

penghidupan manusia daripada pelbagai budaya dan kepercayaan. Oleh itu, nilai tanggungjawab dan amanah yang dibawa oleh penulis dalam karya etika kerja Islam adalah bertepatan dengan pandangan daripada al-Quran dan al-Sunnah.

iii. Keadilan

Selain itu, nilai yang seterusnya adalah keadilan. Secara umumnya, pengertian bagi keadilan itu ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya (al-Qardhawi, 1999). Keadilan itu bukan persamaan tetapi persamaan itu salah satu aspek dalam keadilan (Muhammad Nejatullah, 1988). Keadilan lebih maklum dengan tidak melakukan kezaliman, tidak khianat, tidak melakukan kesalahan, melakukan perkara yang benar dan baik mengikut lunas-lunas Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Nilai keadilan ini juga sangat berkait rapat dengan nilai tanggungjawab dan amanah yang membawa kepada keluhuran dalam melaksanakan pekerjaan. Tanpa nilai tanggungjawab dan amanah tidak mungkin wujud keadilan dalam pekerjaan kerana ia akan mewujudkan pengkhianatan samada pada diri sendiri atau orang lain.

Nilai keadilan juga merupakan suatu yang penting dalam pembentukan pekerja beretika dan cemerlang. Al-Ghazali (1980), berpendapat bahawa keadilan itu ialah kemampuan untuk mengawal tenaga, nafsu dan marah pada kadar yang semua sifat-sifat tersebut dapat berfungsi menurut akal yang betul dan juga syariah.

Daripada kenyataan ini menunjukkan bahawa nilai keadilan perlu dalam melahirkan pekerja yang cemerlang. Ia mempunyai pertalian rapat dengan akal yang dalam melaksanakan tindakan yang terbaik kerana akal mempunyai keupayaan untuk mengurus dan menghubungkan dengan nilai *taqwa*. Kedua-dua nilai ini iaitu

keadilan dan taqwa mempunyai pertalian yang kuat antara satu sama lain. Apabila seseorang Muslim yang adil dan seimbang secara tidak langsungnya telah menyempurnakan sebahagian dari sifat taqwa. Dengan demikian, tanpa keadilan maka tiada juga ketaqwaan.

Keadilan juga wujud apabila seseorang menggunakan akal fikiran untuk merancang, mengorganisasi dan mentadbirkan sesuatu kerja dengan baik. Oleh itu, tenaga pemikiran seseorang pekerja itu mesti dikawal secara seimbang agar keadilan wujud dalam setiap keputusan yang dibuat. Apabila sesuatu perancangan ditentukan berasaskan pertimbangan yang waras dan tidak dipengaruhi oleh emosi maka seorang Muslim itu telah dikira memiliki ciri-ciri ketaqwaan. Sudah pastinya ketaqwaan akan membawa kepada kecemerlangan seperti yang telah dirakamkan oleh Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

Sesungguhnya orang yang muttaqin(bertaqwa) itu akan mendapat kejayaan cemerlang.

(Surah al-Naba, 78: 31)

Menurut Zainal (2003), keadilan juga adalah sesuatu yang mutlak dan tidak relatif. Ia merupakan salah satu nilai yang menjadikan *world view Islam* (pandangan dunia luar kepada Islam) lebih sempurna, mudah dan bersifat sejagat. Oleh sebab itu, ia merupakan satu nilai universal yang diterima oleh setiap ahli masyarakat.

Justeru, penekanan oleh Islam dalam melaksanakan keadilan ini berlaku secara menyeluruh sama ada pada diri sendiri (Surah al-Nisa, 4: 135), kaum keluarga (Surah al-Nisa, 4: 135), sesama manusia (Surah al-Nisa, 4: 58), terhadap orang-orang kafir (Surah al-Mumtahanah, 60: 8) dan juga terhadap kelainan kaum dan bangsa (Surah

al-Maidah, 5: 8). Penekanan ini merupakan satu perkara yang penting dalam proses pembentukan jiwa kemanusiaan yang luhur dan menghasilkan individu pekerja yang melaksanakan kerjanya dengan kekuatan rohani dan jasmani. Seseorang itu bekerja bukan hanya untuk hidupnya di dunia semata-mata tetapi juga untuk akhiratnya. Prinsip keadilan yang dinyatakan oleh kebanyakan para penulis dalam karya mereka sangat bertepatan dengan kehendak daripada al-Quran dan al-Sunnah.

iv. Ikhlas

Prinsip seterusnya yang mendominasi karya penulis di Malaysia ialah ikhlas. Nilai ikhlas tidak boleh dipisahkan dengan melahirkan pekerja cemerlang. Dengan keikhlasan, seseorang pekerja akan bekerja dengan satu pengawasan yang tidak dikaitkan dengan unsur ganjaran dan paksaan. Meskipun tanpa ganjaran ataupun dilihat oleh seseorang, dia tetap melaksanakan tanggungjawabnya disebabkan prinsip ikhlas, ia mengajar seseorang itu melakukan kerja dengan sukarela. Pekerjaan secara sukarela ini akan wujud bersama-sama dengan minat terhadap kerja dan seseorang yang bekerja dengan minat dapat menolak sebarang gangguan kerjanya dengan perkara yang boleh menghilangkan keikhlasan.

Islam memberi penekanan kepada prinsip keikhlasan yang lebih bersifat menyeluruh yang menghubungkan antara manusia dan Allah SWT. Segala perlakuan mesti ditujukan kepada Allah semata-mata. Walaupun perlakuan itu berlaku antara manusia dengan manusia atau dengan makhluk lain, ia tetap dikehendaki bermatlamatkan kerana Allah. Oleh itu, prinsip ikhlas ini akan memberikan jalan pembukaan kepada pekerja agar dapat melaksanakan sesuatu tugas tersebut dengan penuh perhatian dan bersungguh-sungguh.

Segala bentuk ganjaran yang di dapati di dunia bukannya menjadi suatu keutamaan, ia hanya limpahan rezeki yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Para pekerja juga akan merasakan bahawa pekerjaan yang mereka laksanakan ini ialah satu perbuatan amal ibadah. Ia akan memberi satu perasaan kepuasan terhadap kerja yang mereka lakukan kerana pastinya ia akan menjadi bekal untuk penghidupan di akhirat kelak.

Justeru, ikhlas merupakan satu prinsip yang perlu diketengahkan oleh para penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Prinsip ikhlas juga perlu mendahului prinsip yang lain kerana ia merupakan antara prinsip asas yang menjadi tahap penilaian bagi seorang hamba dengan Penciptanya dan tahap seorang pekerja dengan tugasnya.

v. Kerjasama

Kerjasama turut menjadi prinsip yang popular dalam kalangan penulis di Malaysia. Sikap bekerjasama ini semestinya akan memberikan kebaikan dan kecemerlangan terhadap kerja dan produktivitinya. Seperti mana kata pepatah Melayu, “Berat sama dipikul ringan sama dijinjing”. Kehidupan dunia yang serba kompleks ini memberikan ruang kepada manusia untuk menjalinkan hubungan dengan semua makhluk di alam ini bagi kelangsungan hidup (*survival*).

Kerjasama memerlukan kepada keadilan antara dua pihak atau lebih. Ia tidak dapat dipisahkan. Tidak akan wujud kerjasama tanpa keadilan, malahan ia akan membawa kepada kezaliman. Keadilan akan memacu akal dalam melakukan tindakan agar berlakunya keseimbangan dan memberikan sesuatu pada haknya serta keperluannya. Sebuah organisasi memerlukan kerjasama yang utuh daripada kalangan atasan dan pekerja bawahan. Kerjasama ini mesti terhasil dengan keadilan yang dilaksanakan.

Jikalau tidak wujud keadilan atau tidak memberikan sesuatu hak kepada yang berhak pastinya tidak akan mendapat kerjasama yang sepenuhnya antara dua pihak. Seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud;

Sesungguhnya kebanyakan dari orang-orang yang bergaul dan bekerjasama (dalam berbagai-bagai lapangan hidup), setengahnya berlaku zalim kepada setengahnya yang lain, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh; sedang mereka amatlah sedikit.

(Surah Shaad, 38: 24)

Menerusi ayat ini juga didapati bahawa kerjasama berhubung rapat dengan aspek keimanan kepada Allah SWT. Aspek keimanan mampu membuatkan jiwa seorang pekerja itu merasakan puas dan mudah memberikan bantuan kepada yang memerlukan tanpa memerlukan sebarang balasan. Ia juga akan memberi bantuan dan pertolongan sebagai satu kerja amal. Ini akan melahirkan kepuasan terhadap kerja atau tugas yang dilaksanakan walaupun tanpa sebarang habuan kecuali mengeratkan perhubungan dan kerjasama.

Selain itu, sifat kerjasama juga dapat mengeratkan perhubungan kemanusiaan atau silaturrahim. Etika kerja masyarakat Cina melalui ajaran Confusius sangat menitik beratkan tentang mengeratkan perhubungan dalam pembentukan diri, keluarga, masyarakat dan negara (Bush, 1982). Umpamanya, konsep ‘ketaatan terhadap ibu bapa’ menghasilkan sifat kerjasama dan berperikemanusiaan. Fahaman ini menjelaskan bahawa;

Seseorang itu tidak dikatakan manusia sepenuhnya dengan hanya menerima nyawa dalam bentuk manusia sahaja. Sebaliknya, sifat kemanusiaan seseorang itu bergantung kepada masyarakat iaitu prinsip timbal balik antara manusia dan masyarakat. Ia saling berhubung kait dengan peraturan utama Confucian iaitu larangan membuat perkara yang manusia sendiri tidak mahu diperlakukan oleh orang kepada orang lain. Berbeza dengan individualisme, ia

mengimplikasikan bahwa manusia mesti tinggal bersama dengan mesra. Manusia harus menanam sifat yang baik iaitu murah hati dan keupayaan untuk simpati terhadap orang lain. Pemeliharaan sifat ini merupakan tugas pengajaran yang utama dalam Confucius dan Mencius.

(Carmody& Carmody, 1983: 135)

Islam amat menggalakkan sifat kerjasama ini berlaku dalam kehidupan umat Islam. Sesuatu pekerjaan yang dilakukan oleh umat Islam digalakkan dilakukan dalam bentuk kumpulan atau pasukan. Sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud;

Sesungguhnya Allah amat menyukai orang-orang yang berperang dengan jalannya (Islam) dalam satu barisan seperti satu bangunan yang tersusun rapi.

(Surah al-Saff, 61: 3)

Namun begitu, kerjasama yang dianjurkan oleh Islam itu mestilah mematuhi syarat dan piawaian yang telah ditentukan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW. Kerjasama, bantuan dan pertolongan yang ingin diberikan haruslah sesuatu yang memberikan kebaikan dan jika sebaliknya ia tidak digalakkan. Firman Allah SWT;

Hendaklah kamu bertolong-tolongan atas perkara yang membawa kebaikan dan ketaqwaan dan jangan sama sekali bertolongan dalam perkara yang membawa dosa dan permusuhan serta perpecahan.

(Surah al-Maidah, 5: 2).

Jelas penekanan Islam terhadap kerjasama dan menegah daripada berpecah belah. Perpecahan merupakan suatu yang mengakibatkan kemerosotan besar terhadap kecemerlangan kerja. Elemen yang membawa kepada kecemerlangan kerja seperti aspek komitmen dan kepuasan kerja akan luntur terhasil daripada perpecahan dan permusuhan yang berlaku dalam sesebuah organisasi kerja.

Justeru, nilai kerjasama merupakan satu prinsip yang perlu diberikan penekanan dalam konteks etika kerja Islam. Nilai ini diterima pakai oleh ahli masyarakat yang mempunyai budaya yang berbeza. Nilai ini juga sejajar dengan penekanan yang dibawa oleh al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber panduan kepada seluruh umat manusia.

Selain daripada lima nilai dominan yang dibincangkan ini, kajian juga mendapati para penulis turut menyatakan nilai-nilai lain bagi melahirkan pekerja yang cemerlang. Namun, terdapat prinsip yang kurang diberikan perhatian oleh kebanyakan penulis di Malaysia. Umpamanya prinsip merendah diri, dermawan, muhasabah, taat setia dan berjimat cermat.

Walaupun prinsip-prinsip ini ada kepentingannya terhadap etika kerja Islam, tetapi ia tidak dianggap penyumbang utama kepada etika kerja. Nilai ini perlu digabungkan dengan nilai-nilai lain yang mendominasi bidang pekerjaan seperti ketekunan, tanggungjawab, keadilan untuk menghasilkan kerja yang cemerlang.

4.2.2.1 Prinsip Dominan Hubungan Dengan Aspek Intrinsik dan Ekstrinsik

Selain itu, prinsip dominan dalam kalangan para penulis yang terdiri daripada lima nilai iaitu tekun, bertanggungjawab dan amanah, keadilan, ikhlas dan kerjasama merupakan nilai yang terkandung di dalam aspek intrinsik dan ekstrinsik. Setelah diteliti terdapat satu nilai terkandung di dalam aspek intrinsik dan empat nilai terkandung dalam ekstrinsik.

Nilai yang terkandung dalam intrinsik ialah ikhlas. Ikhlas merupakan tunjang utama yang mesti wujud dalam jiwa pekerja Muslim yang cemerlang. Ia berada dalam hati manusia dan tidak dapat dipapar, dihitung, dinilai serta ditentukan oleh manusia. Namun, sifat ikhlas ini dapat diterjemahkan melalui hubungan dengan aspek luaran. Sifat ikhlas yang wujud di dalam hati pekerja ini akan menjadi pencetus kepada kewujudan aspek luaran para pekerja. Justeru, para penulis secara umumnya bersepakat menyatakan bahawa bagi melahirkan pekerja yang cemerlang ia mesti bermula dengan keikhlasan iaitu satu sifat dalaman pekerja.

Sementara nilai yang berada di bawah aspek ekstrinsik atau luaran ada empat iaitu nilai tekun, nilai bertanggungjawab dan amanah, nilai keadilan dan nilai kerjasama. Sifat luaran ini lahir daripada pembentukan asas sifat dalaman iaitu ikhlas. Nilai luaran ini menterjemahkan dan melaksanakan nilai dalaman pekerja. Hasil daripada penekanan oleh kebanyakan para penulis dengan nilai-nilai ini menunjukkan bahawa para penulis bersepakat bahawa nilai-nilai yang ditonjolkan ini mampu untuk melahirkan pekerja yang cemerlang.

Dengan meneliti kepada kesemua nilai etika kerja Islam yang dikemukakan para penulis dalam karya mereka, dapat dikenalpasti bahawa nilai-nilai etika kerja Islam dalam karya ini juga dapat diketorkan kepada dua elemen utama iaitu aspek intrinsik (dalaman) dan aspek ekstrinsik (luaran) yang melibatkan diri pekerja. Sementara aspek dalaman dan aspek luaran ini pula membawa kepada matlamat utama etika kerja Islam.

Matlamat utama ini telah melahirkan jiwa pekerja ke arah kecemerlangan kerja melalui aspek komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Nilai-nilai yang bersangkutan dengan matlamat etika kerja ialah nilai yang signifikan bagi kebanyakan penulis karya etika kerja Islam di Malaysia. Para penulis mengakui matlamat etika kerja ialah melahirkan perhubungan dengan Allah, melahirkan keikhlasan, syukur, tawakkal dan taqwa. Nilai-nilai tersebut merupakan antara nilai terpenting yang terdapat di dalam jiwa seseorang pekerja muslim dalam melaksanakan sebarang jenis kerja dan tugas di dunia ini.

4.2.3 Aspek Pendalilan Prinsip Etika Kerja

Kajian mendapati bahawa terdapat sebanyak 35 nilai etika kerja Islam secara keseluruhan yang terkumpul melalui hasil karya para penulis di Malaysia. Daripada jumlah tersebut secara keseluruhannya terdapat 29 nilai etika kerja Islam yang bersumberkan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Manakala sebanyak enam nilai etika kerja Islam yang dinyatakan oleh penulis ini tidak bersumberkan dalil sama ada menerusi al-Quran ataupun al-Sunnah.

Terdapat empat nilai yang mendominasi sudut pendalilan al-Quran dan al-Sunnah dalam karya penulis di Malaysia. Nilai tersebut ialah, tanggungjawab dan amanah (16), ikhlas (14), keadilan (10) dan ihsan (10). Pada bahagian ini analisis akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertama, analisis terhadap prinsip-prinsip yang mendominasi dalil al-Quran dan al-Sunnah. Kedua, analisis terhadap prinsip-prinsip yang tidak bersumberkan dalil al-Quran dan al-Sunnah.

i. Prinsip yang Dominan Berdasarkan Dalil

Setelah diteliti nilai yang paling banyak bersumberkan dalil al-Quran dan al-Sunnah ialah nilai tanggungjawab dan amanah. Para penulis telah membawa dalil-dalil daripada al-Quran untuk memberikan pengukuhan terhadap nilai tanggungjawab dan amanah sebagai prinsip etika kerja Islam.

Antara mereka menyebut ayat yang berkaitan dengan “perintah melaksanakan dan menyampaikan tanggungjawab dan amanah” dalam surah al-Nisa, 4: 58. Ayat berkaitan “tunaikan janji dan amanah” dalam surah al-Maidah, 5: 1, ayat berkaitan “peringatan supaya jangan khianati amanah” dalam surah al-Anfal, 8: 27-28. Ayat yang berkaitan “larangan daripada melakukan penipuan” dalam surah al-Nahl, 16: 94, ayat yang menyebut tentang “mesti mengikuti perjanjian seperti yang dipersetujui” dalam surah al-Qamar, 54: 52-53. Begitu juga ayat yang menyebut tentang “manusia akan melakukan kezaliman apabila abaikan tanggungjawab dan amanah” dalam surah al-Ahzab, 33: 72, begitu juga ayat “larangan menyalahgunakan hak orang lain” dalam surah al-Isra, 17: 34. Seterusnya ayat berkaitan “segala tanggungjawab dan amanah yang diberikan akan dihitung walau sebesar zarah” dalam surah al-Zalzalah, 99: 7-8.

Sementara itu, terdapat juga beberapa buah al-Sunnah yang menyentuh nilai ini seperti al-Sunnah, “semua kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab dengan kepimpinannya” (HR al-Bukhari). Al-Sunnah yang menyebut tentang “sifat pemimpin yang khianati amanah” (HR Abu Daud), al-Sunnah “tiada wujud iman tanpa sifat amanah” (HR Ahmad). Al-Sunnah berkaitan “hak-hak seseorang hamba yang mesti ditunaikan dalam hidupnya” (HR Darulqatni). Al-Sunnah tentang “antara

sifat orang munafiq adalah mengkhianati amanah” (HR Muslim), Al-Sunnahtentang “manusia yang terbaik adalah yang bermanfaat kepada manusia lain” (HR Baihaqi) dan al-Sunnah tentang “ tegahan pada orang Islam daripada menipu” (HR Muslim).

Meneliti ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah tadi, didapati ia menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab dan amanah. Para penulis telah membawa dalil yang bertepatan dengan prinsip yang dinyatakan. Hasil kajian mendapati dalil-dalil tersebut memenuhi aspek yang berkaitan dengan tanggungjawab dan amanah pada diri pekerja sama ada pihak atasan ataupun bawahan.

Nilai seterusnya yang banyak bersumberkan dalil ialah ikhlas. Dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah telah dibawa oleh para penulis sebagai sumber utama kepada nilai ikhlas sebagai prinsip etika kerja Islam. Antara dalil-dalil daripada al-Quran tersebut ialah menyebut tentang “setiap amalan manusia itu akan dihitng oleh Allah” dalam surah al-Zalzalah, 99: 7-8. Pesanan kepada manusia “agar lakukan amalan dengan penuh keikhlasan” dalam surah al-Zumar, 39: 11. Ayat berkaitan “laksanakan pengibadatan kepada Allah dengan ikhlas” dalam surah al-Bayyinah, 98: 5, juga ayat berkaitan “hendaklah mensyukuri nikmat dengan penuh keikhlasan” dalam surah Saba, 34: 15. Begitu juga ayat tentang “perintah agar lakukan kerja dengan amanah dan ikhlas” dalam surah al-Nisa, 4: 58, ayat tentang “mesti tunaikan janji” dalam surah al-Maidah, 5: 1.

Sementara itu, sumber dalil berdasarkan al-Sunnah ialah seperti al-Sunnah yang berkaitan dengan “niat yang ikhlas akan mendapat ganjaran daripada Allah” (HR al-

Bukhari dan Muslim). Demikian juga al-Sunnah berkaitan dengan “melakukan sesuatu dengan memberi manfaat kepada orang lain tanpa meminta balasan” (HR Ahmad).

Terdapat juga al-Sunnah lain seperti “sebaik-baik manusia banyak bermanfaat bagi sesama manusia” (HR Baihaqi). Al-Sunnah berkaitan “larangan menipu dalam percakapan” (HR Muslim) dan al-Sunnah yang menyebut tentang “lakukan kerja dengan ikhlas walau sedikit” (HR Baihaqi). Begitu juga al-Sunnah yang menyebut tentang “orang benar dan ikhlas akan bersama para nabi di akhirat kelak” (HR al-Tirmidzi; Ibn Majah dan Abu Daud). Seterusnya al-Sunnah tentang “larangan daripada mempunyai sifat suka mendustai sahabat karib” (HR al-Bukhari).

Ayat-ayat al-Quran dan dalil al-Sunnah-al-Sunnah ini didapati menyentuh tentang perkara yang berkaitan dengan keikhlasan. Para penulis telah membawa prinsip yang selari dengan dalil. Hasil kajian mendapati dalil-dalil yang dinyatakan tersebut menyebut semua aspek yang berkaitan dengan ikhlas yang mesti wujud pada diri seorang pekerja untuk melahirkan pekerja yang cemerlang dunia dan akhirat.

Nilai seterusnya yang juga mempunyai banyak dalil ialah nilai keadilan. Prinsip ini juga telah disebutkan oleh para penulis bersandarkan kepada dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah sebagai prinsip etika kerja Islam. Antara dalil-dalil daripada al-Quran ialah “suruhan agar melaksanakan hukuman dengan adil” dalam surah al-Nisa, 4: 58. Terdapat ayat berkaitan “galakan berlaku adil dalam rumah tangga” dalam surah al-Nisa, 4: 129.

Begitu juga ayat tentang “apabila menjadi saksi hendaklah menjadi saksi yang adil” dalam surah al-Nisa, 4: 135. Ayat tentang “kebenaran akan bawa keadilan dalam hidup bermasyarakat” dalam surah al-Maidah, 5: 8. Ayat yang menyeru agar “melakukan keadilan dengan kaum kerabat” dalam surah al-Nahl, 16: 90. Begitu juga ayat yang menyeru “keadilan dalam kelompok atau masyarakat” dalam surah al-Syura, 42: 15. Begitu juga ayat “perintah adil terhadap golongan bukan Islam” dalam surah al-Mumtahanah, 60: 8.

Sementara itu, terdapat juga dalil daripada sumber al-Sunnah antaranya al-Sunnah yang berkaitan tentang “hukum potong tangan terhadap pencuri walaupun kaum keluarga sendiri” (HR Muslim). Al-Sunnah ini menunjukkan keadilan dalam pelaksanaan hukuman dan undang-undang. Seterusnya, terdapat juga al-Sunnah yang berkaitan dengan “kisah kehancuran kaum terdahulu kerana tiada keadilan dalam pelaksanaan hukuman” (HR Baihaqi).

Ayat-ayat al-Quran dan dalil al-Sunnah-al-Sunnah ini yang membincangkan mengenai keadilan dalam karya didapati menyentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan keadilan dalam etika kerja Islam. Para penulis telah membawa prinsip yang selari dengan dalil. Setelah diteliti didapati dalil-dalil tersebut menyebut aspek-aspek penting yang berkaitan dengan keadilan pada diri pekerja untuk melahirkan pekerja yang melakukan tindakan dan melaksanakan kerja mengikut pertimbangan iman dan akal untuk kecemerlangan dunia dan akhirat.

Sementara itu, nilai seterusnya yang didatangkan dengan dalil yang juga dalam jumlah yang banyak dalam karya penulis di Malaysia ialah nilai ihsan. Nilai ini telah

disebut oleh para penulis antara nilai etika kerja Islam bersandarkan kepada dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat perbincangan dalam al-Quran yang telah dibawa umpamanya ayat yang menyebut tentang “hendaklah *ihsan* dalam melakukan kebajikan” dalam surah al-Baqarah, 2: 112. Ayat yang berkaitan dengan “menyeru untuk melakukan kebaikan terlebih dahulu kepada kaum kerabat” dalam surah al-Nahl, 16: 90. Selain itu, ayat tentang “seruan berbuat baik kepada sesama manusia” dalam surah al-Qasas, 28: 77, serta ayat tentang “akan menjadi ujian melakukan sewaktu melakukan amalan-amalan baik” dalam surah al-Mulk, 67: 1-2.

Sementara itu, bagi dalil yang berasaskan daripada sumber al-Sunnah pula antaranya al-Sunnah yang dinyatakan oleh Imam Nawawi (1996) dalam *matan arba'in*, sabda Nabi SAW:

Hendaklah kamu beribadah kepada Allah seumpama kamu melihat Allah, walaupun kamu tidak melihat Allah tetapi Allah pasti melihat kamu

Al-Sunnah tentang “sifat *ihsan* seorang hamba akan bawa cemerlang dalam setiap perkara” (HR Muslim). Al-Sunnah tentang “bersifat *ihsan* pada semua perkara” (HR Muslim dan Ibn Majah). Begitu juga al-Sunnah tentang “lakukan kerja dengan sebaik-baiknya penuh ketelitian dan kemahiran” (HR Baihaqi). Seterusnya al-Sunnah tentang “saranan melakukan sesuatu amalan umpama melihat Allah dan mengetahui Allah Maha Melihat” (HR Muslim).

Ayat-ayat al-Quran dan dalil al-Sunnah-al-Sunnah ini didapati menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan *ihsan*. Para penulis telah membawa nilai yang selari dengan dalil. Hasil kajian mendapati dalil-dalil tersebut menyebut aspek-aspek

penting yang berkaitan dengan nilai *ihsan* pada diri pekerja. Sifat ini perlu untuk melahirkan pekerja yang melakukan tindakan dan melaksanakan kerja mengikut pertimbangan iman yang kukuh kepada Allah dalam segala keadaan untuk kecemerlangan dunia dan akhirat.

Kajian telah menunjukkan bahawa dalil-dalil yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah yang dinyatakan oleh para penulis ini menepati kepada prinsip yang disebutkan dalam karya mereka. Setiap prinsip itu didatangkan dalil yang telah dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunnah ataupun salah satu daripada sumber tersebut.

Secara jelasnya, nilai-nilai etika kerja Islam yang dinyatakan dalam karya berasaskan kepada dua bentuk iaitu menggunakan perkataan yang disebut dalam al-Quran dan al-Sunnah secara terus umpamanya *ʿAdl* maka dinyatakan secara terus nilai etika kerja Islam adalah keadilan. Seterusnya, bersandar pada makna dan penafsiran semasa pada perkataan yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah umpamanya, *fastabiqul* iaitu membawa maksud berlumba-lumba. Oleh itu, terdapat penulis yang berdalilkan dengan ayat ini dan meletakkan nilai etika kerja Islam yang seiringan dengan maksud perkataan *fastabiqul* iaitu nilai kompetitif.

Ini menunjukkan bahawa kebanyakan para penulis telah menjadikan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama mereka untuk menyatakan prinsip etika kerja Islam. Ini bertepatan dengan pendirian sebagai seorang penulis Muslim yang memberikan penumpuan utama kepada sesuatu yang datang daripada

al-Quran dan al-Sunnah berbanding dengan pandangan daripada pemikiran luar terutamanya barat.

ii. Prinsip yang Tiada Mempunyai Dalil

Kajian mendapati bahawa terdapat nilai-nilai etika kerja Islam dalam karya yang tiada disertakan bersama dalil bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat penulis yang hanya memberikan huraian tanpa sebarang sandaran daripada sumber dalil. Oleh itu, timbul keraguan pada nilai-nilai yang dinyatakan tersebut samada berpandu pada pendekatan Islam atau saduran daripada prinsip Barat. Selain itu, penghuraian dan penerangan lebih menekankan kepada kecemerlangan kerja dan produktiviti kerja.

Menurut Ibrahim Abu Sin (1991), jika kecemerlangan kerja dan produktiviti kerja sahaja diberi penekanan tidak mustahil ia terperangkap kepada pemikiran barat. Islam memberikan penekanan bukan hanya pada kecemerlangan kerja semata-mata malahan juga kepada kecemerlangan diri pekerja. Nilai-nilai etika kerja Islam dalam karya tidak dinyatakan dalil kerana penulis tidak mendalami tentang nilai-nilai etika Islam menerusi sumber al-Quran dan al-Sunnah. Ia juga berlaku bersebabkan penulis kurang memberikan penekanan penulis berhujah dengan dalil al-Quran dan al-Sunnah. Seterusnya para penulis lebih memberikan penumpuan kepada hujah dan penghuraian yang bersifat teori dan pengalaman.

Sewajarnya, para penulis memasukkan dalil bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah dalam karya mereka. Ini bertujuan untuk mengukuhkan pandangan dan hujah mereka serta memastikan agar nilai-nilai tersebut lahir daripada sumber Islam dan

bukannya daripada sumber Barat. Melalui dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah akan mengembangkan lagi penghuraian terhadap prinsip-prinsip tersebut dengan lebih jelas.

Jika diperhatikan, nilai-nilai yang dibawa oleh penulis sarjana barat seperti Weber (1958), yang menyebut tentang nilai keadilan, ketekunan mempunyai beberapa persamaan dengan nilai etika kerja Islam. Namun, masih wujud perbezaan ketara terhadap pendekatan matlamat antara nilai barat dan nilai Islam. Sarjana barat menulis dengan matlamat kepada kecemerlangan duniawi semata-mata. Sementara sarjana Islam menulis bermatlamatkan ketaqwaan kepada Allah serta kecemerlangan kehidupan di dunia dan akhirat. Perbezaan ini diwujudkan melalui penghuraian dan pemahaman yang bersandarkan kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah.

Berdalilkan sumber al-Quran dan al-Sunnah juga amat perlu kerana ia akan mengukuhkan nilai-nilai yang dinyatakan oleh para penulis tersebut bahawa ia merupakan nilai etika kerja Islam sebenar. Nilai-nilai ini akan dilihat seiringan dan sejajar dengan penerangan dan ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah. Sekiranya nilai-nilai ini tidak disandarkan dengan dalil al-Quran dan al-Sunnah, ia akan mewujudkan keraguan dan kesangsian terhadap keseragamannya dengan pandangan al-Quran dan al-Sunnah. Nilai etika kerja Islam yang kukuh juga tidak dapat diperolehi dan para penulis terus berteori dengan pemahaman pemikiran masing-masing tanpa landasan. Akhirnya perlaksanaan terhadap nilai-nilai etika kerja Islam tidak dapat dilaksanakan kerana keraguan terhadap etika kerja Islam yang sebenar atau sebaliknya.

Al-Quran dan al-Sunnah ialah sumber utama kepada umat Islam daripada segala sudut kehidupan. Menurut al-Qardhawi (1998), terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah itu segala perkara yang semuanya berkaitan dengan keperluan perjalanan hidup manusia. Ia merangkumi tauhid, pengibadatan, hukum-hakam, peringatan, nasihat, ancaman, kisah teladan umat terdahulu dan doa. Justeru, al-Quran dan al-Sunnah mesti dijadikan sumber panduan dan dalil untuk pelaksanaan segala tugas, kerja atau lebih umum lagi kehidupan seharian agar tidak tersasar daripada landasan yang dibenarkan oleh Allah SWT. Lebih diutamakan lagi jika ianya adalah satu prinsip panduan yang akan dipegang dan dilaksanakan dalam kerja seharian.

4.3 Keselarasan Prinsip-Prinsip Etika Kerja Islam

Al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber utama bagi umat Islam. Sewajarnya bagi semua perkara yang berkaitan tentang umat Islam sama ada secara khusus seperti ibadah, muamalah, munakahat dan janayah atau bersifat umum seperti kerja, politik, perekonomian, sosial, pendidikan dan sebagainya mestilah seiringan dengan sumbernya iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

Kajian mendapati bahawa kesemua nilai yang terhimpun dalam karya-karya penulis di Malaysia selaras dengan prinsip nilai yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Nilai-nilai yang disebut di dalam al-Quran dan al-Sunnah itu bersifat umum dan menyeluruh. Sementara nilai-nilai yang dinyatakan oleh penulis diperincikan daripada nilai-nilai umum yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Pada bahagian ini, analisis keselarasan akan dilakukan terhadap lapan (8) nilai etika kerja menurut al-Quran dan al-Sunnah dengan tiga puluh lima (35) item nilai etika kerja

Islam dalam karya penulis di Malaysia. Lapan nilai di dalam al-Quran dan al-Sunnah iaitu *Taqwa*, *'Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Ma'aruf* dan *Itqan*.

Nilai-nilai ini merupakan unsur penting memberikan keinginan untuk bekerja. Nilai-nilai ini sangat berkait rapat dengan komitmen, ganjaran dan kepuasan kerja. *Taqwa* dan *Ihsan* umpamanya sangat berkait rapat dengan komitmen. Konsep *Taqwa* dan *Ihsan* iaitu meyakini dengan sepenuh hati bahawa Tuhan melihat dan mengawasi gerak geri kita dan Dia mengetahui segala lintasan yang wujud dalam hati manusia. Ia merupakan penggerak dan pencetus kepada orang Islam bagi menghasilkan kerja yang berkualiti melalui nilai etika kerja yang membawa kepada kecemerlangan yang memenuhi kehendak komitmen kerja (Mohd Nor, 1991). Nilai ini berupaya menukar sikap daripada berfikiran keduniaan semata-mata kepada pemikiran di antara dunia dan akhirat (Mohd Affandi, 1994).

Nilai-nilai ini juga berhubung dengan ganjaran umpamanya *'amal saleh*. Secara jelasnya, Allah SWT telah merakamkan hubungan antara *'amal saleh* dengan ganjaran dunia dan pahala di akhirat. Allah menyebut dalam al-Quran bermaksud;

Sesiapay beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka Sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan Sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahalay lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

(*Surah al-Nahl*, 16: 97)

Sementara itu, nilai-nilai ini juga berhubung kait dengan kepuasan kerja umpamanya nilai *al-Qist*. Perlaksanaan nilai *al-Qist* mesti dengan kehendak hukum syarak kerana ia akan memenuhi tuntutan hak dan kewajipan sepatutnya. Apabila sesuatu pekerjaan

atau amalan memenuhi tuntutan hak kerja menerusi syarak ia akan mendatangkan rasa kepuasan terhadap kerja yang dilakukan (Muhammad Hasbiash, 1986).

Selain itu, etika kerja Islam dapat dikategorikan kepada dua aspek utama iaitu intrinsik (aspek dalaman) dan ekstrinsik (aspek luaran), ia melibatkan lapan nilai utama etika kerja yang wujud secara tersembunyi dalam al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat dua nilai utama yang terkandung dalam aspek intrinsik ialah *Taqwa* dan *Ihsan* sementara enam prinsip lagi bersifat ekstrinsik yang terdiri daripada nilai *'Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Masuliyah, Ma'aruf* dan *Itqan*. Penyataan adalah seperti berikut:

4.3.1 *Taqwa*

Taqwa merupakan nilai utama dalam aspek intrinsik dan menjadi nilai teras kepada semua nilai utama etika kerja yang lain. Nilai *Taqwa* sangat berkait rapat dengan elemen-elemen perubahan dalaman jiwa manusia iaitu hati. Bertitik tolak dari sifat *taqwa* inilah, muncul kekuatan untuk bertindak mengikut acuan Islam. Rasulullah SAW juga mengingatkan bahawa nilai *taqwa* ialah di dalam hati manusia (HR Muslim). Justeru itu, nilai *Taqwa* sememangnya sangat mempengaruhi dan membentuk jiwa, pemikiran serta tindakan seseorang Muslim ke arah mengikut peraturan-peraturan Allah. *Taqwa* juga merupakan sifat warak yang berkaitan dengan sanubari (hati kecil), yang membolehkan seseorang Muslim membezakan antara perkara benar dan salah seterusnya berupaya menyelamatkannya dari bahaya kesesatan dan kebodohan (Muhammad, 1993).

Setelah diteliti terdapat enam nilai dalam karya yang tergolong dalam nilai *Taqwa*. Nilai-nilai tersebut ialah niat ibadah, ikhlas, taat, tawakkal, syukur dan sabar. Semua nilai yang dinyatakan oleh para penulis ini merupakan nilai yang wujud dalam hati atau jiwa manusia. Begitu juga dengan nilai *Taqwa* yang merupakan nilai utama dalam hati manusia. Dapat ditegaskan kesemua nilai tersebut adalah nilai aspek dalaman yang menjadi rangsangan kuat kepada kepada diri seseorang manusia daripada jiwanya.

Nilai niat beribadah kerana Allah SWT berada dalam nilai teras utama iaitu *Taqwa*. Ini kerana niat ialah punca tindakan bagi semua amalan. Niat ibadah berada di hati yang menjadi organ dalaman yang penting bagi menentukan penerimaan sesuatu perbuatan tersebut oleh Allah SWT. Al-Ghazali (1990), menekankan aspek niat dengan menegaskan bahawa hati merupakan tempat permulaan perkiraan amalan manusia dan penentuan amalan itu diterima atau sebaliknya.

Sementara itu, nilai taat juga berada dalam nilai *Taqwa*. Nilai taat ini akan memberikan pelakunya memperolehi nilai ketaqwaan kepada Allah. Taat akan wujud berasaskan iman yang berpaksi dalam hati. Nilai taat yang wujud dalam hati manusia akan mewujudkan sifat ketaatan pada perbuatan dan amalan pastinya ia akan mewujudkan nilai ketaqwaan dalam jiwa seseorang Muslim. Menurut Baydawi (1951), ketaatan ialah lambang ketaqwaan kepada Allah. Ketaatan seorang hamba menjadikan seorang hamba itu melaksanakan suruhan dan meninggalkan larangan Allah. Oleh itu, taat adalah nilai instrinsik yang terangkum di dalam prinsip *Taqwa*.

Selain itu, ikhlas juga tergolong dalam rumpun *Taqwa* . Ikhlas bermakna bersih dari kotoran hati. Ikhlas juga bererti “niat mengharapkan reda Allah dalam melakukan amalan tanpa menyekutukan-Nya dengan yang lain” (al-Ghazali, 1990). Setelah diperhatikan, ikhlas juga ialah satu nilai yang tersemat dalam hati manusia. Keikhlasan akan membawa kepada sesuatu kerja itu dilaksanakan dengan sepatutnya dan bukan kerana tujuan yang lain. Oleh itu, ikhlas berada pada aspek intrinsik dan tergolong dalam prinsip *Taqwa*.

Selain itu, nilai tawakkal juga terkandung dalam prinsip *Taqwa*. Tawakkal ialah sifat penyerahan diri dan segala yang dikerjakan hanya mengharap kepada Allah SWT. Penyerahan secara bertawakkal ini berlaku dalam jiwa manusia dengan satu pengharapan penuh kepada pertolongan dan keredaan Allah. Nilai tawakkal berlaku setelah kerja dan usaha dilakukan dengan berserah kepada Allah untuk mendapat ganjaran dan sebagainya di dunia dan akhirat. Jelasnya, menurut al-Hamadi (1997), seseorang yang bertaqwa akan sentiasa berserah diri atau bertawakkal kepada Allah sama ada sewaktu bekerja, tidur, jaga, berjalan, berbaring dan sebagainya.

Menurut Wan Mohd Nor (1989), *Taqwa* merupakan konsep yang komprehensif yang menggabungkan akidah, iman dan ilmu dalam jiwa manusia. Semua asas dan konsep yang meliputi akidah, sabar, syukur, taat dan harap (*raja*'), bertawakkal terkandung dalam pengertian nilai *Taqwa*. Menurut Hamka pula, *Taqwa* mesti dibalut dengan sifat syukur dan sabar kerana keduanya ialah ciri keagungan dan lambang kesempurnaan serta menjadi tanda penguasaan diri terhadap segala sesuatu yang berada di sekelilingnya (Hamka, 1982).

Oleh itu, sifat sabar dan syukur sudah pasti terangkum dalam nilai *Taqwa*. Sabar dan syukur juga merupakan nilai yang berada pada aspek intrinsik bagi manusia kerana keduanya berada pada hati manusia. Segala perbuatan manusia dikawal oleh hati dan fikiran. Kesabaran dan kesyukuran berada dalam hati tetapi dapat diterjemahkan melalui perbuatan manusia. Justeru, semakin sabar dan semakin bersyukur seorang hamba atau pekerja itu menandakan semakin bertaqwa. Semakin bertaqwa seorang pekerja itu, semakin tinggi nilai intrinsiknya.

4.3.2 *Ihsan*

Aspek intrinsik yang seterusnya berada dalam etika kerja Islam ialah nilai *Ihsan*. Nilai *Ihsan* dan *Taqwa* mempunyai sedikit perbezaan walaupun keduanya berada dalam aspek yang sama. *Taqwa* merupakan nilai yang menjadi tunjang utama bagi semua nilai yang etika kerja manakala *Ihsan* pula ialah nilai yang mengukuhkan dan melengkapi nilai *Taqwa*. Menurut Ibn Kathir (1994), nilai *Ihsan* adalah sifat dalaman yang berkait dengan hati. Melalui nilai *Ihsan* ini, seorang pekerja atau hamba itu akan sentiasa berwaspada bahawa Tuhan sentiasa memerhati apa yang dilakukannya walaupun dia tidak dapat melihat-Nya dengan mata kasar. Ini merupakan pelengkap kepada ketaqwaan kepada Allah SWT.

Di sini, jelas menunjukkan bahawa nilai *Ihsan* terkandung dalam aspek intrinsik kerana *Ihsan* ialah satu nilai dalaman jiwa manusia. Sifat *Ihsan* berkait rapat dengan elemen-elemen yang memperkukuhkan dalaman jiwa iaitu hati. Melalui nilai *Ihsan* ini, akan muncul semangat untuk melaksanakan sesuatu amalan mengikut kehendak Allah SWT. Rasulullah SAW mengingatkan bahawa *Ihsan* ialah perakuan hati untuk melahirkan amalan yang terbaik kerana Allah (HR Ahmad). Justeru itu, *Ihsan*

sememangnya satu nilai yang mampu membentuk jiwa, pemikiran serta tindakan seseorang Muslim menumpu kerana Allah.

Setelah diteliti terdapat dua nilai dalam karya mempunyai hubungan rapat dengan nilai *Ihsan*. Kedua-dua nilai ini juga merupakan nilai dalaman manusia. Kedua-duanya seiring dengan hati yang menjadi asas pembentukan jati diri seorang Muslim. Kedua-dua nilai itu ialah bersih dan merendah diri. Kedua-dua nilai yang dinyatakan para penulis ini merupakan nilai yang berkaitan rapat dengan hati dan jiwa yang menyamai nilai *Ihsan*.

Nilai bersih merupakan satu elemen yang terbit daripada nilai *Ihsan* kerana sifat ini menjadi pengawal kepada kelakuan dan pengamalan manusia. Nilai bersih yang dikehendaki oleh Islam adalah bersepadu iaitu gabungan kerohanian dan kebendaan atau kejiwaan dan kejasmanian. Menurut Mustafa (1998), bersih pada kerohanian adalah tanda iman, taqwa dan amal soleh. Manakala bersih jasmani adalah suci daripada sebarang najis dan kotoran. Oleh itu, nilai bersih yang paling utama ialah bersih hati dan ia pendorong utama kepada kebersihan jasmani. Rasulullah SAW telah menyatakan bahawa bersih itu ialah tanda keimanan (Ibn Hajar, 1991).

Seterusnya, nilai merendah diri juga adalah elemen yang wujud dalam nilai *Ihsan*. Sifat ini bermula dengan mengawal hati daripada sifat sombong dan bongkak. Justeru, percakapan, pergerakan tubuh dan amalan yang dikerjakan tidak menuju kepada keangkuhan dan kesombongan. Menurut Muhammad Siddiqi (1995), *Ihsan* terhasil apabila wujud perasaan merendah diri dan melaksanakan amalan yang baik dengan melaksanakan cara-cara yang dituntut di samping memelihara hak-hak Allah

dengan menghadirkan kebesaran dan keagungan-Nya dalam hati secara berterusan. Oleh itu, nilai merendah diri tergolong dalam nilai *Ihsan* dan ia juga berada dalam aspek intrinsik.

Selain itu, bagi aspek ekstrinsik pula, terdapat enam prinsip yang merangkumi aspek ini iaitu '*Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Masuliyah, Ma'aruf* dan *Itqan*. Ekstrinsik merupakan aspek luaran yang dilakukan oleh pekerja seperti, bercakap, melihat, mendengar, melakukan sesuatu dengan sifat perbuatan dan sebagainya. Aspek luaran ini merupakan tindakan yang menunjukkan kecemerlangan pekerja dan produktivitinya.

4.3.3 '*Amal Saleh*

Nilai '*Amal Saleh* merangkumi segala perbuatan baik yang dianjurkan oleh syariat dan memenuhi tuntutan manusia dalam kehidupan mereka seharian (Khalil Saqar, 1997). Justeru, perbuatan merupakan suatu yang bersifat perlakuan luaran seorang individu atau pekerja muslim tersebut.

'*Amal Saleh* merupakan nilai utama dalam aspek ekstrinsik dan menjadi nilai tunjang kepada semua nilai utama etika kerja Islam yang terkandung dalam aspek ekstrinsik. Nilai '*Amal Saleh* berkait rapat dengan elemen-elemen perbuatan yang wujud pada anggota manusia. Bertitik tolak dari nilai '*Amal Saleh* inilah, wujudnya kekuatan untuk melakukan sesuatu amalan atau perbuatan itu mengikut kehendak agama. Allah SWT merakamkan perlaksanaan '*amal saleh* pada diri umat Islam (surah al-Nisa, 4: 58). Justeru itu, nilai '*Amal Saleh* sememangnya tindakan yang dilakukan oleh manusia mematuhi peraturan-peraturan Allah.

Setelah diteliti terdapat tiga nilai dalam karya didapati mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan nilai *'Amal Saleh*. Nilai-nilai tersebut ialah Berilmu, Muhasabah dan Soleh. Kesemua nilai yang dinyatakan para penulis ini merupakan nilai yang berkaitan dengan pelaksanaan dan perbuatan manusia dan nilai *'Amal Saleh* ini juga merupakan nilai utama yang berhubung dengan amalan dan perbuatan serta tindakan manusia. Dapat ditegaskan kesemua nilai di atas ialah nilai luaran yang dilakukan oleh seseorang pekerja Muslim dalam melaksanakan tugas dengan sebaiknya mengikut piawaian Islam.

Nilai *'Amal Saleh* mempunyai hubungan rapat dengan sifat soleh. Pekerja yang soleh akan melakukan kerja yang membawa kebaikan dan mematuhi peraturan yang ditentukan oleh Allah SWT. Sifat soleh ini berdampingan dengan keimanan kepada Allah. Tanda beriman kepada Allah ialah melaksanakan segala amalan yang diwajibkan dan meninggalkan segala yang dilarang.

Secara logiknya seseorang yang hendak melakukan amal yang baik mesti mengetahui cara untuk melaksanakan sesuatu tindakan itu melalui ilmu. Oleh itu, sifat berilmu juga merupakan satu sifat yang berkait dengan nilai *'Amal Saleh*. Individu yang inginkan ilmu perlu melaksanakan tugas dan amalan penuntut ilmu seperti mendengar, melihat, belajar, menghafal dan sebagainya. Menurut Abu Urwah (1988), individu yang disebut alim tidak akan diakui dan diiktiraf kealimannya kecuali setelah dia mempraktikkan tuntutan ilmu tersebut dengan beramal.

Begitu juga dengan sifat muhasabah, apabila berlaku sesuatu kelemahan, kekurangan dan kesalahan pada sesuatu perbuatan maka pekerja tersebut perlu memperbaiki

tugas dan amalan yang dilakukan sebelumnya tanpa rasa jemu dan kecewa. Nilai muhasabah ini telah dipesan oleh Saidina Umar dengan katanya, “Hitunglah atau hisablah diri kamu sebelum kamu dihitung oleh Allah” (al-Kandahlawi, 1987). Ini merupakan tuntutan kepada nilai *‘Amal Saleh* yang disarankan oleh Islam. Oleh itu, sifat soleh, berilmu dan muhasabah terkandung dalam nilai utama iaitu *‘Amal Saleh* dan ia merupakan nilai yang terkandung dalam aspek ekstrinsik.

4.3.4 Al-Birr

Sementara itu, bagi nilai *al-Birr* pula merangkumi segala perbuatan baik yang mendatangkan kebajikan kepada makhluk yang dianjurkan oleh syariat dan memenuhi tuntutan manusia. *Al-Birr* ialah perbuatan atau tindakan yang bersifat perlakuan luaran individu atau seorang pekerja Muslim. *Al-Birr* merupakan satu nilai yang terkandung dalam aspek ekstrinsik dan menjadi nilai pengukuh kepada semua nilai utama etika kerja Islam yang terkandung dalam aspek ekstrinsik. *Al-Birr* berkait rapat dengan amalan-amalan yang bersifat perbuatan yang wujud pada diri manusia umpamanya bersedekah, bantu membantu dan sebagainya.

Menerusi nilai *al-Birr*, wujud kekuatan untuk melakukan sesuatu amalan atau perbuatan mengikut kehendak agama. Allah SWT telah merakamkan tatacara pelaksanaan kebajikan pada diri umat Islam (surah al-Baqarah, 2:). Justeru itu, *al-Birr* merupakan tindakan dan perbuatan yang dilakukan oleh manusia menurut peraturan-peraturan Allah.

Nilai *al-Birr* berhubung rapat dengan sifat bertolak ansur, inovasi, kebaikan, bermusyawarah dan bekerjasama seperti mana yang dinyatakan dalam karya. Semua

nilai ini merujuk perbuatan dan tindakan daripada aspek luaran pekerja. Nilai-nilai ini menekankan kepada kebajikan terhadap orang lain. Begitu juga dengan nilai *al-Birr* yang menekankan tentang kebajikan dalam bentuk tindakan luaran dan boleh dilihat dan dinilai oleh organisasi dan masyarakat.

Ini dapat dikukuhkan dengan pandangan Ibn Kathir (1994), kalimah *al-Birr* yang digunakan oleh Allah SWT dalam al-Quran tidak hanya tertumpu pada pengamalan ibadah khusus semata-mata tetapi *al-Birr* itu juga merangkumi ibadah umum umpama menghormati sesama manusia, memelihara hubungan kekeluargaan dan persaudaraan dan sekaligus ia akan melahirkan satu pasukan.

Nilai kebaikan juga terkandung dalam nilai *Al-Birr*. Nilai ini akan dipandang pada segala kebaikan amalan dan perbuatan seseorang. Pasti nya kebaikan itu ialah perbuatan yang baik dan berkebajikan kerana tiada kebajikan yang membawa keburukan. Sebab itu ia sering menjadi satu seruan yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran untuk memberi peringatan kepada umat manusia bagi melaksanakan perbuatan yang memberi manfaat kepada manusia dan alam. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa sifat bertolak ansur, inovasi, bermusyawarah, bekerjasama dan kebaikan merupakan sifat-sifat yang terkandung di dalam nilai *al-Birr*. Pasti nya nilai *al-Birr* berada dalam kategori ekstrinsik pekerja.

Sifat bertolak ansur, bekerjasama dan bermusyawarah merupakan sifat-sifat yang wujud melalui tindakan manusia. Tidak wujud nilai tolak ansur tanpa nilai bekerjasama dan tidak wujud juga nilai kerjasama tanpa nilai bermusyawarah.

Ketiga-tiga nilai ini saling berhubungan dalam mewujudkan satu organisasi atau komuniti yang sejahtera.

Sifat bertolak ansur merupakan kunci kerjasama iaitu dengan nilai tolak ansur ini pekerja akan dapat melaksanakan kerja mereka dengan tenang dan mudah. Sifat berkeras tanpa mengalah akan menyebabkan hilang ketenangan dan keharmonian. Allah SWT telah menekankan berkaitan dengan sifat bertolak ansur dalam pekerjaan dan kehidupan (surah Luqman, 31: 18). Begitu juga dengan nilai kerjasama iaitu nilai yang membawa kepada perpaduan, keharmonian dan saling membantu. Nilai kerjasama akan melenyapkan sifat individualistik yang hanya mementingkan dirinya sahaja. Tanpa nilai kerjasama perkara yang berat tidak dapat diringankan dan perkara yang susah tidak dapat dipermudahkan. Allah SWT telah berfirman menggalakkan kerjasama pada perkara yang baik (surah al-Maidah, 5: 2). Nilai kerjasama perlu dilakukan pada perkara yang memberikan kebajikan dan jikalau sebaliknya maka tidak perlu bekerjasama.

Sementara itu, nilai bermusyawarah juga berada dalam nilai *al-Birr*. Ia berperanan sebagai penyatuan dan sokongan pada pandangan, perancangan dan pelaksanaan sesuatu tugas yang ingin dilaksanakan. Musyawarah membawa kebaikan dan mewujudkan tindakan secara kesepakatan. Tanpa musyawarah sesuatu tindakan kerja itu akan mempunyai banyak kelemahan.

Selain itu, nilai inovasi atau islah juga satu daripada nilai yang terkandung dalam nilai *al-Birr*. Sifat inovasi ini sangat diperlukan dalam etika kerja Islam kerana ia membawa kepada kemajuan dan penghasilan kerja yang baik dan cemerlang. Setiap

penghasilan melalui sesuatu inovasi akan memberikan semangat tambahan untuk melaksanakan sesuatu tugas tersebut dengan lebih baik lagi. Nilai inovasi terhasil melalui akal fikiran dan tindakan yang cepat dan cerdas Tanpa sifat inovasi, pekerja akan berada pada kedudukan yang tiada perkembangan daripada sudut kecemerlangan. Ini tidak mendatangkan nilai *al-Birr* atau kebajikan kepada pekerja dan pada organisasi.

Setelah diteliti, jelas menunjukkan bahawa sifat bertolak ansur, inovasi, kebaikan, bermusyawarah dan bekerjasama merupakan sifat yang terkandung dalam nilai *al-Birr*. Nilai-nilai ini adalah elemen-elemen yang memenuhi piawaian nilai *al-Birr* sebagai salah satu nilai utama kecemerlangan dalam etika kerja Islam.

4.3.5 Al-Qist

Aspek ekstrinsik yang seterusnya ialah *al-Qist*. Ia adalah tindakan yang bersifat sederhana dalam melaksanakan sesuatu kerja atau tugas. *al-Qist* juga merupakan satu tindakan yang ditentukan melalui pelaksanaan yang dilakukan. *al-Qist* sangat berkait rapat dengan perbuatan dan tindakan yang mewujudkan kehidupan dan kerja yang terbaik. Bertitik tolak dari nilai *al-Qist* inilah, muncul kekuatan untuk bertindak secara seimbang dengan mengikut acuan agama. Allah SWT mengingatkan *al-Qist* adalah sifat yang memiliki kualiti pada hidup manusia (surah al-Nisa, 4: 135).

Nilai *al-Qist* bukan sekadar berhubung kait dengan aspek pengurusan, perundangan dan peraturan-peraturan sahaja tetapi ia juga mempunyai hubungan dengan kualiti pemikiran manusia. Nilai ini akan dapat membantu seseorang individu untuk

membezakan di antara benar dan salah dalam hidup dan tidak melakukan perkara yang berlawanan seperti zalim, penindasan dan sebagainya.

Nilai *al-Qist* juga dapat difahami bermaksud tidak melakukan kezaliman, penindasan, melampaui batas dan penipuan (Syed Othman al-Habsyi, 1994). Terdapat juga kesalingan hubungan antara adil, *al-Qist*, zalim dan *gharar*. Dalam lain perkataan, konsep adil bermaksud tidak melakukan kezaliman, manakala *al-Qist* pula menganjurkan keseimbangan, sederhana dan kejujuran (al-Ghazali, 1980).

Setelah diteliti terdapat tiga nilai dalam karya yang mempunyai hubungan rapat dengan nilai *al-Qist*. Nilai-nilai tersebut ialah keadilan, seimbang dan tidak terlalu mencintai dunia. Kesemua nilai yang dinyatakan oleh para penulis ini merupakan nilai yang mempunyai hubungan rapat dengan pengurusan serta pelaksanaan pada diri pekerja.

Keadilan dan seimbang merupakan dua sifat yang sinonim. Al-Quran juga ada menyebut keseimbangan dan keadilan secara sinonim bagi menggambarkan kesalingan dalam kehidupan manusiawi (surah al-Maidah, 5: 8). Keadilan dan seimbang juga bermaksud penggunaan akal fikiran yang waras dalam merancang, mengorganisasikan dan mentadbirkan sesuatu kerja supaya menjadi baik. Setiap keputusan yang dilakukan akan memberikan impak yang terbaik sama ada pada diri sendiri atau orang lain. Keadilan dan seimbang ini dapat dinilai melalui pelaksanaan tindakan, lebih-lebih lagi bagi pucuk pimpinan sama ada kepimpinan keluarga, organisasi, komuniti dan lain-lain.

Nabi SAW telah menegaskan bahawa hierarki golongan yang dilindungi pada hari yang tiada perlindungan iaitu hari kiamat antaranya ialah imam atau pemimpin yang adil (HR Muslim, *bab fadilah al-Imam al-a'dil*). Tentu apabila wujud kedua-dua sifat tersebut maka sifat zalim dan *gharar* atau penipuan akan terhindar sama sekali. Seolah-olah kedua-dua sifat ini menjadi penghalang kemunculan sifat zalim dan *gharar*. Allah SWT telah menyebut dalam al-Quran jika wujud sifat adil dan *al-Qist* maka akan terhindar sifat zalim dan *gharar* (surah Fathir, 35: 40).

Sifat tidak terlalu mencintai dunia juga termasuk dalam nilai *al-Qist*. Ini menunjukkan nilai keseimbangan dalam penghidupan pekerja Muslim yang tidak hanya tertumpu pada kehidupan dunia semata. Nilai ini menjadikan seseorang pekerja itu hilang sifat tamak, haloba, bakhil dan sebagainya. Seseorang pekerja tersebut juga akan melakukan tugasnya bukan sekadar untuk habuan dunia malahan juga untuk habuan akhirat. Tindakan ini akan memberikan semangat dan kekuatan kepada pekerja Muslim membina karekter yang terbaik dalam kerjaya yang diceburinya. Nabi SAW turut menegaskan bahawa kehidupan dunia ialah ladang untuk dituai hasilnya di akhirat (HR Muslim).

Justeru, nilai *al-Qist* merupakan nilai yang terkandung dalam aspek ekstrinsik. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa nilai keadilan, seimbang dan tidak terlalu mencintai dunia merupakan sifat yang terkandung dalam nilai *al-Qist*. Ini kerana nilai-nilai ini merupakan elemen-elemen yang memenuhi dan melengkapi nilai *al-Qist* antara salah satu nilai utama dalam etika kerja Islam.

4.3.6 *Ma'aruf*

Selain itu, *Ma'aruf* juga adalah merupakan nilai yang terkandung dalam aspek ekstrinsik. Nilai *Ma'aruf* juga berkait rapat dengan elemen-elemen tindakan, pelaksanaan dan pekerjaan yang dilakukan. Bertitik tolak dari nilai *Ma'aruf* ini, timbul kekuatan untuk beramal mengikut kehendak dan galakan agama. Rasulullah SAW mengingatkan nilai *Ma'aruf* adalah perbuatan dan tindakan yang baik pada diri Muslim (HR Turmizi). Justeru, *Ma'aruf* sememangnya mempengaruhi tindakan dan membentuk keperibadian serta pemikiran seseorang Muslim untuk mengikut garis panduan dan galakan Allah. *Ma'aruf* juga merupakan sifat pekerti yang berkaitan dengan diri, yang membolehkan seseorang Muslim membezakan antara perkara baik dan buruk seterusnya berupaya menyelamatkan dari perlakuan yang tidak berakhlak dan tidak bermoral.

Setelah diteliti terdapat empat nilai yang dinyatakan oleh penulis dalam karya. Semua nilai ini mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan nilai *Ma'aruf*. Nilai-nilai tersebut ialah kompetitif, mudah urusan, berjimat cermat dan kemuliaan budi. Kesemua nilai ini berkaitan rapat dengan tindakan yang terhasil daripada sikap dan pekerti manusia. Nilai *Ma'aruf* juga merupakan satu nilai yang membina jiwa dan sahsiah pekerja. Dapat ditegaskan semua nilai yang dinyatakan ini adalah aspek luaran atau tindakan seseorang.

Nilai kompetitif atau dimaksudkan dengan berlumba-lumba mengerjakan kebaikan merupakan satu nilai yang membawa kecemerlangan pada kerja. Tidak mungkin seseorang pekerja itu boleh berlumba atau bersaing sedangkan dia tidak bekerja, tidak bergerak dan tidak berjuang. Oleh itu, seorang pekerja atau petugas tidak akan

menyerah kepada kelemahan atau hanya berharap pada nasib. Justeru, nilai kompetitif ialah sifat kesungguhan yang berlaku daripada tindakan perbuatan luaran pekerja.

Begitu juga, dengan sifat memudahkan urusan ia akan dinilai pada tindakan yang dilakukan. Pastiya memudahkan urusan itu perbuatan yang baik dan mulia. Nabi SAW juga telah memberikan pesanan agar memudahkan urusan dunia bagi mendapatkan kemudahan urusan di akhirat (HR Muslim). Sifat memudahkan urusan akan menghindarkan kesusahan pada orang lain dan juga memberikan kemudahan kepada diri sendiri. Oleh kerana sifat memudahkan urusan merupakan sifat yang memberikan kebaikan pada sesuatu urusan yang berkaitan dengan ahli masyarakat maka ia terkandung dalam nilai *Ma'aruf*. Apabila ia berada dalam ketegori *Ma'aruf*, ia juga merupakan aspek ekstrinsik .

Sementara itu, berjimat-cermat juga muncul daripada nilai *Ma'aruf* . Ia juga merupakan sifat yang berkaitan dengan pelaksanaan dan tindakan yang dilakukan oleh manusia atau pekerja. Berjimat-cermat bukanlah sifat bakhil atau kedekut, tetapi ia adalah sifat yang menjaga sesuatu urusan berkaitan tentang perbelanjaan dan harta benda supaya tidak membazir atau boros dengan melakukan perbelanjaan pada perkara yang tidak penting. Berjimat-cermat ini merupakan tindakan yang dipraktikkan seperti penjimatan penggunaan air, penjimatan elektrik, penjimatan wang dan sebagainya. Pastiya nilai berjimat cermat memenuhi aspek luaran dan menepati nilai *Ma'aruf* sebagai salah satu nilai utama etika kerja Islam.

Nilai kemuliaan budi adalah kunci nilai *Ma'aruf* yang mana melalui nilai ini, pekerja akan dapat melaksanakan kerja mereka dengan perasaan tenang dan tenteram. Sifat berkeras, ego, sombong dan pemaarah akan menghilangkan ketenangan dan tautan kasih sayang sesama pekerja. Nabi SAW telah memaklumkan di dalam al-Sunnah bahawa baginda ialah pendorong kepada kemuliaan budi dan akhlak (HR Ahmad). Nilai kemuliaan budi akan menghilangkan sifat buruk dalam diri seseorang pekerja yang hanya memandang dirinya sahaja baik tanpa melihat kebaikan pada orang lain. Tanpa kemuliaan budi, manusia akan melakukan apa sahaja sekehendaknya.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa nilai kompetitif, memudahkan urusan, berjimat-cermat, dan berbudi mulia merupakan sifat yang terkandung dalam nilai *Ma'aruf*. Ini kerana sifat-sifat ini merupakan elemen-elemen yang memenuhi piawaian nilai *Ma'aruf* sebagai salah satu prinsip utama dalam etika kerja Islam.

4.3.7 Masuliyah

Selain itu, nilai yang seterusnya ialah *Masuliyah* yang merupakan satu nilai penanda kecemerlangan kepada pekerja dan produktivitinya. Nilai *Masuliyah* merangkumi segala perbuatan dan tindakan yang sangat berkait rapat dengan keimanan seseorang. Seseorang yang beriman adalah orang yang mempunyai sifat tanggungjawab dan menerima serta melaksanakan segala kewajipan yang diberikan kepadanya dengan betul dan benar (Muzjaajiy, 1994). Justeru, nilai *Masuliyah* merupakan sesuatu pelaksanaan dan perbuatan yang dilakukan oleh pekerja yang bersifat tindakan luaran seorang individu atau pekerja Muslim.

Masuliyah merupakan nilai yang dikategorikan dalam aspek ekstrinsik dan menjadi pendokong kuat kepada etika kerja Islam yang terbina melalui aspek intrinsik dan ekstrinsik. Nilai *Masuliyah* berkait rapat dengan prinsip keimanan yang wujud pada diri manusia. Bertitik tolak dari nilai *Masuliyah* ini, muncul dorongan untuk melaksanakan sesuatu amalan atau perbuatan itu mengikut kehendak dan piawaian syarak. Allah SWT amat menekankan nilai *Masuliyah* ini dalam diri umat Islam agar mereka sentiasa berhati-hati dalam melaksanakan sesuatu perkara dalam hidup mereka (surah al-Isra, 17: 36). Justeru, *Masuliyah* merupakan satu tindakan yang dilakukan oleh manusia sebagai tanda berhati-hati bagi mematuhi peraturan-peraturan Allah.

Setelah diteliti terdapat enam nilai dalam karya yang mempunyai pertalian kukuh dengan nilai *Masuliyah*. Nilai-nilai tersebut ialah jujur, tepati janji, harga masa, benar, tanggungjawab serta amanah dan melaksanakan tugas berdasarkan kepakaran. Nilai-nilai yang dinyatakan para penulis ini merupakan sifat yang berhubung dengan sikap manusia. Begitu juga dengan nilai *Masuliyah* juga merupakan sifat yang berhubung dengan sikap dan tindakan manusia. Dapat ditegaskan bahawa semua sifat yang dinyatakan ini berada dalam aspek luaran yang dilaksanakan oleh seseorang pekerja Muslim sewaktu menjalankan tugas mereka.

Masuliyah mempunyai hubungan rapat dengan nilai jujur. Pekerja yang jujur akan melakukan kerja dengan betul dan mematuhi peraturan yang ditentukan organisasi. Nilai jujur ini sangat berkait rapat dengan ketaatan kepada Allah. Sifat ketaatan akan melahirkan hamba yang melaksanakan segala amalan yang diwajibkan dan meninggalkan segala yang dilarang.

Secara logiknya seseorang yang jujur itu juga mempunyai sifat benar dan menepati janji. Nilai benar ini juga berkait rapat dengan sifat tanggungjawab dan amanah sepertimana yang dinyatakan oleh Nik Mustapha (2005) bahawa terdapat empat sifat Nabi SAW yang mulia dan saling berhubungan iaitu, benar, amanah, penyampai dan bijaksana. Oleh itu, sifat benar merupakan sifat baginda SAW yang mulia. Sifat benar ini menghubungkan diri manusia dengan sifat tanggungjawab dan amanah.

Oleh itu, sifat benar, tepati janji serta tanggungjawab dan amanah merupakan sifat yang terkandung dalam nilai *Masuliyah*. Seseorang pekerja yang benar akan menepati janjinya dan pekerja yang menepati janji itu ialah pekerja yang bertanggungjawab dan amanah. Menurut (1988), Kebenaran seorang itu boleh dinilai daripada ketepatan janjinya dan pelaksanaan terhadap tanggungjawab yang pikul.

Begitu juga dengan sifat hormat masa dan tugas berdasarkan kepakaran, ianya pula sangat berkait rapat dengan nilai tanggungjawab dan amanah. Seseorang pekerja tidak akan diakui dan diiktiraf bertanggungjawab dan amanah kecuali setelah dia mempraktikkan tuntutan amanahnya itu dengan sebenarnya. Pekerja tersebut akan melaksanakan sesuatu tugas dalam masa yang dijanjikan. Para pekerja juga merasakan setiap waktu yang bergerak itu adalah berharga. Allah SWT telah memberi pesan kepada umat manusia supaya menjaga masa dan setiap manusia itu akan dipertanggungjawabkan dengan masa yang diberikan kepada mereka (surah al-‘Asr, 103: 1-3).

Pekerja yang mempunyai nilai *Masuliyah* juga akan melaksanakan tugasnya berdasarkan kepakaran. Menjadi tanggungjawab pekerja jika ingin melaksanakan sesuatu mesti mengetahui cara untuk melaksanakan tugas tersebut melalui pengetahuan dan kebolehannya. Tugas yang dilakukan dengan kebolehan atau kepakaran akan mengurangkan penggunaan masa dan hasil kerja yang dilakukan juga amat baik berbanding dengan tugas yang dilakukan tanpa kemahiran dan kepakaran. Tanpa kemahiran dan kepakaran ini akan menggunakan masa yang panjang dan hasil kerjanya belum tentu memuaskan (Arsalan, 2004).

Melalui nilai kepakaran pula seseorang pekerja akan dapat mengesan sesuatu kelemahan atau kesalahan pada tugas yang dilakukan. Oleh itu, pekerja tersebut akan memperbaikinya kerana ia berhubung rapat dengan nilai tanggungjawab dan amanah. Pastinya sifat tanggungjawab dan amanah ini berhubung dengan keimanan kepada Allah SWT. Nabi SAW telah berpesan supaya melakukan perkara yang kamu tahu dan tinggalkan perkara yang kamu tidak tahu (HR Bukhari, *Bab tafsir al-Musyabihat*). Oleh itu, nilai jujur, tepati janji dan nilai benar, hormat, tanggungjawab dan amanah serta bertugas mengikut kepakaran terkandung dalam nilai *Masuliyah* dan terletak dalam aspek ekstrinsik.

4.3.8 Itqan

Sementara itu, nilai terakhir dalam aspek ekstrinsik ialah *Itqan*. Nilai *Itqan* merupakan perbuatan dan tindakan yang dilakukan oleh seseorang pekerja. Melalui nilai *Itqan* ini, muncul kekuatan dan semangat untuk melaksanakan sesuatu tugas hingga sempurna. Rasulullah SAW mengingatkan *Itqan* ialah sifat dan perlakuan yang baik dalam diri seorang muslim (HR al-Baihaqi). Justeru, *Itqan* sememangnya

mempunyai pengaruh yang kuat untuk membentuk sikap, keperibadian dan pemikiran seseorang Muslim untuk melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh hingga mencapai kecemerlangan. Nilai *Itqan* juga merupakan tabiat yang berada dalam diri individu yang membuatkan seseorang itu mendapat kepercayaan dan penghormatan terhadap tugas yang dilakukan.

Setelah diteliti terdapat empat nilai dalam karya yang mempunyai hubungan rapat dengan nilai *Itqan*. Nilai-nilai tersebut ialah ketekunan, kecekapan kerja, berdisiplin dan merancang kerja. Empat nilai yang dinyatakan para penulis ini merupakan nilai yang berkaitan rapat dengan sikap dan pekerti diri pekerja. Kebiasaannya sikap dan kelakuan individu adalah suatu yang dapat dilihat secara jelas melalui tindakan dan perbuatan yang dilakukan. Oleh itu, nilai-nilai ini mempunyai hubungan dengan nilai *Itqan* kerana ia menjadi pendokong untuk pembinaan jiwa, tabiat, sikap, kelakuan, sahsiah dan semangat pekerja. Dapat ditegaskan semua nilai yang dinyatakan di atas adalah bersifat tindakan luaran yang memberi rangsangan kepada sikap dan kerja seseorang.

Sifat tekun merupakan satu nilai yang membawa kecemerlangan pada kerja. Tidak mungkin seseorang pekerja itu mampu menghasilkan sesuatu kerja yang baik jika dia tidak bekerja dengan tekun. Ketekunan akan melahirkan sifat kesungguhan dalam diri seseorang dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Oleh itu, seorang pekerja atau petugas yang baik tidak akan menyerah pada sifat malas atau berserah pada nasib semata-mata. Para cendekiawan telah berkata, sesiapa yang bersungguh pasti dia akan berjaya. Justeru, tekun adalah sifat kesungguhan pekerja yang boleh dinilai melalui kesungguhannya dan ia menepati nilai *Itqan* dalam aspek ekstrinsik.

Secara jelasnya, nilai tekun juga berkait rapat dengan nilai berdisiplin, kecekapan kerja dan merancang kerja. Keempat-empat sifat ini saling berhubungan antara satu sama lain. Ketekunan tidak dapat direalisasikan tanpa disiplin yang utuh pada diri pekerja. Begitu juga dengan disiplin ia tidak akan wujud tanpa perancangan kerja yang jelas. Seterusnya dengan perancangan kerja yang jelas dan disiplin yang teguh akan mewujudkan ketekunan pada diri pekerja dan pastinya akan melahirkan kecekapan pada kerja. Keadaan ini memberikan keteguhan, penyusunan rapi dan sempurna pada sesuatu tugas yang dilaksanakan dan ia merupakan nilai *Itqan* seperti yang telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran (surah al-Naml, 27: 88).

Jelasnya, nilai disiplin itu adalah kepatuhan kepada peraturan terhadap sesuatu kerja yang dilakukan (Abd Azizi Yusof & Ahmad Bashir, 2008). Disiplin dapat menjamin sesuatu yang positif dan terbaik. Disiplin juga dapat melahirkan ketegasan dalam diri pekerja yang melaksanakan sesuatu tugas dengan mematuhi peraturan dan arahan. Nabi SAW juga telah memberikan pesanan supaya umat Islam sentiasa menjaga disiplin dengan mengikuti peraturan dan arahan yang betul (HR Bukhari, *Bab samu wal al-taah li al-imam*). Sifat disiplin ini akan menghindarkan kelemahan dan kemalasan pada diri pekerja serta melahirkan sifat bersungguh dan rajin. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa sifat disiplin merupakan sifat yang terkandung dalam nilai *Itqan*.

Sementara itu, merancang kerja juga berkait dengan nilai *Itqan* kerana merupakan satu sikap yang wujud untuk melaksanakan kerja dengan terancang dan sempurna. Merancang kerja akan menjadikan sesuatu kerja lebih mudah dan tersusun rapi. Ia juga akan menyusun perbelanjaan supaya tidak berlaku pembaziran atau boros dan

juga menjaga masa bekerja. Islam memberikan penekanan kepada kerja dan meletakkan kerja sebagai satu ibadah. Namun, Islam tidak memerintahkan umatnya bekerja sepanjang masa tanpa melakukan perkara lain.

Kehidupan umat Islam mesti dibahagikan dengan susunan yang rapi iaitu untuk ibadah khusus dan ibadah umum. Oleh itu, perancangan kerja akan memberikan pembahagian ruang yang selesa untuk melaksanakan tuntutan kehidupan kepada umat Islam. Perancangan kerja juga akan menghindarkan rasa jemu terhadap kerja yang dilakukan. Perancangan kerja ini berbentuk tindakan yang boleh dipraktikkan dengan perbuatan umpamanya membuat jadual tugas dan sebagainya. Pasti merancang kerja adalah satu nilai yang terangkum dalam nilai *Itqan* dan menjadi satu elemen dalam etika kerja Islam.

Sementara itu, kecekapan kerja adalah kunci nilai *Itqan*, melalui nilai ini pekerja akan dapat melaksanakan kerja mereka dengan penuh keyakinan. Sifat suka bertanggung, tidak yakin dengan kerja yang dilakukan, bersifat sambil lewa akan menyebabkan hilang keyakinan dan ketekunan dalam kerja. Nabi SAW telah memberikan pesanan kepada umatnya agar sentiasa melakukan sesuatu perkara itu secara berterusan tanpa bertanggung atau terhenti-henti tanpa ada ketekunan (HR Muslim).

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa nilai tekun, disiplin, merancang kerja dan kecekapan kerja merupakan nilai yang terkandung dalam nilai *Itqan* seperti yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Nilai-nilai ini merupakan elemen-elemen yang memenuhi piawaian nilai *Itqan* yang menjadi salah satu nilai utama dalam etika

kerja Islam. Untuk memberikan lebih kejelasan di bawah ini disediakan satu rajah tentang keselarasan prinsip-prinsip etika kerja dalam al-Quran dan al-Sunnah dengan prinsip-prinsip etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia. Rajah 4.4 seperti berikut:



Rajah 4.4. Keselarasan Prinsip Etika Kerja Islam

4.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil penelitian menunjukkan bahawa perincian yang dilakukan oleh para penulis terhadap etika kerja Islam ini menyebabkan nilai-nilai etika kerja Islam ini seperti tiada keselarasan dan nampak terlalu banyak nilai-nilai etika kerja Islam

yang wujud seperti tiada penyatuan sedangkan segala amalan dalam Islam mesti bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Namun, setelah dilakukan penelitian dan keselarasan didapati semua nilai yang dinyatakan itu mempunyai kaitan rapat dan selaras dengan nilai-nilai utama yang dinyatakan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, keseluruhan nilai-nilai ini membantu para pekerja membina keutuhan diri bagi mencapai matlamat organisasi dalam aspek kerja yang cemerlang. Para pengkarya bersependapat bahawa etika kerja Islam melibatkan nilai-nilai yang merangkumi motif kerja yang berlandaskan matlamat ketuhanan, himpunan nilai-nilai dalaman yang baik, pelaksanaan nilai-nilai luaran, komitmen, kesungguhan kerja, kepuasan bekerja, serta memperolehi ganjaran dunia dan akhirat.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN PENUTUP

5.0 Pendahuluan

Bab ini merupakan penutup iaitu bab terakhir yang akan dibuat kesimpulan dan rumusan terhadap kajian ini. Rumusan dan kesimpulan bagi kajian ini tersusun dalam tiga perkara utama iaitu rumusan, implikasi kajian dan cadangan kajian lanjutan. Rumusan bagi objektif kajian akan dikemukakan berdasarkan hasil kajian yang ditemui. Bagi implikasi kajian akan menyatakan implikasi pengurusan dan implikasi akademik. Pengkaji juga akan membentangkan cadangan-cadangan yang boleh dilakukan kepada pihak-pihak yang berkaitan yang mempunyai kepentingan dengan kajian yang telah dijalankan ini.

Rumusan kajian ini akan merangkumi aspek-aspek yang menjadi keutamaan kajian iaitu etika kerja menurut al-Quran dan al-Sunnah serta nilai-nilai etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia. Perbincangan tentang etika kerja Islam ini adalah dari sudut prinsip-prinsip etika kerja Islam dan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah terhadap prinsip etika kerja Islam.

5.1 Rumusan

Kajian ini telah memenuhi semua objektifnya. Pada objektif pertama iaitu untuk mengenalpasti prinsip-prinsip etika kerja menurut al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip-prinsip utama yang dititik dalam al-Quran dan al-Sunnah telah dibincangkan secara jelas. Pandangan sarjana-sarjana Islam daripada pelbagai bidang yang berkaitan dengan kajian telah diutarakan yang terdiri daripada ulama tafsir seperti Fakhrulrazi,

Hamka, Ibn Kathir dan lain-lain. Begitu juga ulama al-Sunnah seperti Bukhari, Muslim, Turmizi dan lain-lain. Tidak ketinggalan para sarjana yang membincangkan tentang akhlak dan etika seperti Miskawaiyh, al-Ghazali, Ibn Khaldun, al-Mawardi, al-Qardhawi dan lain-lain. Selain itu, pandangan sarjana bukan Islam juga diambil bagi meluaskan lagi pemahaman terhadap prinsip-prinsip etika kerja dan yang berkaitan dengannya.

Terdapat lapan prinsip yang telah dinyatakan oleh al-Quran dan Al-Sunnah iaitu *Taqwa, Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Ihsan, Masuliyah, Ma'aruf* dan *Itqan*. Prinsip-prinsip etika kerja ini sangat signifikan kepada para pekerja Muslim secara khususnya dan daripada kalangan manusia yang bekerja secara umumnya. Prinsip yang disebut dalam al-Quran dan al-Sunnah ini menunjukkan hakikat bahawa ajaran Islam itu bersifat *syumul* atau sempurna dan ia juga mengangkat martabat dan kewibawaan umat Islam dalam melaksanakan kerja yang cemerlang. Pekerja yang tidak mempunyai etika atau garis panduan bekerja akan mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang merosakkan nilai kerja yang sebenar. Pekerja yang mampu dan berupaya melaksanakan piawaian-piawaian yang ditetapkan dalam bekerja akan memperolehi hasil kerjanya sama ada berbentuk habuan di dunia dan juga nikmat di akhirat.

Kajian ini juga telah memenuhi dan mencapai objektif kedua untuk menganalisis prinsip-prinsip dan dalil etika kerja Islam yang dinyatakan oleh para penulis di Malaysia. Para penulis telah melakukan perincian terhadap prinsip etika kerja Islam. Ini menyebabkan prinsip-prinsip etika kerja Islam dalam karya ditemui dalam jumlah yang banyak iaitu 35 perincian prinsip etika kerja Islam oleh penulis di Malaysia.

Selain itu, kajian ini iaitu untuk mengenalpasti dalil yang digunakan oleh penulis etika kerja Islam di Malaysia bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah juga telah dicapai. Kebanyakan prinsip bersandarkan kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah. Namun begitu, terdapat juga prinsip yang disenaraikan tidak disandarkan kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah. Sebanyak dua puluh sembilan (29) prinsip bersandarkan kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah.

Para penulis juga telah membawa banyak dalil daripada ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan dengan prinsip yang dinyatakan. Prinsip-prinsip ini disumberkan dalilnya daripada al-Quran dan al-Sunnah dalam tiga kategori iaitu berdalilkan al-Quran dan al-Sunnah, berdalilkan al-Quran sahaja dan berdalilkan al-Sunnah sahaja. Walau bagaimanapun terdapat juga penulis yang tidak menyatakan sebarang dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Objektif yang terakhir iaitu untuk merumuskan keselarasan antara prinsip etika kerja Islam dalam al-Quran dan al-Sunnah dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan oleh penulis di Malaysia juga telah memenuhi capaiannya. Lapan prinsip utama yang dikeluarkan daripada al-Quran dan al-Sunnah iaitu *Taqwa*, *Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Ma'aruf* dan *Itqan*. Terdapat 35 perincian prinsip yang dikeluarkan oleh para penulis. Setelah dilakukan keselarasan didapati kesemua nilai yang dinyatakan itu mempunyai hubungan dan perkaitan dengan prinsip-prinsip utama yang dinyatakan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

Selain itu, para penulis juga mempunyai persepakatan bahawa sifat-sifat dan nilai-nilai ini membantu para pekerja mencapai matlamat organisasi dalam aspek kerja yang cemerlang dan penambahan produktiviti dan penghasilan pengeluaran. Para penulis juga bersependapat bahawa etika kerja Islam melibatkan ciri-ciri yang membawa motif kerja yang berlandaskan matlamat ketuhanan, himpunan sifat-sifat dalaman yang baik, pelaksanaan sifat-sifat luaran, komitmen serta kesungguhan kerja.

Bersumberkan hasil kajian yang telah dijalankan, dapatlah dirumuskan bahawa kajian ini telah memenuhi pencapaian terhadap objektif-objektif yang telah ditentukan. Kesemua objektif ini telah memperolehi hasilnya melalui penganalisan terperinci yang telah dilakukan terhadap prinsip-prinsip etika kerja dalam al-Quran dan al-Sunnah dan etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia.

Hasil penganalisan terhadap objektif-objektif ini juga menunjukkan bahawa etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia berhubung kait dan memenuhi prinsip utama etika kerja yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Para penulis karya etika kerja Islam juga telah memenuhi karangan mereka yang sarat dan banyak dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama kepada prinsip etika kerja Islam yang terkandung dalam karangan mereka.

Para penulis juga telah menonjolkan prinsip etika kerja Islam yang menjadi keutamaan kepada para pekerja muslim. Umpamanya prinsip tekun, keadilan, tanggungjawab dan amanah, ikhlas, bekerjasama. Kebanyakan penulis memberikan tumpuan kepada prinsip-prinsip yang wujud di dalam karya untuk memberi

penekanan melahirkan pekerja yang cemerlang. Ia merupakan sifat yang diinginkan bagi penghasilan sesuatu kerja. Kesemua prinsip ini merangkumi aspek dalaman dan aspek luaran yang menghasilkan pekerja yang cemerlang.

Hasil kajian ini juga selaras pandangan yang dikemukakan oleh Abbas Ali (2008), yang menunjukkan bahawa etika kerja Islam mempunyai hubungan rapat dengan tiga aspek kecemerlangan iaitu komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Hasil kajian juga selari dengan pandangan Yuosef (2000), iaitu terdapat hubungan positif di antara etika kerja Islam dengan aspek komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran. Selain itu, kajian ini juga disokong oleh pandangan Abdul Rauf (1984) yang menjelaskan bahawa etika kerja Islam dapat dikelaskan kepada dua bahagian iaitu intrinsik dan ekstrinsik.

Dua aspek ini merupakan faktor yang mendorong manusia untuk bekerja secara bersungguh-sungguh berteraskan aspek komitmen, kepuasan kerja dan ganjaran dunia serta akhirat. Justeru, prinsip-prinsip yang dibina dalam al-Quran dan al-Sunnah ini sememangnya untuk melahirkan tiga aspek utama ini iaitu ganjaran, komitmen dan kepuasan kerja.

Hasil kajian juga mendapati bahawa ganjaran yang diterima oleh orang Islam merupakan ganjaran abadi yang boleh menjadi perangsang kerohanian, psikologi di samping menjadi ibadah yang dituai di akhirat kelak. Ganjaran ini dapat melahirkan semangat kerja dan tanggungjawab kerja atau komitmen dengan lebih memuncak dalam kalangan umat Islam.

Begitu juga didapati komitmen dan kesungguhan berkerja juga memerlukan kepada input dan output. Input bagi komitmen kerja dalam Islam ialah *Taqwa* dan *Ihsan* yang telah memberikan pengawalan dalam hati manusia terhadap semangat berkerja. Sementara output iaitu '*Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Masuliyah, Ma'aruf* dan *Itqan* pula menjadi penggerak kerja agar dapat dijalankan dengan sempurna dan cemerlang hingga merasakan ia sebagai satu kepuasan terhadap kerjanya.

Kajian juga mendapati parameter kepuasan kerja dalam Islam bukan hanya terbatas pada aspek material atau lahiriah semata-mata tetapi bergantung pada sesuatu yang bersifat kejiwaan seperti keimanan dan amalan yang dilakukan oleh manusia. Selaras dengan pandangan Ahmad (2002) yang menyatakan bahawa sifat kepuasan ini mampu dibentuk melalui prinsip etika kerja Islam iaitu *Taqwa* dan *Ihsan* sebagai asas untuk melahirkan sifat kehambaan kepada Allah dan merasa tenang dalam jiwanya tanpa sifat ego, penting diri serta memandang rendah pada orang lain. Sementara nilai '*Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Masuliyah, Ma'aruf* dan *Itqan* merupakan landasan hubungan baik antara pekerja dengan majikan atau pekerja dengan pelanggan dan berhubung rapat dengan penghasilan kerja yang dilakukan. Oleh itu, prinsip etika kerja yang dikeluarkan melalui sumber al-Quran dan al-Sunnah dapat memenuhi kehendak manusia sebagai hamba Allah SWT.

Nilai etika kerja Islam ini terkandung dalam dua aspek iaitu intrinsik (aspek dalaman) dan *ektrinsik* (aspek luaran). Aspek dalaman ialah untuk membentuk jiwa pekerja dan membawa kepada matlamat utamanya iaitu ketaqwaan kepada Allah. Dua nilai yang terkandung dalam aspek dalaman iaitu *Taqwa* dan *Ihsan*. Sementara aspek luaran pula menterjemahkan aspek dalaman melalui tindakan dan pelaksanaan kerja yang dilakukan.

Aspek luaran ini terdiri daripada nilai 'Amal Saleh, *al-Birr*, *al-Qist*, *Masuliyah*, *Ma'aruf* dan *Itqan*. Semua nilai ini berhubung rapat dengan komitmen, bersemangat, kepuasan terhadap kerja dan ganjaran serta membantu para pekerja mencapai produktiviti kerja yang cemerlang.

Justeru, etika kerja Islam bermotifkan kerja yang berlandaskan matlamat ketuhanan, membina sifat-sifat dalaman Muslim yang baik dengan reda dan merasa puas pada tugas yang dijalankan dan ganjaran yang diterima, membentuk sifat luaran dan mewujudkan komitmen serta kesungguhan dalam bekerja.

5.2 Implikasi Kajian

Hasil daripada kajian ini dapat memberikan percambahan dan manfaat kepada dunia pengurusan Islam dan juga akademia. Berdasarkan kepada hasil kajian terdapat beberapa bahagian tertentu yang dapat diberikan penekanan bagi melahirkan prinsip atau nilai etika kerja Islam yang lebih utuh. Sementara itu pada dunia akademia pula kajian ini akan dapat menyumbang kepada kaedah kajian. Berikut merupakan perincian implikasi kajian ini iaitu:

5.2.1 Implikasi Pengurusan

Hasil Kajian menunjukkan bahawa etika kerja Islam terbina atas prinsip yang utuh melalui al-Quran dan Al-Sunnah. Oleh itu pihak pengurusan organisasi yang ingin membentuk piawai etika kerja Islam haruslah menggunakan prinsip etika kerja Islam yang telah terbina ini bagi mengukuhkan etika kerja dalam kalangan pekerja di organisasi masing-masing.

Pihak pengurusan juga hendaklah memastikan pembentukan sikap dan tingkah laku pekerja melalui etika kerja Islam yang terbina melalui al-Quran dan Al-Sunnah. Oleh itu pihak pengurusan perlu menyediakan pengisian, peraturan, kemudahan dan prasarana yang secukupnya supaya para pekerja dapat menghadam dan memahami kepentingan bekerja melalui pembacaan, pemahaman dan didikan yang sesuai dan bertepatan dengan etika kerja Islam.

5.2.2 Implikasi Akademik

Terdapat tiga sumbangan hasil kajian untuk perkembangan ilmu yang telah tersedia. Ia berkaitan dengan kajian terhadap etika kerja Islam menurut al-Quran dan Al-Sunnah.

i. Pembinaan Prinsip Etika Kerja Melalui al-Quran dan Al-Sunnah

Satu penghasilan daripada kajian ini adalah membina prinsip etika kerja Islam yang bersumber pada al-Quran dan Al-Sunnah. Hasil kajian menunjukkan bahawa etika kerja Islam tidak diberikan penumpuan secara khusus dari sudut prinsip dan dalil. Prinsip-prinsip yang nyatakan oleh para penulis tidak bersandarkan kepada dalil yang khusus. Kedua-dua faktor ini merupakan asas yang penting dalam pembentukan etika kerja Islam dan menjadi piawaian kepada para pekerja dalam sesebuah organisasi. Oleh itu penumpuan kajian secara khusus kepada etika kerja Islam perlu diberi perhatian.

ii. Pengujian Prinsip dan Dalil Etika Kerja Islam

Hasil kajian juga telah mendapati bahawa terdapat lapan nilai etika kerja menurut al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu perlu dilakukan pengkajian terhadap lapan jaringan

nilai etika Islam ini dengan setiap satu nilai tersebut perlu diuji secara mendalam. Perlu mengkaji pada dalil-dalil dari sudut keseragaman dengan nilai melalui beberapa pendekatan umpamanya kajian melalui *asbabul nuzul* ayat dan sebagainya.

iii. Melebarkan Kajian

Walaupun telah ditemui prinsip etika kerja Islam menerusi karya-karya dan keselarasannya dengan al-Quran dan Al-Sunnah. Namun hasil kajian yang dilakukan hanya berpandukan kepada penulisan daripada penulis di Malaysia sahaja. Oleh itu kajian yang lebih luas perlu dilakukan bagi mendapatkan hasil yang lebih menyeluruh dan utuh umpamanya memperluaskan kajian melalui karya-karya di negara asean dan negara-negara Islam yang lain.

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah memberi tumpuan kepada nilai-nilai etika kerja Islam yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah serta karya-karya penulis di Malaysia. Sebanyak 30 karya yang telah diteliti melibatkan 21 buah buku, tujuh buah jurnal dan dua prosiding kertas kerja. Hasil penelitian mendapati bahawa sebanyak 35 prinsip etika kerja Islam yang dinyatakan oleh para penulis di Malaysia dan kebanyakan nilai-nilai ini bersandarkan pada dalil al-Quran dan al-Sunnah. Nilai-nilai ini juga selaras dengan prinsip utama yang dikeluarkan melalui al-Quran dan al-Sunnah.

Bagi kajian lanjutan, para pengkaji dicadangkan memperincikan lagi tumpuan kepada setiap salah satu bentuk nilai etika kerja Islam dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kajian tersebut menfokuskan kepada nilai *Taqwa* atau *‘Amal Saleh* atau *al-Birr* atau

al-Qist atau tiap-tiap daripada nilai utama etika kerja Islam ini. Kajian ini boleh dilakukan kerana banyak bahan-bahan yang boleh didapati berkaitan prinsip-prinsip ini melalui karangan para sarjana.

Selain itu, kajian lanjutan boleh juga dilakukan untuk menyelidik nilai-nilai yang wujud dalam tiap-tiap prinsip etika kerja Islam secara lebih mendalam. Nilai-nilai ini kemudiannya dibentuk melalui penghasilan atau pembentukan item soalan yang mewakili prinsip-prinsip tersebut. Item soalan ini akan menjadi rujukan dan landasan kepada para pengkaji etika kerja Islam melakukan soal selidik terhadap para pekerja.

Sewaktu melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menemui sebilangan besar dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah yang menyebut tentang nilai-nilai utama etika kerja Islam. Kajian yang lebih terperinci terhadap dalil-dalil ini juga boleh dilakukan bagi mengenalpasti keselarasan dalil dan prinsip etika kerja dengan mengkaji tentang kesahihan dalil-dalil al-Sunnah tersebut dari segi martabat al-Sunnah dan sebagainya. Begitu juga dengan dalil-dalil al-Quran yang boleh dilihat keselariannya dengan nilai melalui *asbab al-nuzul* ayat.

Sementara itu, kajian berbentuk perbandingan juga boleh dijalankan. Perbandingan itu boleh dilakukan sama ada antara etika kerja Islam dan etika kerja Barat atau etika kerja Timur. Perbandingan juga boleh dilakukan melalui karya tokoh-tokoh Islam dan tokoh-tokoh barat. Hasil dapatannya nanti sangat bermanfaat kerana dapat mengengahkan persamaan dan perbezaan aspek prinsip etika kerja yang dinyatakan oleh mereka.

Semestinya kajian-kajian lanjutan akan lebih memberikan penambahan berupa sumbangan yang sangat bernilai terhadap dunia keilmuan khususnya yang berhubung dengan etika kerja Islam. Penambahan dan penemuan-penemuan baharu akan dapat ditemui selepas kajian secara ilmiah dilakukan. Penemuan-penemuan ini akan memberi manfaat yang sangat besar kepada yang berkaitan secara khususnya dan kepada masyarakat manusia secara umumnya.

5.4 Kesimpulan

Penyelidikan ini telah dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis prinsip-prinsip etika kerja Islam dalam karya penulis di Malaysia serta keselarasannya menurut al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip-prinsip dalam al-Quran dan al-Sunnah dipilih kerana ia merupakan teras dan sumber asas dalam Islam yang menjadi panduan dan pedoman kepada kesejahteraan hidup umat Islam. Analisis dilakukan terhadap karya-karya penulis etika kerja Islam di Malaysia kerana ia merupakan bahan bacaan dan rujukan para pekerja Islam khususnya di Malaysia.

Nilai-nilai etika kerja Islam ini dibahagikan kepada dua aspek iaitu aspek dalaman dan aspek luaran. Kedua-dua aspek ini telah membawa kepada elemen-elemen kecemerlangan kerja iaitu ganjaran, komitmen dan kepuasan kerja. Aspek dalaman memandu jiwa pekerja itu memfokus matlamatnya pada *mardhatillah* melalui dua nilai iaitu *Taqwa* dan Ihsan. Nilai *Taqwa* terdiri daripada niat beribadah kepada Allah, taat, ikhlas, syukur, sabar dan tawakkal. Sementara nilai Ihsan terdiri daripada rendah diri dan bersih.

Selain itu, aspek luaran pula bertindak sebagai pelaksana kepada aspek dalaman. Tindakan luar ini akan memberikan kejelasan dan penonjolan terhadap kerja yang dilakukan. Nilai luaran terdiri daripada enam prinsip iaitu *al-Birr* yang terkandung padanya tolak ansur, inovasi, kebaikan, musyawarah dan kerjasama. Nilai *Amal Saleh* terkandung dalamnya ilmu, muhasabah dan soleh. Nilai *al-Qist* pula terdiri daripada seimbang, keadilan dan tidak terlalu cinta dunia. Manakala nilai *Itqan* pula terdiri daripada cekap, merancang kerja, tekun dan disiplin. Sementara itu, nilai *Masuliyah* terdiri daripada nilai jujur, tepati janji, hormat masa, tanggungjawab dan amanah, benar dan bertugas mengikut kepakaran. Nilai *Ma'aruf* pula terdiri daripada kompetitif, mudah urusan, dermawan, jimat cermat dan kemuliaan budi.

Semua unsur luaran ini berkaitan dengan pelaksanaan yang dilakukan oleh setiap pekerja sewaktu menjalankan tugas yang diberikan kepada mereka dengan penuh komitmen, bersemangat, kepuasan terhadap kerja dan pastinya akan menerima ganjaran yang dijanjikan sama ada di dunia dan akhirat. Namun begitu, kedua-dua aspek ini iaitu intrinsik (dalaman) dan ekstrinsik (luaran) yang wujud dalam etika kerja Islam adalah untuk menghasilkan satu matlamat unggul. Matlamat ini akan mendominasi keseluruhan kehidupan manusia agar menjadi hamba kepada Allah SWT iaitu *Taqwa*.

Kesimpulannya, prinsip etika kerja Islam merupakan nilai yang terbentuk melalui acuan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi teras kekuatan dan kecemerlangan umat Islam untuk hidup dunia dan akhirat. Sebagai umat Islam, para penulis telah mengangkat martabat etika kerja Islam di Malaysia sebagai panduan para pekerja dengan meletakkan prinsip dan dalil yang selaras dengan al-Quran dan al-Sunnah.

Semoga umat Islam zaman kini dan akan datang akan terus membina khazanah ilmu dan hikmah dengan berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta menjadikannya sebagai pegangan yang utuh untuk kehidupan di dunia serta mendapat ganjaran yang terbaik di akhirat.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran dan terjemahan rasm Uthmani*. (1418H). Madinah al-Munawwarah: Majma' Malik al-Fahd.
- Ab. Aziz Yusof. (2010). *Pengurus bertakwa memakmurkan syarikat*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ab. Aziz Yusof & Ahmad Bashir Aziz. (2008). *Pengurusan perniagaan Islam, konsep isu dan perlaksanaan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ab. Rahim Ab. Hamid. (2002). *Hubungan antara elemen-elemen budaya organisasi, kepuasan kerja dan sistem kerja berpasukan di kalangan staf sokongan Bank Pertanian Malaysia*. Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- 'Abbas, 'Ali. (2001). Scaling an Islamic work ethic. *The Journal of Social Psychology*. 572-583.
- 'Abbas, 'Ali. (2008). Islamic work ethic: A critical review. *Cross Cultural Management: An International Journal*. 15 (1). 5-19. Emerald Group Publishing Limited.
- 'Abbas, J. 'Ali. (2005). *Islamic perspective on management and organization*. United Kingdom: Edward Elger.
- 'Abbas Mutawalli Hammadah. (1968). *Usul al-fiqh*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Abboushi, S. (1990). Impact of individual variables on the work values of palestinian arabs. *International Studies of Management & Organization*. 20 (3). pp 53-68
- Abd Rahim Ahmad & Shahrul Bariah Md. Zain. (1990). *Pengurusan suatu sudut pandangan*. Kuala Lumpur: Nurin Publication.
- 'Abdul Rahman Badāwi. (1963). *Manāhij al-bahthi al-'ilmi*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Abdul Aziz Mohamed. (1988, Jan-Jun). *Etika kerja*. Kertas kerja kursus jangka pendek perniagaan Islam. Modul II Pengurusan Tenaga Manusia.
- Abdul Aziz Mohamed. (1991). *Etika kerja*. Dlm. Sheikh Ghazali Abod & Zambry Abdul Kadir, *Pengurusan perniagaan Islam*. Shah Alam: Hizbi.
- 'Abdul Baqy, Muhammad Fuad. (1991). *Mu'jam al-mufahras li alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- Abdul Ghani Hj. Shamsuddin. (1996). Peranan pegawai kerajaan dalam meningkatkan prestasi kerja. Dlm. Abd. Halim el-Muhammady, *Pengurusan dalam Islam*. Bangi: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.
- Abdul Ghani Hj. Shamsuddin. (1994) Mewujudkan perkhidmatan yang bersih. Dlm. Shafie Mohd Salleh & Mohd Affandi Hassan. *Kecemerlangan pentadbiran, dasar dan amalan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Perbadanan Nasional Malaysia Berhad.
- Abdul Halim el-Muhammady. (1996). Peningkatan imej organisasi dari prespektif Islam. Dlm. Abdul Halim el-Muhammady. *Pengurusan dalam Islam*. Bangi: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah.
- 'Abdul Haque Ansari. (1999). Dlm. Muhammad Muqim. *Research methodology in Islamic perspective*. Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- 'Abdul Kadir 'Audah. (1983). *Harta dan pemerintahan dalam Islam*. Terj. Salahuddin Abdullah. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- 'Abdul Karim Zaidan. (1996). *Usul al-da'wah*. Beirut: al-Risalah.
- 'Abdul Latif Muhammad. (1985). *al-Akhlak fi al-Islam*, Cetakan ke-2. Riyadh: Maktabah Dar al-'Ulum
- 'Abdul Malek al-Sayed. (1995). *Etika sosial dalam Islam*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rashid Ahmad. (1996). *Pendidikan akhlak menurut wasiat Luqman*. Subang Jaya: Penerbitan Ramadhan.
- 'Abdul Rauf, Muhammad. (1984). *A muslim's reflection on democratic capitalism*. American Enterprise Institute for Public Policy Research, Washington DC.
- 'Abdul Rauf, Muhammad. (1991). *Ummah the muslim nation*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Abdul Razak Taha. (1998). *Factors affecting ethical egotism among managers of the manufacturing industry in Penang*. Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Sains Malaysia.
- 'Abdul Wahab Khallaf. (1970). *Ilmu usul al-fiqh*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Abdullah Haji Abdul Ghani. (1999/2000). Pengaruh tingkah laku etika ketua terhadap tingkah laku subordinat di sektor kewangan di Malaysia. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah bin Muhammad Basmih. (1968). *Tafsir pimpinan al-Rahman*. Cetakan ke-6. Kuala Lumpur: Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri.

- Abdullah Haji Abd. Rahman. (1998). *Pelaksanaan dasar penerapan nilai-nilai murni di tiga agensi induk Jabatan Perdana Menteri*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdullah al-Qari Bin Salleh. (1995). *Contoh sembahyang Rasulullah SAW*. Kuala Lumpur: DIENIE Publishers.
- 'Abdullah Irwani. (1989). *Asas-asas akidah*. Terj. Abdul Majid Abdullah. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abdullah Mohamad Zain. (1999, Jun). *Falsafah dan etika pengurusan Islam*. Kertas Kerja Seminar Pengurusan Islam. Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah Mohamad Zain. (2004). Falsafah dan etika pengurusan Islam. Dlm. Ali Yakub Matadong, Mohamaed Asin Dollah, Muhammad Yusuf Khalid & Sapora Sirpon, *Asas kecemerlangan ummah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abeng, T. (1997). Business ethic in Islamic context: Perspective of a muslim business leader. *Business Ethics Quarterly*. 7(3). 47-54.
- Abi al-Izz, 'Ali bin 'Ali. (1997). *Sharh al-'aqidah al-tahawiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Abi Daud, Sulaiman Ibn al-Ash'as al-Sajastani. (t.th). *Sunan Abi Daud*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Abu al-'Ainaini, Badran. (1965). *Usul al-fiqh*. Beirut: Dar al-Ma'arif.
- Abu Bakar Hamid, Abdullah Haji Abdul Ghani, Muhammad Nasri Md. Hussain, Ahmad Bashir Aziz, Azizah Othman & Mohd Fauzwadi Mat Ali. (2005). *Etika kerja Islam sebagai moderator antara hubungan konflik kerja dan ganjaran dengan kepuasan kerja* (tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Abuddin Nata. (2013). *Metodologi studi Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Abu Fida Muhammad 'Izzad. (2010). *Setitik air mata sejuta makna*. Terj. Suhaila Lukman. Kuala Lumpur: Hidayah Publication.
- Abu 'Urwah. (1989). *Sistem-sistem Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abu 'Urwah. (1988). *Risalah usrah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ahmad, Ahmad Muhammad bin Hanbal. (1990). *Musnad*. Beirut: al-Risalah.
- Ahmad, 'Abdul Rahman Yusro. (2002). *Muqaddimah fi 'ilmi al-iqtisad al-Islami*. Kaherah: Dar al-Turath.

- Ahmad Bashir @ Zolmat Aziz. (2005). *Pembentukan budaya pengurusan menyeluruh (total management culture) di Malaysia: Analisa perbandingan dari prespektif Islam dan konvensional*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Ahmad Fikri Hj. Husin. (2010). *Wacana cerita dalam al-Quran: Satu kajian dalam surah al-Kahf*. Disertasi PhD. Jabatan Bahasa Arab-Bahasa Timur Tengah. Fakulti Bahasa, Universiti Malaya.
- Ahmad, H. Z. (1985, Disember). *Hidup dalam takwa, takdir*. Majalah Muslimah.
- Ahmad Ibnu Daud al-Muzjaajiy. (1994). *Akhlaqiyat al-mudiri al-muslim fil idarah al-aa'mah*, Majallah as-Syariah wa Dirasaat al-Islamiah (Vol. ix), Majlis an-Nasru al-Islaamiy.
- Ahmad 'Izzuddin al-Bayanuni. (1998). *10 Pembina Manusia*. Terj. Uthman Ahmad. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- 'Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1991). *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ismail Yahya 'Abd al-Isa. (t.th). *Al-amal fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ahmad 'Izzat Rajih. (t.th). *Usul 'ilm al-nafs*. Kaherah: Maktabah al-Misri al-Hadith.
- Ahmad Janan Asifudin. (2004). *Etos kerja Islami*. Surakarta: Muhammadiyah University Press.
- Ahmad, K. (1976). *Islam: Its meaning and message*. Islamic Council of Europe. London.
- Ahmad Muhammad 'Abdul al-'Azim al-Jamal. (2009). *Al-'amal al-tatawu'*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ahmad Mahmud Abu Zaid. (1996). *Pendakwah masa kini, sikap dan pendekatan*. Kuala Lumpur: YADIM.
- Ahmad Mustaq. (1995). *Business ethic in Islam*. Islamabad: International Institute of Islamic Thought
- Ahmad Zuhdi Abd. Hamid. (1991). *Latihan dan pembangunan tenaga kerja*. Dlm. Sheikh Ghazali Sheikh Abod et al. (ed.), *Pengurusan perniagaan Islam*. Shah Alam: Hizbi.
- Aidit Haji Ghazali. (1993). *Pengurusan berteraskan Islam*. Dlm. Nik Mustapha Nik Hassan & Siti Fatimah Abd. Rahman, *Budaya kerja dan pembangunan masyarakat satu kefahaman*. Kuala Lumpur: IKIM.

- Aizzat Mohd. Nasurdin & Mohamed Salmi Mohd. Sohod. (1996). *Work values & organization commitment: A comparative study of supervisors in a European firm and a Japanese firm in the electronics industry in Malaysia*. Siri Monograf UUM, no 4. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Albani, Muhammad Nasir al-Din. (1984) *Sharh al-'aqidah al-tahawiyyah*. Cetakan ke-8. Beirut: al-Maktabah al-Islami.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim. (1996). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim. (t.th). *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1983). *Ihya 'ulumiddin*. Terj. Prof TK. H. Ismail Yakub MA. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1987). *Khuluq al-muslim*. Kaherah: Dar al-Rayyan Litturas.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1990). *Ihya 'ulumiddin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1991). *Munqid min al-dhalal*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2000). *Permata al-Quran*. Terj. Mohd Loqman Hakim. Selangor: ALBAZ Publishing & Distribution.
- Al-Kandahlawi, Muhammad Yusof. (1987). *Hayatu al-sahabah*. Kaherah: Dar al-Rayyan.
- Al-Maududi, Abu al-'Ala. (1985). *Asas-asas Islam*. Terj. H. O. K. Rahmat. Kota Baharu: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Mawardi, Abu al-Husayn Ali bin Muhammad. (1996). *Al-ahkam al-sultaniyyah wa al-wilayat al-diniyyah*. Beirut: al-Maktabah al-Islami.
- Al-Tabāri, Abu Ja'far Muhammad ibn Jarīr. (1992). *Jami' al-bayān fi ta'wil al-quran*. jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Ali, A. J. (1992). The Islamic work ethic in arabia. *The Journal of psychology*. 126(5), 507-517.
- 'Ali Hasbullah. (1959). *Usul al-tashri' al-Islami*. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Ali Hassan. (2002). *Tahap amalan etika kerja di Jabatan Imigresen Malaysia: Satu kajian di Lembah Kelang*. Desertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Utara Malaysia.

- Ali Jarishah. (1990). *Kehormatan, hak-hak manusia menurut Islam*. Terj. Mohd. Marzuqi Shafie. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, Shaukat. (1975), *Administrative ethics in a muslim state*. Lahore: Publishers United.
- Al-Qardhawi, Yusof. (1987). *Al-iman wa al-hayah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qardhawi, Yusof. (1995). *Dawr al-qiyam wa al-akhlaq fi al-iqtisad al-Islami*. Kaheerah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qardhawi, Yusof. (1996). *Al-waqt fi hayah al-muslim*. Kaheerah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qardhawi, Yusof . (2000). *Pengantar pengetahuan Islam*. Terj. Mohammad Zaini Yahya. Kuala Lumpur: al-Syabab Media.
- Al-Qardhawi, Yusof. (1994). *Bagaimana berinteraksi dengan sunnah*. Terj. Huda Mohsin & Jawiah Dakir. Petaling Jaya: ABIM.
- Al-Qardhawi, Yusof. (1999). *Tamadun Islam alternatif masa depan*. Terj. Juanda Jaya. Selangor: Maktabah al-Qardhawi.
- Al-Qasimi, Jamaluddin. 1961). *Qawaid al-tabidith min funun mustholah al-hadith*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Al-Qasimi, Jamaluddin. 1996). *Mahasinut ta’wil*. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiah.
- Al-Qurtubi, ‘Abdullah Muhammad Ibn Ahmad . (1994). *Al-jami’ li ahkam al-quran*, Kaheerah: Dar al-Hadith.
- Al-Razi, Fakhru Din Muhammad bin ‘Umar. (1990). *Al-tafsir al-kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Sya’rawi, Muhammad Mutawalli (1989). *Mukjizat al-Quran*. Terj. Ismail Salleh. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
- Aminuddin Ruskam. (1999). Etika pengurusan dalam sistem muamalat Islam: Harapan dan cabaran. Dlm. Abd Jalil Borhan, *Sains muamalah Islam di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- ‘Amr, Muhammad ‘Abdul Halim. (1999, Mei-Ogos). Al-waqi al-intaji fi al-dawl al-islamiyyah al-mu’asarah. Dlm. *Majallah Markaz Salih Kamil li al-Iqtisad al-Islami Jami’ah al-Azhar*. 3(8). pp 77-88.
- Amril, M. (2002). *Etika Islam: Telaah pemikiran filsafat moral Raghīb al-Isfahani*. Yogyakarta. Lembaga Studi Filsafat, Kemasyarakatan, Kependidikan dan Perempuan & Pustaka Pelajar.

- Amrin Rauf. (2015). *Pelbagai jenis solat untuk mengatasi masalah hidup*. Selangor: Hidayah Publishers
- Amyr B. Sajoo. (2004). *Muslim ethics*. London: I. B. Tauris Publishers, The Institute of Ismaili Studies.
- Ariffin Omar. (1995). Sunnah sebagai bayan kepada al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam, Islamiyyat*. Vol. 16. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arsalan, ‘Amir Shaqib. (2004). *Limadha taakhar al-muslimin wa limadha taqaddam ghayruhum*. Beirut: Maktabah al-Hayah.
- Asbahani, Abu Un’aym. (1988). *Ma’rifah al-sahabah*, tahqiq Muhammad Hassan Isma’il. Riyadh: Maktabah al-Haramyn.
- Atan Long. (1980). *Pedagogi kaedah am mengajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- ‘Audah, Abdul Kadir. (1951). *Al-malu wa al-hukmuhu fi al-Islam*. Kaherah: Matba’ah Dar al-Kitab al-Araby.
- Azhari Hamzah. (2010). *Analisa gaya bahasa pujian dan celaan dalam al-Quran*. Disertasi Sarjana (tidak diterbitkan). Jabatan Bahasa Arab-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa, Universiti Malaya.
- ‘Azim Abadi, Abi Tayyib Muhammad Shams al-Haq & Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Din. (t.th). *Auwn al-ma’bud sharh sunan Abi Dawud*, jil. 9. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Azizah Zakaria. (2004). *Penghayatan terhadap beberapa aspek dalam falsafah etika al-Ghazali: Kajian di kalangan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor Darul Ehsan*. Desertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Malaya.
- Azman Che Omar. (2001). *Pengurusan di Malaysia dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badawi Mahmud Shaykh. (2000), *Al-judah al-shamilah fi al-amal al-Islami*, Cetakan ke-1. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Bahagian Hal Ehwal Islam. (1987). *Etika kerja Islam*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Baharuddin. (2004). *Paradigma psikologi Islami, studi tentang elemen psikologi dalam al-Quran*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Baihaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Hussayn bin ‘Ali bin ‘Abdullah. (1991). *Hukum al-Quran Asy-Syafi’iy dan ijtihadnya*. Terj. Baihaqi Saifuddin. Singapura: Pustaka Nasional.

- Baihaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Hussayn bin ‘Ali bin ‘Abdullah. (1999). *Sunan al-Kubra*, tahqiq Muhammad Abd al-Qadir Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Baghdadi. (t.th). *Al-farq baina al-firaq*. Bairut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ba’labaki, Rohi. (1993). *Qamus al-maurid*. Beirut: Dar al-Ilmi al-Malayin.
- Balawi, ‘Abdullah. (t.th). *Al-nasaih al-diniyyah*. Kaherah: Mustafa al-Baby al-Halaby.
- Baqari, Ahmad Mahir. (1988), *Al-‘amal wa al-qiyam al-khuluqiyyah fi al-Islam*. Iskandariah: Maktabah al-Jami al-Hadith.
- Barjoyai Bardai. (2002). *Prinsip dan kaedah pengurusan Islami: Lakaran suatu disiplin ilmu. Buku Wacana Pengurusan Islami: Siri 1*. Kuala Lumpur: YPEIM.
- Bayanuni, Ahmad ‘Izzuddin. (1999), *Al-‘amal al-soleh*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Bayyumi, Muhammad Ahmad Muhammad. (1978). *The Islamic ethic of social justice and the spirit of modernization: An application of weber’s thesis of the relationship between riligious values and social change in modern Egypt*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah (tidak diterbitkan), Temple University.
- Baydawi, ‘Abdullah bin ‘Amr bin Muhammad. (1951). *Tafsir Baydawi, Anwar al-Tanzil wa Israr al-Ta’wil*. Terj. Abdul Rauf Fansuri. Kaherah: Mustafa al-Baby al-Halaby.
- Bayles, M. D. (1981). *Professional ethics*. Belmont, California: Wadsworth Publishing Company.
- Beck, R.C. (1990). *Motivation: theories and principles*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice Hall, Inc.
- Beutell, N.J. & Brenner, O.C. (1986). Sex differences in work values. *Journal of Vocational Behavior*. Vol. 28 No. 1. Pp. 29-41.
- Blood, M. R. (1969). Work value and job satisfaction. *Journal of Applied Psychology*. Vol. 53 No. 6. Pp. 456-9
- Brief, A. P. & Aldag, R. J. (1980). Antecedents of commitment among hospital nurses. *Sociology of Work and Occupations*, 7, 710-721.
- Budah @ Udah Mohsin. (1995). *Ulum al-Hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku panduan penulisan tesis disertasi ijazah tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (2007). Universiti Malaya Press.

- Buraey, Muhammad. (1985). *Administrative development: An Islamic perspective*. London: Kegan Paul International.
- Buraey, Muhammad. (1992). *Pembangunan pentadbiran menurut perspektif Islam*. Terj. Abdullah Md. Noor et.al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buthi, Muhammad Said Ramadhan. (1992). *Hurriyyah al-insan fi zill ubudiyatih li Allah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Ma'asir.
- Buthi, Muhammad Said Ramadhan. (1998). *Fiqh al-sirah al-nabawiyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Carmody D. L. & Carmody J. T. (1983). *Eastern_ways to the center: An introduction to Asian religions*. Belmont CA: Wadsworth.
- Catherine, M. & Gretchen B. R. (1984). *Designing qualitative research*, hlm. 108. New Delhi: Sage Publications India.
- Cherrington, D. J. (1980). *The work ethic: Working values and values that work*. New York: AMACOM.
- Citra Karya. (1994). *Falsafah, nilai dan etika dalam perkhidmatan awam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan, Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Collins Dictionary of the English Language*. (1989). Patrik Hanks, (Ed.). London: Collins.
- Congleton, R. (1991). The economic role of a work ethic. *Journal of Economic Behaviour and Organization*, 8(1), 9-17.
- Cowen, M. J. (1980). *A dictionary of modern written Arabic*. London: MacDonald & Evans.
- Danial Zainal Abidin. (2005). *Tip-tip cemerlang daripada al-Quran*. Bentong: PTS Publication.
- Dale Carnegie. (1997). *Bagaimana menikmati hidup dan kerjaya anda*. Terj. Abdul latiff Hj. Arifin. Selangor: Thinker Library.
- Darwish A. Yousef. (2000). The Islamic work ethic as a mediator of the relationship between locus of control, role conflict and role ambiguity – A study in an Islamic country setting. *Journal of Managerial Psychology*, 15(4), 283-298.
- Darwish A. Yousef. (2001). Islamic work ethic – A moderator between organizational commitment and job satisfaction in a cross-cultural context . *Personnel Review*, 30(2), 152-169.

- David G. (2004). *The American journey: A history of the United State*. New Jersey: Upper Saddle River.
- Dawis, R & Lofquist. (1984) Manual for the minnesota satisfaction quistionaire. *University of Minnessota Industrial Relation Center*. Minneapolis. MN.
- Dughaymi, Muhamamd Rakn. (1997). *Asālib al-bahthi al-‘ilmi masadir al-dirāsāt al-islāmiyyah*. Amman: Maktabah al-Risālah.
- Duwalibi, Muhammad Ma`ruf. (1965). *Al-madkhal ila ‘ilmi usul al-fiqh*. Beirut: Dar al-Kitab al-Jadid.
- Dwiloka, Bambang. (2005). *Teknik menulis karya ilmiah*. Jakarta: Rineka
- Fairuz Abadi. (1990). *Kamus al-muhit*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Faisal Othman. (1994). Attributes of virtuous executives and administrators in Islam”. Dlm. Syed Othman al-Habsyi et al. (Eds.), *Islamic values and management*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Faisal Hj. Othman (1986). *Kaitan ilmu-ilmu agama dengan sains sosial*.h. 39-65. Islamiyyat.
- Farkhan, M. (2006). *Penulisan karya ilmiah*. Jakarta: Penerbitan Cella
- Fathi Yakan. (1987). *Bagaimana kita menyeru kepada Islam*. Terj. Ibnu Qasim & Abu M. Baqir. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Fazilah Idris & Fatin Hazwani Siran. (2008, 13-14 Nov). *Etika dan moral dalam memupuk keharmonian di kalangan belia berbilang bangsa*. Kertas Kerja Persidangan Serantau Nilai Profesionalisme. Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fodor, G. (1990). Attitudes anchor harbor sales. *Industrial Distribution*. Vol. 79 No. 6, pp. 20-24.
- Fred Luthans. (2002), *Organizational behavior*, Cetakan ke-9. Boston: McGraw-Hill.
- Frence, W. A & Granrose, J. (1995 Sept-Okt). Personal values and corporate strategy. *Havard Business Review*.
- Furnham, A. (1990). A content, correlational and factor analytic study of seven questionnaire measures of the protestant work ethic. *Human Relations*, 43(4), 383-399.
- Furnham, A. (1997). *Personality at work: The role of individual differences in the workplace*. London & New York: Routledge.

- Furnham & Rajamanicam, R. (1992). The Protestant work ethic and just world beliefs in Great Britain and India. *International Journal of Psychology*. Vol. 27 no. 6, pp. 401-416
- Geethanchali Ramasamy. (2003). *The interaction between money ethic (love of money) and corporate ethical culture on unethical behavior at work: The impact of gender*. Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Sains Malaysia.
- Guat Ean Ong. (1998). *Ethical values of lawyers and their relationship with professional commitment*. Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Sains Malaysia.
- Goleman, D. (2000). *Kecerdasan emosi*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Hairunnizam Wahid, Ab. Razak & Mohd Ali Mohd Nor. (2002). *Pembaharuan pentadbiran untuk pembangunan menurut perspektif Islam*. Universiti Putra Malaysia.
- Hakim Mohamad Said. (1989). *Hubungan majikan-pekerja menurut Islam*. Terj. Yusof Ismail. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
- Hamadi, 'Ali. (1997). *Thalathatu al-najah*. Beirut: Dar Ibn Hazmi.
- Hamdan Adnan. (1987). *Prinsip perhubungan awam*. Selangor: Biroteks Institut Teknologi Mara.
- Hamdi Abu Futuh 'Utaifah. (2000). *Minhājīyah al-bahthi al-'ilmi*, Kaherah: Dar al-Nashr li al-Jami'at.
- Hamiza Ibrahim. (1996). Melahirkan muslim yang cekap bekerja. Dlm. Khairul Azhar Idris (Ed.), *Kontemporari Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hamzah Ismail & Barjoyai Bardai (1997, 7-8 Jan). *Isu-isu dan dilema etika perniagaan*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Etika Perniagaan. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Hanafi Mohamed. (1996). *Falsafah pendidikan menurut al-Quran*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Hanapi Mohd. Nor. (1996, 10-12 Jun). *Razi'z human needs theory: An exposition of some relevent issues*. International Seminar on Islamic Theology and Philosoph. Jabatan Usuludin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hanifah Ahmad. (1999). *Kesedaran etika dalam organisasi: Kajian kes di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Disertasi Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.

- Harold Koontz. (2001). *Pengurusan*. Terj. Mohd Salmi Sohod et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din. (2003). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Nasution. (1986). *Teologi Islam: Aliran-aliran sejarah analisa perbandingan*. Jakarta: UI-Press.
- Hassan al-Banna. (2002). *Konsep pembaharuan masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Thinkers
- Hasan Mohd Ali. (1989, 4 Mac). *Penerapan etika kerja dan konsep profesionalisme Islam di dalam rangka kerja organisasi*. Kertas Kerja Seminar Sistem Perniagaan Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hasanah Abd. Khafidz & Noor Shakirah Mat Akhir. (2006, 5 Dis). *Akhlak dalam etika kerja Islam*. Kertas Kerja Seminar Etika Kerja Dalam Islam. Dewan Mesyuarat Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Hasāri, Ahmad Muhammad. (1991). *Tafsir ayat al-ahkām*. Beirut: Dar al-Jil.
- Hassan Lenggulung. (1998). Strategi pendidikan agama dalam meningkatkan kualiti sumber daya manusia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 8 (2). pp 46-58.
- Hassan, R. (2007). On being religious: Patterns of religious commitment in Muslim societies. *The Developing Economies*. 29(4). pp 350-370.
- Hashim, Ahmad ‘Umar. (1977). *Manhaj al-Islam fi al aqidah wa al-iqtisad al-Islami*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Hitt, Michael A. Et.al. (2000). *Strategic management – competitiveness and globalization*. edisi 4. South-Western Collage Publishing.
- Hunt, S. D., Wood, V. R. & Chonko, L. B. (1989). Corporate ethical value and organizational commitment in marketing”. *Journal of Marketing*, 53, 79-90.
- Ibn Abi Dunya (t.th). *Muhasabat al-nafsi*. Kaherah: Maktabah al-Quran.
- Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-Asqalani. (1989). *Fath al-bari bi-sharh sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- Ibn Hisham, Abu Muhammad ‘Abdul Malik bin Hisham bin Ayub. (t.th). *Sirah al-nabawiyah li Ibn Hisham*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Ibn Kathir, Abi Fida Isma’il bin Kathir al-Quraisy al-Damsyiqi. (1994). *Tafsir al-Quran al- ‘Azim*. Beirut: Maktabah al-Asriyah.
- Ibn Khaldun (t.th). *Muqaddimah*. Bairut: Dar al-Fikr.

- Ibn Manzur (1990). *Lisan al-‘arab*. Bairut: Dar Sadir.
- Ibn Majah, Abi Abdullah Muhammad bin Yazid al-Rabi’i. (t.th). *Sunan Ibn Majah*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Muhammad bin Abu Bakr. (1999), *Madarij al-salikin bayna manazil “iyyaka na’bud wa iyyaka nasta’in*, tahqiq Muhammad al-Mu’tasim bi Allah al-Baghdadi. Beirut: Dar Kitab al-Arabi.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad Taqiyuddin bin ‘Abd Halim. (1983). *Kitab al-iman*. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiah.
- Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia. (1991). *Panduan nilai dan etika dalam perkhidmatan awam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia. (1992). *Tonggak Dua Belas*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia. (1994). *Falsafah, nilai dan etika dalam perkhidmatan awam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Ismail Ibrahim. (1994). Nilai pekerjaan dalam Islam. Dlm. Shafie Mohd Salleh & Mohd Affandi Hassan. *Kecemerlangan pentadbiran, dasar dan amalan dalam Islam*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Ismail Ibrahim. (1993). Budaya kerja. Dlm. Nik Mustapha Nik Hassan. *Islam, budaya kerja dan pembangunan kemasyarakatan satu kefahaman*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Ismail Raji al-Faruqi. (1998). *Al-tawhid its implication for thought and life*. Virginia, U.S.A: The International Institute of Islamic Thought.
- Izutsu, Toshihiko. (1966). *Ethico-religious concept in the Quran*. McGill University Press.
- Jaafar Salleh. (1998). *Etika dan agenda seorang muslim*. Selangor: Orient Press.
- Jamiah Manap, Hj. Azimi Hj. Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman & Hanina Halimatus Saadiah Hamsatun. (2004). *Pemantapan nilai integriti individu sebagai teras pembangunan staf berkualiti*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jazairi, Abu Bakr. (1998). *Aysar al-tafāsir*. Jeddah: Dar al-Rasim.
- Johari Hj Alias. (1992). *Membina semangat positif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jones, H.B. Jr. (1997). The Protestant ethic; Weber model and the empirical literature. *Human Relations*. Vol. 50 No. 7. pp. 757-778
- Kamal Bashah. (1988). *Organizational culture: Organizational adaptability and change – A study of Petronas*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah (tidak diterbitkan), University of Southern California.
- Kamal Hassan. (2008). *Keutuhan budaya dan moral. Siri penerbitan pendekatan Islam Hadhari*. JAKIM. Jabatan Perdana Menteri.
- Kamal Hassan. (1994). Islam asas pembangunan. Dlm. Shafie Mohd Salleh & Mohd Affandi Hassan, *Kecemerlangan pentadbiran dasar dan amalan dalam Islam*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Kamal Hassan. (1992). *Muslim profesionalis facing the challenges of 21st century: Beyond official code of ethics*. Prosiding Seminar Kebangsaan Etika Profesional Amalan Etika Profesional. Universiti Teknologi Malaysia. Hotel Hilton, Kuala Lumpur.
- Kamaruddin M. Said. (10 Jun 1997). Institusi Sosioekonomi dan Budaya Kerja Jepun. *Utusan Melayu*.
- Khalil Saqar. (1997). *Salasiyah al-najah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Khayyath, 'Abdul Aziz. (1989). *Nazharah al-Islam li 'amal wa atsaruhu fi al-tanmiyyah*. Kaherah: Darussalam.
- Khayyath, Abdul Aziz. (1994). *Etika bekerja dalam Islam*. Terj. Mohd Nurhakim. Jakarta: Gema Insani Press.
- Khudari, Muhammad . (1969). *Usul al-fiqh*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubra.
- Kidron, A. (1978). Work values and organizational commitment". *Academy of Management Journal*. 21(2). 239-247.
- Koh, H. C. & Boo, E. H. (2004). Organization ethics and employee satisfaction and commitment. *Management Decision*. 42(5). 677-693.
- Koentjaraningrat. (1986). *Metode-metode penelitian masyarakat*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Koontz, Harold et.al. (1988). *Management*. edition 9. New York: McGraw Hill Book Co.
- Labib al-Said. (1985). *Pekerjaan dan kaum buruh satu analisis dari sudut Islam*. Terj. Mat Sa'ad Abd. Rahman. Shah Alam: Hizbi.

- Laming, D. (2004). *Understanding human motivation, what make people tick*. C.1. Australia: Blackwell Publishing.
- Lazimah Ahmad. (2006). *Pengaruh tekanan kerja, etika kerja Islam dan kepuasan kerja terhadap niat berhenti kerja*. Disertasi Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) (tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Lewis, P. V. (1983). *Managing human relations*. USA: Kent Publishing.
- Littunen, H. (2000). Entrepreneurship and the characteristics of the entrepreneurial personality. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*. J. 6. No. 6. Pp 295-309.
- Locke, E.A (1984). Effect of self efficacy goal and task strategies on task performance. *Journal of applied Psychology*. 69(2). Pp 241-251.
- Lokman Ab. Rahman. (1997). *Pengurusan Islam: Etika, komunikasi, dan motivasi*. Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).
- Luthans, Fred. (2002). *Organization behavior*. Edition 5: McGraw Hill Inc
- M.‘Umaruddin. (2003). *The ethical philosophy of al-Ghazzali*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors
- Maccoby, Michael. (1996). The managerial ethic in America: The work ethic a critical analysis. *Industrial Relations Research Asc. Series*.
- Magdy, Shehab. (2009). *Ensiklopedia mukjizat al-Quran dan hadis*. Dlm. terj. Syarif Hade Masyah. Jakarta: PT. Sapta Sentosa.
- Mahmood M. Ayoub. (1996). *Islam, iman dan amal*. Johor Baharu: Bismi Publisher.
- Mahmood Nazar Mohamed & Sabitha Merican. (1996/97). Etika kerja di kalangan sektor awam: Kajian di Kedah Darul Aman. *INTAN Management Journal*, 3, (1).
- Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid. (2005, 22-23 Feb). *Etika kerja menurut sunah Rasulullah SAW*. Prosiding Kertas Kerja di Bengkel Islam Hadhari-Etika Kerja: Menuju Ke Arah Keimanan Dan Ketaqwaan Pada Ilahi. Kuala Lumpur.
- Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid. (2007). Keperluan pembangunan dalam Islam. Dlm. Muhammad Hisyam Mohamad (Ed.). *Pembangunan dari perspektif Islam*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing dan IKIM.
- Mahmud Muhammad Babilily. (1990). *Etika bisnis: Studi kajian konsep perekonomian menurut al-Quran dan sunah*. Terj. Rosihin A. Gani. Solo: CV Ramadhani.

- Mahmud Saedon. (1992). *Al-Sunnah: Kedudukannya dan peranannya di dalam syariat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maisarah Mohamed Saat. (2001). *Amalan etika dalam profesion perakaunan: Satu kajian emparikal di Malaysia*. Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mansur Muhammad al-Maqran. (1999). *Majmu' al-qayyim min kalam Ibn Qayyim*. Riyadh: Dar Taibah.
- Marbawi, Mohamad Idris Abd Rauf. (1933). *Bahru al-mazy*. Kaherah: Matbaah Mustaffa al-Baby al-Halaby.
- Mardzelah Maksin & Mohamad Fadhli. (2006). *Pembangunan akhlak melalui pengalaman muhasabat al-Nafs*. Dlm. Haji Kassim Thukiman et al. (Eds.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Maslow, A. H. (1987). *Motivation and Personality*, Cetakan ke-3. New York: Harper and Row.
- Maududi, Sayid Abu A'la. (1984). *The Islamic movement dynamic of values power and change*. The Islamic Foundation United Kingdom.
- Maududi, Sayid Abu A'la. (1984b). *Asas-asas akhlak gerakan Islam*. Ihsan Abdul Ghani (terj). KL. A.S Noordeen
- Mazilan Musa. (2007). Peranan dan keperluan etika dan tadbir urus baik dalam pembangunan. Dlm. Muhammad Hisham Mohamad, *Pembangunan dari prespektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Maznah Ali. (1991). *Dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran awam Malaysia: Satu kajian persepsi di Institut Tadbiran Awam Negara*. Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Malaya.
- Mc Clelland, D. C. (1961). *The achieving society*. New York: Collier-MacMillan.
- Mc Clelland, D. C. (1987). *Human motivation*, Cetakan ke-1, New York: Cambridge University Press.
- McGregor, Lynn. (2000). *The human face of corporate governance*. New York: Palgrave
- Md Ishak Ismail & Nur Fa'izah Abu Bakar. (2005). *Tadbir urus korporat peranan dan kepentingan terhadap sektor korporat*. Putrajaya: Institut Tadbir Urus Malaysia.
- Md. Zabid Abdul Rashid. (1989). The influence of sociocultural factors on perceived uneththical practices. *Malaysian Management Review*. 24 (3). pp 47-53.

- Md. Zhahir Kechot. (2000). *Ekonomi dan pengurusan organisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Midani, Abdul Rahman Hussain. (1999). *Al-akhlak al-islamiah*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Miskawayh, Abi 'Ali Ahmad bin Muhammad. (1961). *Tahdhib al-akhlaq*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Miskawayh, Abi Ali Ahmad bin Muhammad. (2003). *Tujaribu al-umam wa tu'aqabu al-himam*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiah.
- Mitchell, B.C. (2004). Motives of entrepreneurs: A case study of South Africa. *Journal Entrepreneurship*. Vol 13. pp 167-183.
- Mohamad Abu Bakar. (2005, Jan). Islam sebagai budaya dan peradaban. *Utusan Malaysia*.
- Mohamad Kamil Majid. (1997). Pemikiran Islam tentang konsep perubahan sosial manusia. *Jurnal Usuluddin*. Bil 7. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohamad Nejatullah Siddiqi. (1999). Islamic research and the spiritual content of Islam. Dlm. Muhammad Muqim, *Research methodology in Islamic perspective*. Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Mohamad Sani Ibrahim & Begam Mumtaz Kadir. (2005). *Kesan Integriti berkepimpinan dan pengurusan kualiti menyeluruh dimensi kemanusiaan terhadap iklim organisasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat.
- Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. (2002, Okt). Bimbingan kerjaya menurut perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. hal 63-70.
- Mohd. Affandi Hassan. (1986). Falsafah prinsip dan amalan pengurusan masa kini: Ke arah mencari model alternatif. *Jurnal Intan Pembangunan dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Mohd Affandi Hassan. (1994). Pendekatan tauhid dalam pengurusan dan pentadbiran awam: Konsep prinsip dan model alternatif. Dlm. Shafie Mohd Salleh & Mohd Affandi Hassan, *Kecemerlangan pentadbiran, dasar dan amalan dalam Islam*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Mohd. Asri Abdullah. (1998). *Etika kerja Islam dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Kelantan*, Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia

- Mohd Azhar Abdullah ed. all. (2001). *Penulisan ilmiah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Fauzi Hamat. (2002). Pembangunan minda ummah berasaskan asas utama pemikiran epistemologi Islam: Satu perbincangan. *Jurnal Usuluddin*, bil 15. hlm 19-34. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd. Hatta Saliman. (2001). *Amalan etika kerja dalam perkhidmatan awam Malaysia: Satu kajian ke atas Kementerian Belia dan Sukan Malaysia*, Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Janib Johari (2011). *Pembentukan etika kerja Islam dalam organisasi*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin & Mohd Fuad Mohd Isa. (2008). *Kamus al-Miftah*. Shah Alam: Angkatan Edaran.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*, Cetakan ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir Omar. (2010). *Falsafah akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nasir Omar. (2005a). *Akhlak dan kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Mohd Nasir Omar. (2005b). *Pemikiran akhlak dan etika miskawayh*, Kertas Kerja Seminar Islam Hadhari-Kefahaman Tentang Keutuhan Moral, Kuala Lumpur, 13-14 April 2005.
- Mohd Nasir Omar. (2003). *Christian & Muslim ethic*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir Omar. (1996 Jan-Jun). Miskawayh on social ethic: love and friendship. *Jurnal IKIM*. 4(1).pp 37-48.
- Mohd Nasir Omar. (1994, Disember). Ethical thought in Islam and its relationship to education today. *Jurnal IKIM*, 2(2). pp 49-61.
- Mohd Nasir Omar. (1989). *Falsafah etika: Perbandingan pendekatan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, JPN.
- Mohd Nasir Omar. (1989). *Falsafah etika: Perbandingan pendekatan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd Nasri Hussain & Abd Aziz Yusof. (2005). *Pengurusan sumber manusia dari perspektif Islam*. Petaling Jaya Selangor: Prentice Hall, Pearson Malaysia.

- Mohd Nazim Latif. (2007). *Keberkesanan penerapan nilai dan etika kerja Islam dalam pentadbiran awam : kajian di Jabatatan Perkhidmatan Awam Malaysia*. Dissertation (M.Syariah) Jabatan Siasah Syar'iyah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Nor Hj Nawawi. (1991). Islam, disiplin dan etos kerja. *Jurnal Islamika IV*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.
- Mohd Shukri Hanapi. (2002). *Prinsip dan masyarakat Islam*. Projek Pengurusan Pembangunan Islam Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mohd Shukri Hanapi. (2003). *Terjemahan al-Quran dalam pelbagai perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sanusi Hamdan. (2003). *Etika kerja di kalangan kakitangan Pusat Serenti Sungai Petani, Kedah Darul Aman*, Disertasi Ijazan Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Utara Malaysia.
- Morgan, R.B. (1993). Self-and co-worker perception of ethics and their relationship to leadership and salary. *Academy of Management Journal*. 36(1). pp 200-214.
- Mubarakfuri, Abu al-'Ula Muhammad Abdullah Ibn Abdul Rahman. (t.th). *Tuhfah al-ahwazy bi syarh jami' al-Turmizi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Muhammad Abdul Rauf. (1994). *Ummah negara Islam*. Terj. Padilah Hj. Ali. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abdul Rauf. (1987). *Management and administration: An Islamic perspective*. Kuala Lumpur: Islamic Affair Division, Prime Minister Department.
- Muhammad 'Abdullah 'Ali Naji. (1996). Al-qiyaadah al-idaariah baina manhaj al-islam wan nazariyaat al-mua'sirah. *Al-Majallah as-Syariah wa Dirasaat al-Islamiah*. Vol. (11) majlis Majlis an-Nasru al-Islamiy. pp 193-194.
- Muhammad 'Abdullah Darraz. (1982). *Dustur al-akhlaq fi al-quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Abu Zahrah. (1987). *Penyusunan masyarakat dalam Islam*. Terj. Osman Khalid. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM.
- Muhammad 'Ajaj Khatib. (1981). *Usul al-hadith*. Cetakan keempat. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Fuad Abdul Baqi. (1991). *Mu'jam mufahras li al-faz al-quran al-karim*. Beirut: dar al-Ma'arif.

- Muhammad Ghazali. (1992). *Kaifa nataa 'mmal bil al-quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad bin Hassan bin Aqil Musa. (1993). *Al-himmah tariq ila al-qimmah*. Jeddah: Dar al-Andalus.
- Muhammad Hasbiash Shiddieqy. (1986). *Mukjizat al-Quran*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Muhammad Mahmud Muhammad. (1993). *'Ilm al-nafs al-mu'asir fi daw'i al-Islam*. Jeddah: Dar al-Shuruq.
- Muhammad Muhyidin. (2011). *Ajaibnya sedekah*. Selangor: PTS Millennia.
- Muhammad Muqim. (1999). *Research methodology in Islamic perspective*. Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Muhammad Naim Yassin. (1991). *Iman, rukunnya, hakikatnya, pembatalannya*. Terj. Abdul Rahman Abdullah. Alor Setar: Pustaka Darul Salam.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. (1988). *Perusahaan ekonomi dalam Islam*. Terj. Md. Sharit Bharuddin & Akibah Abu Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Qutb. (1994). *Asas pembangunan Islam*. Dalam Terj. Syed Omar Syed Agil. *Islam dan pembangunan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Rawas Qal'aji. (1999). *Turuq al-bahthi fi al-dirāsah al-islāmiyyah*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Muhammad Saddiqi. (1995). *Dalil al-falihin*. Beirut: Maktabah al-Alamiah.
- Muhammad Subhan. (2010). *Strategi pertumbuhan sistem pelabuhan: Satu kajian terhadap pelabuhan-pelabuhan Aceh di Indonesia*. Disertasi PhD (tidak diterbitkan), Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. (2001, Okt-Dis). *Konsep dan pengkaedahan pengurusan pembangunan berteraskan Islam*. *Jurnal Pemikir*.
- Muhammad Syukri Salleh. (2002). *Pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *7 prinsip pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur. Zebra Editions.
- Muhammad Tatai. (1994). *Al-idah al-ma'ani al-khafiyah fi al-arbaina al-nawawiyyah*. Mansurah: Dar al-Wafa.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. (1994, 21-23 Ogos). *Etika pengurusan dalam Islam*. Prosiding Seminar Pengurusan Abad 21 Peringkat Kebangsaan. Universiti Utara Malaysia dan Bahagian Hal Ehwal Islam JPM.

- Muhammad Uthman Muhammady. (2007). Islam dan demokrasi. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain, *Demokrasi dan dunia Islam perspektif teori dan praktikal*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muqdisi, Abdullah Muhammad bin Muflih. (1999). *Al-adab al-syariyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Murphy, P.R, Smith, J.E & Daley, J.M. (1992). Executive Attitudes, organizational size and ethical issues. Perspectives on a Service Industry. *Journal of Business Ethics*. Vol 11. p.p 11-19
- Mushtaq Ahmad. (1983). *Business ethic in the Qur'an: A syanthetic exposition of the Qur'an teachings pertaining to business*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah (tidak diterbitkan), Temple University.
- Muslim, Abi Hussain Muslim Bin bin Hajaj Bin bin Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi. (t.th). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Mustafa Hj Daud. (1994a). *Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Pablication & Distributors.
- Mustafa Hj Daud. (1994b). *Pekerjaan dan pengurusan menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Pablication & Distributors.
- Mustaffa Kamil Ayub. (1994). *Menangani cabaran membina kecemerlangan tamadun ummah*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu.
- Mustaffa Omar. (1998). *Pengurusan menurut Islam konsep dan tuntutan*. Johor: Jabatan Agama Islam Johor.
- Muzjaajiy, Ahmad Ibnu Daud. (1994). Aklakiyyaat al-mudiir al-muslim fil idarah al-aa'mah. *Majallah as-Syariah wa Dirasaat al-Islamiah*. Majlis an-Nasru al-Islaamiy. halaman 266-268.
- Neuman, W. L. (2003). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- Nik Abd Rashid Ismail. (1977). *Work value systems of Malaysian managers: An exploratory study*. Dissertation PhD. University of Kentucky.
- Nik Mustafa Nik Hassan. (2005, 22 Feb). *Peningkatan kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah: Mendorong kepada kecemerlangan dunia dan akhirat*. Prosiding Kertas Kerja Bengkel Islam Hadhari-Etika Kerja: Menuju Ke Arah Keimanan Dan Ketakwaan Pada Ilahi. Dewan Besar IKIM, Kuala Lumpur.

- Nik Mustapha Nik Hassan. (1995, 27-28 Jan). *Nilai murni dan etika kerja dalam perkhidmatan awam*. Prosiding Kertas Kerja Seminar Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pentadbiran Awam. Dewan Besar, IKIM: Kuala Lumpur.
- Nik Mustapha Nik Hassan. (2002). Semangat Islam dalam penyusunan ekonomi bernegara. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Wan Roslili Abd Majid, *Kriteria negara berteraskan prinsip Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Noor Banu Mahadir. (2006, 13-14 Jun). *Pendekatan moral Barat dan Islam dalam pembentukan insan kamil: Suatu perbandingan*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pengajian Umum. Hotel Hyatt, Johor Bahru.
- Nor ‘Azzah Kamri. (2002). *Nilai dan etika dalam pengurusan Islam*. Disertasi Ijazah Sarjana Syariah (tidak diterbitkan). Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Islam. Universiti Malaya.
- Nor ‘Azzah Kamri. (2007). *Perlaksanaan kod etika Islam di institusi pembangunan berteraskan Islam: Kajian kes di Lembaga Tabung Haji Malaysia*. Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Nor ‘Azzah Kamri. (2008). Kefahaman dan sambutan terhadap kod etika Islam pengalaman Tabung Haji. *Syariah Journal*. 16(1). Hlm 145-182.
- Noresah Baharom. (2000). *Kamus Dewan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nawawi, Muhyiddin Abi Zakriya Yahya bin Sharf. (1992). *Riyadu al-salihin*. Beirut: Maktabah al-Islamiyyah.
- Nawawi, Muhyiddin Abi Zakriya Yahya bin Sharf. (1981), *Sahih muslim bi sharh al-Nawawi*. Kaherah: Dar al-Fikr
- Nawawi, Muhyiddin Abi Zakriya Yahya bin Sharf. (1994). *Sahih muslim bi sharh al-Nawawi*, Beirut: Dar al-Khair.
- Nasai, Abdul Rahman Ahmad bin Sha’ib. (t.th). *Sunan Nasai*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Oliver, R.L. (1990). Determinants and consequences of role conflict and ambiguity among retail sales managers. *Journal of Retailing*. Vol. 53. pp. 47-58
- Oran, Ahmad F. (2009). Zakat funds and wealth creations. *Review of Islamic Economics*. J. 13. No 1. pp 143-153.
- Osman Ayub. (1990). *Etika kerja dan professional Islam*. Kuala Lumpur: SABHA-FAMDEV.
- Parnes, H. S. (1976). *The national longitudinal surveys, lesson for human resource policy*, special report no.7, Washington National Commission for Manpower.

- Petri, H. L. (1991). *Motivation, theory, research and applications*. Belmont, California: Wardsworth Publishing Company.
- Putti, J. M., Aryee, S. & Ling, T. K. (1989). Work values and organizational commitment: A study in the Asian context. *Human Relations*, 42, 275-288.
- Qusyairi, Abu Qasim. (1998). *Risalah qusyairiyah*. Jakarta: Pustaka Amani.
- Rafik Issa Beekun. (1998). *Etika perniagaan Islam*. Terj. Zainab Abd. Kadir. Petaling Jaya: The International Institute of Islamic Thought, Malaysia.
- Rahman Ismail. (1997). *Etika sosial satu peradaban dalam kehidupan sosial manusia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Randall & Cote. (1991). Interrelationships of work commitment constructs". *Work and occupations*. Vol. 18 no 2, pp. 194-211
- Razali Mat Zin. (1998-1999). Ke arah pembinaan etika kerja yang unggul. Dlm. *Jurnal Produktiviti* , No. 4.
- Redding, G. S. (1990). *The spirit of chinese cipitalism*. New York: Walter de Gruyter.
- Richard, B. (1982). *Five relation confucius's teaching*. USA.:Time-Life Publications:
- Richard, M. S. & Lyman W. P. (1991). *Motivation and work behavior*. Singapore: McGraw-Hill Books.
- Robert, C. B. (1990). *Motivation: Theories and principles*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall.
- Rokeach, M. (1968). *Belief, attitudes and values*. San Francisco: Jossey-bass.
- Romzi Omar. (2000). *Aliran pemikiran masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Rozhan Othman. (1991). *Pengurusan personel dan perancangan guna tenaga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rusniyati Mahiyaddin. (2009). *Hubungan etika kerja Islam dengan komitmen organisasi: Kajian di kalangan kakitangan Lembaga Urusan Tabung Haji*. Disertasi Sarjana Sains (Pengurusan), Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia
- Saat Sulaiman, (2008). *Usahawan cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

- Saddiqi, Muhammad bin Ulan. (1995). *Dalil al-falihin*. Beirut: Maktabah al-'Alamiah.
- Safranski. (1986). Religion management, Dlm. R. N. Farmer (Ed.), *Advances in international comparative management*.
- Sai'd Hawa & Hassan Huwaidy. (1984). *Syura dalam Islam*. Kota Baharu: Syarikat Sabra.
- Sai'd Hawa. (1987). *Al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Sai'd Hawwa. (2001). *Tazkiyah al-Nafs*. Terj. Aunur Rafiq Shalih Tamhid. Selangor: Pustaka Dini.
- Said Ibrahim. (2001). *Aqidah ahli sunnah wal jamaah*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Salim Bahnasawi. (1994). *Al-hukum wa qadiyah takfir al-muslim*. Mansuroh: Dar al-Wafa.
- Salleh bin Muhammad. (t.th). *Kasbu al-muwazifin wa asaru fi sulukihim*. Kaherah: Muassasah al-Saudiyyah.
- Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussain. (2005). *Teori-teori komunikasi*. Bentong: PTS Publication & Distrobutors.
- Sayid Muhammad Nuh. (1998). *Penyakit umat Islam kaedah dan cara pengubatan*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Sayyed Hussein Nasr. (1989). *Islamic work ethics, traditional Islam in the modern world*. Terj. Nasir Muhamad. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Sayyid Qutb. (1981). *Petunjuk jalan*. Terj. A. Rahman Zainuddin. T.tp.: Polygraphic Press.
- Sayyid Qutb. (1982). *Fi zilali al-quran*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Sayyid Qutb. (1988) *Haza al-Dinn*. Kuwait: International Islamic Federation of Student Organizations.
- Shaffer, D. R. (1994). *Social & personality development*. California: Brooks/Cole Publishing.
- Shahrom TM Sulaiman. (1997). *Pengurusan Islam dan pembangunan manusia*. Selangor: Thinker's Library.
- Shailer, G. (1994). Capitalists and entrepreneurs in owner-managed firms. *International Small Business Journal*. 12(3). pp 33-41.

- Shātibi, Ibrahim ibn Musa. (1991). *Al-muwāfaqat fi usul al-shari'yah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sherwani, H. K. (1965). *Muslim political thought and administration*. Lahore: Muhammad Asraf.
- Shetty, P. (2004). Attitude towards entrepreneurship in organizations. *The Journal of Entrepreneurship*. J, 13. No. 1. Pp 53-68.
- Shichihei, Yamamoto. (1990). *The spirit of Japanese capitalism and selected essays*, Terj. Lynne E. Riggs & Takechi Manabu. New York: Medison Books.
- Shukri Ahmad. (1993). *Islamic work ethic: A case study at Islamic center (Pusat Islam)*. Disertasi Sarjana, International Islamic University Malaysia (UIA).
- Shukri Ahmad & Razali Mat Zin. (2001). *Adab dan etika kerja dalam organisasi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Shukri Ahmad & Musa Owoyemi. (2012, Okt). The concept of Islamic work ethic: An analysis of some salient points in the prophetic traditional. *International Journal of Business and Social Science*. 3(20). Center for Promoting Ideas, USA.
- Shukri Ahmad, Mohamad Khadafi Rofie & Musa Yusuf Owoyemi. (2013). Islamic work ethic: an appraisal of the Quranic view on work ethic. *The Social Sciences Journals*. 8(5). 437-444. Medwell.
- Shukri Yaacob. (2002). *Amalan kerja beretika dalam perkhidmatan awam: Satu kajian di Jabatan Polis Diraja Malaysia (PDRM)*. Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Utara Malaysia.
- Singapakdi et. al. (1995). The perceived importance of ethic and social responsibility on organization effectiveness: A survey af marketers. *Journal of The Academy of Marketing Science*. 23(1). Pp. 49-56
- Siti Nor Akidah Samsudin. (2006). *Hubungan etika kerja Islam dan komitmen organisasi satu kajian di kalangan kakitangan akademik Kolej Matrikulasi Arau, Perlis*. Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Soekanto, Seorjono. (2005). *sosiologi: suatu pengantar*. Jakarta: Rajawali Press.
- Sohair Abdul Moneim Sevy. (1990). *Konsep pengurusan pentadbiran menurut Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Steers, M. R. & Porter W, L. (1991). *Motivation and Work Behavior*. New York: McGraw Hill.
- Subhi Salleh. (1994). *Mabahith fi 'ulum al-quran*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Subhi Salleh. (1991). *Kajian al-Quran*. Terj. Zainul Abidin Abd Kadir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Subuni, Muhammad Ali. (1981). *Al-Tubyan tubyan fi ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Supranto. (1986). *Kaedah penyelidikan penggunaannya dalam pemasaran*. Dlm. Ismail Rejab & Nik Rahimah Nik Yacob (Eds). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suyuti, Jamaluddin 'Abd Rahman. (1954),). *Al-jami' al-saghir fi al-ahadith al-bashir wa al-nadhir*, jil. 1. Qaherah: Dar al-Kutub al-'ilmiyyah.
- Suzanne Ogden. (1989). *China's unresolved issues: Politics, development and culture*. USA: Prentice Hall Printing.
- Syarifah Hayaati Syed Ismail, Asmak Ab. Rahman & Mohd Izani Mohd Zain. (2009). Pengukuhan nilai dan profesionalisme di kalangan penjawat awam ke arah efektif governen di Malaysia. *Shariah Journal*. Vol 17, No 3, 559-592.
- Syarifah Hayaati Syed Ismail. (2003, Jun). Budaya dan etika kerja tempatan: Pengaruhnya terhadap pembaharuan hukum. *Jurnal IKIM*. Vol 11.
- Syarifah Hayaati Syed Ismail. (2010). *Etika penjawat awam dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Abdul Rahman, Bahtiar Mohamad, Haslina Halim & Suhaini Muda. (2009). *Etika dan kepimpinan dalam komunikasi*. Kuala Lumpur: Pearson.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. (2006). Permasalahan sekitar qada' dan qadar. *Jurnal AFKAR*. bil. 7, 63-92.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1978). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2001). *Risalah untuk kaum muslimin*. Kuala Lumpur: Institut antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Syed Othman al-Habsyi. (1989). *Islam, ekonomi dan pengurusan*. Shah Alam: Hizbi.
- Syed Othman al-Habsyi. (1994). Islam sebagai perangsang terhadap prestasi kerja. Dlm. Ismail Ibrahim & Mohd Sahri Abd Rahman (Eds.), *Ilmu dan kecemerlangan dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kemajuan Islam Malaysia.
- Taqiy al-Din, Abi Muhammad 'Abd al-Ghani. (1993). *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Ulum wa al-Hikam.

- Thameem Ushama. (1998). *Sciences of the Quran: An analytical study*. Gombak: International Islamic University Malaysia.
- Thariq M. As Suwai & Faishal U. Basyarahil. (2006). *Mencetak pemimpin, tips melahirkan orang sukses dan mulia*. Terj. H. Ahmad Fadhil. Jakarta: Khalifa.
- Tsurya 'Abdul Fatah Maljas. (1989). *Manhāj al-buhuth al-'ilmiyyah li al-tullāb al-jami' iyyin*. Beirut: al-Shirkah al- 'Alamiyyah li al-Kitab.
- Tung, Roslie L. (1990). *Key to Japan's economic strength: Human power*. Lexington Books.
- Turmizi, Abi Ali 'Abdullah Muhammad bin 'Ali Hakim. (1993) *Adab al-nafsi*. Kaherah: Dar al-Misriyah al-Lubnaniyah.
- Turmizi, Abi 'Isa Muhammad Bin 'Isa bin Saurah bin Musa. (t.th). *Jami' al-Turmizi*. Riydh: Dar al-Salam.
- Vroom, V. H. (1984). Decision making and the leadership process. *Journal of General Management*. 9(3). Pp. 18-36
- Vroom, V. H. (1995). *Work and motivation*. C.1. San Francisco: Jossey-Bass.
- Wan Ali Wan Jusoh. (2002). Hubungan majikan dan pekerja dari perspektif Islam. *Jurnal Teknikal dan Kajian Sosial*. Jilid 2, Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Izuddin Wan Sulaiman. (1987, 2 Oktober). Falsafah dan etika kerja menurut Islam. *Utusan Malaysia*.
- Wan Liz Wan Omar. (1996). *Pengurusan Islam abad 21*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1989). *The concept of knowledge in Islam and its implications for education in a developing country*: Mansell.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1991a). *Penjelasan budaya ilmu*. KL: DBP
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1991b). Budaya kerja bersepadu. Dalam Shafie Salleh & Mohd Afendi Hasan (Eds.), *Kecemerlangan pentadbiran dasar dan amalan dalam Islam*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Wan Norhashimah Wan Husin. (2012). Etika kerja dari perspektif Islam di Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, Vol 29(1), 51-56. Euro Journals Publishing
- Wan Sabri Wan Hussin. (2001). *Nilai dan etika dalam perniagaan: amalan dan tanggapan masyarakat Malaysia*. Tesis PhD, Institut Pengajian siswazah dan Penyelidikan, Univesiti Malaya.

- Wan Sabri Wan Hussin. (2003). Ciri-ciri usahawan berjaya dari perspektif al-Quran. *Jurnal Usuluddin*, bil 18, hlm 81-110. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Wan Sabri Wan Hussin. (2004). *Etika dan amalan perniagaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. (1998). Konsep ilmu dan pembelajarannya mengikut pandangan Abu Bakar al-Barakat al-Baghdad. *Jurnal Usuluddin*, bil. 8. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Wayne, F.S. (1989). An instrument to measure adherence to the Protestant ethic and contemporary work values. *Journal of Business Ethics*. Vol. 8 No. 10, pp. 793-804.
- Weber, M. (1958). *The protestant ethic and the spirit of capitalism*. New York: Charles Scribner's Sons.
- Yamamoto Shishehei. (1990). *The spirit of Japanese capitalism and selected essays*, Terj. Lynne E. Riggs & Takechi Manabu. New York: Medison Books.
- Yavas et.al. (1990). Organizational commitment, job satisfaction, work value: Saudi and expatriate managers. *Leadership and Organization Development Journal*. Vol. 11, pp. 2-12.
- Yousef, D. A. (1999). The Islamic work ethic as a mediator of the relationship between locus of control, role conflict and role ambiguity: A study in an Islamic country setting. *Journal of Managerial Psychology*, 283-302.
- YPEIM. (2005). *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM.
- Yusof Ismail. (1991). *Mengurus secara Islam: Model dan prinsip-prinsip pengurusan Islam bagi individu dan organisasi*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
- Zafar al-Islam Khan . (1996). *Dalīl al-bahthi ila 'i' dad al-rasāil al-jami 'iyyah wa al-buhuth al-'ilmiyyah*. Beirut: Muassalah al-Risālah.
- Zaidie Chee Din. (1998). *Hubungan di antara pengalaman budaya kerja dan faktor demografi*. Disertasi Ijazah Sarjana (tidak diterbitkan), Universiti Utara Malaysia.
- Zailani Mohd Yusof & Rosnaaini Hamid. (2012). *Dinamika sains pemikiran dan etika*. Jitra: Bitara Media.
- Zain Ali Haji Abdul. (2010). *Hubungan persepsi terhadap integriti ketua, Etika kepimpinan dan etika kerja Islam di kalangan subordinat*. Disertasi Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) (tidak diterbitkan). Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.

Zainal Yang. (2003, Jan). Nilai, etika dan budaya kerja dalam pentadbiran sektor awam di Malaysia dari perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan Awam*, Jilid 2, Bil 1. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Zarkashi, Badruddin Muhammad bin ‘Abdullah. (t.th). *Burhan fi ‘ulum al-quran*. Kaerah: Dar al-Turath.

Zarqani. (1986). *Manahil ‘irfan fi ulum al-Quran*. Terj. Che Jaafar Che Hamid. Cetakan Pertama. Alor Setar: Pustaka Ikhwan.

Zuhayli, Wahbah. (1991). *Al-tafsir al-munir*. Beirut: Dar al-Fikr.

Zulkifli Mohd Yusuf. (2011, 23-24 Feb). *Al-Quran dan sunnah sebagai sumber pemikiran pendidikan Islam di Malaysia*. Prosiding Kertas Kerja Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Islam. Universiti Malaya.